

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 59

Selasa

1 Disember 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2016	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.62	(Halaman 24)
Maksud B.63	(Halaman 101)
Maksud B.46	(Halaman 155)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 23)
Anggaran Pembangunan 2016	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.62	(Halaman 24)
Maksud P.63	(Halaman 101)
Maksud P.46	(Halaman 155)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 1 Disember 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]** minta Perdana Menteri menyatakan persediaan awal menghadapi bencana dan apakah kerajaan bercadang meminda beberapa peraturan berkaitan bencana yang tidak sesuai lagi digunakan masa kini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua yang dikasihi. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memantapkan dan mentransformasikan pengurusan bencana supaya jadi lebih komprehensif dan fokus, pada 26 Ogos 2015 Jemaah Menteri telah bersetuju terhadap cadangan menubuhkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (APBN) di bawah Jabatan Perdana Menteri serta bersetuju kepada perubahan dalam mekanisme pengurusan bencana negara.

APBN JPM ditubuhkan bagi memperkemaskan struktur pengurusan bencana negara serta mewujudkan sinergi di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana termasuk agensi tindak balas. Agensi ini seterusnya mengambil alih peranan Majlis Keselamatan Negara JPM sebagai agensi peneraju *national focal point* dalam pengurusan bencana negara di peringkat ASEAN, Asia dan seluruh dunia. Pada 1 Oktober 2015, waran peruntukan telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Maka dengan itu APBN telah ditubuhkan secara rasminya pada tarikh tersebut.

Selari dengan transformasi pengurusan bencana negara, mekanisme pengurusan bencana telah diperkemaskan di mana Jabatan Pertahanan Awam Malaysia akan menjadi sekretariat dan urus setia bagi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat pentadbiran negeri, daerah serta menjadi peneraju di peringkat komuniti.

Penglibatan JPM sebagai *first responder* di peringkat komuniti akan mengurangkan masa, tindak balas apabila menghadapi bencana selain dipertanggungjawabkan menerajui penubuhan Pasukan Tindak Balas Kecemasan Pertahanan Awam atau *Civil Defense Emergency Response Team* (CDERT) bersama organisasi seperti JKKK, kawasan Rukun Tetangga atau yang setara bagi menyokong jentera pengurusan dan bantuan bencana kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip arahan MKN 20 masih lagi relevan dan diguna pakai untuk tujuan penyelarasan dalam fasa tindak balas selain agensi-agensi terbabit perlu mematuhi satu SOP tindak balas bersepadu *unified command*, dengan izin di bawah seliaan Setiausaha Kerajaan Negeri dan pegawai daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana di peringkat negeri dan daerah. Terima kasih.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan sebentar tadi. Kita tahu banjir ataupun juga bencana ia sukar untuk diramal tetapi ia boleh dikurangkan. Baik daripada segi penguatkuasaan, peruntukan, pindaan undang-undang, penambahbaikan beberapa kelemahan yang berlaku sebelum ini dan sebagainya.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, setakat ini apakah persediaan yang telah dibuat selain daripada yang disebut tadi? Apakah peruntukan yang ada cukup, memadai dari segi peralatan dan sebagainya? Kemudian, apakah langkah-langkah yang telah pun kerajaan umumkan untuk tambatan banjir dan sebagainya telah pun mula dilaksanakan? Ini kerana pada saya kita tidak boleh tunggu lama kerana bencana ini boleh berlaku bila-bila masa. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang bagus. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pada tahun lepas banjir besar berlaku seluruh negara dan tidak pernah dalam hidup ini, mungkin hidup Tuan Yang di-Pertua ataupun Ahli Yang Berhormat yang pernah kita hadapi banjir yang melibatkan mangsa hampir 600,000 orang. Ini banjir yang terbesar dalam sejarah kehidupan kita. Mungkin sebelum kita ada lagi banjir besar yang disebutkan pernah berlaku pada tahun 1927 di Kelantan, disebut banjir merah.

Banjir besar tahun lepas pun, kita walaupun ada kekurangan di beberapa buah daerah, bukan negeri. Kekurangan di peringkat awal kerana mangsa banjir tidak bersedia untuk pindah apabila diarahkan berpindah tetapi pada hari yang kedua, ketiga dan seterusnya kita dapat mengatasi perkara tersebut.

SOP yang ada tidak diubah Tuan Yang di-Pertua tetapi diperbaiki dan dikemaskinikan. Apabila kita tubuhkan Unit APBN ini ialah untuk membolehkan supaya semua agensi digembleng tenaga sebagaimana yang disebut di bawah arahan MKN 20. Akan tetapi sekarang ini pun, pada sebelum ini pun memang penggembleran tenaga dibuat cuma sekarang ini diberi kepada agensi khusus. Dahulu diberi kepada MKN sebagai sekretariat di peringkat negeri dan daerah. Di peringkat daerah ini pegawai daerah tetapi MKN sendiri tidak mempunyai jentera utamanya.

Sekarang ini apabila JPAM mengambil alih, JPAM menjadi jentera utama bersama dengan agensi-agensi lain, polis, tentera, bomba, RELA dan lain-lain lagi.

■1010

Jadi daripada segi SOPnya, kita kemas kini seperti yang telah ditentukan dalam arahan MKN 20. Daripada segi peralatan, sedang dipersiapkan dari semasa ke semasa Yang Berhormat. Kemudian daripada segi peruntukan, kita tidak ada masalah sebab apa, agensi pengurusan bencana terlibat secara langsung daripada segi perpindahan, pengurusan di tempat perpindahan dan selepas itu pasca banjir. Kita, Jabatan Kebajikan akan menguruskan di

peringkat perpindahan. Yang ini kita bukan saja menyediakan pangkalan di peringkat negeri, daerah tetapi pangkalan hadapan. Manakala di peringkat komuniti, barangan telah pun dihantar untuk membolehkan kita untuk membuat persediaan menghadapi banjir.

Berhubung dengan tebatan banjir, Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan di bawah jabatan saya tetapi oleh kerana Yang Berhormat bertanya soalan yang pertama, saya akan mengambil daya usaha untuk mendapatkan maklumat daripada kementerian sahabat saya berhubung dengan tebatan banjir. Walau bagaimanapun pada keseluruhannya, kita memang bersiap siaga untuk menghadapi bencana pada kali ini. Pada kali ini Yang Berhormat, untuk makluman semua pihak bahawa di seluruh dunia kita sedang menghadapi tekanan udara ataupun cuaca panas El Nino di Lautan Pasifik dan El Nino juga membawa bencana yang agak besar seperti yang berlaku pada 1997 di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan lebih *detail* tentang pengalaman atau kekurangan yang kita hadapi pada banjir yang paling teruk tahun lepas ini dan apakah kelemahan itu dan dapat kah diatasi jika kita menghadapi yang serupa keadaan sebegini sebab masih tidak jelas tentang kelemahan dan seperti koordinasi dengan NGO-NGO yang lain seperti SOP yang dikatakan tidak akan dipinda atau diperbaiki dengan kelemahan ini. Mintaklah kalau Yang Berhormat dapat jelaskan lebih *detail*.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Melaka yang juga mendapat gelaran Mr. PR1MA ya. Tuan Yang di-Pertua, kita bila berlaku banjir, kita akan membuat *post-mortem* dengan izin tentang kekurangan yang kita hadapi dan daripada segi SOPnya, sebenarnya SOPnya itu boleh dikemaskinikan dan kita untuk membolehkan SOP itu diikuti, dipatuhi dan ia mendapat kesan yang lebih baik, maka kita unjurkan supaya semua Pejabat Daerah dan juga peringkat negeri menganjurkan ataupun mengunjurkan simulasi ataupun latihan sebelum banjir. Bila kita buat simulasi, kita dapat menentukan tugas kepada agensi kerajaan dengan lebih khusus.

Yang keduanya, semua kita dapat *coordinate* dengan izin NGO yang ingin sama-sama memberi bantuan. Jadi walaupun kita kata pada banjir nanti, jabatan ini mengambil alih tetapi bila kita buat simulasi, kita khususkan kepada orang itu sendiri. Contohnya kita katakan bomba. Walaupun kita sebut perkataan bomba tapi kita khususkan orang yang akan terlibat sekiranya berlaku banjir di tempat kejadian ataupun di peringkat komuniti. Benda yang kita perhatikan secara umumnya bahawa kekurangan yang utama di samping ada sedikit kekurangan aset tetapi kita boleh atasi.

Kekurangan kita ialah daripada segi *leadership*, kepimpinan sebab kalau sekiranya kepimpinan itu mantap, dia boleh *coordinate*kan bantuan NGO dan juga agensi kerajaan ini dan kita dapat bantu. Saya sering menyebut Yang Berhormat tidak mahu yang ini. Saya menyebut bahawa ada satu daerah di daerah Yang Berhormat yang berkenaan, kita lihat terdapat 100 biji

bot yang dipunyai oleh orang kampung dan juga NGO termasuk *4-wheel drive* yang kita tengok berada di sepanjang jalan dari Kota Bharu pergi ke Gua Musang.

Jadi tugas utama pemimpin di peringkat daerah ini ialah supaya dia boleh *coordinate* semua sekali aset yang ada. Kita benarkan mereka untuk menyewa, kita benarkan mereka untuk mendapat sumbangan, tidak ada masalah. Yang paling penting kita selaraskan supaya semua bantuan dapat diberikan kepada mangsa banjir. Jadi, yang itu kita telah kenal pasti untuk membolehkan kita menghadapi kekurangan ini, kita telah membuat pelbagai perkara termasuklah kursus dan menyetengahkan beberapa daerah yang kita anggap telah menguruskan dengan baik bencana pada masa yang lepas. Kita perkenalkan. Termasuklah di antaranya kawasan macam Kemaman disebut sebagai *template* Kemaman. Kemudian Parit, kemudian Pasir Salak sebagai contoh dan juga beberapa daerah di Pahang, Terengganu, Kelantan sendiri, Perak dan juga Sabah, Sarawak.

Ini beberapa kawasan yang telah menguruskan bencana dengan baik. Jadi ini semua diambil kira Yang Berhormat. Jadi kekurangan yang saya sebutkan tadi ialah yang di akhirnya ialah pemimpin di peringkat daerah itu penting, demikian juga pemimpin di peringkat negeri dan demikian juga pemimpin di peringkat pusat. Peringkat pusat ini untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat, pada masa yang lepas, Pengerusi Pengurusan Bencana semasa MKN menjadi sekretariat ialah Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan saya menjadi Timbalan Pengerusi.

Kemudian sekarang ini diubah kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara, Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, Pengerusi dan saya masih Timbalan Pengerusi dan kita lihat kalau Yang Berhormat sendiri mengalami dengan tidak melihat hanya maklumat daripada media sosial, Yang Berhormat akan melihat bahawa terdapat perubahan yang besar, yang dibuat sekarang ini di mana kita telah bersiap siaga untuk menghadapi bencana. Bukan saja pihak kerajaan, termasuk juga pihak NGO. Yang Berhormat tengok laporan akhbar menunjukkan bahawa NGO dan juga pihak universiti di antaranya yang terlibat untuk sama-sama menguruskan perkara-perkara yang berkaitan untuk menghadapi bencana kali ini. Terima kasih.

2. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kerajaan berhasrat untuk menswastakan perkhidmatan kereta api laluan KL-Tumpat sebagai usaha terakhir untuk menghidupkan semula serta memajukan laluan tersebut.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam 1Malaysia, Salam Sehati Sejiwa. Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang kerajaan tidak mempunyai sebarang hasrat untuk menswastakan perkhidmatan kereta api laluan Kuala Lumpur-Tumpat, sebaliknya keutamaan kerajaan pada masa ini adalah untuk menaik taraf serta membaik pulih kerosakan yang dialami oleh rangkaian kereta api bagi jajaran Gemas-Tumpat termasuk kerosakan akibat bencana banjir pada penghujung tahun 2014.

Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM785.6 juta bagi membaik pulih infrastruktur landasan dan stok kereta di sektor Pantai Timur. Peruntukan ini terdiri daripada dana

berjumlah RM419.5 juta bagi projek membaik pulih infrastruktur landasan bagi sektor Gemas-Tumpat dan peruntukan tambahan khas berjumlah RM366.1 juta bagi program pemulihan stesen dan infrastruktur kereta api yang terjejas akibat musibah banjir besar yang telah melanda negeri di Pantai Timur. Selain itu KTMB juga telah menyambung semula perkhidmatan tren antara bandar di Pantai Timur secara berfasa bermula 12 dan 13 Julai 2015 bagi sektor Kemubu- Krai- Kemubu dan JB Sentral-Gua Musang-JB Sentral setelah kerja-kerja pemulihan sementara landasan kereta api siap dilaksanakan secara berperingkat mulai bulan Mei 2015.

Seterusnya bagi fasa kedua, Tumpat-Krai-Tumpat telah mula beroperasi pada 31 Ogos 2015 dan dijangka keseluruhan perkhidmatan kereta api di Pantai Timur pulih sepenuhnya pada pertengahan tahun 2016 setelah Jambatan Kemubu siap dibaik pulih. Terima kasih.

■1020

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab. Saya gembira dan berterima kasih walaupun tidak sepenuhnya di atas penjelasan yang kita dengar sebentar tadi. Akan tetapi pokoknya Tuan Yang di-Pertua walaupun kita lihat bahawa di seluruh dunia semua kerajaan sama ada sebagai pelaburan kerajaan atau pelaburan swasta melalui penswastaan meletakkan kedudukan yang tinggi untuk memajukan perkhidmatan kereta api seluruh dunia. Di Malaysia nampaknya tekanan kepada pembaharuan dan penambahbaikan laluan dan perkhidmatan kereta api ini hanya tertumpu laluan di Pantai Barat sahaja. Kita berterima kasih kerana hari ini dari Arau ke Kuala Lumpur boleh sampai dalam masa lima jam dalam perkhidmatan yang baru ini.

Tetapi sebagaimana Yang Berhormat Menteri akui sendiri di laluan Kuala Lumpur-Tumpat laluan yang mungkin dicadangkan melalui Pantai Timur sepenuhnya itu tidak ada cadangan langsung untuk meningkatkan perkhidmatan tersebut. Saya masih lagi ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, selain daripada perkhidmatan akan dipulihkan sepenuhnya dalam masa yang terdekat ini adakah kerajaan mempunyai cita-cita dan perancangan untuk meningkatkan perkhidmatan kereta api setara dengan apa yang sudah pun dirancang dan bahagiannya berlaku di Pantai Barat Semenanjung Malaysia, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan mempunyai rancangan jangka panjang untuk memulihkan dan menaiktarafkan landasan kereta api. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Tumpat di Pantai Barat pun kita belum naik taraf ke landasan berkembar elektrik sepenuhnya. Pada masa ini Pantai Barat hanya setakat sampai ke Gemas dan sekarang kerajaan dalam proses menaiktarafkan Gemas ke Johor Bahru. Untuk Pantai Timur seperti saya nyatakan tadi kerajaan telah memberi peruntukan yang besar sebanyak RM700 juta lebih untuk membaik pulih akibat daripada bencana banjir pada penghujung 2014.

Dalam pada itu kerajaan juga sedang membuat *feasibility study* untuk mewujudkan landasan terus ke negeri Pahang iaitu ke Kuantan kerana pada masa ini untuk ke Pantai Timur terpaksa melalui ke Gemas, terpaksa turun ke Selatan baru naik ke Kuala Lumpur. Jadi kerajaan sedang membuat *flexibilities studies* untuk memendekkan perjalanan ke Pantai Timur, terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulung]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah persediaan dan perancangan jangka pendek sebab tadi dimaklumkan mengenai naik taraf, baik pulih dan segala-galanya. Tetapi apa yang saya hendak tahu adalah perancangan jangka pendek oleh KTMB ataupun pihak Kereta api Tanah Melayu untuk memastikan penumpang yang menggunakan *facility* ini sampai ke destinasi masing-masing, sekiranya berlaku musibah banjir yang sama seperti tahun lepas, terima kasih.

Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi: Pihak Keretapi Tanah Melayu memang senantiasa memantau kecekapan dan dalam menyampaikan perkhidmatan. Setakat ini *Alhamdulillah* pihak kereta api telah membuktikan apabila banjir di Pantai Timur, dalam waktu yang singkat telah dapat dipulihkan pengangkutan di Pantai Timur dan cuma hari ini yang menjadi masalah apabila jambatan roboh di Kemubu itu sahaja yang agak lambat kerana untuk membaik pulih jambatan tersebut memakan masa satu tahun setengah. Jadi keseluruhan hari ini sistem kereta api di dalam negara kita telah ditingkatkan seperti yang disebut tadi untuk ke Arau sampai Kuala Lumpur pun hari ini dipendekkan dengan lima jam dengan adanya perkhidmatan ETS ataupun *electric train service* dan ini semua sedikit sebanyak telah meningkatkan kecekapan bagi pengangkutan *train* di dalam negara kita.

3. Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan langkah-langkah kementerian dalam mempertingkatkan ekonomi generasi belia yang berpendapatan rendah terutamanya yang tinggal di kawasan pedalaman, contohnya bimbingan atau nasihat berkenaan dana untuk mempertingkatkan pendapatan isi rumah mereka, baik secara perseorangan ataupun berkelompok.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi desa adalah merupakan satu daripada strategik yang diberikan tumpuan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam usaha kementerian untuk menjadikan luar bandar yang berdaya maju dan berpendapatan tinggi. Walau bagaimanapun, pembangunan sektor ekonomi berhadapan dengan pelbagai cabaran dan memerlukan transformasi bagi meningkatkan sumbangannya dalam menyokong aspirasi negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Antara cabaran yang dihadapi adalah meningkatkan penglibatan golongan belia luar bandar dalam aktiviti ekonomi yang mampu menjana pendapatan dan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, kementerian telah merangka dan melaksanakan pelbagai langkah dan program yang diharapkan dapat meningkatkan pendapatan belia di luar bandar dan antaranya ialah:

Pertama, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) yang dilaksanakan melalui kerjasama Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Bank Rakyat serta pembiayaan perniagaan oleh MARA dengan objektif untuk menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan ke arah menambah bilangan serta

mempertingkatkan tahap usahawan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian yang bersaiz kecil dan sederhana.

Kedua, Program Rural Business Challenge (RBC). Program ini memberi peluang kepada belia Malaysia memperlihatkan kecenderungan minat serta kesungguhan untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan atau sumber pendapatan. RBC diwujudkan bagi memilih usahawan belia untuk sama-sama memajukan ekonomi luar bandar.

Ketiga, Program Latihan Keusahawanan yang meliputi kursus, latihan, seminar, bengkel, bagi input pendedahan, pengetahuan dan kemahiran di tahap pembudayaan keusahawanan. Perwujudan usahawan serta peningkatan dan pengukuhan usahawan yang dianjurkan oleh MARA serta dengan kerjasama agensi kerajaan swasta dan NGO-NGO.

Keempat, Program Pembangunan Techno Usahawan MARA yang merupakan *method* untuk peningkatan kapasiti dan *capability* usahawan yang sedia ada kepada usahawan kecil, sederhana dan besar mengikut kelas masing-masing yang dilaksanakan melalui kerjasama rakan pintar, teknologi antara MARA dengan pihak IPTA, IPTS, agensi dan badan kerajaan, penyedia teknologi atau sektor swasta yang mempunyai kepakaran berasaskan penyelidikan dan teknologi strategik.

Kelima, Program Pembangunan Usahawan Muda (PUTRA) merupakan usaha MARA bagi melahirkan usahawan dari golongan belia atau generasi muda lepasan institusi pendidikan MARA yang mahu memulakan perniagaan buat kali pertama Start-Up. Usahawan PUTRA yang berpotensi dalam bidang perniagaan akan terus dibangunkan melalui program-program peningkatan dan pengukuhan dalam rangkaian program pembangunan keusahawanan MARA.

■1030

Keenam, Program Peningkatan Pendapatan bagi golongan miskin dan termiskin yang menyediakan bantuan kewangan dan pengurusan untuk membolehkan kumpulan besar ataupun kumpulan sasar menyertai atau menjalankan projek-projek ekonomi dalam pelbagai sektor. Matlamatnya ialah untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

Dengan itu, diharapkan lebih ramai usahawan dapat dilahirkan khususnya dari kalangan belia yang secara tidak langsung berupaya meningkatkan pendapatan mereka dan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih ramai penduduk serta meluaskan peluang perniagaan kepada usahawan-usahawan lain. Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan luar bandar dan dalam Bajet 2016.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini saya rasa ada jauh sedikit daripada soalan asal sebab Yang Berhormat bertanya tentang penyediaan infrastruktur asas. Jadi ini dalam keusahawanan. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar dengan teliti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Ada enam atau pun tujuh perancangan, enam perancangan yang telah dibuat. Saya ingin tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang pendekatan keusahawanan sosial yang telah pun diumumkan beberapa kali oleh kerajaan dalam usaha untuk membasmi kemiskinan terutama di kalangan generasi muda.

Misalnya bantuan kewangan, saya percaya bantuan kewangan ini tentu ada beberapa syarat yang mungkin sukar untuk belia-belia di kampung ini memenuhinya. Apakah kerajaan meneroka strategi-strategi baru misalnya menukar konsep CSR kepada bantuan kewangan untuk mereka-mereka yang berada di desa ini dalam aspek memperkasa Program Keusahawanan Sosial ini. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Soalnya cadangan untuk menukarkan CSR kepada bantuan terus kewangan. Itu cadangan yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Kita di peringkat kementerian sentiasa mencari kaedah-kaedah bagaimana golongan sasaran kita, golongan belia di luar bandar dapat kita bela dan kalau cadangan daripada Yang Berhormat itu kita ambil sebagai satu maklum balas yang baik dan kita akan pertimbangkan. Sekian, terima kasih.

4. Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta Perdana Menteri menyatakan berapa banyak unit perumahan khusus diperuntukkan bagi bumiputera di bawah projek Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang tidak diduduki telah dijual atau disewakan kepada orang lain tanpa audit.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, semua perumahan yang dibangunkan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dijual adalah menjadi milik mutlak pembeli yang merupakan pemilik berdaftar rumah tersebut.

Oleh yang demikian, PERDA tidak mempunyai kawalan terhadap rumah-rumah yang tidak diduduki selepas dijual termasuk sama ada ianya telah berpindah tangan atau disewakan oleh pemilik berdaftar rumah tersebut.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah mengenai kerangka undang-undang bersabit urus tadbir *governance*, dengan izin, bagi projek perumahan serta usaha-usaha untuk mengemas kini dan juga memperkasakan undang-undang negara kita dalam projek-projek bersangkutan dengan perumahan untuk menjamin matlamat perumahan itu tidak dikhianati seperti mana yang saya soalkan.

Jadi saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah Jabatan Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji supaya kuasa pengeluaran APDL ataupun permit pengiklanan dan lesen pemaju yang ada di bawah bidang kuasa KPKT itu dapat dikeluarkan dan diletak di bawah satu suruhanjaya seperti olahan SPAD, SPAN ataupun SKMM supaya semua proses adalah telus dan juga bermartabat.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahawa oleh kerana ada sedikit *bottleneck* di KPKT jadi prinsip *demand* dan *supply* dalam projek perumahan itu tergugat dan kini terdapat 47 projek perumahan di Pulau Pinang telah tersangkut dari segi APDL ini dan walaupun mereka semua telah tunai syarat. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak ucap terima kasih kerana memberi pengiktirafan kepada JPM untuk mengendalikan projek-projek ini sebab kadang-kadang kita dengar hendak bawa keluar daripada JPM, yang ini hendak suruh bawa daripada KPKT ke JPM, terima kasih banyak.

Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat, mungkin Yang Berhormat merujuk kepada keseluruhan pembangunan perumahan di negeri Pulau Pinang. Sebenarnya pihak PERDA juga mempunyai masalah-masalah tertentu. Sebagai contoh di Sungai Batu, Teluk Kumbar. Kita pun tidak dapat kelulusan daripada kerajaan negeri untuk bangunkan 3,000 unit rumah di kawasan tersebut sejak tahun 2008. Itu juga merupakan satu kelewatan.

Kedua, perumahan di situ untuk kos rendah kerajaan negeri mengambil kesemua 100 buah unit rumah di mana 60 PERDA terpaksa memberi percuma kepada kerajaan negeri dan baki 40 akan ditentukan oleh kerajaan negeri. Maknanya ada banyak syarat yang saya setuju mungkin kita boleh selaraskan tetapi Yang Berhormat, kebanyakan soal perumahan ini dari segi kelulusan, Yang Berhormat tanya tentang perpindahan pemilikan ianya didaftarkan dan diberi kelulusan oleh kerajaan negeri.

Selepas pihak pemaju membangunkan kita jual, biasanya saya setuju supaya tata urus tadbir untuk pemilikan ekuiti bumiputera dari segi perumahan itu dapat kita jaga tetapi kelulusan itu sebenarnya perlu dipohon daripada kerajaan negeri. Secara mudah keseluruhan ini perlu kita lihat supaya inisiatif pemilikan rumah mampu milik bagi kumpulan sasar yang benar-benar memerlukan itu dapat terus kita bela dengan satu sistem yang mungkin seperti yang dicadangkan, namun begitu buat masa ini saya percaya KPKT juga mampu untuk menyelesaikan masalah kelewatan-kelewatan yang dibangkitkan. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Putatan ini soalan khas mengenai dengan perumahan bumiputera di Pulau Pinang.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal nasional, Tuan Yang di-Pertua. Ini *national issue*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, soal peranan PERDA yang pada asalnya memang usaha Kerajaan Pusat untuk membangun perumahan di Pulau Pinang, terutama sekali kawasan di Ayer Hitam yang saya baca ada 2,000 lebih setinggan yang sukar mendapat persetujuan pembangunan daripada Ketua Menteri Pulau Pinang.

Apabila usul-usul dalam Dewan yang baru-baru ini antara satu Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang telah diambil tindakan kerana tidak menyokong polisi atau dasar Ketua Menteri Pulau Pinang. Apakah pendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Razali bin Ibrahim: Ada sedikitlah, ada sedikit. Pertama, memang dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, kalau secara spesifik berurusan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang selama tempoh 2 penggal saya harap Yang Berhormat di sebelah sana boleh bantu untuk kita menyediakan skim yang lebih jelas. Sebenarnya di Pulau Pinang tidak ada skim perumahan yang jelas dalam pembangunan ini. Saya tidak mahu bandingkan ada negeri yang sudah pun ada skim yang lebih jelas supaya lebih mudah.

Akan tetapi untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, saya hendak ucap terima kasih kerana bagi peluang saya bacakan.

■1040

PERDA akan terus melaksanakan projek perumahan untuk membantu rakyat di Pulau Pinang. Dalam tempoh sehingga 2015, PERDA telah membangunkan sebanyak 9,934 rumah pelbagai kategori yang mana 1,716 dibuat dalam tempoh 2008 sehingga tahun ini 2015.

PERDA sedang dibangunkan ada 1,687. PERDA merancang untuk membina sehingga tahun 2020 sebanyak 5,119. Saya harap yang sedang dibangunkan ini akan siap menjelang tahun 2018. Yang kita rancang 5,119 ini dapat dibantu oleh kerajaan negeri dalam mempercepatkan agar perancangan yang dibuat oleh PERDA dapat memberi manfaat kepada rakyat yang memerlukan di negeri Pulau Pinang. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, soal kawasan Ayer Hitam itu belum jawab.

Dato' Razali bin Ibrahim: Kawasan itu kena tanya kerajaan negeri lah sebab penduduk setingan itu urusan kerajaan negeri. Sebab itu saya hanya menjawab memang tidak ada satu skim perumahan yang jelas dalam tempoh dua penggal pentadbiran Yang Amat Berhormat Bagan untuk kita bantu menyelesaikan masalah setingan yang disebutkan. Terima kasih.

5. **Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang]** minta Menteri Pendidikan Tinggi menyatakan sejauh mana pencapaian universiti-universiti awam di Malaysia dalam ranking dunia dan apakah langkah diambil untuk meningkatkan pencapaian menjelang tahun 2020.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang atas soalan berkaitan ranking universiti awam di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti awam di Malaysia terus menunjukkan peningkatan prestasi setiap tahun. Laporan *QS World University Rankings 2015* yang dikeluarkan pada 15 September 2015 telah menunjukkan terdapat peningkatan prestasi tiga buah universiti awam bagi penarafan tahun 2015 berbanding dengan

penarafan tahun 2014 iaitu Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, dan Universiti Putra Malaysia.

Buat pertama kali, universiti awam berjaya di kedudukan 150 universiti terbaik iaitu Universiti Malaya yang berada di kedudukan ke 146 dari 151, dengan izin "*University Malaya has broken the 150 academic barrier to be in the top 150 university in the world*". Selain itu, QS *World University Rankings by Subjects* dengan izin 2015 telah mengumumkan bahawa 23 daripada bidang pengajian dipelopori oleh UA berada di dalam lingkungan 200 terbaik dunia dengan dua bidang berada pada aras 50 terbaik dunia iaitu USM di kedudukan ke-31 dalam bidang sains alam sekitar atau *environmental science*, dengan izin dan UM dalam bidang pengajian pembangunan atau *developmental science* dengan izin di kedudukan ke-32.

Terbaru empat universiti awam berjaya berada dalam kedudukan 50 terbaik QS *World University Ranking 2015. Top 50 under 50* dengan izin. USM berada di kedudukan 26, Universiti Teknologi Malaysia berada di kedudukan 30, diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di kedudukan 32 manakala UPM di kedudukan 38. Selain itu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia berada di kedudukan antara 91 hingga 100.

Pencapaian ini merupakan satu kebanggaan dan membuktikan bahawa universiti awam berada dalam kelompok universiti terbaik dunia bagi kategori universiti yang berusia bawah 50 tahun. Selain itu, Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia juga kini berada di kedudukan 500 terbaik dalam 2015 *Academic Ranking of World Universities* atau (ARWU).

Menurut Dr. Yin Cheng Pengarah Eksekutif *Centre for World Class Universities* dengan izin UM dan USM mempunyai ramai penyelidik yang mendapat sitasi tertinggi dengan kualiti dalam bidang kepakaran masing-masing. Ini dibuktikan apabila seramai 14 orang penyelidik negara telah dinobatkan sebagai penerima anugerah *Malaysia's Rising Star Award* kerana menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 100% tertinggi dunia bagi tempoh dari 2005 hingga 2014 oleh Agensi Pengindeksan Antarabangsa iaitu *Thomson Reuters*.

Penarafan ini berjaya memposisikan Malaysia sebagai salah sebuah negara yang mempunyai sarjana bertaraf global yang memberi sumbangan ilmiah berimpak tinggi kepada bidang pengajian masing-masing. Malah, baru-baru ini juga pendebat dari UiTM dan UIAM melakar sejarah dengan menjadi johan dalam *Debate Cambridge* antara universiti 2015 mengalahkan 128 universiti termasuk pendebat dari Universiti Oxford dan Universiti Harvard.

UiTM menjadi juara bagi kategori utama manakala UIAM menjadi juara bagi kategori *English as a Second Language*. Pencapaian-pencapaian tersebut sudah membawa bukti yang jelas bahawa universiti awam di Malaysia adalah *soaring upwards* dengan peningkatan demi peningkatan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai langkah berterusan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam terus memperbaiki dan mengukuhkan *ranking* UA tempatan. Antaranya ialah menanda aras dengan universiti di negara yang mempunyai pemetaan sosial ekonomi dan sosial budaya yang hampir sama tetapi mendapat penarafan yang tinggi di peringkat global seperti universiti di Korea Selatan, Thailand dan Singapura.

Selain itu, Kementerian Pendidikan Tinggi turut menyerlahkan bidang tujahan dan bidang kecemerlangan di universiti awam supaya ia setanding dengan pusat kecemerlangan yang bertaraf antarabangsa di samping terus menerus memperkasakan universiti penyelidikan serta memantapkan aktiviti penyelidikan, penerbitan, pembelajaran dan pengajaran, pembangunan pelajar serta jaringan industri dan komuniti di universiti awam.

Menjelang tahun 2025 kementerian menyasarkan sebuah universiti berada dalam *Asia's Top 25* dua universiti dalam *Global Top 100* dan empat universiti dalam *Global Top 200*. Sekian, terima kasih.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pembangunan Universiti Awam dan juga universiti swasta yang begitu pesat adalah merupakan ciri utama untuk membina sebuah negara maju, negara yang hebat sebagai mempersiapkan modal insan yang menyumbang pembangunan bukan sahaja dalam negara kita tetapi di peringkat antarabangsa.

■1050

Sudah semestinya ia membawa persaingan bukan sekadar hanya antara universiti tetapi di peringkat global seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Untuk mencapai satu tahap kecemerlangan, *world recognise*. Kita ucapkan tahniah kepada universiti yang meningkat dan juga tahniah kepada UiTM yang menjadi *world champion* dalam perdebatan yang boleh mengalahkan *University Harvard*.

Persoalan saya di sini ialah apakah sebenarnya yang digunakan *QS World University Ranking* ini untuk menilai pencapaian ini? Adakah hanya dari sudut aspek akademik tertentu ataupun dalam bidang *research* tertentu ataupun dalam bidang-bidang yang terbuka yang mana sebahagian universiti mungkin tidak mempunyai kelebihan dalam bidang-bidang yang untuk dicapai oleh *QS World University Ranking* peringkat antarabangsa ini. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang yang berkaitan dengan kriteria-kriteria penilaian untuk menetapkan *ranking* untuk universiti. Untuk *QS World University Ranking*, beberapa kriteria diambil kira dan ia terdiri daripada reputasi akademik. Selain daripada itu, kriteria yang berkaitan dengan pelajar, *ratio* pelajar ke fakulti adalah salah satu kriteria juga. *Citation* dalam penerbitan yang berkaitan dengan kajian yang sudah dijalankan adalah satu kriteria yang penting.

Selain daripada itu, reputasi majikan juga diambil kira. *International faculty ratio* merupakan satu kriteria yang penting juga selain daripada *international students ratio*, dengan izin, dan tiga lagi kriteria adalah berkaitan dengan *inbound exchange students ratio*, dengan izin, dan *outbound exchange students ratio* dan bilangan kertas yang sudah diterbitkan oleh fakulti masing-masing. Sekian, terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Saya sambut baik kerana keputusan, khususnya bila masa Universiti Malaya, khususnya USM dan UPM mencatatkan *ranking* yang lebih tinggi dalam *QS Top Universities*, ini menjadi kebanggaan semua. Persoalan

saya, berbalik kepada soalan asal, apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan pencapaian?

Persoalannya berbangkit kepada kenapakah dalam Bajet 2016 yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Universiti Malaya, khususnya yang mencatat peningkatan dari tangga 167 tahun 2013 kepada 146 tahun 2015, dipotong bajetnya sebanyak 27.3% ataupun sebanyak RM175 juta? Sedangkan Universiti Kebangsaan Malaysia yang jatuh daripada tangga 269 ke 312 pada tahun 2015 Tuan Yang di-Pertua, mencatatkan penambahan 5%.

Rata-rata kesemua universiti awam memperlihatkan pemotongan bajet oleh kerajaan sebanyak RM1.4 bilion. Ini dibandingkan dengan peningkatan bajet untuk JPM sebanyak RM4 bilion. Makanya, bila bercakap tentang usaha Kementerian, apakah rasional pemotongan ini memandangkan Pelan Perancangan Pendidikan Tinggi baru sahaja diumumkan? Memandangkan semua universiti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah mencatatkan peningkatan yang membanggakan. Adakah ini jawapannya bila masa universiti kita memerlukan dokongan? Saya mohon jawapan dari Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan kekurangan bajet atau pun pemotongan bajet. Di sini saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian sedar tentang kepentingan penerimaan *new knowledge*, dengan izin, melalui penyelidikan pembangunan dan *commercialisation*. Kementerian akan mengekalkan dana sebanyak RM476 juta bagi penyelidikan dan pembangunan.

Walaupun ada kekurangan dalam Bajet 2014, Kementerian Pendidikan Tinggi bersedia. Sekiranya kita rujuk kepada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk Pendidikan Tinggi yang sudah dilancarkan pada tahun 2015 hingga tahun 2025, memang lonjakan lima ada berkaitan dengan kemapanan kewangan.

Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia mengadakan empat strategi untuk menghadapi cabaran yang berkaitan dengan pemotongan Bajet 2016. Strategi yang pertama adalah berkaitan dengan *endowment*. Pada masa yang sama itu kita juga dapat Alumni UiTM. Saya bagi satu contoh, di mana UiTM satu *bureau education fund* dan selain daripada itu kita boleh-universiti boleh *unlock* dia punya aset seperti mana kita boleh menggunakan *expertise* dalam *consultancy* dan dalam penyelidikan dan pembangunan.

Selain daripada itu, kita *commercialisation of assets*, dengan izin, dan di sini saya memberi satu contoh yang berkaitan dengan *University of Malaya is the best example as it has succeeded in generating thirty percent of their operating costs through assets commercialisation*, dengan izin, *plantation industry, investment, UM Specialist Centre, UM Centre for Continuous Education, International University of Malaysia Wales*. Baru-baru ini Kementerian Pendidikan Tinggi juga sudah mengadakan satu *new funding* formula. Ini adalah berdasarkan inisiatif, berdasarkan prestasi universiti. Jadi, ini bermakna bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi bersedia untuk menghadapi cabaran dan kita hendak pastikan bahawa kecemerlangan yang sudah diperolehi tidak jatuh. Sekian, terima kasih.

6. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kad pelarian dikeluarkan, sama ada UNHCR mempunyai kuasa untuk mengeluarkan kad tersebut dan langkah-langkah untuk mencegah pelarian dan pendatang haram daripada menjalankan perniagaan di Malaysia terutamanya di Selayang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1951 dan Protokol 1967. Justeru, kerajaan tidak mengiktiraf dan mengeluarkan kad kepada pelarian. Walau bagaimanapun, kerajaan sentiasa membuat pemantauan ke atas proses temu bual dan pengeluaran kad UNHCR bagi memastikan hanya pelarian yang layak diberikan status tersebut oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Pelarian UNHCR.

Walaupun bagaimanapun, berdasarkan kepada maklumat terkini berhubung dengan pengeluaran kad yang agak berleluasa, kerajaan akan menyiasat. Pelarian yang telah mendapat status ini dibenarkan tinggal sementara di negara ini sebelum dihantar pulang ke negara asal atau ke negara ketiga.

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Pejabat UNHCR di Kuala Lumpur, sehingga 31 Oktober 2015, terdapat seramai 154,219 orang pemohon suaka dan pelarian berdaftar dengan UNHCR pecahan seperti berikut, saya hanya bagi sebab angkanya agak panjang Tuan Yang di-Pertua. Saya baca satu negara sahaja iaitu Myanmar iaitu sebanyak 142,554 yang terdiri daripada 53,750 pemohon suaka dan yang lain-lainnya ialah migran ekonomi. Ini sebanyak 88,804.

Kerajaan masih lagi mengekalkan dasar sedia ada iaitu tidak membenarkan PATI walaupun yang memegang kad UNHCR yang sah untuk bekerja, termasuk berniaga di Selayang, Selangor. Pihak Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak berkuasa tempatan akan melaksanakan operasi dan penguatkuasaan ke atas pelarian yang bekerja, termasuk majikan yang menggaji pelarian tersebut dari semasa ke semasa.

Pemberian kebenaran bekerja ini akan menjadi faktor penarik kepada pelarian untuk masuk ke negara ini. UNHCR sebagai agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang menentukan status dan memberikan kad UNHCR kepada pelarian adalah dianggap bertanggungjawab menjaga sara hidup harian, kebajikan, tempat perlindungan, kesihatan dan pendidikan pelarian yang tinggal sementara di Malaysia selaras dengan perundangan dan peraturan negara yang berkuat kuasa. Sekian, terima kasih.

■1100

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawapan yang lengkap. Bila kerajaan tidak mengeluarkan kad pelarian dengan izin *refugee card* dan ini dibuat oleh UNHCR, timbul dua perkara yang buruk. Pertama ialah mendapat bahawa ada kad palsu yang telah dikeluarkan dan boleh dibeli dengan bayaran antara RM1,500 sehingga RM3,500. Ini adalah sebab ramai yang datang untuk menjadi pelarian dengan membeli kad pelarian ini.

Mereka menimbulkan masalah sosioekonomi terutamanya di Selayang, di kawasan pasar borong di mana mereka berniaga dan ini menjejaskan perniagaan orang tempatan. Adakah kerajaan bercadang untuk memberikan mereka satu sumber cari makan, memberikan mereka kebenaran untuk menjadi pekerja di sektor-sektor yang tertentu tetapi tidak boleh berniaga dan menjejaskan penduduk tempatan? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, kita mendapat maklumat berhubung dengan ada kad palsu yang dijual oleh pihak tertentu. Itu sebab sekarang ini kerajaan mengambil tindakan untuk menyiasat. Pertama sekali kita telah minta Majlis Keselamatan Negara untuk membuat *report* polis supaya polis dapat membuat siasatan mengenai perkara tersebut. Kalau dilihat keadaan atau suasana di pejabat tersebut, kita lihat tiap-tiap hari beribu orang yang masuk ke dalam kawasan berkenaan untuk memohon kad UNHCR. Akan tetapi kalau sekiranya mereka keluar daripada pintu pagar itu, bererti mereka tidak ada apa-apa dokumen yang sah untuk menentukan siapakah mereka.

Jadi keadaan ini agak mengelirukan. Dengan itu kita telah membuat laporan polis untuk menyiasat supaya tidak ada penjualan kad yang dibuat di luar sana dan supaya orang yang sedang menunggu untuk mendapatkan kad itu bagaimana mereka hadir ke negara ini tanpa apa-apa dokumen. Jadi kita tidak mahu bahawa orang yang hadir ke negara ini dengan mudah untuk melindungi diri mereka memohon kad UNHCR.

Ini tidak patut berlaku sebab ramai di antara mereka mungkin yang hadir itu ialah orang yang telah melakukan kesalahan di negara mereka. Jadi dengan mudah mereka datang ke sini untuk mendapat perlindungan dengan menggunakan kad UNHCR. Ini semua kita ambil cerita dan telah dibincangkan berkali-kali dan dengan itu polis akan menyiasat.

Keduanya, perkara ini juga telah dibincangkan bersama dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dipertimbangkan mereka untuk masuk ke bidang pekerjaan sebab mereka sudah berada di sini daripada kita mendapatkan tenaga baru dari luar. Ini juga dibincangkan. Sebenarnya semua sekali permasalahan dan juga pemikiran pemimpin dan juga rakyat menjadi masalah dan juga pemikiran kami. Kami sedang berusaha keras untuk menyelesaikannya.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan pemilik-pemilik kad pelarian ini sudah berkembang sehinggalah ke generasi ketiga, keempat dan kelima. Apakah dasar kerajaan terutamanya kepada generasi-generasi yang kemudian yang lahir di Malaysia ini? Adakah mereka ini akan diberikan kewarganegaraan ataupun permit untuk mereka dapat hidup dengan lebih teratur di dalam negara kita ataupun kita kena hantar mereka ke negara ketiga ataupun ke negara asal mereka? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, tindakan kepada perkara ini akan diambil oleh pihak Kementerian Dalam Negeri sama ada melalui imigresen ataupun melalui Jabatan Pendaftaran. Akan tetapi polisi kita tidak berubah bahawa kerajaan bukan ahli kepada konvensyen, bukan ahli kepada Status Pelarian 1951 dan juga Protokol 1967. Mereka ini prinsipnya hadir ke negara ini secara sementara sebelum dihantar pulang ke negara asal mereka

ataupun ke negara yang ketiga. Masalah orang-orang Myanmar ini, mereka dianggap tidak berwarganegara dan mereka telah dizalimi dengan teruknya di negara asal mereka dan mereka ini lari ke merata-rata di seluruh dunia termasuk saya mendapat maklumat bahawa terdapat 260 ribu di Saudi.

Jadi bila mereka datang ke sini di atas dasar kemanusiaan. Arahan MKN 23 menyebutkan dengan terang di sini bahawa kita tidak mengiktiraf iaitu Perkara 43 dengan jelas menyebut dasar negara ini hendaklah tidak dianggap sebagai memberi sebarang pengiktirafan secara rasmi oleh kerajaan terhadap penubuhan pejabat pentadbiran UNHCR di Malaysia. Jadi mereka hadir di sini, mereka diberi pendaftaran sementara oleh UNHCR dan selepas itu terletaklah kepada bahu UNHCR untuk menentukan supaya mereka ini pulang ke negara asal ataupun pergi ke negara ketiga. Saya telah mendapat maklumat daripada UNHCR, mereka ada rekod bahawa terdapat sebahagian besar mereka ini yang telah pergi ke negara yang ketiga termasuk di antaranya ialah Australia dan juga United States, Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi sebahagian besarnya masih berada di negara ini dan bila mereka berada di negara ini sudah pasti naluri kemanusiaan wujud sehinggalah berlaku perkahwinan ataupun mereka membawa juga keluarga mereka datang ke sini. Dengan itu lahirlah generasi yang kedua yang ada sekarang. Ini adalah merupakan permasalahan dan ia sudah pasti akan ditangani oleh Kementerian Dalam Negeri tetapi daripada dasarnya bahawa kita bukan negara ahli kepada yang telah saya sebutkan tadi.

Dengan itu, berhubung dengan sama ada anak-anak mereka itu patut diberi warganegara ataupun tidak, ini saya pulangkan kepada Kementerian Dalam Negeri untuk menguruskannya. Akan tetapi sudah pasti kehadiran mereka atau ibu bapa mereka di negara ini ialah bukan untuk tetap tetapi sementara tetapi ada yang sementara di sini sudah pun menjangkau 20 tahun dan sebagainya. Terima kasih.

7. Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan sejak lawatan YB Timbalan Menteri ke kawasan Parlimen P.203 Lubok Antu pada 22 Julai 2015 apakah tindakan kementerian untuk mengatasi kelewatan pelaksanaan projek bekalan elektrik ke kampung-kampung dan rumah panjang yang begitu lama tidak dapat disiapkan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat yang bertanya soalan nombor 7.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar di negeri Sarawak dilaksanakan secara berperingkat dan kebiasaannya mengambil masa 24 bulan untuk disiapkan. Kementerian sedar terdapat beberapa projek elektrik luar bandar di Parlimen Lubok Antu yang tidak dapat disiapkan dalam tempoh kontrak yang telah ditetapkan disebabkan oleh pelbagai masalah seperti masalah teknikal termasuk juga masalah izin lalu oleh sesetengah pihak termasuk Saka di Sarawak dan hanya dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa iaitu *extension of time*.

■1110

Kementerian sentiasa memantau pelaksanaan projek dari semasa ke semasa supaya projek dapat disiapkan dalam tempoh lanjutan masa yang diberikan oleh kementerian. Untuk makluman Yang Berhormat Lubok Antu, khusus bagi kawasan Parlimen Lubok Antu, kerajaan telah meluluskan pelaksanaan 34 projek bekalan elektrik luar bandar. Melibatkan penyambungan bekalan elektrik kepada 1,877 buah rumah panjang, ketua isi rumah dengan kos berjumlah RM67.13 juta sepanjang tempoh RMKe-10.

Sehingga 30 November tahun 2015 ini, 32 projek yang memberi manfaat kepada 1,594 buah rumah iaitu keluarga, bukan rumah panjang di Parlimen Lubok Antu telah siap dilaksanakan. Manakala dua projek lagi melibatkan 283 buah rumah dijangka siap pada bulan November tahun 2016. Saya hendak menjelaskan apabila saya sebut rumah dia bukan rumah panjang, rumah sekeluarga sebab mungkin terdapat kekeliruan nanti. Sekian terima kasih.

Datuk William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas lawatan Yang Berhormat ke kawasan saya untuk melihat sendiri bagaimana pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar yang telah gagal, hanya tiang dan wayar sahaja bergantung. Jadi sejak tahun 2011 sampai sekarang, orang di rumah panjang telah tertunggu-tunggu bilakah lampu dapat dinyalakan, di rumah panjang mereka. Jadi soalan saya, saya ingin tahu bagaimana perancangan pemantauan projek yang telah begitu lama tidak dapat dilaksanakan. Apa perancangan kerajaan Kementerian Luar Bandar untuk memastikan projek-projek dapat siap mengikut tempoh di masa akan datang.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Projek bukan dikatakan gagallah, dia lewat disiapkan. Jadi kementerian faham dan saya sendiri telah macam mana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat tadi bersama Yang Berhormat sendiri pergi melawat ke beberapa lokasi projek ini di kawasan Lubok Antu. Kita mengakuilah ada kelemahan dalam pelaksanaan kementerian dalam projek ini.

Saya akan memberitahu kepada Yang Berhormat sebab ia melibatkan, pelaksanaan projek ini melibatkan beberapa pihak, bukan sekadar Kementerian Luar Bandar sahaja. Kita juga ada kontraktor pelaksana dan juga kita seharusnya bekerjasama dengan pihak berkuasa di peringkat negeri dan juga SESCO iaitu Sarawak Energy Berhad (SEB). Untuk kita bersama-sama melaksanakan projek sehinggakan elektrik ini dapat kita bekalkan dan lampu dapat menyala.

Semua proses ini di sekadar tempat memang kita menghadapi masalah. Untuk pemantauan kementerian sentiasa membuat penambahbaikan sistem pemantauan dan juga kita akan memastikan tidak ada lagi masalah ini kita hadapi di masa akan datang. Pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah juga, Tuan Yang di-Pertua mengalu-alukan

cadangan dan juga kerjasama dari semua pihak termasuk Yang Berhormat Ahli Parlimen Lubok Antu sendiri. Sekian terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ucap tahniah di atas usaha kerajaan untuk memastikan setiap kawasan pedalaman khususnya untuk mendapat kemudahan elektrik. Soalan saya ialah sejak bilakah agaknya dalam perancangan kementerian untuk memastikan seluruh kampung-kampung di seluruh negara mendapat perkhidmatan ataupun kemudahan elektrik sepenuhnya terutama yang melibatkan sekolah, pejabat-pejabat kerajaan. Apakah mekanisme setelah dikenal pasti masalah-masalah yang dihadapi menyebabkan kelewatan? Apakah mekanisme yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memastikan semua birokrasi ini tidak berlaku selepas ini? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Yang di-Pertua, walaupun ini mungkin jauh daripada Lubok Antu biar saya menjawab yang kaitan dengan projek kerja luar bandar dan wilayahlah. Sebenarnya, oleh kerana soalan ataupun saranan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang sebentar tadi memang luaslah bukannya sekadar pada tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Akan tetapi saya mendapati soalan ini bilakah, untuk kawasan-kawasan luar bandar, penduduk-penduduk luar bandar ataupun kampung-kampung di luar bandar. Memang kita ada sasaran dalam jangka beberapa tahun mendatang ini. Cuma kita bergantung sangat kepada kewangan yang akan diberi kepada kementerian yang akan melaksanakan projek ini. Oleh itu perancangan kita sangat bergantung kepada keadaan kewangan.

Jadi sasaran kita menjelang tahun 2020 sepatutnya semua kampung kita hendak adakan bekalan elektrik luar bandar. Untuk yang lain bagaimanakah ditanya Yang Berhormat tadi ia melibatkan kementerian lain dan agensi-agensi lain. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menjawab untuk pihak lainlah. Sekian terima kasih.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan yang ingin saya kemukakan kepada pihak Menteri ialah salah satu isu bekalan elektrik luar bandar di kawasan pedalaman ialah pemasangan wayar-wayar, *wiring* di rumah-rumah. Adakah pihak kementerian bercadang untuk memasukkan kos pemasangan *wiring* di dalam rumah di dalam *spec* bekalan elektrik luar bandar? Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat inilah satu-satunya perkara yang amat penting dalam rangkaian atau *delivery system* kita supaya lampu dapat menyala dan projek itu boleh dikatakan siap dengan sepenuhnya. Memang ada masalah kerana buat setakat ini sistem kita Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLW) dengan kontraktornya hanya memasang tali sampai ke tiang yang berdekatan dengan tempat ataupun rumah. Pemasangan meter di Sarawak ini di meter dan pendawaian dalaman bukan tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Di situlah selalunya ada punca-punca mengapa projek boleh jadi lewat.

Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memang berhasrat, sekarang ini sedang memikirkan mungkin apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi, pendawaian dalaman, *internal wiring* itu kita boleh mendapatkan peruntukan daripada kerajaan supaya kita dapat memastikan standard pendawaian dalaman mengikut standard yang diterima oleh pihak SESCO atau Sarawak Energy Berhad (SEB). Jadi terima kasihlah Yang Berhormat oleh kerana cadangan itu begitu tepat sekali dan amat penting bagi kita meningkatkan ataupun menambah membaikkkan pelaksanaan projek ini. Sekian terima kasih

8. Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada masih terdapat kekurangan guru-guru yang beropsyen pengajian Cina di sekolah-sekolah rendah yang beraliran Cina (SJKC). Apakah tindakan kementerian pelajaran yang telah diambil untuk menangani masalah kekurangan guru-guru tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Sarikei, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Sarikei, soalan Yang Berhormat Sarikei tentang sama ada masih terdapat kekurangan guru-guru yang beropsyen pengajian Cina di sekolah-sekolah rendah yang beraliran Cina, jawapannya ya. Soalan seterusnya tindakan. Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sarikei, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mewujudkan *task force* untuk meneliti perjawatan dan juga pengisian guru secara menyeluruh bagi menangani isu kekurangan guru di SJK(C).

■1120

Hasilnya *task force* tersebut telah memutuskan tindakan seperti berikut yang harus diambil:

- (i) sejumlah 374 kuota pelantikan guru interim tambahan telah diluluskan berkuat kuasa mulai 2 Mei 2015; dan
- (ii) penempatan secara *internship* kepada pelajar tahun akhir IPGM di semua sekolah termasuk SJKC berkuat kuasa mulai 27 September 2015 sehingga tamat sesi persekolahan 2015 iaitu 19 November 2015.

Selain daripada itu kekurangan guru di SJKC juga dijangka dapat diselesaikan apabila guru-guru yang sedang dilatih di Institusi Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara. *Enrollment* terkini guru praperkhidmatan yang sedang mengikuti Program Perguruan mengikut opsyen Bahasa Cina SJKC adalah seramai 867 orang. Daripada jumlah tersebut 575 orang dijangka akan menamatkan pengajian pada bulan Disember 2015 dan boleh ditempatkan di sekolah bagi menampung kekurangan guru di SJKC pada tahun 2016. Penempatan ini juga akan mengambil kira pekeliling-pekeliling penempatan guru yang sedang berkuat kuasa. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah berapakah orang guru besar yang tidak berkelayakan dalam bahasa Cina di peringkat SPM yang sedang berkhidmat di

Sekolah Rendah Peralihan Bahasa Cina di seluruh negara terutama bahagian Sarikei pada masa sekarang dan apakah cara penyelesaian masalah tersebut.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, Yang Berhormat Sarikei. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan soalan Yang Berhormat Sarikei terperinci kepada jumlah guru tetapi saya harus mengatakan di sini semua guru besar yang dilantik menjadi guru besar di SJKC telah memenuhi syarat-syarat keperluan yang wajib iaitu mempunyai kepakaran dan juga kelayakan dalam bahasa Cina, itu kita tidak akan mengeneipkan untuk memastikan guru besar itu layak menjadi guru besar. Akan tetapi untuk maklumat atau angka terperinci, saya akan serahkan kepada Yang Berhormat secara bertulis. Terima kasih, Yang Berhormat.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, jika kedatangan sekolah-sekolah kurang murid iaitu SKM ini di beberapa kawasan, apakah tindakan kementerian bagi mengatasi masalah ini sekali gus boleh menampung permasalahan kekurangan guru di sekolah-sekolah lain. Sekian, terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang atas soalan. Yang Berhormat, biasanya apabila ada sekolah-sekolah kurang murid ini, kebiasaan ialah sekolah-sekolah ini akan ditukar ataupun dipindahkan ke satu lokasi yang mana ada lebih ramai lagi penduduk dan kita akan sentiasa memang menjadi dasar kita di Kementerian Pendidikan Malaysia walaupun pelajar-pelajar di sekolah itu mungkin 10 atau 15 tetapi pembelajaran itu diteruskan.

Akan tetapi kita juga telah mengambil beberapa inisiatif untuk mendapatkan ataupun meletakkan sekolah-sekolah ini ke lokasi-lokasi yang baru di mana ada peningkatan pelajar-pelajar dan ini akan sentiasa diteruskan. Kekurangan guru-guru ini tidak terlibat dalam aspek ini kerana yang paling penting ialah kita perlu meneruskan proses pengajaran.

Walaupun anak muridnya kadang-kadang kurang daripada jumlah guru, kadang-kadang guru lebih daripada anak murid tetapi proses pembelajaran ini harus diteruskan tetapi apa yang kita galakkan ialah bahawa sekolah-sekolah kurang murid ini digalakkan untuk mencari lokasi yang lebih sesuai di kawasan bandar supaya lebih ramai lagi dapat meneruskan pembelajaran. Itu yang kita mengkaji dan sentiasa mengambil tindakan apabila ada permohonan-permohonan seperti itu. Terima kasih, Yang Berhormat.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertamanya saya hendak ucapkan sebanyak terima kasih kepada pihak kementerian terutama sekali Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana mengambil perhatian yang khusus terhadap perkembangan sekolah SJKT dan juga SJKC dalam Parlimen Kuala Selangor. Saya akan memberikan satu gambaran bahawa sistem pendidikan kita tidak menidakkan kaum-kaum tertentu.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada menerima juga aduan khususnya dari kalangan PIBG dan juga guru-guru tentang tahap penguasaan bahasa Malaysia di kalangan pelajar-pelajar SJKC. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Timbalan

Menteri, apakah langkah-langkah khususnya untuk meningkatkan tahap penguasaan Bahasa Malaysia khususnya di kalangan pelajar-pelajar di SJKC untuk memastikan bahawa mereka mencapai tahap minimum dalam konteks komunikasi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih, Yang Berhormat Kuala Selangor. Terima kasih juga atas pujian yang telah Yang Berhormat beri atas pencapaian Kementerian untuk membantu SJKC dan SJKT memang menjadi dasar kita di Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberi bantuan kepada semua sekolah-sekolah.

Keprihatinan Yang Berhormat tentang penggunaan bahasa Malaysia di SJKC kita ambil maklum. Di antara cara-cara kita mengenal pasti ialah menambahkan waktu penggunaan Bahasa Malaysia di sekolah tersebut dan perkara ini berlaku. Ada sekolah-sekolah mengambil inisiatif tertentu untuk meningkatkan masa di luar waktu darjah untuk memastikan anak-anak ini dilatih menggunakan bahasa Malaysia.

Ini bukan sahaja berlaku di SJKC malahan di SJKT pun berlaku dan Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memberi bantuan yang diperlukan untuk semua sekolah-sekolah supaya tahap penggunaan bahasa Malaysia dan pemahaman bahasa Malaysia fasih dan mereka boleh menggunakannya secara terbaik dan lulus mata pelajaran-mata pelajaran ini kerana ia merupakan mata pelajaran yang sangat penting. Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris juga bahasa ibunda juga menjadi kepentingan kepada semua sekolah ini. Kita akan juga mengenal pasti dan cara-cara dan kerjasama kita di antara dengan PIBG, badan-badan bukan kerajaan, syarikat-syarikat swasta yang terus membantu kita untuk memperkasakan Dasar MBMMBI dikekalkan di sekolah-sekolah ini. Terima kasih, Yang Berhormat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

9. Tuan Anyi Ngau [Baram] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengimplementasikan kaedah kawalan hakisan dan banjir yang efektif dan berkos rendah untuk penduduk kampung yang tinggal di kawasan yang telah dikenal pasti mempunyai risiko tinggi hakisan tebing sungai seperti perkampungan yang terletak sekitar tebingan sungai-sungai besar di Sabah dan Sarawak.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Baram. Isu dia adalah hakisan tebing dan juga banjir di tepi-tepi sungai. Jadi inilah menjadi cabaran kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dan JPS dipertanggungjawabkan. Walau bagaimanapun, perlu difahami bahawa kejadian hakisan tebing ini adalah suatu proses alam semula jadi yang berterusan.

Jadi Tuan Pengerusi, oleh demikian pihak JPS telah melaksanakan dua strategi iaitu kaedah bukan struktur dan juga kaedah struktur bagi mengawal hakisan dan banjir yang efektif tetapi berkos rendah seperti yang diminta oleh Yang Berhormat Baram. Jadi strategi kaedah bukan struktur di mana JPS telah melaksanakan program-program seperti berikut:

- (i) kita buat *engagement*, dengan izin ceramah, dialog dan sebagainya mengenai sistem semula jadi sungai dan memberi nasihat. Kita beri nasihat Tuan Yang di-Pertua, kepada para penduduk agar mengelakkan

daripada mendirikan rumah berhampiran tepi tebing sungai ini, mengelakkan daripada kejadian yang tidak diingini; dan

- (ii) kita bekerjasama juga dengan pihak negeri, pihak daerah tentang kemungkinan dan buat satu kajian tentang kemungkinan dan kesesuaian untuk memindahkan penempatan penduduk yang terjejas kepada risiko hakisan tebing ini termasuklah banjir dan sebagainya seperti yang berjaya dilaksanakan di Lenggong, Perak dan juga di Kota Tinggi, Johor. Itu dua pendekatan, contohnya.

Seterusnya bagi mengelakkan banjir, JPS akan berterusan untuk mendapatkan peruntukan yang cukup bagi membuat penebatan banjir, membaik pulih tebing dan sebagainya seperti yang saya sebut tentang hakisan tadi di sepanjang sungai dengan pembinaan struktur pertahanan tebing *guardian* dan *armor rock*.

Ada dua kaedah sama ada kos rendah, kos rendah kita buat ada satu *term* Tuan Yang di-Pertua satu *term* baru iaitu *river training*, macam dia *train* sungai pula lah iaitu pembaharuan sungai di mana arus ini kita ajar dia dengan membina struktur yang dengan izin, *environmental friendly* dapat mengurangkan arus dan dapat mengurangkan kesan arus dan mengelakkan daripada tebing terhakis.

■1130

Ada satu lagi mengawal kelajuan arus air sungai dan sebagainya dan biasanya kita buat struktur pertahanan yang kuat dan sebagainya seperti *gabion*. Tadi saya sudah sebut dan ia merupakan satu perkara biasa.

Untuk jangka masa panjang, Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) sedang membuat kajian untuk membina tebing-tebing sungai yang lebih kuat dengan menggunakan kos rendah daripada pasir sungai itu yang boleh dijadikan benteng ataupun tebing sungai tetapi distabilkan dengan izin menggunakan kaedah berteknologi tinggi tetapi berkost rendah. Sekian, terima kasih.

Tuan Anyi Ngau [Baram]: Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah kita tahu bahawa hakisan tebing sungai ini memang sentiasa berlaku khususnya apabila kita mengalami banjir. Jadi ada sesetengah kampung ataupun rumah panjang ataupun harta benda ini yang memang sudah begitu bahaya. Dalam kedudukan yang bahaya sekarang ini. Jadi saya mahu bertanya dengan kementerian apakah tindakan jangka pendek untuk menyelesaikan ataupun untuk menangani masalah yang begitu mendesak begini. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mungkin sebahagian daripada jawapan tadi saya sudah sebut tadi iaitu Yang Berhormat Baram nampak pandang ke depan. Jangka masa pendek ialah kita terpaksa menggunakan kaedah penambakan sementara dengan kos yang rendah tetapi bukanlah untuk jangka masa yang panjang kerana penambakan sementara itu tidak menjamin bahawa tebing itu kukuh. Walau bagaimanapun, untuk jangka masa panjang perlu ada satu kaedah yang lebih kuat. Yang paling *simple* sekali

adalah pemasangan *gabion*. Pemasangan *gabion* kerana *gabion* ini kosnya lebih kurang kalau satu meter panjang tebing sungai itu lebih kurang RM1,000. Itu untuk jangka masa pendek. Pemasangan *gabion*. Walaupun jangka masa pendek tetapi boleh bertahan juga untuk beberapa tempoh setahun atau dua tahun begitu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan berakhir .

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara, perisytiharan kawasan keselamatan, kuasa khas pasukan keselamatan di kawasan keselamatan dan perkara lain yang berhubungan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG PROFESION UNDANG-UNDANG (PINDAAN) 2015

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Profesion Undang-undang 1976 dan untuk menyifatkan Pengerusi dan ahli Lembaga Tatatertib yang dilantik pada tarikh tertentu telah dilantik dengan sewajarnya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.34 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pendidikan Tinggi menjawab di peringkat Jawatankuasa dan sehingga diputuskan Rang Undang-undang

Perbekalan 2016 serta Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 2 Disember 2015.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kesembilan]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Maksud B.62 [Jadual] -

Maksud P.62 [Anggaran Pembangunan 2016] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Dalam Negeri. Kepala Bekalan B.62 dan Kepala Pembangunan P.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Puchong.

11.36 pg.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jangan ada panas-panas ya, Yang Berhormat Puchong. *[Ketawa]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, sebelum saya teruskan, boleh saya dapat arahan berkenaan dengan masa yang diberikan?

Tuan Pengerusi: Berapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang minat dalam Kementerian Dalam Negeri ini? Sila berdiri. Sebelah. Nanti saya akan beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk tentukan masa kalau perlu kerana saya nampak okey. Yang berhujah ini boleh. Sila.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan khususnya berkenaan dengan tiga perkara. Satu, di bawah Butiran 020000, khususnya di bawah Butiran 020300 dan juga di bawah Butiran 01000 dan 11000, Tuan Pengerusi.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Puchong, biasanya di peringkat Jawatankuasa sepuluh minit tetapi kalau ada masa, kita bolehlah *extra* lima minit lagi.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya akan ikuti perintah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sepuluh minit ya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terpulang kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih, terima kasih. Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa terdapat dana yang ditujukan untuk penggunaan PDRM khususnya terdapat wang yang besar yang ditetapkan ataupun dikhususkan untuk siasatan jenayah. Tuan Pengerusi, saya menyokong apa-apa usaha untuk kita kukuhkan sistem siasatan khususnya siasatan pada pihak polis kerana rakyat Malaysia bergantung kepada pihak polis dan siasatan mereka untuk memastikan bahawa kesalahan-kesalahan yang dibuat laporan itu, tindakan diambil. Itu yang cukup penting. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, kita lihat bagaimana ada satu kes yang melibatkan kematian ataupun pembunuhan seorang Timbalan Pendakwa Raya yang bernama Kevin Morais.

Tuan Pengerusi, saya rasa kita semua setuju bahawa apa yang berlaku kepada beliau kejam dan itu adalah satu perkara yang perlu diambil tindakan. Di sini Tuan Pengerusi, saya ingin tanya sama ada ataupun tidak pihak kerajaan akan melihat kepada isu keselamatan seseorang Timbalan Pendakwa Raya khususnya kerana mereka melakukan pendakwaan dalam banyak kes yang serius di mana terdapat unsur-unsur ancaman kadangkala yang membawa kepada keadaan ataupun keselamatan mereka atau isu keselamatan mereka.

■1140

Apa yang penting untuk kami pastikan bahawa bukan saja anggota-anggota polis kami mempunyai satu sistem keselamatan untuk diri mereka yang kukuh untuk memastikan bahawa siasatan berjaya. Akan tetapi ia juga terpakai kepada mereka yang membawa kes-kes ke mahkamah, khususnya Timbalan Pendakwa Raya. Jadi, isunya adalah saya hendak Menteri jawab sama ada ataupun tidak selepas kes Kevin Morais, sebarang tindakan akan diambil untuk memastikan atau meningkatkan keselamatan Timbalan-timbalan Pendakwa Raya di dalam negara ini. Keduanya Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kes Kevin Morais juga. Tiga hari yang lalu ada laporan dalam media di mana abang beliau, Charles Morais membaca ataupun mengadakan sidang akhbar dalam mana beliau mengemukakan satu pengakuan atau *statutory declaration*. Di dalam *statutory declaration* ini dikatakan bahawa kemungkinan ada kaitan pembunuhan Kevin Morais dengan isu yang melibatkan satu kertas pertuduhan.

Kertas pertuduhan yang digubal atau dikatakan disediakan terhadap Ahli Parlimen Pekan dan seorang lain. Saya hendak tahu Tuan Pengerusi, apakah keadaan dengan isu berkenaan dengan *charge sheet* tersebut. Tuan Pengerusi, dalam kes ini saya merujuk kepada satu petikan yang dilaporkan dalam *The Malay Mail Online* dan ini adalah satu petikan pada 3 Ogos yang lalu. Di mana dikatakan 'MACC lodges police report denying draft charge sheet against Najib'. So, ada sini dinyatakan oleh MACC ataupun SPRM, satu laporan polis di buat berkenaan dengan *charge sheet* ini. Saya hendak tahu apakah yang berlaku kepada siasatan itu? Ini kerana bukan dalam bidang MACC lagi. MACC membuat laporan polis di mana sekarang pihak polis perlu membawa siasatan berkenaan dengan kesahan, kewujudan *charge sheet* ini. Sehingga sekarang kita tidak ada sebarang butiran atau tidak ada maklumat yang dikeluarkan. Tuan Pengerusi, kita lihat bukan sahaja tohmahan tapi dalam *statutory declaration* tersebut kita juga lihat bahawa ada rujukan dibuat kepada dan ditunjukkan di situ satu *charge sheet*. *Charge sheet* tersebut ada nota yang dikatakan dibuat tandatangani atau pun *initial* oleh Kevin Morais.

So, ini adalah satu perkara yang cukup penting kerana ini melibatkan isu siasatan terhadap Perdana Menteri. So, saya ingin tahu apakah yang berlaku kepada laporan polis itu? Kenapa tidak ada sebarang hasil siasatan laporan polis yang dibuat oleh MACC sehingga sekarang? Sekiranya ia benar bahawa *charge sheet* ini wujud Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sama ada ataupun tidak Ahli Parlimen Pekan masih boleh menyandang kerusi Perdana Menteri. Oleh kerana Perdana Menteri itu adalah orang yang mempunyai kuasa terhadap isu-isu yang besar seperti pelantikan Peguam Negara dan sebagainya. So, bolehkah kita ada satu keadaan di mana siasatan di buat terhadap Perdana Menteri, Perdana Menteri masih lagi menjadi orang yang boleh mengambil tindakan atau membuat keputusan besar sebegitu? Bolehkah kita sebagai rakyat Malaysia, *can we expect there to be a free and a fair investigation* dalam keadaan tersebut?

Ini perkara yang serius Tuan Pengerusi dan saya rasa kita semua hendak tahu. Tidak cukup kita buat laporan polis selepas itu laporan polis itu tidak ada sebarang jawapan, diam begitu sahaja. So, apakah keadaan siasatan itu sekarang? Memandangkan khususnya bahawa laporan ataupun SD ini dikeluarkan oleh Charles Morais. Selepas daripada itu kita melihat pihak polis tidak memberi sebarang keputusan. *One would have thought*, dengan izin Tuan Pengerusi, apabila dibuat dakwaan oleh Charles Morais ini, terus pihak polis boleh bagi tahu, MACC telah buat laporan polis pada 3 Ogos, kita sudah siasat, ini adalah hasil siasatan kita. Akan tetapi tidak ada sebarang jawapan. IGP kita. Apa IGP kita kata? Dia kata Charles Morais *is a coward*. Dia telah lari daripada negara ini. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Tan Sri IGP, dia yang pandai hendak panggil orang macam-macam punya nama. Akan tetapi bagaimana dengan dia sendiri, *our own* IGP. Tuan Pengerusi, ada sebabnya rakyat Malaysia tidak ada keyakinan dalam siasatan di dalam negara ini. *There are reasons why the people of Malaysia do not have confidence with the police force*.

Tahun dulu November, saya sudah bangkitkan beberapa kali, *I think* Tuan Pengerusi *knows this issues*. Kematian seorang di dalam balai polis di Johor, Syed Mohd Azlan Syed

Mohamed Nur. Masa itu beliau dibawa ke balai polis, meninggal di dalam balai polis. Laporan polis di buat, pihak polis tidak ambil tindakan sehingga kita perlu pergi ke Suruhanjaya Integriti untuk kita adakan siasatan. EAIC, mereka melakukan siasatan, mereka menyatakan ya, betul, pihak polis bertanggungjawab untuk kematian. Mereka selepas daripada itu melupuskan bahan bukti. Polis selepas itu juga memastikan bahawa saksi-saksi yang berkaitan hilang. So, *they agree it is murder - 302*. Barang kes dilupuskan, *witnesses also tampered with*. Ini adalah hasil daripada siasatan EAIC. Rakyat Malaysia buat laporan polis tentang kematian dalam balai polis. Saya hendak tanya IGP, *you call people coward, you tell me today* apakah tindakan yang dibuat berkenaan kes dalam polis sendiri. Kenapa tidak ada tindakan? Adakah IGP kita berani hendak bercakap dengan pihak keluarga si mati.

■1150

Has he even contacted them. Ini adalah masalah dia, rakyat Malaysia, kita buat laporan polis tidak ada tindakan diambil. Kes-kes yang serius langsung senyap. Ada siasatan pihak ketiga menyatakan serius, kes bunuh, tidak ada tindakan dibuat.

Semalam Tuan Pengerusi, kita ada satu laporan dalam *Malaysian Insider*. Apa yang dinyatakan kes penculikan seorang ahli perniagaan Iran. 15 orang ditangkap, tujuh daripada mereka anggota polis. Polis yang dalang melakukan kerja culik ini. Hari itu saya bangkitkan dalam Dewan ini sama juga. Kes culik di Puchong daripada mereka empat orang polis

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Puchong boleh mencelah sedikit? Sedikit kes...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya akan bagi. Lima orang polis termasuk seorang yang pakai uniform. So, ini keadaan yang serius. Kalau pihak polis ambil tindakan, rakyat Malaysia lihat bahawa mereka serius, saya rasa tidak ada masalah. So, *I think* Tuan Pengerusi, *to be a fine, it shame on the IGP. You call people coward but you yourself are coward. You don't dare face up to the fact that your force is not up to the mark.*

Saya sebagai Ahli Parlimen datang di sini malu kadang-kadang tahu. Yes, orang tanya kita *you all are law makers, you are law makers, people die, no result, no investigation, shameless*. Macam mana hendak jawab? Sila.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Saya hendak sentuh sedikit tentang kes mendiang Kevin Morais ini yang kini dapat gelaran Datuk, dianugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak baru-baru ini.

Jadi kes Kevin Morais ini saya rasa masalah keluarga itu lebih berat daripada kes polis yang dilaporkan. Masalah abang dan masalah adik Datuk Kevin Morais. Jadi perkara ini perlu diambil perhatian kerana ini adalah kes keluarga. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Ha, ini kena *check* dulu, kes abang kepada adik kepada mendiang Datuk Kevin Morais dan adik kepada

mendiang. Sila rujuk dan melihat perkara ini secara detail di peringkat keluarga dan *family* Datuk Kevin Morais. Terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya rasa jawapan sebegini menunjukkan poin yang saya buat. Orang buat laporan polis berkenaan dengan *charge-sheet*. Bukan sahaja orang, MACC. Dia kata tidak ada wujud *charge-sheet*. Selepas daripada itu, abang kepada si mati menyatakan ada, dia ada beritahu.

Ini menjadi isu yang menjurus kepada Perdana Menteri sama ada atau tidak wujudnya *charge-sheet* dan sekiranya ada, apakah tindakan yang diambil dan kenapa sehingga sekarang tidak ada tindakan?

Akan tetapi Yang Berhormat Kuala Kangsar ini dia lebih menjurus kepada isu keluarga. *You go ahead, you go and talk to them – saya tahu family problem but ...*

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Itu bukan jawapan, itu satu perkara yang perlu diambil perhatian.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hendak tanya Parlimen, saya hendak tanya isu berkenaan dengan wujud atau tidak *charge-sheet* tersebut. Itu isunya. Kenapa kita hendak lari-lari di sini, *small issues, family deserve, statutory declaration is there*. Kenapa Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak lihat kepada isu yang berbangkit. Hendak lari daripada isu, hendak sentuh kepada *family problem* dan sebagainya.

■1150

Itu perkara lain, yang saya bangkitkan berkenaan dengan *charge-sheet*, sama ada ada atau tidak *charge-sheet* tersebut itu wujud. Itu satu.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: ...Itu maksud saya, *that's one of the issues* dengan izin.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kita berbalik kepada siasatan Tuan Pengerusi. Siasatan itu dalam makna atau erti kata perkataan biasa, maknanya kita hendak *check*, kita siasat untuk mencari kebenaran. Akan tetapi beberapa kes dalam negara ini, kita tengok siasatan dibuat tetapi langsung tidak diberikan hasil ataupun jawapan berkenaan dengan motif. Motif!

Ada kes-kes dalam negara ini, orang ditangkap kerana dikatakan bunuh, orang itu yang menembak, orang itu yang membuang oleh itu dia ditangkap. Sekarang kita bawa ke mahkamah dan hukuman diberikan. Akan tetapi orang hendak tahu, siapakah yang memberikan arahan? Kenapa membunuh? Apakah motif? Jadi saya hendak tanya kepada pihak kementerian, adakah tidak undang-undang memerlukan supaya dalam siasatan itu kita beritahu kepada keluarga si mati atau keluarga orang yang menjadi mangsa, apakah sebabnya? Siapakah dalang sebenar yang menyebabkan kesalahan tersebut?

Dalam kes Altantuya sehingga hari ini Tuan Pengerusi, sehingga hari ini semua orang bertanyakan soalan, kita tengok ada pemberita *Al Jazeera*. Pemberita *Al Jazeera* yang mewujudkan atau menghasilkan video klip. Video klip itu adalah video klip yang memasukkan ke dalam perkara ini kerana hendak tahu, apakah motif kegagalan pihak polis, kegagalan pihak pendakwa untuk memberi jawapan berkenaan dengan motif, itulah yang menyebabkan semua

orang bertanyakan soalan sehingga mewujudkan video dan sebagainya, kerana orang tidak tahu. Apakah salahnya ataupun apakah terlalu berat untuk pihak polis dalam siasatan memberikan jawapan dengan begitu mudah? Itu nombor satu.

Kes Hussain Ahmad Najad sama juga. Sehingga sekarang kita tahu, orang yang menembak itu kita tahu nama dia dan dia telah pun dibawa ke mahkamah. Beliau telah pun dipertuduhkan. Akan tetapi persoalannya, siapakah yang memberi arahan? Kenapa sehingga sekarang pihak polis tidak mahu menjawab soalan itu? Sehingga kita tengok bagaimana anaknya iaitu Pascal kerap kali membawa soalan berkenaan perkara ini. Disebutkan bahawa *mastermind* tersebut, Tuan Pengerusi *mastermind* ditangkap tetapi dibebaskan. *Mastermind* ditangkap dan dibebaskan. *Are we expected just to accept this kind on answers?* Tanpa kita mempunyai cara ataupun ruang untuk bertanyakan berkenaan dengan perkara ini? Saya minta supaya jawapan diberikan berkenaan dengan kes ini.

Tuan Pengerusi, *last* yang saya hendak bangkitkan berkaitan dengan isu ini adalah berkenaan dengan gaji pihak polis. Saya lihat Tuan Pengerusi, pihak polis dalam sistem kita ada banyak pangkat yang berlainan dan ada di antara mereka yang melakukan kerja-kerja yang beratnya berbeza. Saya hendak tanya, sama ada ya atau tidak pihak kerajaan akan menimbang semula supaya gaji-gaji pihak polis dan anggota-anggota polis ini dinaikkan dan bilakah akan dilakukan satu kajian semula berkenaan dengan perkara ini. Ini kerana kalau kita lihat, kalau kita hendak mengadakan sistem yang efektif, kalau kita hendak pastikan bahawa pihak polis ini tidak kita lupakan atas apa yang dilakukan serta kepentingannya, saya rasa kita kena fokus kepada isu ini.

Kalau kita lihat kepada negara-negara yang bersekitaran, *Singapore for example. The idea there* Tuan Pengerusi *is this, if you want quality, then you have to pay for it.* Kalau kita hendak orang masuk ke dalam *police force*, kalau kita hendak membina sebuah *police force* yang kuat di mana terdapat banyak kepakaran dan kepintaran di dalamnya, saya rasa kita mesti ada satu sistem di mana orang dari luar, orang ramai, dia *attracted to join police force not only attracted but also attracted a quality* pekerjaan mereka kita dapat supaya kita tidak ada masalah-masalah sedemikian yang kita lihat sekarang. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sekijang.

11.54 pg.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM). Saya ingin menyentuh berkenaan dengan pasukan polis bantuan yang bertugas menjaga kawalan keselamatan di kawasan premis majikan yang membayar gaji mereka. Seperti yang kita tahu, polis bantuan ini hanya melayakkan rakyat Malaysia sahaja yang boleh menyertainya dan saya melihat ini sebagai satu peluang pekerjaan bagi rakyat kita sendiri yang secara tidak langsung dapat mengurangkan

kebergantungan pihak majikan terhadap penjaga keselamatan warga asing. Kita boleh lihat ramai penjaga keselamatan warga asing ini kebanyakannya tidak mampu berkomunikasi dengan baik dan sudah pasti perkara ini menyebabkan kualiti kerja mereka boleh dipertikaikan.

Justeru saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian dapat memikirkan insentif galakan khas kepada majikan-majikan untuk menukar sistem kawalan premis mereka dari penjaga keselamatan biasa kepada pasukan polis bantuan. Selain dilihat mampu meningkatkan *efficiency* kawalan keselamatan, ia juga bakal membantu PDRM untuk mengurangkan kadar jenayah dalam premis swasta, seterusnya menambahkan bilangan anggota unit sokongan serta bantuan kepada PDRM dalam sesuatu situasi yang diperlukan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.

Seterusnya untuk Butiran 040000 – Imigresen. Kerajaan telah mengumumkan untuk membawa masuk seramai 1.5 juta orang warga Bangladesh bagi memenuhi permintaan bidang kerja sektor 3D iaitu *dangerous, difficult and dirty* dalam tempoh masa tiga tahun. Ketika pengumuman ini dibuat, kerajaan juga dikatakan akan melakukan proses pemutihan terhadap pendatang asing tanpa izin (PATI) dengan menghantar mereka pulang ke negara asal sebelum mengambil pekerja-pekerja dari Bangladesh ini.

Saya ingin mendapatkan penjelasan serta pencerahan daripada pihak kementerian tentang usaha-usaha yang telah dijalankan melalui proses pemutihan ini serta jumlah PATI yang telah dihantar pulang dan sejauh manakah ianya seimbang dengan jumlah yang kita akan bawa masuk nanti.

Di bawah RMKe-11, kerajaan bercadang mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing sehingga 15% daripada jumlah keseluruhan pekerja negara kita. Saya melihat jika proses pemutihan ini tidak dilakukan segera, hasrat pengurangan itu tidak mampu dicapai dan seterusnya kita bakal melihat peluang pekerjaan bagi tenaga mahir dalam negara dipelopori oleh pekerja asing yang bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk memastikan 900,000 tenaga mahir warga tempatan dilahirkan menjelang tahun 2020.

Seterusnya, saya ingin menyentuh Butiran 100400 – Penubuhan Jabatan Integriti dan Pemuatan Standard PDRM. Ini satu langkah yang baik bagi memastikan pasukan polis di negara ini sentiasa mematuhi SOP yang dibenarkan serta mengurangkan persepsi negatif orang ramai terhadap pasukan polis negara. Walaupun keseluruhan besar warga PDRM menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan amanah, kita mengucapkan terima kasih kepada jasa baik daripada pihak polis.

Namun ada juga segelintir kecil dilihat telah mencemarkan nama baik PDRM dengan tindakan mereka yang menerima sogokan dan rasuah terutamanya melibatkan anggota trafik. Dalam hal terpencil seperti inilah yang menjadi *viral* di dalam media-media sosial dan menunjukkan seolah-olah ia mencerminkan perlakuan keseluruhan pasukan PDRM.

Justeru, saya ingin mencadangkan agar diberikan pasukan PDRM ini ganjaran berbentuk wang ringgit kepada anggota trafik yang mengeluarkan saman terhadap pesalah-pesalah undang-undang lalu lintas. Ini antara langkah yang telah diguna pakai di beberapa buah negara

maju bagi membendung masalah rasuah dalam kalangan anggota polis di negara tersebut. Selain itu, ini juga merupakan antara motivasi yang boleh meningkatkan prestasi kerja rakan-rakan polis kita ini.

Sebagai cadangan, mungkin 10% daripada jumlah bayaran saman boleh disalurkan kepada anggota trafik sebagai ganjaran kepada mereka. Saya yakin akan mengurangkan masalah walaupun mungkin bukan keseluruhan tetapi akan dapat mengurangkan masalah rasuah ini untuk segelintir kecil anggota trafik tersebut. Ia nampak terbukti berkesan di luar negara, jadi kementerian mungkin boleh melihat perkara ini supaya dapat dipraktikkan dalam negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

11.59 pg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, selamat pagi. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berbicara berkenaan dengan B.62, Butiran 020100 – Pengurusan Polis. Saya hendak memberikan teguran berkenaan dengan soal perangkap laju yang diguna pakai oleh pihak polis untuk hendak memastikan pesalah yang langgar daripada segi kelajuan.

■1200

Persoalannya ialah apakah piawai yang diletakkan oleh pihak polis untuk menentukan had laju? Kadang-kadang pelik kawasan yang 60 kilometer sejam diletakkan. Saya boleh beritahu tempat saya itu ialah selepas *traffic light* Pekan–Bukit Gantang, 60 kilometer sejam. Begitu juga selepas *traffic light* Pekan Simpang Empat. Mana ada zaman hari ini kereta naik 60 kilometer sejam. Kereta lembu pun 63 kilometer sejam. *[Ketawa]* Oleh sebab itu saya hendak tanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini kalau Yang Berhormat Bukit Gantang hendak balik berapa lama ambil masa? Saya ingat tidak sempat pukul tiga.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Oleh sebab itu kita hendak tanya apa sebab letakkan satu tempat itu 60 kilometer per jam atau 120 kilometer per jam. Kita tidak kisah. Akan tetapi biarlah letak itu hendak jaga keselamatan ataupun hendak dapat pendapatan? Ini persoalannya. Oleh sebab itu kita tengok sampai hari ini soal kemalangan tidak dapat diatasi. Ini kerana yang kita fikirnya ialah matlamat untuk hendak dapat pendapatan. Maka akhirnya setiap kali berlakunya kemalangan itu tidak dapat diatasi, itu satu.

Kedua ialah berkenaan dengan sekatan jalan raya, pun sama juga. Sekatan jalan raya kadang-kadang daripada empat lorong jadi satu lorong, daripada dua lorong jadi satu lorong, dari tiga lorong jadi satu lorong, menyebabkan berlakunya *jammed*. Saya pernah kena sekali hampir dekat sejam, yang dia buat *roadblock* dekat dengan Jalan Setapak. Malam, cuba bayangkan malam. Begitu juga selepas daripada tol dekat dengan Jalan Duta. Sepatutnya kita tengok dan tiru macam negara-negara lain. Apa salahnya buka lorong yang banyak supaya memudahkan di

kalangan kami? Kadang-kadang kita marah, kesian pada polis. Kita hendak cepat, tiba-tiba jadi macam ini pula. Jadi cubalah fikir sikit ini jenis satu lorong ini zaman Tok Nadong dulu, ini zaman baru hari ini. *[Ketawa]*

Ketiganya, berkenaan dengan *report* kemalangan. Sepatutnya soal *report* kemalangan ini pada zaman IT. Kalau berlaku di mana-mana tempat sekalipun biarlah kita buat *report* polis dekat balai polis berdekatan. Ini tidak, kalau berlaku – pengalaman saya apabila saya kena dekat dengan Teluk Intan. Kebetulan tempat kemalangan yang berlaku itu ialah sempadan sikit daripada jambatan itu ialah Teluk Intan yang dekat untuk saya buat *report* polis, sebelumnya itu kena buat *report* polis di Bandar Seri Iskandar. Tidak boleh buat dia kata kena pergi Seri Iskandar.

Jadi persoalannya kenapa pihak polis tidak memudahkan pengguna apabila berlakunya kemalangan untuk membolehkan kita buat *report* yang berdekatan? Zaman hari ini zaman IT yang saya rasakan tidak perlu menyusahkan. Kalau boleh berlaku di Teluk Intan buat *report* di Gombak pun tidak kisah. Kemudian dapat kita e-mel, penggunaan yang saya rasakan tidak perlu kita balik pada zaman yang lama. Begitu juga kadang-kadang agak lambat untuk kita dapat *report* sehingga menyukarkan untuk kita hendak *claim* pada insurans dan sebagainya.

Kemudian Butiran 020400 – Risikan Keselamatan. Jadi saya pun bersetuju apabila bajet tahun ini pun meningkat hampir dengan RM40 juta lebih kepada risikan keselamatan. Walau bagaimanapun saya mengharapkan supaya terutamanya badan risikan seperti mana *special branch* tumpukan khusus kepada soal gengsterisme, kumpulan-kumpulan samseng dan juga kumpulan-kumpulan *terrorist* yang hendak menggunakan senjata dan sebagainya, Itu beri penumpuan.

Akan tetapi kadang-kadang amat malang, kenapa *special branch* ini sampai ke program tertutup parti pun datang? Ini pelik. Pelik, kita hendak bincang, ini soal dalaman. Kita bincang program tertutup tiba-tiba SB pun datang hendak tengok apa yang kita bincang. Oleh sebab itu kita tengok ini kalau berlaku, maka menyebabkan kita tengok dia hilang fokus. SB ini fokuskan kepada soal ketenteraman awam dan hendak menjaga keselamatan negara, itu yang paling penting.

Akhir sekali ialah B.62 Butiran 080100 – Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA).

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bukit Gantang SB masuk dalam perbincangan ahli politik kah? *[Ketawa]* Dia tidak tahu hendak *check* siapa dia, Yang Berhormat Pokok Sena atau siapa.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Itu Tuan Pengerusi mala fide. Okey...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah pandai belajar dengan Yang Berhormat Puchong mala fide ini.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Itu saya belajar, tok guru saya Yang Berhormat Puchong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yes.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Okey, B.62 Butiran 080100 – Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Jadi masyarakat sekarang ini semakin sofistikated, kadar jenayahnya makin meningkat. Maka sebab itu kita harapkan supaya *skill* RELA ini dipertingkatkan dan juga kebajikan mereka dipertingkatkan. Saya memohon supaya sebuah pangkalan RELA diadakan di kawasan Parlimen Bukit Gantang.

Kebetulan tiga hari lepas saya berjumpa dengan anggota RELA yang merayu kepada saya untuk memohon supaya ada pangkalan RELA di sana diminta kepada Yang Berhormat Pulau, Timbalan Menteri dapat berikan tindakan sewajarnya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Gerik. Yang Berhormat Gerik balik Gerik semalam?

12.06 tgh.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin membahaskan dalam Kementerian Dalam Negeri di bawah B.62 dan P.62.Pertama Butiran 020700 – Siasatan Jenayah Komersial yang diperuntukkan RM153 juta. Suka saya menarik perhatian berkenaan dengan jenayah komersial yang terutamanya daripada segi penipuan pakej umrah yang menyebabkan lebih daripada 600 kes. Kalau kita tengok yang baru ini tahun 2015 melibatkan 4 juta tuntutan. Sekurang-kurangnya walaupun lesen dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, bagaimana daripada segi *National Blue Ocean Strategy* dan pihak penguat kuasa kita masih yakin, kita percaya sebenarnya penguat kuasa di bawah polis tetap boleh memberi satu kesan yang baik. Kalau tidak aniaya, membuat ibadah umrah pun ada kumpulan-kumpulan tertentu menipu rakyat dan minta Kementerian Dalam Negeri melihat perkara tersebut.

Butiran yang seterusnya ialah Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Saya ingin menyentuh soal *jammed* di *highway*. Kita tahu budaya hari ini, hari Sabtu dan Ahad orang akan melancong di mana kita melihat di *highway* seperti mana Yang Berhormat Bukit Gantang kata juga ada *roadblocks*. Akan tetapi bagaimana pihak penguat kuasa polis dan juga JPJ menghalang iaitu *jammed* yang agak teruk di *highway* di mana kita melihat budaya pemandu yang suka memotong di sebelah kiri? Kalaulah kita masing-masing ikut – terutama saya ambil contoh daripada Ipoh membawa ke Slim River, daripada dua lorong ia menjadi tiga lorong. Selepas di Slim River kita lihat kurang sudah suasana *jammed* tetapi dari Ipoh hendak menuju ke Sungkai contohnya, orang memotong di sebelah kiri. Walaupun sekali-sekala kita melihat penguatkuasaan oleh pihak polis, tetapi bagaimana kita mendidik pengguna?

Di sinilah Kementerian Dalam Negeri dilihat untuk memainkan peranan supaya *jammed* tersebut boleh diatasi. Kadang-kadang pemandu yang berhempah terpaksa ikut aturan, pemandu yang tidak berhempah potong sebelah kiri. Maka suasana tidak puas hati, tambahan pula ketika ini musim cuti sekolah setiap hari kita melihat di *highway* berlaku kesesakan. Mintalah pihak Kementerian Dalam Negeri membuat satu peraturan yang memastikan yang dulu sampai dulu,

yang kemudian sampai kemudian. Kalau potong-memotong akhirnya orang yang lewat dia boleh sampai awal menyebabkan rasa tidak puas hati di kalangan masyarakat.

■1210

Saya percaya kalau disusun satu kaedah yang terbaik, *insya-Allah* kesesakan tetap berlaku tetapi yang paling penting keadilan kepada pemandu yang bertolak lebih awal, sampai dulu, yang bertolak kemudian sampai kemudian. Akan tetapi dengan tidak mengikut peraturan, menyebabkan mereka yang bertolak kemudian boleh sampai awal kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan mungkin kerana penguatkuasaan yang kita lihat jadi pelbagai.

Butiran yang ketiga yang hendak saya sentuh ialah B.020200 – Logistik. Saya khususnya pasukan PGA di Pengkalan Hulu yang ada sebuah kem, kalau kita lihat dari luar, nampak cantik. Saya mohon kementerian membantu supaya kualiti tempat tersebut dapat dibaiki. Apa yang berlaku di Pengkalan Hulu, sistem kumbahan konon-kononnya sistem moden tetapi airnya tidak dapat berpusing menyebabkan bau busuk di sekitar kawasan PGA di mana bila kita minta PGA selesaikan masalah, peruntukan tidak cukup. Saya amat berharap supaya Kementerian Dalam Negeri melihat semula di Kem PGA Pengkalan Hulu supaya sistem kumbahan dapat diperbetulkan, *wiring* pun nampak ada masalah dan juga lain-lain. Pada tahun hadapan difahamkan Paduka Seri Sultan Perak akan merasmikan Kem PGA Pengkalan Hulu.

Saya amat berharap supaya masalah-masalah yang sedikit-sedikit tadi, dapat diselesaikan dengan cara terbaik supaya dilihat dari luar pun cantik, masuk ke dalam pun cantik. Akan tetapi saya berterima kasih kepada kementerian terutama PGA sendiri memberi kemudahan yang ada dalam kem PGA ini kepada pihak luar walaupun dikenakan apa sekali pun tetapi sekurang-kurangnya pembaikan mesti dibuat, mungkin asal dulu semasa tender dibuat adalah nak untung lebih kah apa, kontraktor kita tidak tahu tetapi saya percaya perkara tersebut boleh dibaiki dengan seberapa baik.

Akhir sekali Butiran 040000 – Imigresen di mana dalam Parlimen saya, sempadan di antara Pengkalan Hulu dengan Betong, pihak CIQ sana ada, cumanya di sini tempat yang kurang penyeludupan, saya harapkan supaya pemantauan terus diperketat supaya *border* di antara Pengkalan Hulu dan Betong tadi tidak menjadi tempat penyeludupan, bawa minyak masuk dan pelbagai perkara lain tetapi sehingga hari ini masih terkawal, cuma saya bangkitkan perkara ini supaya dapat diperbetulkan.

Perkara yang kedua dalam imigresen, saya pun kurang memahami sangat soal pas lawatan sosial bagi mereka yang berkahwin, suami warganegara, isteri bukan warganegara, bolehkah dapat pas lawatan sosial? Kalau dahulu kata boleh, saya pun tidak berapa tahu dan begitu yang sebaliknya. Pas lawatan sosial di mana isteri warganegara, suami bukan warganegara, apakah SOP yang boleh mendapatkan pas lawatan sosial untuk dia boleh duduk, ambil setahun ke setahun? Jadi itu sahaja yang saya hendak bincang dalam butiran Kementerian Dalam Negeri, dengan ini saya menyokong dalam Jawatankuasa. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja.

12.14 tgh.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin memperkatakan dalam B.62 ini ialah 060300 – Kawalan Pendaftaran. Saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah solusi akhirnya untuk kes-kes apabila kanak-kanak hasil daripada perkahwinan warganegara dengan pendatang asing tanpa izin dan anak mereka ini tidak boleh didaftarkan dan juga warganegara dalam negara kita yang berkahwin lain agama, nama salah seorang itu orang Islam, jadi tidak boleh berkahwin dalam cara Islam dan juga tidak boleh didaftarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara kerana salah seorangnya dikatakan Islam kerana mempunyai nama Islam. Jadi juga rakyat yang berasal dari Sabah yang dokumentasi mereka, kita tidak tahu entah kenapa sehinggakan mereka tidak boleh mendaftarkan anak-anak mereka. Mungkin asalnya mereka disyaki sebagai pendatang asing.

Apa pun yang saya hendak sebut di sini, kanak-kanak ini dilahirkan dan kemudian tidak mempunyai dokumentasi, surat lahir yang sah dan mereka ini tidak diiktiraf sebagai warganegara kerana ibu bapanya tidak berdaftar semasa berkahwin. Bukan atas pilihan mereka tetapi oleh kerana undang-undang-undang negara kita tidak membenarkan. Saya tidaklah hendak membela atau pun menggalakkan perkahwinan antara agama orang Islam dan bukan Islam tetapi kita perlu memisahkan dua isu ini.

Satu adalah isu keagamaannya di mana seorang Islam atau namanya nama Islam, dia tak boleh berkahwin dengan orang bukan Islam. Kalau pasangannya tidak memeluk agama Islam tetapi ada kes-kes lain di mana mereka ini menjadi Islam apabila nama mereka ini tukar kepada nama Melayu dan kemudian tidak sebenarnya memeluk Islam tetapi menjalani hidup mereka bukan sebagai seorang Islam.

Jadi akibat daripada tidak ada pendaftaran perkahwinan yang sah, anak-anak mereka ini mengalami kesukaran untuk mendapat hak sebagai warganegara. Saya ingin bertanya juga tentang apakah langkah kerajaan mengenai rakyat yang berasal dari Sabah. Dalam kawasan saya ramai sekali, kawasan Sri Andalas dan juga Sri Muda di mana mereka datang ke Semenanjung untuk mencari rezeki dan membawa anak-anak mereka sekali. Yang saya hairan itu, mereka boleh bawa anak ke sini. Apa dokumen yang mereka pakai, saya tidak tahu. Akan tetapi pokoknya, budak-budak ini tidak boleh bersekolah kerana tidak ada dokumentasi surat lahir, itu satu.

Kedua ialah mengenai imigresen. Saya ingin bertanya juga mengenai sama ada kerajaan- saya tahu telah dijawab sebelum ini tentang pembantu rumah. Saya pun telah banyak kali juga membawa kes ini kerana saya tidak puas hati yang sistem lama di mana majikan boleh mengambil pembantu rumah dari luar negara sama ada Indonesia atau pun Kemboja dan sebagainya, masuk dengan pas lawatan kerja sementara dan kemudian apabila sampai, permit diproses dan boleh menjadi pembantu rumah.

Saya telah sebutkan sebelum ini bahawa syarat yang dikenakan sekarang terlalu tinggi, yuran ejennya terlalu tinggi dan saya minta pihak kerajaan untuk *review*, dengan izin, menyemak semula undang-undang ini kerana ia tidak membantu rakyat kita terutamanya pekerja wanita, suri rumah, wanita muda yang bekerja yang mempunyai anak-anak kecil.

Seterusnya saya juga ingin menyebut tentang imigresen. Saya mendapat maklumat bahawa ada sedikit, Yang Berhormat Bintulu akan sebut kongkalikung bahawa ada syarikat-syarikat yang melalui perantaraan-perantaraan entah siapa katanya, membawa masuk pekerja kumpulan DP10 iaitu pekerja pakar kononnya dan mereka ini levinya tidak tinggi tetapi gaji mereka perlu melebihi tahap tertentu. Maknanya mereka bukan pekerja 3D. Jadi, syarikat-syarikat, kadang-kadang mereka nak menggunakan pekerja daripada kumpulan, hendak mengurangkan pembayaran kepada imigresen, mereka membawa masuk pekerja menggunakan DP10 ini.

Jadi pokoknya ialah bagaimana perkara ini boleh berlaku? Di atas tawaran kerjanya memang gajinya melebihi tahap tertentu RM3,000 lebih mungkin, tetapi pada hakikatnya mereka ini tidak dibayar gaji itu dan kerajaan juga tidak boleh mengutip levi yang tinggi kerana dikatakan pekerja pakar. Itu satu. Akhir sekali saya— oh, sudah habis dah, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Silam.

■1220

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh B.62 Butiran 060300 – Kawalan Pendaftaran.

Tuan Pengerusi, di Sabah ada Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 Chapter 123 yang memperuntukkan bahawa sekiranya seseorang bayi dilahirkan dilaporkan oleh ayahnya atau ibunya 42 hari selepas dia dilahirkan, maka sijil lahirnya akan didaftar sebagai daftar lewat. Ini bermakna apabila bayi ataupun anak ini ingin memohon kad pengenalan setelah menjangkau umur 12 tahun, maka dia perlu dirujuk kepada Mahkamah Majistret untuk di *endorse* surat lahirnya sebelum dia mendapat kad pengenalan. Ini peraturan yang ada di negeri Sabah.

Sebenarnya semenjak tahun 2009, beribu-ribu kes daftar lewat yang telah direkodkan. Ini sebenarnya berpunca daripada ibu bapa yang tidak mempunyai pelajaran, pendidikan dan pengetahuan berhubung pendaftaran kelahiran dan juga ibu bapa yang tinggal jauh di pedalaman yang tidak mempunyai akses berhubung pendaftaran anak mereka.

Seperkara lagi yang menimbulkan masalah ini ialah kebanyakan juga kes di Sabah menunjukkan anak-anak yang daftar lewat ini adalah disebabkan salah seorang pasangan mereka adalah bukan warganegara. Untuk makluman Tuan Pengerusi, di Sabah kita mempunyai peraturan yang agak unik berbanding dengan di Semenanjung bahawa untuk menentukan status seorang anak itu sama ada dia warganegara atau tidak, dia hanya bergantung kepada sama ada ayah atau ibunya adalah warganegara. Berbeza dengan di Semenanjung, bergantung kepada ayah seorang sahaja.

Perkara kelewatan ini telah menimbulkan banyak masalah. Banyak masalah telah timbul sebab anak-anak tidak dapat menduduki peperiksaan apabila sampai darjah enam untuk menduduki UPSR sebab tidak ada IC dan surat beranakanya pun adalah surat daftar lewat dan tidak pasti dia boleh mendapat kad pengenalan sebab dia sudah terlewat. Kelambatan juga berlaku disebabkan kekurangan majistret. Apabila dirujuk ke Majistret, yang terdaftar sudah beribu-ribu semenjak tahun 2009 dan banyak lagi belum diselesaikan.

Masalahnya majistret pun dibebankan oleh kerja-kerja mereka sendiri, kes-kes biasa. Jadi tidak ada banyak masa untuk mengendalikan kes-kes *inquiry* berhubung dengan daftar lewat ini. Sebagai contoh di daerah Lahad Datu, kita hanya mempunyai seorang majistret yang juga duduk sebagai Hakim Mahkamah Seksyen. Jadi tentu sekali beban yang banyak ditanggung oleh seseorang yang menjalankan dua-dua jawatan iaitu Hakim Mahkamah Seksyen dan juga majistret. Ini amat membebankan. Oleh sebab itu tertangguh banyak kes ini. Saya sentiasa berjumpa dengan ibu bapa yang merayu minta dipercepatkan kes-kes anak mereka didengar supaya anak-anak mereka boleh menduduki peperiksaan.

Saya amat sedih sebab perkara ini telah berlarutan sekian lama. Saya mencadangkan supaya pejabat pendaftaran membuat satu kajian yang mendalam supaya kalau boleh dielakkan pergi ke Mahkamah Majistret sebabnya banyak perkara-perkara yang timbul ini adalah perkara-perkara yang remeh seperti ibu bapa dia, bapa dia bukan warganegara, isteri dia warganegara, dan banyak kes-kes yang lain. Itulah sebabnya. Kita dapati juga di Sabah di dalam sebuah keluarga mungkin lima orang, tiga orang yang telah mendapat kad pengenalan, tetapi dua orang belum lagi. Kadangkala yang sulung tidak mendapat, belum lagi mendapat kad pengenalan biru tetapi selain adik-adiknya semuanya telah mendapat.

Ini disebabkan pada awal perkahwinan, mungkin ibu bapanya tidak tahu peraturan, mungkin tinggal di dalam *estates* dan tidak boleh dapat melaporkan kelahiran anak-anak ini. Jadi ini saya rasa di dalam keluarga, sekiranya lima orang, yang lain sudah ada kad pengenalan, saya rasa tidak ada masalah sekiranya pejabat pendaftaran meluluskan permohonan anak yang sulung ini. Ini mengelakkan kelambatan sebab Mahkamah Majistret tidak mampu untuk mengendalikan semua kes ini.

Saya mengharapkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara akan membuat peraturan supaya merujuk kepada Mahkamah Majistret ini adalah *the last resort*, satu tindakan yang terakhir sekiranya masih lagi ada cara-cara lain untuk meluluskan permohonan kad pengenalan daripada anak-anak ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merujuk kepada butiran ataupun kepada Maksud P.62 Butiran 56000 – Bangunan-bangunan Penjara. Di Sabah kita mempunyai enam buah penjara iaitu penjara Sekolah Juvana Keningau, Sekolah Henry Gurney Wanita Kota Kinabalu, Penjara Kota Kinabalu, Penjara Tawau, Penjara Sandakan dan Penjara Wanita Kota Kinabalu. Keenam-enam penjara ini sebelumnya mempunyai jumlah banduan iaitu 6,500 sedangkan kapasiti yang boleh ditampung oleh keenam-enam penjara ini adalah hanya 5,000 sahaja. Jadi sudah

menjangkau dan melampaui batasan yang telah ditetapkan untuk penyelesaian banduan-banduan yang ada.

Di Sabah sering juga dilaksanakan ops ataupun operasi untuk menangkap PTI. Pada tahun 2013, PTI yang telah ditangkap 2,364 dan jumlah ini juga membebankan kepada penjara-penjara yang perlu menampung mereka juga. Jadi saya dengan itu merayu kepada kementerian supaya membina satu lagi penjara di Lahad Datu. Saya difahamkan bahawa pihak penjara telah memohon pada tahun 2004, memohon sebuah penjara di Lahad Datu yang dengan kos sebanyak RM176 juta yang boleh menampung 1,000 orang banduan. Penjara ini akan dibina di sebuah tanah yang telah tersedia iaitu 75 ekar.

Saya berpendapat cadangan ataupun permohonan daripada Ketua Pengarah Penjara Malaysia ini harus diberi pertimbangan yang sewajarnya sebab keadaan di Sabah – telah begitu, penjara-penjaranya telah menampung begitu berlebihan. Mungkin ini juga akan menimbulkan ketidakselesaian banduan-banduan yang ada ditambah lagi pula dengan PTI-PTI yang ditangkap dan dimasukkan juga di dalam penjara yang sama.

Jadi memandangkan Penjara Lahad Datu adalah sangat relevan bagi memastikan kesesakan banduan yang di Sabah dapat dikurangkan dan terus memberi fokus kepada aspek pemulihan secara efektif. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat.

12.28 tgh.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya terus menyinggung Butiran 030000 – Penjara, bersekali dengan Butiran 030100 – Pengurusan.

Hari ini kita dipaparkan dengan tugas dan tanggungjawab penjara yang begitu kritikal, mengawal selia mereka yang digelar penjenayah, mereka yang digelar orang yang paling ditakuti, berisiko ketika berdepan dengan tugas. Saya ada menyebut sebelum ini dan Menteri kata dia akan kaji untuk menyahut pandangan saya ini. Namun saya ingin merakamkan sekali lagi supaya ianya bersikap membosankan tetapi bergerak secara segera kerana anggota penjara ini mempunyai deskripsi kerja yang mencabar. Saya mengulangi supaya kakitangan anggota penjara ini perlu diberikan gaji yang saksama dengan penguasa ataupun daripada jabatan-jabatan yang lain yang menjurus kepada kebertanggungjawaban mereka yang begitu mencabar.

■1230

Kita tidak boleh berjanji akan kaji, akan kaji tetapi pelaksanaannya tidak berlaku begitu kerana penjara tercicir jauh kalau kita bandingkan dengan jabatan ataupun dengan Kementerian Dalam Negeri pada waktu ini.

Maka yang demikian saya ingin memohon kepada Timbalan Menteri supaya mengkaji serius dan mengimplementasikan segera kerana mereka juga manusia juga inginkan hidup selesa dan diberikan gaji yang setimpal dengan deskripsi yang mereka lakukan supaya keadilan

dapat ditegakkan terhadap semua anggota yang di bawah Kementerian Dalam Negeri. Senyumnya Timbalan Menteri petanda aras mengatakan ya. Namun senyum tidak cukup kalau tidak melaksanakannya. Terima kasih Timbalan Menteri.

Saya juga tidak segan silu menyinggung butiran 090200 lagi sekali kakitangan kontrak yang dianggarkan pada tahun 2016 berjumlah 17,436,000 untuk tahun 2016 ini juga memaklumkan kepada kita pekerja kontrak itu besar skalanya di Kementerian Dalam Negeri.

Maka dengan demikian saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri apakah dimaksudkan dengan kakitangan kontrak? Kalau ia menjurus kepada polis simpanan, maka kalau ia diperlukan sumbangan dan tenaga mereka, perlulah juga dikaji untuk dikerjatetapkan mereka ini sebagai anggota keselamatan untuk memastikan mereka juga mendapat hak sebagai pekerja tetap dan tidak tercicir apa sahaja bentuk faedah-faedah yang diberikan kepada mereka untuk memastikan juga mereka dibela dan mereka tidak berterusan untuk dikontrakkan sehingga membebankan kehidupan mereka dan juga keluarga mereka.

Tanpa membuang masa, saya ingin merujuk kepada 090300 - Sistem Biometrik. Setahu saya pada sebelum ini telah pun dibuat satu sistem dipanggil 6P dan saya telah berkali-kali bertanya di Dewan yang mulia ini, apakah kesudahannya dengan 6P ini dalam konteks kejayaannya?

Namun yang jelas apabila ianya telah diperuntukkan anggaran tahun 2016 berjumlah RM80 juta dari tahun 2015 anggarannya RM100 juta. Maka saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah hasil daripada sistem biometrik ini yang membuahkan persoalan ada lagi kah pekerja-pekerja asing yang menjurus kepada pekerja haram dan meletakkan nombor yang betul dalam pekerjaan yang sah kerana berkali-kali dalam Dewan ini membicarakan ketakutan dan kegusaran mereka tentang masa depan apa yang akan berlaku di negara ini yang kita diramalkan penerimaan dalam masa tiga tahun oleh Menteri Dalam Negeri berjumlah 1.5 juta.

Ini akan menakutkan kita yang kita diberitahu oleh Kementerian Sumber Manusia kedudukan dalam mereka yang telah pun berdaftar secara sahnya, berjumlah 2.109 juta. Ini juga petanda mengatakan sampai menjelang tahun 2020 sasarannya ialah 4.5 juta itu amat menakutkan kerana gerakan drastik untuk memastikan mereka pekerja asing yang tidak berdaftar ini segera dipulangkan ke negara mereka supaya kita boleh kawal selia. Ini yang saya difahamkan tentang biometrik yang hendak dilaksanakan.

Namun kita telah membelanjakan sasaran RM80 juta untuk tahun depan, dahsyat! Pastikan RM80 juta itu menghasilkan kejayaan supaya pekerja asing bukan lagi menjadi longgokan yang menakutkan. Timbalan Menteri, ini isu setiap kali berlakunya persidangan dalam Dewan ini membicarakan kegusaran dan ketakutan kami terhadap mereka pekerja asing yang tidak berdaftar, yang jumlahnya nun jauh kita pun tidak tahu berapa. Apa yang jelas Menteri harus bersungguh-sungguh menyelesaikan masalah daripada hati nalurinya supaya isu ini tidak akan memberi kesan buruk kepada generasi akan datang. Saya terus tanpa berlengah waktu merujuk kepada butiran 78...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat, bersemangat. Bawa isteri kah?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ada, itu mesti. Setiausahanya, dengan PANYa untuk memastikan bahawa perjalanan bicara saya tidak tersasar daripada isu yang sebenar. Dahsyat!

Tuan Pengerusi, tanpa melengahkan waktu saya ingin menyinggung perumahan Polis Diraja Malaysia. Jumlah anggaran tahun 2016 ialah RM8,850,000 yang sebelum ini tahun 2012 ke tahun 2014 berjumlah RM29,640,241. Anggaran tahun 2015 berjumlah RM12 juta. Persoalan pokoknya hari ini ialah apabila persaraan itu berlaku, apakah persiapan yang kementerian lakukan kepada anggota mereka?

Saya melihat daripada penceritaan semalam, yang mana seorang guru yang tidak bayar duit api RM1,600 telah pun ditekan, dianiaya, disiksa hidupnya sehinggakan enam bulan elektrik dipotong dan sebagainya. Ini saya anggap sebagai penganiayaan yang keterlaluan. Begitu juga dengan anggota polis apabila mereka bersara nanti, persiapan perumahan mereka juga menjadi tanggungjawab kementerian untuk memastikan bila persaraan itu hidup mereka tidak menjadi sengsara dan dalam keadaan pencen yang terhad, dalam keadaan mereka menghadapi kehidupan yang paling zalim, sengsara dengan percukaian GSTnya, dengan sara hidup yang tinggi, dengan peningkatan harga barang yang luar biasa.

Kita pastikan anggota-anggota polis ini yang telah menyumbang seluruh tenaga mereka kepada negara ini perlu diberikan juga perhatian. Pastikan peruntukan yang diberikan untuk perumahan anggota polis ini juga dilebar luaskan kepada persaraan mereka supaya apabila pencen nanti jangan ada kedengaran langau-langau yang mengatakan Kementerian Dalam Negeri tidak bertanggungjawab ke atas bekas anggota-anggota yang telah komited menjalankan tugas mereka terhadap negara yang tercinta ini. Tuan Pengerusi, terima kasih diberi ruang ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nampak segar pelawat-pelawat kita, di atas kiri dan kanan. Ya Yang Berhormat Sepanggar, boleh buat macam Yang Berhormat Kuala Langat Yang Berhormat Sepanggar?

12.36 tgh.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam B.62 butiran 020000 - PDRM, 020500 - Dadah. Tuan Pengerusi, saya difahamkan orang ramai memang selalu menuding jari kepada pihak polis dengan bermacam-macam tuduhan dan tohmahan tetapi kita jangan lupa bahawa anggota polis juga manusia seperti kita.

Kerajaan, KDN hendaklah melihat kepada kebajikan anggota polis khususnya yang berada di luar bandar di Sabah. Kalau kita tengok kawasan balai daif, bit-bit polis itu bocor dan bagaimana kita mengharapkan anggota polis untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh jika mereka berada dalam suasana yang tidak begitu baik. Kerajaan juga jangan lupa untuk

memberikan pingat-pingat yang tertentu kepada anggota-anggota polis yang terlibat, khususnya yang terkorban dalam serangan di Tanduo baru-baru ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada elaun lambat bayar, kebajikan polis 1:10 nisbah yang berada di Sabah. Maknanya kita perlu menambah anggota polis dengan bilangan penduduk yang ramai, khususnya di kawasan Parlimen Sepanggar yang menjadi tumpuan di Sabah. Saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini tentang *physical fitness* anggota polis. Kalau ada orang kompelin tentang pakaian polis tidak begitu *smart*, selalu digosok ia menjadi berkilat menunjukkan pakaian itu sudah daif tetapi saya melihat kepada bentuk tubuh badan seorang anggota keselamatan di mana saya tengok ramai anggota polis hari ini perutnya ke depan.

Jadi bagaimana mereka berdepan apabila berlakunya kejar-mengejar di lapangan. Saya pernah terlihat seorang anggota polis di Kota Kinabalu terjatuh kerana terlalu letih dan penjenayah itu ketawakan dia Tuan Pengerusi. Jadi, saya fikir perlulah sudah *high time* dengan izin untuk anggota polis ini disyaratkan supaya menjalani latihan-latihan tertentu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kenapa Yang Berhormat Sepanggar tidak bantu kejar?

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Boleh Tuan Pengerusi. Latihan-latihan *fitness*. Dalam Butiran 02500 - Dadah. Ini satu masalah yang kritikal di kawasan Parlimen Sepanggar, dikenali sebagai kawasan pengedaran dadah yang terbesar di Kota Kinabalu. Indeks jenayah kesan daripada dadah ini semakin meningkat Tuan Pengerusi dan ramai orang awam kompelin tentang anggota anti narkotik ini kerana merekalah yang tahu di mana sarang-sarang dadah seperti ini.

■1240

Apa yang menjadi kebimbangan *public* ialah apabila penjenayah dadah ini ditangkap, dalam masa 24 jam mereka akan lepas dan sebahagiannya adalah penjenayah berat kerana mereka membawa banyak dengan jumlah yang banyak syabu, tetapi bagaimana mereka boleh lepas. Sebab itulah saya katakan ayat yang digunakan oleh orang awam ialah polis *kautim* semua, runding. Jadi ini menjadi satu musibah kepada anggota-anggota polis lain dan saya syorkan supaya anggota ini ditukar begitu kerap supaya mereka tidak dapat mewujudkan hubungan yang akrab dengan pengedar-pengedar dadah terutama sekali syabu di kawasan Parlimen Sepanggar.

Saya mintalah kerana saya perhatikan kadang-kadang di kawasan belakang rumah saya itu ada kawasan setinggian dan apabila polis menangkap penjenayah dadah ini mereka akan lari masuk ke kawasan halaman rumah saya. Saya melihat sendiri polis terpaksa tembak penjenayah ini dengan menggunakan peluru pelali, saya rasa bukan peluru *live bullet* tetapi penjenayah itu tidak boleh lari kerana urat dia kejang. Sampai begitu sekali kerana begitu rentannya kegiatan dadah di kawasan Sepanggar. Tuan Pengerusi, seterusnya saya merujuk kepada Butiran 06000 – Pendaftaran Negara. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Silam, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Raja tadi bahawa di Sabah ini memanglah banyak kes-kes seperti yang dilaporkan.

Tuan Pengerusi, sebab utamanya kenapa anak-anak ini tidak mempunyai dokumen. Kerana ibu bapanya berkahwin tanpa surat nikah. Apabila mereka mendaftarkan anak mereka, apabila Jabatan Pendaftaran meminta surat nikah, di situlah puncanya berlaku kegagalan untuk mendaftar. Akhirnya anak-anak ini menjadi *stateless citizen*. Samalah tarafnya dengan anak-anak pelarian yang berada di sekitar Kota Kinabalu yang masih lagi tengah malam masih ada berkeliaran dalam Bandaraya Kota Kinabalu itu sendiri. Jadi saya mohon supaya kerajaan melihat isu ini, saya setuju dengan Yang Berhormat Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur supaya Jabatan Pendaftaran, kalau sebelum ini tidak perlu rujuk ke mahkamah tetapi apabila ia menjadi isu politik, maka diwujudkan Mahkamah Khas yang saya difahamkan hanya Tan Sri Richard Malanjum seorang saja yang boleh *proceed* kes ini.

Adakah betul atau tidak sebab saya pun ada *family* juga di kalangan majistret ini dan difahamkan hanya seorang saja yang boleh *proceed* kes ini. Jadi adakah ini tidak melambatkan kes di mana anak-anak yang tahun 6 apabila dia masuk ke sekolah menengah, sudah sampai ke tahap tingkatan 3, mereka tidak boleh menduduki peperiksaan kerana tidak memiliki dokumen yang sah. Selain daripada itu Jabatan Pendaftaran sebelum ini mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan-permohonan daftar lewat ini. Dalam kes-kes tertentu sekiranya kawasan di luar bandar seperti Silam, di mana keluarga yang duduk dalam estet ataupun di kawasan pedalaman memang sebelum ini pernah Jabatan Pendaftaran mengadakan satu program untuk mendaftarkan penduduk yang tidak mempunyai dokumen ini di mana pihak polis hadir ke Mahkamah Anak Negeri, ketua kampung dan pemimpin-pemimpin tempatan hadir bersama untuk menentukan, untuk *identified* dengan izin sama ada pemohon itu penduduk tempatan ataupun tidak.

Jadi soalan saya kenapakah tidak diwujudkan semula sistem ini kerana sebelum ini ia boleh diwujudkan? Jika ia menjadi isu politik sebelum ini pun saya tengok semua parti-parti politik mengadakan program ini bersama-sama dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Tuan Pengerusi yang terakhir sekali saya minta supaya pasukan D9 yang khususnya yang melibatkan dadah ini diperkuatkan lagi dan ditambah lagi bilangan anggotanya kerana saya tengok bilangan pesalah dadah lebih ramai daripada anggota polis khususnya di kawasan Kota Kinabalu dan di Sepanggar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh.

12.45 tgh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 040000 – Imigresen, Butiran 080000 – RELA. Tuan Pengerusi saya hendak minta kementerian menjelaskan apakah fungsinya RELA. Kenapakah RELA, pegawai RELA mereka boleh memainkan peranan sebagai pegawai polis atau pegawai keselamatan di lapangan terbang khususnya ini di kawasan di pedalaman di Sarawak. Saya terima gambar *WhatsApp* daripada yang dihantar oleh rakan saya di Sarawak yang menunjukkan di kawasan Baram,

terdapat 5 lapangan terbang dijaga oleh pegawai RELA. Ini nampaknya telah pun berlaku selama lebih daripada 6 tahun.

Lapangan terbang yang dikatakan dijaga oleh pegawai RELA dan bukan pegawai polis atau pegawai keselamatan ialah Long Akah, Long Banga, Long Lelang, Long Seridan Bario dan Bakalalan. Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri penjelasan tentang apakah peranannya RELA? Kami ingat RELA ini kalau kita ada jamuan ataupun ada *event* atau *function*, kita boleh minta pegawai RELA untuk datang jaga trafik dan saya rasa ini adalah sukarelawan, ini kerja mereka tapi mereka nampaknya telah pun diberi jawatan sebagai polis di sesetengah tempat.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya celah sikit RELA.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sila.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Seputeh. Saya hendak sebut sikit tentang RELA. Saya tidak prejudis kepada RELA tetapi maklum balas daripada orang-orang yang pernah bekerja di Malaysia, pekerja asing, Bangladesh terutamanya, kebanyakan daripada kenangan pahit mereka ialah berkaitan dengan tindak tanduk anggota-anggota tertentu dalam RELA, mencemarkan nama negara. Jadi perlu dilihat kembali. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih, ini dimasukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya. Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk kepada Butiran 070000 – Pendaftaran Pertubuhan. Saya terima aduan daripada persatuan tentang *online* pendaftaran secara *online* dan pembaharuan persatuan mereka melalui *online*. Aduan mereka ialah pendaftar pertubuhan, mereka boleh terima banyak permohonan termasuk pembaharuan sesuatu persatuan termasuk juga pindaan perlembagaan persatuan itu melalui *online* tanpa menerima senarai kehadiran, minit AGM, EGM dan sebagainya. Jadi setiausaha yang baru boleh disahkan tanpa ataupun *office bearers* pemegang jawatan boleh disahkan melalui *online* sahaja tidak ada nampaknya semakan ataupun *check and balance*.

Ini, saya terima aduan ini kerana khususnya bila persatuan ada pertelingkahan, ada perubahan daripada segi pemimpin, barisan pemimpin mereka dan ini menjadi satu punca pergaduhan kerana terdapatnya pengerusi, setiausaha, persatuan penduduk boleh ditukar dua kali dan lepas itu mereka adu kepada ROS, lepas itu letak balik dan juga perlembagaan boleh ditukar melalui *online*. Saya faham yang sistem pendaftaran *online* ini eROS mereka datangkan banyak kemudahan tapi ini adalah kompelin yang saya hendak minta pihak Pendaftar Pertubuhan boleh lihat ini secara dengan lebih teliti khususnya apabila terdapatnya, atau wujudnya, adanya aduan.

Saya juga hendak tanya tentang apa berlaku pada DAP? Apakah keputusan pihak kementerian terhadap parti saya, DAP? Nampaknya penyusahan terhadap parti saya ini sampai sekarang masih diteruskan. Sampai sekarang yang barisan pucuk pimpinan DAP ini masih tidak diiktiraf oleh pihak ROS dan mereka selalu bagi alasan, ada aduan daripada segelintir ahli.

■1250

Jadi itu sebabnya sampai sekarang Yang Berhormat Bagan masih tidak diiktiraf sebagai Setiausaha Agung DAP dan kesemua kami ini menghadapi kesusahan. Saya rasa ini, *this is a form of political prosecution* yang saya rasa ini menunjukkan ROS ini tidak profesional. Adakah ini arahan daripada pucuk pimpinan UMNO kerana menteri UMNO, timbalan menteri dari UMNO terhadap DAP ataupun ini adalah yang menyelewengkan daripada pihak pegawai. Saya rasa dah banyak kali kami bawa isu ini dalam Dewan ini. Saya nak minta kalau ini adalah satu arahan daripada pihak UMNO, *let's fight gentlemanly*. Jangan gunakan ROS, guna ada yang segelintir orang daripada pihak Barisan Nasional masuk DAP buat kacau lepas itu pergi adu kepada ROS, ini jadi satu masalah sehingga sampai sekarang pucuk pimpinan DAP ini tidak diiktiraf oleh pihak ROS.

Saya memang berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri yang agak mesra rakyat ini, mesra dengan semua pihak ini boleh membetulkan kalau terdapatnya penyelewengan daripada kalangan pegawai ataupun penyelewengan mungkin daripada Timbalan Perdana Menteri kita merangkap Menteri Dalam Negeri. Betulkan, *let's fight gentlemanly*, jangan guna taktik kotor ini untuk cuba membubarkan DAP.

Tuan Pengerusi, saya juga nak sebut tentang MyEG. Sampai sekarang saya terima banyak aduan daripada mereka yang menggaji pekerja asing yang mana MyEG mendatangkan banyak kesusahan kepada mereka. Mereka kata MyEG ini memang tidak efisien, lebih teruk daripada sistem yang lama dan kami memang tidak faham kenapakah kerajaan boleh *answers* swastakan satu perkhidmatan yang patutnya dilakukan oleh pegawai imigresen ini kepada satu syarikat swasta. Apakah tujuannya bagi satu syarikat menjadi monopoli untuk menangani permohonan dan pembaharuan pekerja asing.

Saya terima banyak sangat aduan dan saya juga baca Yang Berhormat Timbalan Menteri juga kata terdapat aduan dan mana agen dilantik oleh MyEG. Ini menunjukkan apa. Ini menunjukkan MyEG ini tidak dapat menangani permohonan dan pembaharuan pekerja asing. Kenapa kita tidak balikkan kepada sistem yang lama, kenapa kerja macam ini, *this is services industry* oleh pengusaha kecil yang jadi agen permohonan dan sebagainya ini tidak kita pulangkan kepada mereka supaya mereka boleh ada satu bidang yang mana mereka boleh mainkan peranan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak rujuk kepada 020000 – PDRM. Saya nak puji beberapa IPD polis kita ini. Kalau di Kuala Lumpur macam Sentul, macam kawasan saya IPD Brickfields ini agak cantik tetapi saya juga rasa sedihlah apabila saya lihat terdapat juga cawangan PDRM ini macam Balai Petaling di Batu 5, Jalan Klang Lama, saya rasa teruk sangat. Bila saya pergi sana buat laporan polis, alamak kelengkapan di dalam balai itu khususnya di bilik IO dan sebagainya begitu teruk sekali. Yang saya tahu yang IO selalunya mereka terpaksa bermalam 24 jam kadang-kadang *on call* tetapi saya lihat kelengkapan sofa dan sebagainya begitu teruk dan dinding bocor, air hujan boleh turun dan di tangga tidak ada lampu, kotor sangat. Saya rasa hairan jawapannya tidak ada bajet.

Jadi saya masukkan ini dalam Facebook, begitu ramai orang komen dan rasa pihak kerajaan haruslah sekurang-kurangnya kita kata satu tempat yang lebih selesa bagi pegawai polis khususnya di pejabat IO dan sebagainya yang selalu *on call* dan terpaksa kerja lewat malam. Saya memang hendak minta pihak kementerian untuk menambahbaikkan kelengkapan di dalam bangunan polis kita.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Seputeh, ringkaskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, okey. Tuan Pengerusi, saya tadi dengar ucapan daripada Yang Berhormat Bukit Gantang tentang peranan *special branch*. Sebenarnya bolehkah saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong terangkan, saya lihat buku bajet kita ini Butiran 020200 – Logistik yang peruntukannya ialah RM990 juta. Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah hanya RM678.7 juta. Jadi saya hendak tanya apakah peranan logistik ini, kenapakah peruntukannya jauh lebih daripada penyiasatan jenayah.

Juga saya hendak tanya tentang risikan keselamatan di bawah Butiran 020400 yang mana peruntukan sebanyak RM492.3 juta itu diberikan. Jadi adakah ini ialah untuk *special branch*, untuk ikut ahli politik pembangkang mana kami pergi, mereka ikut khususnya di kawasan pedalaman. Saya sekarang dilarang masuk ke Sabah dan Sarawak tetapi setiap kali saya masuk, bila nak masuk ke kampung, di belakang saya ikut ada empat, lima orang pegawai *special branch*. Apa ini? Saya pergi buat seminar, mereka masuk dengar, satu hari makan percuma, semua percuma. Apa yang mereka buat?

Jadi apakah peranan mereka ini dan sebenarnya saya juga nak tanya Butiran 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam. Jadi yang diberi RM2,206,000,000 ini. Jadi saya hendak tahulah apakah perbezaan di antara penyiasatan jenayah, risikan keselamatan, lepas itu kita ada keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Adakah ini untuk cari siapa ISIS ataupun untuk nak tenteramkan perhimpunan orang ramai macam Bersih dan sebagainya dengan peruntukan yang berlainan ini.

Akhirnya saya nak sebut sikit tentang penjara. Penjara ini saya baru tahu yang kalau seseorang ini dijatuhkan hukuman mati, dia akan masuk dalam *solitary confinement*. Satu hari hanya dibenarkan keluar untuk satu jam sahaja. Jadi mungkin sebelum dia digantung mati, dia mungkin berada dalam bilik persendirian selama dua tahun, tiga tahun, ada yang memohon pengampunan daripada Sultan ataupun Agong itu, mereka tunggu lebih lama. Saya rasa ini adalah satu layanan yang tidak berperikemanusiaan. Memandangkan kerajaan sekarang kata akan menyemak kembali sama ada hukuman gantung itu *compulsory* diadakan, mungkin saya rasa bolehkah kita tunjuk kemanusiaan kepada banduan yang dijatuhkan hukuman mati itu supaya sebelum dia mati, dia boleh rasa lebih selesa. Kalau tidak *solitary confinement* satu orang sahaja, satu hari boleh cakap dengan banduan yang lain dan pegawai yang lain, satu jam sahaja. Saya hendak minta pihak kementerian boleh menyemak tentang cara mereka melayan banduan hukuman mati itu.

Akhirnya ialah saya nak setuju dengan Yang Berhormat Kota Raja dan Ahli Yang Berhormat Silam dan sebagainya yang kata tentang yang anak luar nikah...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Seputeh, boleh saya? Yang Berhormat Seputeh bangkitkan isu berkenaan dengan *death penalty* Tuan Pengerusi. Saya hanya nak tanya, minta Yang Berhormat Seputeh adakah bersetuju supaya pihak kementerian juga memberitahu Dewan ini sekiranya ada cadangan untuk memansuhkan *mandatory death penalty* dan sekiranya ada dalam masa ini ada moratorium, maknanya kita tangguh dulu hukuman-hukuman tersebut sehingga satu keputusan dibuat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila habiskan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Puchong. Akhirnya saya hanya nak katakan yang tadi yang masalah-masalah tentang perkahwinan yang mana saya dapat beberapa kes yang mana anak itu adalah semua anak yang dilahirkan oleh mereka yang pasangan suami isteri tetapi mungkin anak yang pertama itu, dia dilahirkan sebelum nikah kahwin ataupun pendaftaran perkahwinan mereka. Jadi kalau isteri itu adalah warganegara China, yang anak pertama adalah warganegara China, yang lain itu warga Malaysia. Anak pertama tidak dapat masuk sekolah kebangsaan dan sebagainya, banyak masalah. Kami cuba memohon bagi pihak mereka, selalunya kita kena tunggu lama, empat lima tahun pun tidak ada apa-apa keputusan dibuat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Seputeh, pukul 1.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jadi saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri, tolonglah pasangan-pasangan yang menghadapi masalah seperti ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelah kanan tidak ada? Yang Berhormat Kuala Selangor tidak berhajat? Yang Berhormat Yang Berhormat Temerloh, sila.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Yang Berhormat Bachok.

1.00 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan di sini untuk merujuk kepada Butiran 020000.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Temerloh, cukuplah setakat butiran. Kita sambung pada jam 2.30 petang.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tgh.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya lihat sudah 10 orang yang ambil bahagian. Kita bagi sedikit-sedikit kemudian Yang Berhormat Menteri jawab. Saya jemput Yang Berhormat Temerloh untuk menyambung perbincangan.

2.32 ptg.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: *Azubahillahi minash syaitonir Rojim, Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk menyambung perbincangan. Rujukan saya adalah butiran 020000 – Polis Diraja Malaysia. Aktiviti 020600 – Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam.

Pertamanya saya ingin memberikan satu komitmen bahawa segala langkah yang diambil untuk mengurangkan kadar jenayah yang berlaku dalam negara kita seperti menambah jumlah pegawai yang bertugas dan juga menambah penggunaan CCTV adalah sangat disokong dan ini adalah merupakan satu langkah yang baik sehingga statistik Polis Diraja Malaysia mengesahkan bahawa kadar jenayah dalam negara kita telah pun menurun.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, dalam masa yang sama satu kajian yang telah dijalankan oleh *Frost & Sullivan* sebuah agensi yang dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan kajian dan juga penyelidikan berhubung dengan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak berkuasa dan keselamatan negara pada tahun 2013 yang mana hasil kajian ini telah membuktikan perkara yang sebaliknya.

Di mana kajian itu menunjukkan hanya 10% sahaja di kalangan rakyat Malaysia yang mempercayai bahawa kadar jenayah negara kita telah pun menurun hanya 10%. Tambahan pula indeks rasa selamat di kalangan masyarakat, di kalangan rakyat dalam negara kita hanya 29% sahaja pada tahun lepas, pada tahun 2014.

Jadi ini adalah merupakan satu yang bertentangan ataupun berbeza dengan apa yang ditunjuk oleh Polis Diraja Malaysia bahawa kadar jenayah itu semakin menurun. Saya ambil *sample case* di kawasan saya di Temerloh, taman-taman perumahan. Boleh dikatakan saban waktu, saban hari, saban minggu kedengaran sahaja berita tentang rompak, pecah rumah dan seumpamanya.

Di Kuantan di Taman Pelindung Perdana, Beserah juga hampir setiap minggu kita dengar berita yang sama. Ini sebagai *sample case* sehingga penduduk tempatan terpaksa

mengupah pihak tertentu sukarelawan membuat kawalan. Kita buat pukul 12.00 tengah malam sehingga pukul 5.00 pagi, dia masuk merompak pukul 5.30 pagi. Kita sambung sampai pukul 6.00 pagi, dia merompak seawal 11.00 malam. Jadi mereka juga licik dan menyebabkan rakyat tidak selamat dan rasa takut untuk menghadapi hari-hari kehidupan mereka.

Jadi persoalan saya ialah kenapa perkara ini masih boleh berlaku sedangkan pihak Polis Diraja Malaysia mengesahkan indeks jenayah itu menurun. Di mana sebenarnya silapnya dan apakah pihak penguatkuasaan masih belum benar-benar berkesan dan berjaya untuk mencegah jenayah ini berlaku ataupun kerana undang-undang yang masih belum benar-benar menggerunkan penjenayah ataupun tidak berkesan untuk menghadirkan rasa selamat di kalangan rakyat Malaysia.

Kemudian yang kedua, Tuan Pengerusi saya rujuk kepada butiran 050000 – Agensi Antidadah Kebangsaan. Di sini juga saya masih meragui status Malaysia Bebas Dadah 2015 kerana statistik yang dikeluarkan oleh Agensi Antidadah Kebangsaan ini pada tahun lepas 2014, menunjukkan bahawa langkah untuk menangani racun dadah di negara kita ini masih kelihatan kurang efektif.

Statistik yang ada pada tahun lepas jumlah kes penagihan adalah 21,777 kes dengan 13,605 kes yang baru manakala baki 8,172 adalah kes yang berulang. Jadi ini tidak menunjukkan suatu perubahan yang memberangsangkan ataupun yang baik sejak daripada pelaksanaan pelan strategik Agensi Antidadah Kebangsaan 2011 sehingga 2015 ini.

Jadi dengan itu saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan, yang pertama supaya kajian menyeluruh dijalankan termasuklah menguasai psikologi masyarakat dalam menyediakan sesuatu *exit plan* terhadap permasalahan dadah yang berlaku dalam negara kita. Kemudian yang kedua untuk kita memahami bagaimana langkah-langkah rawatan alternatif selain daripada apa yang telah sedia ada. Umpamanya menggunakan elemen-elemen keagamaan yang pastinya akan lebih menyentuh ataupun lebih berkesan untuk mendidik dan juga merawat kes-kes yang berlaku.

Kemudian yang ketiga ialah berkait dengan hukuman. Setelah hukuman yang sedia ada ini dilihat masih lagi bermasalah untuk mengekang penularanedaran dadah di dalam negara kita kenapa tidak kita juga membuat kajian tentang hukuman Islam sebagai contoh yang mengambil langkah pencegahan dan juga pendidikan yang lebih awal sebelum sesuatu hukuman itu dijatuhkan.

Kemudian yang terakhir Tuan Pengerusi, butiran 080000 – Jabatan Sukarelawan Malaysia. Tuan Pengerusi, ringkasnya saya hendak sebut begini. Saya mengambil satu *precedent* yang berlaku di mana Ke Bawah Duli Sultan Negeri Perak telah pun memberi pingat ataupun memberi penghargaan, pengiktirafan kepada Allahyarham Doktor Burhanuddin Al-Helmi walaupun beliau ini, Almarhum ini daripada pembangkang, Parti Islam Se Malaysia (PAS).

Ini menjadi suatu *precedent*, saya hendak tanya pandangan pihak kerajaan ataupun pihak kementerian, bolehkah memberikan pengiktirafan di mana kami PAS di bawah Parti Islam Se Malaysia (PAS) ini ada satu jabatan sukarelawan iaitu Jabatan Amal Malaysia yang mana

saya lihat mutakhir ini bencana-bencana yang berlaku dalam negara kita tidak kiralah musibah banjir, tanah runtuh yang terbaru di Karak, Jabatan Amal ini antaranya yang paling awal sampai untuk membantu dan memberikan pertolongan awal kepada mangsa tanpa mengenal latar belakang perbezaan parti politik, agama dan seumpamanya.

Jadi kalau ada pengiktirafan begitu barangkali memudahkan Jabatan Amal ini pergi lebih jauh untuk membantu dan juga menjadi NGO sukarelawan dalam apa jua bentuk bencana dan musibah dalam negara kita.

■1440

Jadi, saya minta pandangan pihak kerajaan apakah boleh memberikan pengiktirafan. Walaupun dia ditubuhkan di bawah parti politik tetapi melihat kepada peranan dan juga keberkesanan aktiviti-aktiviti yang telah pun dilakukan dan dijalankan oleh Jabatan Amal Malaysia ini. Jadi, itulah tiga perkara yang saya ingin sentuh dalam perbahasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiu.

2.40 ptg.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara. Yang pertama 05000 iaitu AADK. Lebih tertumpu pada 050400 – Rawatan dan Pemulihan. Kalau dilihat kepada jumlah bilangan ini RM123 juta diperuntukkan pada tahun 2015 dan RM142 juta peningkatan. Jadi, tujuan asalnya memanglah begitu baik sekalilah untuk merawat, memulihkan penagih dadah ini dan juga untuk yang paling utama mencegah penagihan semula.

Jadi masalahnya yang berlaku sekarang saya tidak dapat kepastian setakat mana kejayaan. Ini saya minta pihak kementerian menjelaskan setakat mana kejayaan rawatan dan pemulihan itu sendiri sebab kita berbelanja berjuta-juta, beratus juta setiap tahun dan kemungkinan akan bertambah lagi. Jadi, saya hendak mintalah pihak kementerian menjelaskan dari segi kejayaan pihak AADK itu sendiri.

Sebab mengikut pengalaman saya yang pernah dirawat di pusat pemulihan semasa saya bekerja dahulu saya lihat dari segi pemulihan tidak berapa berkesan sebab biasanya sudah masuk dalam pusat pemulihan, dan keluar balik kebiasaannya dia akan balik semula kepada penagihan. Jadi, di sini maknanya saya mintalah pihak yang berkenaan supaya mengambil langkah-langkah yang baik, langkah-langkah untuk tujuan selepas dilepaskan itu apa langkah-langkah yang perlu diambil. Macam meletakkan di bawah keluarganya kah, apa semua. Maknanya ada perkara-perkara yang perlu dibuat. Maknanya saya agak terkilan kalau ini yang kita belanjakan begitu banyak dan tidak ada hasilnya dan tidak ada gunanya.

Selain kita tahu bahawa dadah ini adalah merupakan musuh utama negara. Kita tahu musuh nombor satu diletakkan walaupun kita ada musuh-musuh lain. Musuh-musuh dari segi pencerobohan Lahad Datu tempoh hari tetapi masalahnya orang-orang kita ini yang susahnyanya dia boleh bersekongkol kadang-kadang dengan penceroboh-penceroboh terutamanya yang ada

kata sandiwara lah dan sebagainya. Inilah yang saya tidak faham dengan rakyat kita, rakyat Malaysia yang kita hendak perjuangkan keselamatan negara kita tetapi pada masa yang sama kita boleh bersekongkol dengan mereka. Ini yang saya rasa tidak ada tanggungjawab di pihak kita sebagai rakyat Malaysia.

Keduanya saya ingin menyentuh berkenaan dengan PDRM - 020000. Saya akan rangkum bersekali dari segi keselamatan, dari segi penyiasatan jenayah, siasatan jenayah komersial dan sebagainya. Dari segi keselamatan ini kita lihat polis Malaysia ini memang agak hebat dalam mempertahankan negara, dalam menjaga keselamatan negara dan sebagainya. Masalah kadang-kadang berlaku kepada anggota-anggota ini mereka ini kadang-kadang terdedah kepada ancaman-ancaman.

Contohnya lah kalau di Lahad Datu hari itu macam mana mereka dipenggal lehernya, dikorek matanya dan juga di sekatan-sekatan jalan raya mereka ditikam. Jadi, perkara-perkara ini tidak ada yang diperjuangkan. Ini saya hendak tahu daripada pihak kementerian, setakat mana pihak kementerian mengambil langkah-langkah untuk menjaga keselamatan mereka juga dan apakah langkah-langkah selepas mereka ini menjadi mangsa kepada kekejaman terutama daripada pihak penjenayah itu sendiri.

Yang kita buat sekarang ini seolah-olah macam kita memperjuangkan penjenayah-penjenayah tetapi pihak polis yang menjaga keselamatan ini seolah-olah tiada siapa yang kisah. Macam dibiarkan mereka ini terdedah kepada ancaman-ancaman daripada penjenayah itu sendiri. Dari segi penyiasatan jenayah ini saya lihat jumlah kertas siasatan sebanyak 122,000 pada tahun 2015 dan bilangan kes yang diselesaikan 59,000. Apa yang saya hendak tahu sekarang ini penyelesaian itu di peringkat mana? Peringkat penyiasatan atau pun selesai sehingga dibawa ke mahkamah atau pun NFA dan sebagainya lah. Jadi, saya hendak tahu seolah-olah macam tidak sampai separuh pun diselesaikan. Apa kekangan yang ada? Adakah kerana perjawatan tidak cukup, anggotanya tidak cukup untuk menyiasat atau kerana sebab-sebab lain yang tidak dapat dielakkan. Begitu juga dengan kes jenayah komersial pun keadaan adalah sama.

Rasa macam ada lagi tetapi sudah tidak ada ditulis.

Seorang Ahli: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bercakap sesama sendiri]*

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Nampak dia orang tidak hendak dengar ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sekian terima kasih lah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat ini tidak hendak dengar. Masalah dia memperjuangkan benda-benda lain yang tidak bermanfaat. Kalau dari segi keselamatan, pihak-pihak anggota keselamatan tidak diperjuangkan. Yang diperjuangkan adalah kepada penjenayah-penjenayah dan juga membela orang-orang yang bersekongkol dengan

mereka dan sekali lagi bersekongkol juga terutama Yang Berhormat Kuala Langat. Yang Berhormat Sepang samalah itu. Yang Berhormat Sepang ini dia tidak kisah dah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, kalau dia tidak ada *point* suruh dia duduk, saya hendak cakap ini.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ini ada...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia pandai duduk lah Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *Beat around the bush* ni.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia pandai duduk lah itu Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Dia kata *point* tidak ada lagi dah. Cukuplah.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Yang Berhormat Sepang, saya tidak pernah mengganggu kamu bercakap.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tadi kata ada *point* lagi.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Ada *point* lah hendak cakap ini. Kena usik la sedikit. Dia tidak boleh tahan, dia tidak boleh tahan. Dia panas, cepat panas.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Sekejap sahaja.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Setakat ini sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak bagi lah Yang Berhormat.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, sudah habis? Belum tanya dah habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya cari PKR. Ya Yang Berhormat Batu.

2.48 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Lepas ini ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam tajuk 01000 – Pengurusan Dalam Dasar Keselamatan Dalam Negeri. *Point* utama saya ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Yang Berhormat Pulai pada 28 November telah mengumumkan atau isytiharkan bahawa ada perancangan serangan dari kumpulan Sulu telah merancang untuk melakukan balas dendam dan telah mendarat di kawasan Lahad Datu.

Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri, adakah ini cara yang terbaik untuk mencegah ancaman-ancaman keselamatan? Kenapa Yang Berhormat

Timbalan Menteri memilih untuk mengumumkan dalam surat khabar tetapi saya tidak tahu apa motif dia kerana adakah ini adalah satu cara untuk maklum kepada kampung-kampung di sekitar supaya mereka boleh berhati-hati.

■1450

Apakah langkah-langkah yang telah disediakan untuk menjaga keselamatan orang-orang kampung di sekitar Lahad Datu ini? Saya juga ingin tahu sama ada selepas insiden Lahad Datu ini sama ada kerajaan telah mengambil langkah yang proaktif untuk memastikan supaya tragedi seperti ini tidak berulang lagi. Apa yang kita dapati hanya sekadar ESSCOM ditubuhkan. Pada umumnya, kita tahu ada beberapa kumpulan yang mempunyai senjata di Selatan Filipina termasuk Abu Sayyaf yang telah melakukan beberapa penculikan dan pembunuhan. Juga ada MILF dan MRLF dan kesultanan yang dikatakan Kesultanan Sulu. Saya ingin tahu sama ada kerajaan sudah mengenal pasti kumpulan mana yang sebenarnya telah melakukan pencerobohan Lahad Datu dua, tiga tahun yang lalu. Kalau mereka sudah kenal pasti dengan risikan, apakah langkah-langkah kerajaan yang telah melakukan untuk membawa kumpulan yang melakukan keganasan ini ke muka pengadilan?

Adakah kerajaan telah melakukan tindakan diplomatik untuk pastikan kumpulan ini dihadapi supaya mereka dicegah untuk melakukan keganasan dan ancaman kepada keselamatan kita? Itu soalan saya. Akhir sekali, saya dalam tajuk perumahan polis. Cuma *point* saya ialah, dalam pada tajuk lapan projek Butiran 78000 – Perumahan Polis Diraja Malaysia. Saya cuma ingin dapatkan satu senarai audit rumah-rumah polis. Saya dapati di banyak tempat termasuk di kawasan Batu ada yang kelengkapan tidak sempurna, ada yang lif rosak dan pelbagai. Kalau kita mengiktiraf dan menghargai sumbangan dan pengorbanan anggota polis, sekurang-kurangnya perkara yang pertama ialah kita membekalkan mereka perumahan yang selesa. So, saya kalau boleh, saya ingin dapatkan sama ada kerajaan telah lakukan satu *auditing* semua kawasan perumahan polis. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

2.53 ptg.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya akan bercakap mengenai butiran mengenai pertamanya berkaitan dengan penjara iaitu Butiran 0300000 - Penjara. Saya hanya ingin menyatakan berkaitan dengan hak seorang banduan untuk mendapatkan rawatan. Saya ingin fokus kepada permintaan daripada Dato' Seri Anwar Ibrahim yang inginkan supaya beliau diberikan rawatan di luar negara berkaitan dengan kesakitan yang beliau alami. Tuan Pengerusi, saya melihat bahawa walaupun pihak penjara sehingga hari ini masih lagi tidak ingin membenarkan Dato' Seri Anwar Ibrahim diberi rawatan ke luar negara tetapi bagi saya, isu ini adalah isu yang melibatkan hak asasi manusia. Hak yang digamit oleh perlembagaan iaitu Artikel 5(1) yang menyatakan, *no one can be deprive his liberty and life safe in accordance with law*. Yang mana kalau kita lihat dalam kes-kes yang diputuskan di mahkamah di Malaysia ini, perkataan '*life*' itu, perkataan '*kehidupan*' itu telah

ditafsirkan dengan begitu luas, termasuk hak untuk *employment* dan saya percaya hak ini juga hak untuk mendapatkan rawatan yang terbaik untuk seseorang.

Bila dikatakan perkataan *person* itu, ia tidak hanya merujuk kepada mereka-mereka di luar penjara tetapi juga mereka-mereka yang ada di dalam penjara. Saya merasakan Tuan Pengerusi, bahawa hak itu mestilah ditentukan oleh orang yang mengalami sakit itu sendiri. Dia pun yang tahu tentang sakit dia. Dia sendiri yang ingin dapatkan rawatan terbaik untuk diri dia. Kenapa ada orang lain yang menentukan pula hak dia itu? Bagi saya, ini hak asasi. Ini hak yang sepatutnya kita semua jamin dan di dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim ini nampaknya kita tidak menjamin hak itu. Malahan, sebelum ini pun apabila Dato' Seri Anwar Ibrahim membuat petisyen untuk pengampunan dalam keadaan petisyen beliau belum masih lagi didengar dan dari segi perlembagaan, kerusi beliau secara perlembagaannya belum kosong. Beliau juga dinafikan untuk hadir di Parlimen, sedangkan beliau sebagai Ketua Pembangkang masa itu, kerusi masih kosong.

Kita langgar perlembagaan. Pihak penjara langsung tidak mengendahkan peruntukan perlembagaan, tidak mengendahkan hak Ahli Parlimen, beliau sebagai Ahli Parlimen Ketua Pembangkang. Kali ini kita menafikan lagi hak asasi beliau sebagai seorang yang sakit dan beliau tentu mempunyai alasan tersendiri kenapa beliau hendak dapatkan rawatan itu. Jadi, saya harap pihak Menteri Dalam Negeri dapat kalau boleh menjamin hak ini. Saya telah *check* banyak dalam *Governance Covenant* ataupun *resolution* di peringkat antarabangsa yang memang memberikan hak kepada orang-orang yang ditahan ini untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan yang terbaik untuk diri beliau. Itu yang pertama.

Yang keduanya, saya juga ingin bertanyakan berkaitan dengan Butiran 020000 - Polis Diraja Malaysia (PDRM), yang spesifiknya penyiasatan jenayah. Di mana peruntukan untuk penyiasatan jenayah ini telah ditambah daripada RM559 juta lebih kepada RM678 juta lebih, menunjukkan bahawa penyiasatan jenayah ini satu aspek yang penting bagi PDRM.

Maknanya, kalau kita lihat kepada muka surat 616, dokumen ini, saya bacakan antara aktiviti pihak PDRM, penyiasatan jenayah. Memastikan masalah jenayah dapat dibendung dan ditangani melalui pencegahan dan peningkatan kadar penyiasatan jenayah yang memberikan keyakinan kepada masyarakat terhadap tindakan polis ke atas penjenayah. Ayat yang khususnya ialah 'memberikan keyakinan', *to give confidence* kepada masyarakat terhadap tindakan polis. Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini kita didedahkan bahawa Pengerusi Eksekutif NFC dibebaskan daripada semua pertuduhan setelah pihak Peguam Pendakwa Raya menggunakan kuasa beliau di bawah seksyen 253 tidak silap saya, untuk tidak meneruskan pendakwaan. Tidak teruskan pendakwaan, kalau di bawah seksyen tersebut, sepatutnya selalunya walaupun pihak hakim mempunyai kuasa untuk membebaskan, dipanggil *discharge not amounting to acquittal* (DNA) tetapi di dalam kes ini agak pelik.

Walaupun beliau dikenakan dikenakan empat pertuduhan. Dua di bawah *Penal Code*, di bawah *crime of criminal breach of trust* (CBT). Dua lagi di bawah kesalahan di bawah Akta Syarikat. Apa yang saya hairan, Timbalan Pendakwa Raya boleh membenarkan permohonan

peguam bela untuk supaya beliau diberikan *complete acquittal*. Seolah-olah kes ini bukan kes yang serius. Yang Berhormat Pandan masih lagi disiasat dalam kes yang berkaitan dengan NFC. Orang yang dituduh terlibat, *misappropriate money*, RM9.7 million duit lembu dibeli untuk duit kondominium. Sekarang ini saya rasa yang kesian lembu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, pendakwaan sepatutnya di bawah JPM.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak, saya tahu. Saya akan masuk, saya akan masuk kenapa saya kata ini. Oleh sebab aspek penyiasatan jenayah. Saya hendak tanya kepada pihak polis. Adakah penyiasatan dalam kes ini begitu lemah sehingga pendakwaan tidak boleh diteruskan? Oleh sebab itu saya hendak masuk ini. Bagi saya, kalau penyiasatan ini sudah lengkap, penyiasatan dilakukan dengan baik, tak mungkin Pendakwa Raya akan tarik balik kes ini. Kes sebesar ini dan di antaranya melibatkan masukkan duit dalam akaun syarikat yang ada nama anak beliau. Sudah tentu saya tanya, adakah penyiasatan ini- berapa lama penyiasatan dibuat untuk kes itu? Berapa banyak sumber tenaga digunakan untuk siasat kes itu? Berapa banyak masa digunakan untuk siasat kes itu? Berapa banyak wang yang digunakan untuk siasat kes itu?

■1500

Kalau siasatan bagi saya apabila pendakwaan dibuat sudah tentu siasatan *should be tip top* yang terbaik. Sekarang saya hendak tanya dalam kes itu adakah pihak Menteri mendapat maklumat bahawa sebenarnya pendakwaan tidak dapat diteruskan kerana penyiasatan begitu lemah. Kalau begitu lemah bermakna kita tidak boleh mengharap, tadi saya kata tujuan prosedur jenayah adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat. Sekarang ini macam mana orang hendak yakin? Mereka yang terlibat menggunakan wang lembu tidak diteruskan pendakwaan. Jadi saya minta pihak Yang Berhormat Menteri menjawab isu ini. Tidak boleh lari dari aspek penyiasatan.

Ketiganya saya ingin tanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan isu polis juga. Kita lihat peruntukan kepada polis kalau dilihat secara keseluruhan begitu banyak. Saya hendak bagi contoh, pertamanya dia bagi dalam Butiran 020000, kita ada peruntukan pasal Pengurusan Polis sejumlah RM3 bilion lebih, Logistik juga sejumlah RM1 bilion, Penyiasatan Jenayah sejumlah RM559 juta, Risikan Keselamatan sebanyak RM440 juta, Pencegahan Dadah RM269 juta.

Akan tetapi ada juga diberikan peruntukan-peruntukan yang bersifat dasar baru. Antaranya peruntukan Penubuhan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti PDRM. Ini peruntukkan baru RM118 juta. Penubuhan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard PDRM sejumlah RM21 juta, Pejabat Baharu Sekretariat ASEANAPOL itu pun ada. Maknanya Emolumen bagi Perjawatan Baharu PDRM sejumlah RM35 juta, Pertambahan Jawatan Baharu Jabatan Imigresen Malaysia, itu satu emolumen perjawatan baru. Maknanya peruntukan kepada polis boleh dikatakan peruntukkan yang besar. Secara prinsipnya kita boleh terima. Kita tahu

polis mempunyai tugas yang besar, tugas yang berat, tugas yang memerlukan sokongan dan dokongan.

Persoalannya saya hairan kalau boleh beri peruntukan yang begitu besar termasuk tubuh Dasar Baru, di Sepang saya minta balai polis baru, di Putra Perdana yang jawapan daripada pihak di sini daripada Yang Berhormat Menteri bahawa antara jenayah yang tinggi di kawasan Sepang di Taman Putra Perdana. Sampai sekarang tidak ada balai polis. Sampai kami Ahli Parlimen, penyelaras DUN terpaksa pula kutip derma buat kabin untuk polis. Ini apa?

Saya sudah hantar surat, sudah bawa di dalam Parlimen, tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri. Menteri kata bagi nota, saya bagi nota. Sampai sekarang tidak buat lagi balai polis lagi ini. Boleh tubuhkan perjawatan baru, tidak boleh buat balai polis. Saya minta sangat-sangat kepada Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada Johor ini supaya dapat mempercepatkan pembinaan itu, rakyat sudah bising. Mereka kata kejadian jenayah agak besar dan tinggi di sana. Jadi saya minta ya.

Seterusnya saya juga minta daripada pihak Yang Berhormat Menteri dua jabatan, Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara. Yang dahulu sudah ada di bawah Dun Sungai Pelek sudah ada pejabat itu. Akan tetapi ditutup. Ditutup dua pejabat, antaranya tidak boleh bayar sewa. Saya peliklah, sebuah negara tidak boleh bayar sewa sampai tutup pejabat. Boleh bayar kepada pemegang konsesi tol sampai juta-juta, tiba-tiba tidak boleh bayar sewa kepada dua pejabat untuk kemudahan rakyat. Ini memang kerajaan yang memalukan.

Jadi saya harap supaya dapat buka semula. Kalau tidak ada bangunan, carilah bangunan lain untuk kemudahan rakyat di sana kerana mereka yang dapat anak baru, daftar perkahwinan banyak. Jabatan Pendaftaran Negara ini banyak fungsi dia dan juga Jabatan Imigresen ini saya harap sangat di Dun Sungai Pelek di bawah Parlimen Sepang itu supaya dibuka dengan segera kedua-dua jabatan kerajaan itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

3.05 ptg

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan beberapa perkara di bawah dua Butiran khususnya Butiran 020300 dan Butiran 020400. Tuan Pengerusi, ada tiga isu yang ingin saya bangkitkan di bawah butiran-butiran tersebut.

Pertama sekali Tuan Pengerusi adalah berkenaan dengan kes Altantuya. Kes Altantuya ini Tuan Pengerusi seperti yang kita tahu adalah satu kes *controversial* satu kes di mana jawapan-jawapan yang ditanya kebanyakannya belum dijawab. Tuan Pengerusi, salah satu isu yang timbul daripada kes tersebut adalah berkenaan proses ekstradisi salah seorang yang disabitkan dalam pembunuhan Altantuya ialah Lans Koperal *Sirul* Azhar Umar yang kini didapati berada di *Sydney*, Australia.

Dalam bulan Mac tahun ini Tuan Pengerusi, saya telah pun mengucapkan tahniah kepada Menteri berkenaan dengan proses ekstradisi tersebut dan saya diberi jawapan bahawa

proses tersebut sedang dimulakan dalam bulan Mac tahun ini. Baru-baru ini saya tanya soalan sekali lagi Tuan Pengerusi dan jawapan yang sama *in fact cut and paste* dengan izin diberi. Jadi bulan Mac sampai sekarang proses sedang dimulakan.

Adakah ini satu Jabatan yang kompeten untuk mengambil lapan bulan ke tujuh bulan untuk memulakan proses ekstradisi Sirul Azhar Omar itu dari Australia ke Malaysia ataupun adakah ia satu perkara yang tidak tepat yang sebenarnya proses ekstradisi itu belum atau tidak dicadangkan untuk diambil. Tuan Pengerusi, adalah perkara penting Tuan Yang di-Pertua oleh kerana Mahkamah Persekutuan...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat pada peringkat ini Pengerusi Yang Berhormat.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta maaf. Ini adalah perkara penting. Oleh kerana Mahkamah Persekutuan telah pun menyabitkan kedua-dua tertuduh tersebut, salah satunya ialah Sirul dan beliau perlu dibawa balik ke Malaysia untuk menjalankan hukuman tanpa satu jaminan daripada kerajaan. Kita tidak akan tahu apakah pelan yang akan diadakan ataupun diambil terutamanya memandangkan baru-baru ini kita tahu ada satu *revolution* dengan izin di dalam Program Al-Jazeera di mana pemberita program tersebut telah pun membuat *allegations*, dakwaan-dakwaan yang amat serius yang dikatakan dari Sirul tersebut.

Jadi ini menambahkan kepentingan membawa balik Sirul tersebut ke Malaysia untuk tujuan penyiasatan selain daripada tujuan menjalankan hukuman oleh kerana sekiranya terdapat orang lain terlibat di dalam pembunuhan Altantuya iaitu berkenaan dengan motif siapa yang mengarahkan pembunuhan tersebut dikeluarkan, rakyat perlu tahu. Rakyat ada hak untuk tahu *why is this been swept under the carpet* dengan izin. *I've been asking this question*, saya telah tanya soalan ini beberapa kali. Saya tidak mendapat sesuatu jawapan yang memuaskan.

Adakah kementerian takut untuk mendedahkan perkara sebenarnya? Adakah Sirul mempunyai maklumat yang begitu sensitif yang mengakibatkan mereka tidak mengambil usaha untuk mengekstradisi beliau balik ke Malaysia. Ini adalah perkara-perkara penting oleh kerana kita mempunyai satu kes sivil sekarang yang melibatkan kes Altantuya ini di mana bapa beliau atau ayah beliau mengambil tindakan terhadap parti-parti tertentu termasuk kerajaan Malaysia. Sekiranya kerajaan Malaysia adalah salah sebuah parti atau pihak di dalam kes tersebut, sudah tentunya kementerian perlu memberi jawapan yang memadai.

■1510

Jadi itu adalah satu perkara yang penting dan baru-baru ini saya baru dimaklumkan hari ini bahawa pemberita program Al-Jazeera tersebut, Mary Anne Jolley namanya. Mary Anne Jolley saya dimaklumkan hari ini dikatakan tidak dibenarkan masuk ke dalam Malaysia kalau tidak silap saya dalam lebih kurang bulan Jun, bulan Julai tahun ini. Apakah alasan beliau tidak...

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: [Bangun]

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Just one minute, I just finish of this.* Apakah alasan beliau tidak dibenarkan masuk ke dalam Malaysia dikatakan oleh

Menteri ialah oleh kerana beliau merupakan seorang, *a trap to public security* dengan izin. *Just one minute*. Persoalannya yang timbul adalah bagaimanakah Mary Anne Jolley ini boleh menjadi satu *trap* kepada *national security* dalam bulan Jun atau Julai tahun ini apabila pada masa itu Program Al-Jazeera itu belum keluar. Program Al-Jazeera itu keluar dalam bulan Ogos, bulan September. So, sebelum itu macam mana dia boleh menjadi satu *trap*? Adakah terdapat sebab-sebab lain beliau tidak dibenarkan masuk? Silakan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor. Saya ingin rujuk kepada soalan saya semalam soalan lisan yang ada berkaitan dengan Mary Anne Jolley ini. Soalan ini tanya alasan wartawan Al-Jazeera Mary Anne Jolley tidak dibenarkan masuk ke negara ini berdasarkan siaran Al-Jazeera melalui rancangan 101 East Modern Malaysia, September 2015 yang lalu yang melibatkan kes pembunuhan Altantuya.

Jawapan dari Menteri bagi jawapan menjawab soalan (a) wartawan Al-Jazeera Mary Anne Jolley tidak dibenarkan masuk ke negara ini kerana tindakan yang boleh memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Akta Imigresen 1959/1963 memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Imigresen menyekat kemasukan mana-mana warganegara asing ke Malaysia setelah mempercayai individu berkenaan boleh membawa kemudaratkan kepada keselamatan negara. So saya hendak bertanya Yang Berhormat Bukit Gelugor, apakah dimaksudkan memudaratkan keselamatan negara oleh seorang *reporter* daripada wartawan Al-Jazeera.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan. Memudaratkan ataupun *trap to national security*, dengan izin adalah satu frasa yang amat serius. Ianya boleh diguna pakai terhadap pahlawan-pahlawan ISIS ataupun itu bukan perkataan yang wajar. Bukan pahlawan tetapi pengganas, minta maaf, pengganas-pengganas seperti pengganas ISIS. Kalau kita ada maklumat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti pengganas tersebut, sudah tentu aktiviti dan tindakan tersebut adalah *trap to national security*. Akan tetapi bagaimanakah satu laporan boleh menjadi *a trap to national security*? Itu persoalannya tetapi persoalan yang lebih serius adalah ini, program itu keluar selepas beliau tidak dibenarkan masuk.

Jadi, program itu tidak boleh digunakan sebagai alasan untuk tidak membenarkan beliau masuk ke dalam negara ini. So, pada masa beliau tidak dibenarkan masuk apakah dimaksudkan, saya hendak tanya Menteri, apakah dimaksudkan dengan aktiviti yang kononnya beliau buat, yang mengancam ataupun *a trap to national security*. Silakan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gelugor, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membawa petikan daripada Mary Anne Jolley sendiri, ini yang dia katakan dengan izin Tuan Pengerusi, "*I've reported stories from what are often referred to as a most repressive regime in the world North Korea, Zimbabwe, Saudi Arabia and Gaddafi's Libya and have never been devoted from my work as a journalist before.*" Saya ingin mendapatkan pandangan Yang Berhormat Bukit Gelugor kalau negara-negara seperti North Korea, Zimbabwe, Saudi Arabia termasuk Libya pun tidak pernah *default* Mary Anne Jolley

tetapi Malaysia telah melakukan. Apakah sebenarnya tahap ataupun sesuatu yang kita sedang menyembunyikan dalam kes Altantuya ini? Nampak makin disembunyikan, makin ada benda yang keluar, makin ada elemen-elemen politik dan konspirasi di sebalik kes Altantuya. Pandangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa untuk menjawab soalan tersebut tetapi saya ingat jawapannya adalah jelas. Ini merupakan satu perkara di mana kita sekarang telah pun dibandingkan dengan negara-negara seperti North Korea. North Korea lebih baik daripada kita, itu yang paling malang.

Isu yang seterusnya boleh saya diizinkan hanya untuk beberapa minit untuk menyentuh adalah berkenaan dengan beberapa laporan polis yang telah pun dibuat. Salah satu daripadanya yang dibuat, saya difahamkan oleh Ahli Parlimen Kota Raja. Di mana beliau telah pun membangkitkan ataupun membuat laporan berkenaan dengan kenyataan yang dibuat dalam wawancara oleh Datuk Abd. Rahman Dahlan yang bertajuk, "Swimming Against the *Tide to Get to the Truth*" dengan izin bertarikh 16 Ogos 2015.

laitu berkenaan dengan di mana Menteri tersebut telah pun menyatakan bahawa adalah perlu untuk *to get rid of* dengan izin *to get rid of certain individuals* di dalam kontroversi yang melibatkan Ahli Parlimen Pekan yang melibatkan kes penyiasatan terhadap kes 1MDB. Satu laporan polis dibuat pada 19 Ogos 2015 untuk mendapat tahu apakah yang beliau maksudkan dengan, "*We have to get rid of certain personalities*" dengan izin untuk *what would you do if you were a face in such situation. Get rid of such personalities.* Apakah yang dimaksudkan oleh itu? So, saya hendak tanya Menteri apakah status siasatan terhadap laporan polis tersebut yang bernombor *report* Sentul 014643/15. Itu sahaja terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya saya cuma boleh panggil tiga orang Yang Berhormat, yang lain itu minta maaf tidak dapat ambil peluang. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

3.18 ptg.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 040000 – Imigresen dan 040200 – Kawalan Imigresen dan juga 020000 – Polis Diraja Malaysia (PDRM), 020300 – Penyiasatan Jenayah. Tadi saya ada sebut tentang kes Mary Ann Jolley dalam jawapan lisan saya semalam yang saya pernah sebut tadi di mana Kerajaan Malaysia melabelkannya sebagai seorang macam pembunuh ataupun yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Saya rasa ini satu tuduhan yang amat serius yang tidak patut berlaku di Malaysia. Bagaimana seorang *reporter* yang tidak ada senjata, yang hanya buat laporan, yang dia interview nama Sirul Azhar dengan tepat siaran di Al-Jazeera ini boleh dilabelkan sebagai seorang yang

boleh memudaratkan keselamatan negara dan ketenteraman awam. Saya rasa ini satu jawapan yang tidak munasabah, yang saya rasa tidak bijak. Boleh melabelkan satu *reporter*, wartawan asing begini.

Saya rasa Kerajaan Malaysia (KDN) perlulah bertindak, saya rasa bersifat terbuka. Di mana, apa salahnya *reporter* ini. Bagi dia masuk sahajalah. Kalau ada apa masalah, caj dialah, tidak payah kita labelkan sebegini.

■1520

Saya rasa perkataan yang amat-amat serius yang sepatutnya tidak boleh dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia. Juga soalan (b) saya semalam kepada Menteri Dalam Negeri di mana adakah siasatan terhadap Sirul Azhar ditutup sejak dia melarikan diri ke Australia? Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri bagi menjawab soalan (b) pula, siasatan ke atas kes yang melibatkan Sirul Azhar telah selesai dan hukuman telah pun dijatuhkan oleh Mahkamah Persekutuan ke atas tertuduh. Sehubungan dengan itu, tidak timbul lagi isu berkaitan penutupan siasatan kes berkenaan. Saya rasa kes masih belum selesai. Tentang Sirul Azhar ini, adakah Kerajaan Malaysia menimbangkan untuk membuat proses ekstradisi bawa ke Malaysia untuk siasat beliau?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan hujahan berkenaan dengan video Al-Jazeera. Sebenarnya Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sahabat saya Yang Berhormat PJ Selatan, apabila ada satu kes, saya rasa khususnya dalam kes yang melibatkan jenayah yang besar, jenayah yang keras, saya rasa memang rakyat mahu mencari kebenaran. Maka mereka hendak tahu siapakah yang melakukan kesalahan itu dan juga siapakah yang mengarahkan kesalahan ataupun berlakunya insiden tersebut. Apabila tidak ada siasatan ke dalam aspek-aspek ini, maka memang terbukalah soalan itu dan oleh sebab itu wujudnya ramai yang mengutarakan banyak teori atau banyak penjelasan-penjelasan masing-masing oleh kerana sistem kita yang tidak memberi jawapan.

Apabila siasat, bawa ke mahkamah, isu yang besar, semua orang tahu apa berlaku tetapi semasa kes, tidak dijawab soalan yang penting itu. Apakah motif sebenarnya, siapa yang arahkan, siapakah yang melakukan dan sebagainya. Jadi bila berlakunya kekosongan tersebut, ini adalah hasil daripada kekurangan siasatan polis dan persoalan saya, jadi apabila video seperti ini diterbitkan, saya rasa cara yang paling baik adalah untuk kerajaan memberi respons kepada video tersebut. Kalau apa yang terkandung dalam video tersebut itu tidak betul, maka kita perlu bagi jawapan. Kalau video itu menyatakan sesuatu yang tak betul, apakah pendirian kerajaan, apakah pendirian menteri? Kita tak boleh ambil tindakan begitu sahaja, *just 'barred' him from the country, it doesn't solve anything, with the due respect Mr. Deputy Minister. It doesn't solve anything because the questions still remain and I think everybody asking the question.* Jadi persoalan dia, tidak bolehkah kerajaan kita bawa apa yang dibangkitkan dalam video tersebut dan kalau tidak boleh jawab, ini menyebabkan orang percaya kandungan video tersebut dan kita

tak boleh salahkan seorang pemberita yang buat *investigative reporting*, dengan izin Tuan Pengerusi, untuk mengeluarkan soalan-soalan penting yang berkenaan atau yang berkaitan dengan perkara itu. Apakah pendapat Yang Berhormat dari PJ. Selatan?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak tambah sedikit sahaja. Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat PJ. Selatan. Berkaitan dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Puchong apabila video ini dikeluarkan, kita mempersoalkan Al-Jazeera, kita mempersoalkan Mary Ann Jolly tetapi ada dikatakan dan dikaitkan bahawa bahan-bahan bukti baru telah dikeluarkan. Apakah peranan kementerian untuk mengkaji, menyelidik dan menyiasat benda-benda baru ini dan berkaitan dengan video tersebut, Al-Jazeera telah mengatakan *I quote* dengan izin, “*All those mention in the film have the right of reply*” Ini yang dikatakan oleh Al-Jazeera. Mengapa sampai hari ini tiada pula jawapan daripada pihak-pihak yang terlibat dan dinamakan dalam video tersebut? Ulasan daripada Yang Berhormat PJ. Selatan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya, saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Puchong dan juga Yang Berhormat Kapar. Saya rasa kerajaan perlu bagi penerangan yang boleh memuaskan rakyat. Apa yang ditimbulkan di video, benda yang sangat jelas ada seorang menggunakan pistol untuk membunuh Al-tantuya. Nama sudah dijelaskan tetapi mengapa tiada siasatan dijalankan? So kita tak boleh menafikan video itu, kita perlu siasat tetapi sampai sekarang tiada langsung siasatan dijalankan dan saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, seorang lagi Azilah Hadri yang telah dijatuhkan hukuman, adakah orang ini telah dijatuhkan hukuman mati, digantung atau hendak tunggu untuk proses ekstradisi Sirul Azhar balik ke Malaysia dan menjalankan hukuman?

Kes yang kedua tentang saya hendak bangkitkan isu peraduan gores dan menang yang saya sebutkan sebelum itu di mana saya dapat banyak kompelin berkaitan kes ini di mana polis sekarang, ada segelintir polis yang bantu pihak gores dan menang untuk menipu wang rakyat. Di kawasan saya di mana semasa orang itu ditipu dan buat laporan polis, polis bukan setakat tidak menyiasat kes ini tetapi bantu pihak syarikat gores dan menang mengatakan macam hendak menakutkan yang buat laporan itu kata kita ada banyak fail, tak boleh selesai kerana Kementerian Perdagangan Dalam Negeri tak boleh selesai, masih membenarkan syarikat itu menjalankan operasi tetapi pihak polis sebenarnya boleh selesaikan masalah ini tetapi tidak. Mereka bersubahat dengan pihak syarikat gores dan menang. Saya ada bukti, saya ada video. Sampai pegawai syarikat gores dan menang boleh senang keluar masuk di Balai Polis Brickfields, Sri Petaling di mana mereka boleh masuk untuk berunding dengan yang buat laporan, mangsa laporan tetapi polis tidak tangkap mereka. Polis membenarkan pegawai syarikat gores dan menang berdialog, berunding dengan si mangsa itu dalam balai polis. Saya ada nama polis itu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh gulung Yang Berhormat.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: So saya berharaplah polis boleh ambil tindakan segera di mana peraduan gores dan menang sampai sekarang masih berleluasa. Bukan

orang yang begitu senang ditipu tetapi menggunakan kekerasan. Mereka guna pisau, pistol untuk membawa si mangsa itu pergi bank ambil wang sampai pergi Genting kasino ambil keluar wang untuk bayaran. Dalam perundingan itu, pegawai syarikat gores dan menang beritahu si mangsa polis ada bersama dengan mereka so mereka tak takut, mereka boleh keluarkan perkataan kasar dan boleh menakutkan yang buat laporan itu. So saya harap polis boleh menyiasat di mana Sarjan Tarmizi di Balai Polis Brickfields, Sri Petaling yang menerima banyak kes gores dan menang tetapi beliau tidak dapat selesaikan masalah ini. Beliau boleh membenarkan pegawai syarikat masuk ke balai untuk berunding dengan si mangsa ini. Saya rasa ini satu perkara yang tidak boleh berlaku di Malaysia tetapi ia berulang-ulang kali berlaku di balai polis itu. So itu sahaja, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

3.29 ptg.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan satu isu sahaja iaitu tentang satu laporan kes yang berlaku minggu lalu mengenai seorang Tuai Rumah Jambai dari Bekelik, Bekenu dekat Miri di mana beliau telah diserang oleh sekumpulan gengster dan salah satu seorang gengster itu juga menggunakan samurai *sword* untuk menyerang beliau. Perkara ini adalah terlibat dengan satu kes pertikaian tentang tuntutan NCR (*Native Consumer Right Claim*) yang dibuat oleh komuniti yang diwakili oleh Tuai Rumah Jambai dengan Syarikat Tun Huat..

■1530

Kumpulan gengster yang menyerang tuan rumah itu pakai dua kereta. Datang dengan dua kereta di tengah-tengah Bandaraya Miri. Salah satu kereta yang mereka pakai ini adalah dimiliki oleh Tun Huat. Syarikat Tun Huat. Satu syarikat peladang yang besar di Miri dan salah seorang pengarah mereka adalah seorang temenggung. Oleh itu saya rasa risau kerana ada unsur-unsur politik, kuasa-kuasa politik di belakang syarikat peladang ini saya risau polis mungkin tidak akan menjalankan siasatan mereka dan tugas mereka dengan adil. Oleh itu saya bangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Harap pihak polis dan Timbalan Menteri boleh memberi perhatian atas perkara ini. Sampai hari ini pengarah itu dan pemilik saham syarikat yang memiliki kereta itu pun belum dijemput oleh polis untuk memberi bantuan kepada siasatannya. So, perkara ini telah berlaku beberapa kali dan dua tahun lalu pun seorang tuan rumah kerana beliau menuntut hak NCRnya. Dia pun diserang oleh kumpulan gengster yang diupah oleh syarikat peladang. Saya harap perkara ini tidak akan diulangi dan juga pihak polis boleh menjalankan tugas mereka dengan adil.

Isu kedua adalah mengenai bantuan polis. Penubuhan bantuan polis ini memang adalah dalam beberapa keadaan akan menolong dan membantu polis untuk menjalankan tugas mereka tetapi di Sarawak...

Seorang Ahli: Polis bantuan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Polis bantuan. Polis bantuan, *sorry*. Polis bantuan. Di Sarawak, sekarang apa yang berlaku adalah syarikat-syarikat peladang yang mempunyai ladang dan beberapa ribu ekar untuk menanam kelapa sawit itu, mereka pun menubuhkan polis bantuan. Dibenarkan menubuhkan polis bantuan untuk menjalankan tugas keselamatan. Menjaga keselamatan. Apa keselamatan yang harus dijalankan dalam hutan-hutan itu selain daripada menggunakan simbol Polis Diraja Malaysia (PDRM) itu untuk menakutkan. Menakutkan (*intimidate*) orang Dayak yang menuntut hak NCR mereka. Oleh itu apa yang berlaku sekarang adalah polis bantuan yang diupah oleh syarikat-syarikat peladang itu, mereka menggunakan *title* mereka sebagai polis bantuan untuk mengintimidasikan dan menakutkan penghuni di pedalaman supaya mereka mengira hak NCR mereka atau menakutkan supaya mereka tidak berani menuntut hak NCR mereka. Oleh itu saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi perhatian atas perkara ini supaya penubuhan unit polis bantuan ini tidak harus dibagi kepada syarikat-syarikat peladang kelapa sawit. Dulu mereka pakai gengster untuk menakutkan Orang Asli Dayak. Sekarang mereka pakai polis bantuan. Walaupun ada beza *title, the name we call it is different but in action they are the same people. Last time they are gangster, now they are polis bantuan sahaja*. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok]: Bachok.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Star. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab ya.

3.35 ptg.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin berbahas atas Butiran 020300 – Penyiasatan Jenayah. Saya ingin membangkitkan tiga isu ataupun tiga kes. Yang pertama adalah mengenai soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri sebelum ini. Dalam bulan Mac tahun ini saya telah pun membangkitkan persoalan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang menyatakan status siasatan polis terhadap Mashitah Ibrahim dan ucapannya semasa Perhimpunan Agung UMNO bulan November lalu yang mendakwa orang Cina Kedah membakar kitab Al-Quran di Kedah. Dalam jawapan pada masa itu, dimaklumkan kepada saya bahawa siasatan telah pun lengkap dan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara pada 5 Februari dan sedang menunggu arahan selanjutnya. Dalam sesi Parlimen yang terkini, saya juga telah pun membangkitkan persoalan yang sama. Cuma pada kali ini saya bertanya apakah tindakan lanjutan yang telah pun diambil oleh Pejabat Peguam Negara atas kertas siasatan. Saya amat kecewa sebab jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri seolah-olah *cut and paste*. Jawapan yang diberi dua perenggan. Ayat-ayatnya sama dengan jawapan yang diberi pada sesi lalu dalam bulan Mac tahun ini.

Tuan Pengerusi, apabila satu siasatan dilaksanakan, tanggungjawab Menteri ataupun pegawai polis tidak tamat apabila kertas siasatan diserahkan kepada Pejabat Peguam Negara. Adalah tanggungjawab mereka untuk *follow up*. Saya hendak tanya adakah mereka ada *follow up* atau tidak atas kes yang sebegitu serius ini? Menteri Dalam Negeri tidak boleh sahaja

menolak atau *shred* dengan izin tanggungjawab mereka kepada Ketua Peguam Negara. Kata Ketua Peguam Negara yang akan mengambil tindakan. Ini tidak boleh diterima dan bukan sahaja saya tidak boleh terima tetapi saya percaya orang Kedah pun tidak boleh terima. *It should not be tolerated* dengan izin Tuan Pengerusi. Ini kerana ini bukan sahaja – kita bukan sahaja sebut ini satu kes *selective prosecution* yang di mana kita lihat ada banyak kes di mana kerajaan tidak ambil tindakan tetapi persoalannya adalah *the serious* dalam kes ini. Kenapa kita mempunyai satu perasaan yang agak marah dalam kes ini sebab nama Tuhan telah pun digunakan untuk membangkitkan kemarahan ataupun kebencian perkauman dalam negara kita, Tuan Pengerusi. *It is unacceptable to involve the name of God to inside relation hatred* dengan izin, Tuan Pengerusi yang dihormati. *And this is what has happened* yang boleh memusnahkan sosial fabrik negara kita.

Jadi kita hendak tahu apakah tindakan yang diambil selanjutnya oleh kementerian to *follow up* dalam kes ini. Kenapa sudah sembilan bulan dalam kes ini tidak ada tindakan yang diambil terhadap Mashitah Ibrahim. Mashitah Ibrahim ini adalah bekas Menteri. *She knew exactly what she wanted to say*. Dia telah pergi kepada Mesyuarat Agong UMNO dengan mengapi-apikan perasaan *delegate*, mencabar bahawa hak orang Muslim dan juga keistimewaan orang Melayu telah pun dicabar oleh pihak-pihak lain. Permainan perkauman, Tuan Pengerusi. Ini tidak boleh diterima dan saya harap bahawa kementerian ataupun Timbalan Menteri pada hari ini akan memberi satu jawapan bahawa tindakan akan diambil dan seterusnya *follow up* dengan Ketua Peguam Negara.

Kedua, saya juga ingin merujuk di bawah Butiran yang sama. Isu persoalan yang telah pun saya bangkitkan sebelum ini iaitu untuk bertanya sama ada Pejabat Peguam Negara telah pun berhubung dengan Amerika Syarikat mengenai siasatan *federal grand jury* ke dalam dakwaan rasuah berkait dengan Perdana Menteri seperti yang disiarkan dalam *New York Times* pada 21 September 2015.

■1540

Perkara ini pada awal permulaan sidang ini, saya telah pun dimaklumkan oleh Pejabat Setiausaha Dewan Rakyat bahawa persoalan saya telah pun ditolak seolah-olah kerana isu ini tidak– kerana pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan betul atau tidaknya penerangan-penerangan dalam surat-surat khabar atau penerangan-penerangan yang dikeluarkan oleh seseorang bagi dirinya ataupun penerangan badan-badan kewangan. Akan tetapi dengan hormatnya Tuan Pengerusi, ini adalah satu kes yang melibatkan kepentingan awam.

Saya harap kementerian tidak akan bersembunyi di belakang Tuan Pengerusi atau Dewan ataupun menggunakan hak mereka untuk tidak menjawab soalan yang sebegitu penting yang melibatkan negara kita. Saya harap bahawa Yang Berhormat Menteri boleh menjawab hari ini sama ada pihak polis telah pun mengambil tindakan untuk menghubungi pihak daripada Amerika Syarikat mengenai kes yang telah pun dilaporkan. Apakah kerjasama yang telah pun ditawarkan oleh kerajaan kita ataupun pihak polis untuk membantu dalam siasatan polis?

Saya merujuk kepada *New York Times* yang telah pun— yang *titlenya* di sini adalah “*Malaysia’s Leader, Najib Razak, Faces US Corruption Inquiry*”. Dengan izin, dinyatakan di sini bahawa satu *Federal Grand Jury* sedang memeriksa dakwaan-dakwaan rasuah melibatkan Perdana Menteri Najib Razak dan orang-orang yang sangat *close* dengan beliau, *according to two people with knowledge of the investigation*. Turut dinyatakan di sini *inquiry* ini adalah dilaksanakan oleh *Justice Department* yang menyiasat *international corruption* dengan izin, *and it’s focused on the properties*. Harta-harta yang berada di United States yang dibeli baru-baru ini oleh syarikat-syarikat, *Shell companies* yang dimiliki oleh *step son*, anak tiri Perdana Menteri dan juga beberapa lagi pihak yang mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga.

Dinyatakan di sini juga bahawa penyiasat-penyiasat juga sedang menyiasat USD681 juta yang dibuat yang mana dipercayai ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri negara kita. Jadi saya harap bahawa pada hari ini kementerian tidak akan menolak dan menjawab sama ada pihak polis telah berhubung dengan Amerika Syarikat khususnya *The Justice Department to render services and also to determine the veracity* kebenaran siasatan yang sedang dilakukan.

Ada isu yang terakhir, baru-baru ini dilaporkan bahawa Ambank Group telah pun disaman. Bukan saman, penalti. Telah pun di... [*Disampuk*] Bank Negara ya, Bank Negara telah pun mendenda Ambank Group sebanyak RM53 juta kerana tidak mematuhi peraturan-peraturan dan Bank Negara dilaporkan dalam *The Star* telah pun menggunakan di bawah seksyen 234 *Financial Services Act* untuk mengenakan denda ini. Saya yang— di dalam laporan ini, yang pelik adalah dia tidak memberi butiran-butiran. Apakah, kenapakah Ambank ini didenda? Ini adalah bukan satu jumlah yang kecil tetapi besar RM53 juta.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada pihak polis telah pun terlibat untuk menyiasat kes ini dan lebih penting, adakah kes ini melibatkan akaun peribadi Perdana Menteri? Oleh sebab sebelum ini kita pun sudah tahu bahawa banyak dakwaan yang telah pun dikeluarkan seperti *RM2.6 billion* dan yang lebih— yang lagi satu *RM42 billion* daripada duit SRC telah pun didakwa dimasukkan dalam akaun peribadi Perdana Menteri dalam Ambank juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan dan itu saya sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh seorang lagi Tuan Pengerusi? *Last* lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *Last*lah, *last*lah. Lima minit sahaja, lima minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah.

Dato’ Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima minit sahaja, lima minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, cukup. [*Dewan riuh*]

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima minit sahaja, lima minit sahaja. Bolehlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Itu pun syok juga.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lima minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Tidak apalah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Menteri, lima minit sahaja kot?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:...kata tiga orang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...kepada Ahli-ahli Parlimen, Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta maaf Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2016, yang membangkitkan persoalan, kenyataan dan memberi saranan kepada Kementerian Dalam Negeri. Sebelum saya menjawab pertanyaan yang telah dibangkitkan, izinkan saya terlebih dahulu memanjatkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atas keprihatinan beliau melalui peruntukan sejumlah RM13,092,726,300.00 iaitu sebagai peruntukan mengurus dan belanja pembangunan sepanjang tahun 2016. Jadi saya terus pergi kepada jawapan ya.

Jawapan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puchong mengenai siasatan yang dibuat berkaitan dengan *statutory declaration* yang dibuat oleh abang mendiang Kevin Morais dan siasatan yang dibuat oleh SPRM berkenaan dengan kertas pertuduhan atau *charge-sheet*. Jawapannya pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan SD yang dibuat abang mendiang berkait Tun H.S. Lee Report 39148/2015 bertarikh 26 November 2015. Rakaman percakapan peguam Amrit Singh Sidhu akan diambil pada petangnya iaitu 1 Disember 2015. Merujuk pada laporan yang dibuat oleh SPRM berkaitan dengan *charge-sheet* yang disiasat berkait dengan Seapark Report 6235/2015 bertarikh 31 Julai. Siasatan bagi kedua-dua kes ini masih diteruskan. Seterusnya apakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Puchong bangun Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Puchong bangun? Okey.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. So, jadi apa - Yang Berhormat Timbalan Menteri baru mengesahkan adalah, walaupun laporan polis dibuat oleh MACC pada awal bulan Ogos sehingga sekarang ini, memang tidak lagi dihabiskan siasatan itu dan disahkan bahawa tidak wujud *charge-sheet* tersebut. *Is that what you are saying if I get you. Please correct me if I'm wrong.* Ada satu laporan polis awal-awal dibuat oleh MACC. Dia kata tidak ada wujud *charge-sheet* tersebut. So, adakah jawapan *Deputy Minister* sekarang mengesahkan bahawa masih tidak ada siasatan untuk menolak bahawa wujudnya *charge-sheet* tersebut?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya jawab tadi siasatan sedang dijalankan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, *sorry... just a minute.* Ya, betul. itu – *just to clarify that. No conclusion yet.* Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah satu kenyataan akan diambil oleh bekas Peguam Negara, Tan Sri Gani Patail untuk mengesahkan perkara ini? Ini kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri kemungkinan besar oleh sebab kes ini melibatkan personaliti yang besar, tugas diberikan secara khusus kepada seseorang DPP untuk mengendalikan isu kertas siasatan tersebut. Saya rasa orang yang paling dapat tahu berkenaan dengan isu ini selain daripada mendiang Datuk Kevin yang memang tidak ada sekarang adalah Tan Sri Gani Patail. Persoalan saya, adakah satu kenyataan juga akan diambil oleh beliau untuk perkara ini? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Soal hendak panggil AG yang lama atau tidak, itu terpulang kepada siasatan polis ya. Saya tidak boleh hendak komen di sini.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh sikit...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagilah, baru *start* sahaja.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ada kaitan dengan...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okeylah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Cuma saya ingin hendak dapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi. Siasatan yang diambil ini tadi telah mengesahkan bahawa siasatan terhadap peguam Amrit Singh Sidhu.

■1550

Saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah wajar seorang Ketua Polis Negara (IGP), tidak faham batas undang-undang dan batas tanggungjawab seorang peguam. Ini yang disiasat Amrit yang disiasat Matthias Chang, menggunakan *Twitter* untuk memberikan arahan. Adakah sebagai Ketua Polis Negara, memahami bahawa siasatan itu tidak sepatutnya dilakukan kepada seorang peguam kerana kerja peguam ialah memastikan klien dia, anak guam dia dibela di bawah undang-undang. Akan tetapi seolah-olah sekarang ini peguam pun di bawah siasatan. Adakah ini wajar dan apalah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Kuasa ada pada Ketua Polis Negara untuk melaksanakan undang-undang. Soalnya, apa yang difikirkan wajar itu, terpulang kepada dialah. Sudahlah, sudah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Boleh saya— Tuan Pengerusi, *just one short question*. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan bahawa siasatan masih berterusan berkenaan dengan *charge sheet*. Yang Berhormat Timbalan Menteri juga tahu bahawa *charge sheet* tersebut yang kita lihat daripada media, satu daripada penama di situ adalah Yang Amat Berhormat Pekan. Jadi persoalan saya, kalau kementerian belum sahkan tidak wujudnya *charge sheet* tersebut, adakah Yang Amat Berhormat Pekan masih boleh atau layak menjadi Perdana Menteri untuk menguasai seluruh pejabat seperti pejabat siasatan dan sebagainya dalam masa ini? *Do you agree with me that it is not proper for him to remain as Prime Minister if there is an investigation and a charge sheet against him?* Itu soalan saya, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong ini *lawyer* dan seharusnya Yang Berhormat Puchong tahu, apa-apa diperkatakan di luar dari mahkamah ataupun di luar daripada siasatan itu boleh mencatitkan siasatan. Jadi, soalnya sekarang ini ialah siasatan itu sedang dijalankan, jadi biarlah siasatan itu terus dijalankan. Perkara ini pun sepatutnya kita berbincang tentang soal bajet Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Akan tetapi ini...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Melibatkan soal...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini jawapan daripada...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...sebagainya ataupun...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. *Wouldn't there be a conflict of interest, clear cut*. Bagaimana boleh Perdana Menteri masih berkuasa dan siasatan terhadap beliau? *How do we expect...*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *No, no, no*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *...a fair investigation* dalam keadaan tersebut?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu baru tuduhan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Seharusnya beliau berundur...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu baru tuduhan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...sebagai Perdana Menteri. Saya hendak tanya pendapat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu baru tuduhan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu baru tuduhan, tuduhan daripada pembangkang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya lah ada *charge sheet*, belum baca lagi.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu baru tuduhan daripada pembangkang.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya, saya...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh, ini jawapan daripada...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dua-dua ini *lawyer*, tidak tahu.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Faham tidak maksud *charge sheet*?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dua-dua ini *lawyer* tidak faham. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk, duduk Yang Berhormat.

[Dewan riuh]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling, balik kampung!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sepatutnya sebagai peguam, Yang Berhormat Puchong tahu kan, prosedur mahkamah ini adalah kalau ada tuduhan mesti ada siasatan. Kalau ada bukti yang sah, baru AG akan...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini dia hendak menjadi hakim, dia hendak jadi *lawyer*, dia pendakwa, dia polis, semua dia.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, ini orang siapa? Saya hendak tanya nama dia? Yang Berhormat Timbalan Menteri, *I'm talking about conflict of interest during investigation*, itu yang saya tanyakan. Semasa siasatan berterusan, kalau pihak yang disiasat itu menjadi bos, bagaimana kita hendak membuat siasatan ini? Itu sahaja soalan saya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya, ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Puchong, *You understand the three stages of government, Executive, Legislative and Dewan Rakyat. So, macam mana you kata Perdana Menteri boleh mempengaruhi judiciary, boleh mempengaruhi siasatan?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *It is called a conflict of interest* kerana beliau...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *There is no conflict of interest, because it is clear there is separation of powers.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Akan tetapi dua persoalan saya...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *The procedure is, any allegations, police investigate and then, there is enough evidence, bring to the AG. AG chargers, bring to the court, it is very clear.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: So, soalan saya berkenaan dengan sama ada ataupun tidak beliau layak, *your answers is yes, he can carry on. I think I'm just asking for an answer.*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya tidak cakap *he can carry on or not*. Saya just kata ikut prosedur...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Ketawa]* Kenapa tidak berani hendak cakap?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ikut prosedur... *[Dewan riuh]* Yang Berhormat sebagai seorang peguam, *you* tahu Yang Amat Berhormat Pekan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan jadikan Parlimen macam di mahkamah ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Biarlah siasatan dijalankan dahulu.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Nanti tidak cukup masa karang.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor bangun Yang Berhormat, hendak bagi Yang Berhormat?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Dia sepatutnya...

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Bukit Gelugor sudah bangun, hendak bagi?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Just one minute*, sekejap sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okeylah, okey, adik-beradik.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya hendak mengucapkan tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu apakah itu *phrase "Justice not only be done, but must be seen to be done"*. *Do you understand what that means? Does that does not apply here? Do you think*, dengan izin, *justice is seen to be done if the Prime Minister is the boss of the person investigating him, is that justice seen to be done?* Yang Berhormat Baling *please*...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Justice*, tak kena tuduh lagi hendak *justice* apa?

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *No, no, no.*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *What are you talking?*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Adakah...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Nobody is listening to you.*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Baling...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *[Menyampuk]* Hey Yang Berhormat Baling, kalau tidak faham... *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Maksud *justice* kau tahu apa?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]* Yang Berhormat Baling, kalau hendak menjadi Timbalan Menteri...*[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Takkan hendak cakap India baru hendak faham? Cakap Melayu tidak faham, cakap India baru hendak faham.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Sudahlah Yang Berhormat Baling, maksud *charge sheet* pun dia tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya sengaja tidak bagi tegur kerana kedua-dua pihak pun salah ya. Dua-dua sepatutnya mematuhi peraturan. Sana, sini sama sahaja tidak ikut peraturan. Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sebab itulah, saya sepatutnya tidak melayan apa-apa soal mengenai perkara yang di luar daripada butiran bajet. Akan tetapi apabila soalan daripada Yang Berhormat Puchong dengan adik dia, macam manalah saya hendak tolak ya, jadi kita bagi peluang. Akan tetapi sekarang ini cukup. Soal ini biar kita...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Adik dia Yang Berhormat Bukit Gelugor Yang Berhormat ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, ikut butiran ya. *[Dewan riuh]* Dakwaan Yang Berhormat Puchong tadi mengenai yang mempertikaikan integriti polis yang melibatkan polis bekerjasama dengan kongsi gelap untuk menculik orang awam dan kes kematian semasa dalam tahanan polis ini pun...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak ada, Yang Berhormat Puchong tadi.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Butiran.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Pun tidak perlu dijawab rasanya. *[Dewan riuh]* Ini tidak ada kena mengena dengan butiran bajet.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ada, ada.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Apakah kena mengenanya?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Isu berkenaan dengan siasatan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Butiran berapa?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, siasatan pun bukannya satu perkara yang berkenaan dengan bajet.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, boleh saya menjelaskan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak ada.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Perkara yang ada berbangkit...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadi Yang Berhormat sudah menjelaskan lama.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kita hendak mengambil wang untuk kita hendak *improve* siasatan dan juga untuk lokap. Itu sebabnya saya menanyakan soalan itu. Kalau kita sudah bagi wang untuk lokap. Kita tidak mahu bagi wang, supaya orang boleh dibunuh dalam lokap. Itu sebabnya saya tanya kepada Ahli Parlimen.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu prasangka buruklah! *[Dewan riuh]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Baling tidak tahu...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Ini Yang Berhormat Puchong...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Menyampuk]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya rasa soalan itu tidak perlu dijawablah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya bangun...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Puchong bercakap dia bangun. Yang Berhormat Bukit Gelugor bercakap, dia bangun.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *This is* Jawatankuasa bajet.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar, duduklah Yang Berhormat Kapar.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ini peringkat Jawatankuasa Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling sudah duduk, Yang Berhormat Kapar duduklah ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi, jawapan saya pada soalan itu senang sahaja. Kita sudah menubuhkan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...dan jabatan ini akan memantau tingkah laku pegawai polis...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No*, mereka sudah buat *finding*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: ...dan sebagainya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Mereka telah membuat pencarian bahawa polis itu membunuh.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Dari segi salah laku dan sebagainya.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jangan berdialog ya. *[Dewan riuh]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Mereka akan mengambil tindakan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *No, they made a finding...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Pengerusi, *this is not a court*. Ini bukan mahkamah, ini Dewan yang mulia. Cara Yang Berhormat Puchong berbahas macam dia berbahas dengan hakim. Dia kena duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya sudah bagi ingatan tadi.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apakah masalahnya?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *That is why* lah saya bangun. *[Dewan riuh]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Apakah masalahnya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Saya sudah bagi ingatan tadi, jangan jadikan Parlimen ini seperti mahkamah. Biar seorang, seorang bercakap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: So, soalan itu sama ada relevan ataupun tidak. Saya rasa ramai orang hendak tahu kenapa kalau kita pergi balai boleh berlaku kes, kita dipukul, dibunuh dan sebagainya tetapi tidak ada tindakan. Selepas itu meminta kita untuk meluluskan bajet...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Itu tuduhan! Apabila rumah Yang Berhormat Puchong kena curi, pencuri masuk...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, diam.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...panggil polis juga.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Baling ini, dia tidak ada dalam itu, dia tidak tahu apakah...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mana boleh macam itu, bersangka jahat. Mana ada pergi...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...perbahasan itu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: ...jumpa polis kena bunuh?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Hey come on!*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tidak adalah, *come on!*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...kenapa tindakan tidak diambil?

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *Be real* lah, *lawyer* yang *senior* konon.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I understand, but I think it's a serious...*

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Menyampuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa tindakan tidak diambil, *I understand but I think it is a serious...*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ya, duduk dahulu.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jangan memalukan institusi undang-undang...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *I leave it to you.*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, duduk Yang Berhormat Puchong.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Perkara tersebut tidak relevan dalam peringkat Jawatankuasa.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Surely mister Deputy Minister.* Ia hanya berfungsi...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tuan Pengerusi, saya minta Yang Berhormat Baling balik...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: ...dengan apakah wang untuk lokap. Bagaimana kita kata...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Yang Berhormat Sepang cukuplah!

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Jangan sibuklah!

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau hendak menjadi *lawyer* pun dalam Dewan ini, tidak payah tidak jadi *lawyer* lah Yang Berhormat Sepang.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Timbalan Menteri tidak payah melindungi dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, duduklah Yang Berhormat. Duduk dahulu semua. Yang Berhormat Puchong duduk.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak menjawab.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dahulu. Ya, duduk dahulu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak menjawab soalan Yang Berhormat tadi...

■1600

Sekarang saya jawab soalan Yang Berhormat mengenai urusan *security* yang diberikan kepada pendakwa-pendakwa raya yang disebut tadi. Memang melalui Akta Polis 1997 seksyen 3(3) pihak polis sentiasa komited dalam melindungi semua rakyat Malaysia berdasarkan tanggungjawab yang diamanahkan di bawah seksyen tersebut.

Jadi selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut mana-mana individu yang merasakan dirinya terancam atau ada ugutan jenayah terhadap mereka, satu laporan hendaklah dibuat kepada pihak polis di mana pihak polis akan menjalankan siasatan jika perlu. Contohnya kepada pendakwa raya, kalau polis rasakan bahawa nyawa mereka terancam polis akan menyediakan perkhidmatan *bodyguard* dan sebagainya untuk menjaga keselamatan mereka.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih untuk jawapan itu. Hanya untuk saya bawa apa yang saya diberitahu, bolehkah diwujudkan satu sistem di mana untuk DPP yang rasa mereka tertekan dengan kes-kes tertentu dalaman. *So, they don't have to lodge police report.* Akan tetapi, *within their office itself.* Kalau adalah isu berkenaan – *maybe there is procedure by which they can raise that issues and then something can be done perhaps* untuk dipertimbangkan oleh kementerian kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu satu cadangan yang baik dan saya rasa secara informal boleh dilaksanakan dalam jabatan yang berkenaan.

Seterusnya hendak pergi kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang mengenai permohonan dalam pangkalan RELA di Bukit Gantang. Setakat ini terdapat 776 buah pangkalan RELA di seluruh negara yang dikenali sebagai Pusat Khidmat Komuniti RELA. Kebanyakannya diwujudkan oleh RELA di tempat itu sendiri.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Setakat ini hanya kawasan-kawasan *hotspot* sahaja dibiayai oleh jabatan dengan menggunakan peruntukan mengurus. Akan tetapi, *Insyah-Allah* dengan permintaan Yang Berhormat Bukit Gantang tadi kita akan beri perhatian serius untuk membina ataupun mengadakan satu pangkalan RELA di Bukit Gantang.

Mengenai isu yang dibangkit tadi mengenai papan tanda had laju yang tidak munasabah dan kemudahan membuat *report* kemalangan. Saya hendak maklumkan di sini bahawa papan tanda had laju yang ditentukan untuk jalan ditentukan oleh Jabatan Kerja Raya di bawah seksyen 69 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Jadi had laju papan tanda ini ditentukan oleh JKR. Polis hanya menguatkuasakan undang-undang peraturan lalu lintas.

Tadi ada soalan mengenai kenapa ada *speed check* di kawasan yang kelajuan rendah. Saya hendak maklum di sini bahawa sebenarnya di kawasan-kawasan tersebut sekiranya ada bahaya berlakunya kemalangan yang banyak maka pihak polis juga akan melaksanakan *speed check* di kawasan-kawasan di mana kelajuan tersebut di anggap rendah – kawasan-kawasan berbahaya.

Selepas itu, kepada soalan *report* polis, *report* kemalangan yang boleh dibuat di mana-mana kepada pihak polis. Memang sekarang ini sejak dua tahun yang lepas melalui *police reporting system*.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Tuan Pengerusi, minta. Terima kasih, berkenaan dengan had laju *speed trap* itu – 60 kilometer per jam itu pada saya tempat itu memang tempat bahaya. Bukan tempat bahaya, pengalaman kampung saya. Tiba-tiba itu yang diletakkan seolah-olah macam hendak cari pendapatan bukan jaga keselamatan. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Bukit Gantang, tidak ada itu buat tuduhan begitu. Akan tetapi, memang *hotspot* yang dikenal pasti oleh polis di mana had kelajuan rendah memang di kawasan kampung dan di kawasan sekolah.

Jadi keputusan untuk pihak polis mengadakan sekatan had laju di kawasan-kawasan ini adalah terpulang kepada mereka. Jadi *report* kemalangan jalan raya sebenarnya boleh dibuat di mana-mana balai polis melalui sistem yang diguna pakai oleh polis sejak dua tahun lepas iaitu sistem *police reporting system*. Ini maknanya kalau ada kemalangan di Bukit Gantang laporan polis mengenai kemalangan tersebut boleh dibuat di negeri lain pun sekarang ini. Saya tidak tahu tadi Yang Berhormat kata tidak boleh tetapi sekarang ini sebenarnya sudah boleh. Kalau ada, pihak pengurusan PDRM yang anggotanya enggan menerima sebarang *report* maka pihak polis akan mengenakan tindakan tatatertib kepada mereka.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan laporan polis ini, CPC telah dipinda yang di mana apabila seseorang buat laporan polis ada *period*, ada masa-masa yang dihadkan untuk pihak polis respons sama ada bagi maklumat kepada pembuat laporan polis itu.

Saya hendak tanya mungkin tidak ada maklumat sekarang tidak apa, jawapan bertulis nanti. Sejauh manakah prosedur-prosedur itu dipatuhi? Oleh sebab kadang-kadang kita buat laporan polis tidak dapat respons. Apa status? Sedangkan dulu tidak ada peruntukan, sekarang sudah ada dalam CPC itu. Jadi saya harap Menteri boleh bagi jawapan, walaupun tidak ada sekarang tidak apalah, *I want the written reply*. Okey, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, terima kasih Yang Berhormat Sepang. Itu satu cadangan yang baik yang mungkin belum dapat dilaksanakan oleh polis lagi. Akan tetapi, kita akan bagi laporan bertulis.

Seterusnya saya hendak pergi kepada menjawab soalan kepada Yang Berhormat Gerik iaitu kes-kes yang melibatkan penipuan pakej haji dan umrah. Bagaimana penguatkuasaan pihak polis boleh memberikan kesan yang baik bagi menangani penipuan pakej umrah.

Jadi pihak polis telah menerima beberapa laporan mengenai pakej umrah dan haji. Siasatan bagi kes ini telah dijalankan atas kesalahan tipu di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan. Kes-kes yang telah dilengkapkan siasatan akan dirujuk kepada Pejabat Peguam Negara dengan cadangan pertuduhan.

Jadi sebenarnya pada perkara ini, kecuali perkara ini patut dirujuk kepada Lembaga Tabung Haji. Pengerusi Lembaga Tabung Haji pun ada sini – iaitu mengesahkan mana-mana orang, syarikat atau agensi yang menjalankan transaksi perniagaan mengelola perjalanan bagi maksud menunaikan haji. Jadi maknanya rakyat kena menggunakan agensi yang sah yang telah disahkan oleh Lembaga Tabung Haji untuk menyertai mana-mana lawatan ataupun mana-mana perjalanan mengerjakan umrah.

Jadi seterusnya soalan Yang Berhormat Gerik mengenai perancangan menaik taraf Kem PGA Pengkalan Hulu dan juga langkah-langkah untuk mengawal penyeludupan di sempadan

Betong dengan Pengkalan Hulu. Jadi jawapannya ialah perancangan bagi membaik pulih Kem Pengkalan Hulu ini telah dirangka dalam tahun kewangan 2016 dengan melibatkan cadangan kos sebanyak RM600,000 meliputi cadangan kerja pembaikan seperti berikut; pengecatan bangunan pentadbiran, astaka padang kawad, MES Pegawai Kanan, rumah tetamu dan tembok pagar.

Kedua, pendawaian elektrik meliputi menaik taraf lampu-lampu jalan, pejabat pengangkutan, lampu dan juga tembok pagar. Ketiga, pembaikan am bangunan MES Pegawai Kanan, rumah tetamu dan tembok pagar.

Untuk soalan yang satu lagi itu, bagi mengawal penyeludupan di sempadan Betong dengan Pengkalan Hulu. Ada terdapat satu unit agensi keselamatan sempadan yang dulu dikenali Unit Pencegahan Penyeludupan dengan kekuatan 32 orang pegawai dan anggota. Pihak kementerian dalam kajian untuk menambah baik atau menambah kekuatan anggota AKS di kawasan tersebut.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Silam tadi dan Yang Berhormat Sepanggar yang berkaitan iaitu mengenai kelambatan untuk mendaftar IC bagi mereka yang berada di Sabah. Jadi soalan tadi adalah adakah kementerian bercadang untuk mengubah mekanisme yang sedia ada terhadap kes-kes daftar lewat yang terpaksa melalui prosedur Mahkamah Majistret bagi permohonan kad pengenalan berdasarkan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1951 (Cap.123)

Jadi jawapannya adalah untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi pendaftaran lewat kelahiran di negeri Sabah seksyen 22(3) Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah (Cap.123) memperuntukkan keperluan untuk mendapatkan pengesahan daripada Majistret Kelas Pertama yang berada di bidang kuasa Mahkamah Majistret. Kementerian menyambut baik cadangan untuk meneliti dan mengkaji kesesuaian peruntukan undang-undang yang mengkehendaki pengesahan oleh Majistret Kelas Pertama ini.

■1610

Ini adalah kerana pendaftaran lewat kelahiran di Sarawak dan Semenanjung Malaysia tidak perlu mendapatkan pengesahan seumpamanya. Bagi melaksanakan kajian ini, kerjasama daripada kerajaan negeri Sabah juga amat diperlukan. Buat masa ini, bagi memudahkan akses orang awam kepada perkhidmatan untuk mendapatkan pengesahan ini maka pihak KDN melalui JPN turut menjemput pihak mahkamah majistret dari Sabah dalam program-program *outreach* yang diadakan oleh JPN di kawasan-kawasan pendalaman negeri Sabah.

Mengenai kenyataan mahkamah majistret...

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, boleh? Sepanggar di belakang.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Sepanggar, okey.

Datuk Jumat bin Haji Idris [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apa yang menjadi isu sekarang ini ialah mahkamah mengambil masa bertahun-tahun. Saya ingat paling awal pun dua tahun untuk satu-satu kes. Jadi, kita juga

bertanggungjawab untuk menentukan bahawa anak-anak yang lahir ini perlu mendapat peluang pendidikan, sama rata dengan anak-anak yang lain. *UN Convention* menyebut bahawa setiap kanak-kanak berhak untuk mendapat pendidikan.

Akan tetapi dengan kekangan yang ada ini, ramai budak-budak tidak dapat peroleh pelajaran tertentu dengan had waktu yang tertentu. Jadi mereka terpaksa menunggu begitu lama sebab itu saya mencadangkan supaya dalam kementerian bekerjasama dengan JPN untuk mewujudkan satu kalau perlu, kalau dimestikan juga melalui proses mahkamah, makanya ia perlu satu jawatankuasa mahkamah khas yang boleh mendengar kes ini dengan lebih kerap.

Contohnya enam bulan sekali, janganlah sampai tiga, empat tahun sekali. Itu isunya. Kita tidak berniat untuk meminta mengubah mana-mana peraturan yang ada tetapi bagaimana kita *expedite* dengan izin, proses untuk pendengaran kes-kes ini supaya dia *block* yang begitu banyak di mahkamah itu dapat dikurangkan. Sebagai tambahan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga menyebut tentang imigresen di kaunter utama di *airport*. Saya baru ditelefon oleh isteri saya tadi, cucu saya tidak dibenarkan berlepas dari Kota Kinabalu kerana mak dia, anak saya tidak ikut.

Sebenarnya dalam kes-kes begini, apabila seorang ingin membawa dan lebih-lebih pula ada kad Parlimen, sepatutnya pegawai Imigresen bolehlah melayan, janganlah menggunakan perkataan yang kesat, yang kasar dan apabila saya menelefon pun, pegawai tidak mahu bercakap. Bagaimana kita nak buktikan selanjutnya kalau pegawai tidak mahu melayan dengan baik? Nama pegawai ini Hasan dan Fizi, berada di *airport* Kota Kinabalu.

Jadi inilah contoh yang tidak baik kalau *front counter* itu berkelakuan biadab kepada orang awam, kita tidak perlu ada pilih kasih dalam servis kita tetapi perlulah beradab sedikit, bersopan-santun kerana ini *front counter* yang depan untuk pelancong masuk. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih kasih, Yang Berhormat Sepanggar. Okey, *study* spesifik saya akan rujuk dengan Jabatan Imigresen mengenai pegawai yang berkenaan dan tindakan akan diambil sekiranya beliau betul-betul kurang ajar tadi dengan keluarga Yang Berhormat. Jadi, saya teruskan tadi, di negeri Sabah ini kerana ada undang-undang-undang yang spesifik berkenaan dengan Sabah, maka perundingan perlu diadakan antara pihak KDN dengan kerajaan negeri Sabah, itu satu. Mengenai isu hendak mempercepatkan sijil daftar kelahiran di Sabah ini. Jadi, selain daripada itu juga perundingan perlu diadakan dengan mahkamah di negeri Sabah ini untuk memastikan bahawa *backlog* yang berada itu di mahkamah dapat dipercepatkan. Daripada segi KDN, kita akan buat segala-gala yang kita boleh untuk mempercepatkan proses pendaftaran di peringkat JPN dan juga kita boleh mengadakan lebih banyak lagi program *outreach* yang seperti saya sebut tadi.

Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang]: Yang Berhormat Menteri? Terima kasih, *thank you*. Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri, boleh bertanya, dalam laporan RCI, siasatan di Sabah, sijil kelahiran pendaftaran lewat ini adalah satu cara yang mendapat *IC* dan banyak salah guna dengan pendaftaran lewat ini. Apakah tindakan kementerian dengan kes-kes yang ada seperti yang dikeluarkan dalam RCI dan juga beberapa

juga kes mahkamah yang saya ingat satu kes salah guna di mahkamah Kota Kinabalu di mana 400 lebih sijil lahir lewat didaftar dengan cara yang salah dan orang yang salah itu, telah dipenjarakan. Akan tetapi, adakah sijil lahir lewat ini masih sah dan orang-orang yang telah mendapat *IC* kerana sijil lahir lewat ini, *IC* mereka telah ditarik balik? Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Penampang, minta maaf saya terlupa tadi. Itu adalah soalan spesifik yang perlu dijawab secara bertulis tetapi secara umumnya RCI sekarang ini di Sabah sedang dilakukan. Jadi proses-proses penambahbaikan juga akan dibincangkan dalam Jawatankuasa tersebut dan kita menunggulah hasil daripada perbincangan atau pun *hearing* Jawatankuasa tersebut. Jadi saya hendak pergi kepada soalan Yang Berhormat Silam, mengenai jumlah banduan yang ada dalam enam buah institusi penjara di negeri Sabah. Seramai 6,500 orang melebihi kapasiti penjara berkenaan iaitu 5,000 sahaja. Jadi, Yang Berhormat Silam tadi minta sebuah penjara baru dapat didirikan di Lahad Datu.

Jadi berdasarkan kepada statistik terkini Jabatan Penjara Malaysia, sememangnya berlaku lebih jumlah banduan berbanding kapasiti di enam buah penjara di negeri Sabah. Antara langkah jangka pendek yang dilakukan secara berterusan bagi mengurangkan masalah ini adalah dengan memindahkan banduan-banduan dari penjara-penjara Sabah ke penjara Labuan juga penjara di Sarawak. Pihak kerajaan juga telah meluluskan permohonan untuk membina penjara Lahad Datu di bawah Rancangan Malaysia ke-10 dan akan disambung di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Jadi projek ini dijangka akan dimulakan pada awal tahun 2016 dan kapasiti penjara baru di Lahad Datu ini adalah ditetapkan pada 1,000 orang banduan. Untuk - Yang Berhormat Kuala Langat ada?

Untuk Yang Berhormat Kuala Langat, hendak menjawab soalan daripada Yang Berhormat Kuala Langat, iaitu tugas- beliau membangkitkan mengenai tugas pegawai dan anggota penjara yang mencabar dan skim gaji mereka yang masih rendah dan tidak berpatutan berbanding dengan agensi lain dan juga apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak KDN untuk meningkatkan skim perkhidmatan penjara?. Jadi sebenarnya skim gaji ini, ia bukan sahaja terhad kepada Jabatan Penjara tetapi ia juga merangkumi semua perkhidmatan dalam kerajaan. Akan tetapi dari segi penjara ini, Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mengadakan mesyuarat khusus bersama-sama Jabatan Penjara berhubung dengan semua aspek kerajaan termasuklah skim perkhidmatan dan juga kebajikan anggota penjara.

Jadi kementerian dalam negeri telah mengemukakan pelbagai permohonan untuk Jabatan Penjara, bukan sahaja melibatkan skim gaji tetapi juga melibatkan elaun yang pada pandangan kementerian ini, seharusnya dinikmati oleh pegawai penjara. Antara permohonan yang telah diluluskan adalah kelulusan kenaikan pangkat secara *time-based* iaitu berasaskan kecemerlangan pada tahun 2013 untuk pegawai penjara gred KX17 sehingga KX 22 yang melibatkan 6,120 orang atau pun 44% daripada seramai 13,780 orang pegawai penjara. Manakala untuk tahun 2015, Kementerian Dalam Negeri telah menyokong permohonan laluan kerjaya bagi semua peringkat pegawai penjara gred KX 17 sehingga KX 54. Jawatankuasa khas bagi mengkaji jawatan-jawatan tingkatan tertinggi Bilangan 1 tahun 2015 yang dipengerusikan

oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ketua Setiausaha Negara pada 7 Januari 2015 telah menimbang cadangan Jabatan Perdana Menteri dan telah bersetuju dengan perkara-perkara tersebut. Iaitu menambah lagi jumlah pejabat negeri iaitu 11 buah pejabat negeri dan mewujudkan 17 jawatan baru, pengarah dan timbalan pengarah negeri dan menaik taraf dua jawatan timbalan pengarah negeri.

■1620

Demi menjamin perkhidmatan yang lebih cemerlang, kementerian ini juga sedang mempertimbangkan untuk mengemukakan semula permohonan yang telah dibuat pada tahun 2008 dengan tujuan menaikkan gaji pegawai penjara sebanyak 20% selaras dengan pekeliling tahun 2007 yang berkaitan dengan kenaikan gaji untuk tentera dan polis. Begitu juga dengan permohonan kenaikan bayaran insentif khas kakitangan penjara. Jadi kita sedang ambil tindakan.

Yang Berhormat Kuala Langat juga telah membangkitkan perkara iaitu mengenai persediaan PDRM untuk membina rumah bagi bekas-bekas anggota PDRM yang pencen. Rumah untuk pegawai yang sekarang pun tidak cukup, Yang Berhormat. Akan tetapi walau bagaimanapun saya hendak maklumkan di sini bahawa untuk Polis Di Raja Malaysia kita akan - Kementerian Kewangan telah meluluskan cadangan untuk melaksanakan Program Rumah Mampu Milik sebanyak 2,000 unit dengan kaedah *land swap* tanah-tanah milik kerajaan yang akan menyediakan kuota khas bagi PDRM. Banyak anggota PDRM yang layak untuk memiliki Rumah Mampu Milik yang dibangunkan oleh kerajaan bagi menjaga kebajikan anggota PDRM dan juga bagi persediaan awal sebelum persaraan.

Pelawaan untuk rumah-rumah ini akan dipanjangkan kepada bakal-bakal pesara. Walau bagaimanapun ianya bergantung kepada keupayaan kewangan golongan tersebut dalam membiayai bebanan hutang selepas bersara. Jadi perancangan ini masih lagi dalam peringkat perbincangan untuk mengenal pasti tapak-tapak yang sesuai untuk direalisasikan.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]* Tuan Pengerusi, Terima kasih Tuan Pengerusi, Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tujuan saya mengutarakan isu ini ialah kedapatan ramainya anggota polis ketika bertugas, mereka duduk di kem di setiap kem polis dan mereka tidak ada perancangan. Apabila bersara, sibuknya mereka ini, terlupa hendak membeli rumah. Kemampuan rumah itu kalau di *market* kan di pasaran luar, ianya tidak ada kemampuan untuk dia dalam keadaan pencen, yang sederhana dan kecil. Maka demikian, saya cadangkan kementerian supaya adakan tanah yang besar untuk mereka dapatkan rumah kos rendah yang selesa, itu yang saya hendak mohon supaya mereka ini tidak tersarat dengan masalah ke depan.

Maka untuk mengadakan benda ini, Kementerian Kewangan bersama dengan Kementerian Dalam Negeri supaya memikirkan apakah terwujudnya langkah untuk mengadakan kehidupan mereka itu dijamin keselesaan setelah mereka sumbangkan tenaga untuk negara. Itu yang saya maksudkan. Mohon dipertimbangkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Kuala Langat, baru saya terangkan tadi. Memang kerajaan sedang membuat rancangan tersebut, yang 2,000 rumah yang saya sebut tadi, melalui kaedah *land swap*, tanah milik kerajaan yang lain. Soalnya sekarang ini adalah – memang kita boleh buat rumah tersebut, tetapi sama ada pesara tersebut mampu tidak untuk memiliki rumah tersebut memandangkan mereka merupakan pesara dan selepas mereka bersara, tidak ada *income*. Ini yang masalah kita hendak selesaikan. Akan tetapi, bila ada tanah, kita akan bangunkan rumah untuk mereka, *insya-Allah*.

Jadi untuk menjawab satu lagi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Langat iaitu maksud kakitangan kontrak di KDN. Jadi Yang Berhormat Kuala Langat menyatakan kenapa banyak sangat biaya yang disediakan oleh kementerian untuk hendak membayar gaji kakitangan kontrak. Jadi, saya hendak maklumkan di sini bahawa kakitangan kontrak di KDN dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam berdasarkan kepada keperluan. Lantikan kontrak ini dibuat berdasarkan *project-based*, maknanya kalau ada projek, baru lantikan ini dibuat dan akan ditamatkan sebaik sahaja projek tersebut berjaya dilaksanakan.

Jadi contoh-contohnya adalah dari segi kadang-kadang ada projek yang perlu dilaksanakan dari segi pentadbiran yang memerlukan pegawai kontrak. Jangan lupa, di Kementerian Dalam Negeri ini ada lapan agensi sekarang ini yang merangkumi sejumlah 100,000 lebih pegawai. Jadi memang banyak kerja yang perlu dibuat dengan kekangan bahawa kerajaan sedang mengurangkan jumlah pegawai tetap, maka kadang-kadang kakitangan kontrak ini diperlukan pada masa-masa yang tertentu.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya minta penjelasan. Dalam rekod yang kita ada konsistennya anggaran 2015 RM17 juta dan begitu juga anggaran tahun 2016 RM17 juta lebih. Jadi persoalannya ialah keperluan itu memang ada, bermaksud bila berterusan tahun demi tahun, pekerja kontrak yang saya maksudkan ini ialah *nature of the job* itu diperlukan, kalau sekiranya kontrak itu berlandaskan kepada keperluan sewaktu itu, saya setuju.

Akan tetapi kalau keperluan itu berterusan, saya mohon mereka itu digaji ditetapkan supaya mereka tidak kehilangan apa sahaja faedah-faedah persaraan dan juga mereka layak mendapat pencen. Itu maksud saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu cadangan yang baik. Akan tetapi saya hendak maklumkan tadi bahawa pihak JPA sendiri sedang meletakkan had kepada jumlah pegawai kerajaan yang ada sekarang ini. KDN terpaksa bekerja dalam limit yang telah ditetapkan tersebut. Akan tetapi kalau ada peluang untuk kita jadikan pegawai kontrak itu jadi pegawai tetap, kita akan cadangkan mereka supaya dijadikan pegawai tetap.

Saya pergi kepada soalan daripada Yang Berhormat Sepanggar mengenai program *outreach* kementerian yang merangkumi Jabatan Pendaftaran Negara dan juga Jabatan Imigresen. Tadi ada soalan mengenai...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, saya minta pencelahan. Tentang biometrik tadi, minta maaf Tuan Pengerusi. Biometrik tadi tidak ada jawapan lagi, biometrik tadi *RM1.5 billion to RM4.5 billion 2020, it's the critical issue*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi saya masa sedikit. Saya tengah lihat susunan tadi. Jawapan sudah ada, tetapi hendak cakap jugalah. Boleh? Bertulis tidak apa? Okey, nasib baik ada Yang Berhormat yang baik, dia boleh terima jawapan bertulis. *[Ketawa]* Okey, terima kasih.

Jadi untuk makluman ahli – berbalik kepada soalan Yang Berhormat Sepanggar tadi mengenai Program *Outreach* Kementerian yang tidak menyeluruh. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang berusaha untuk memberikan akses kepada masyarakat untuk mengemukakan dokumen pengenalan diri. Program-program seperti ini telah dilakukan melalui program pendaftaran bergerak, melalui unit khas bergerak, Sabah dan Sarawak dan juga unit *mobile* di Semenanjung Malaysia bagi kemudahan penduduk di kawasan pedalaman.

KDN juga telah membuka kaunter-kaunter di ibu pejabat Jabatan Pendaftaran Negara di peringkat negeri juga dan juga di cawangan Pusat-pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC). Jabatan-jabatan seperti Jabatan Pendaftaran Negara juga telah mengadakan Hari Bertemu dengan Pelanggan di merata-rata tempat.

Mengenai kelengkapan ataupun infrastruktur yang menjaga kebajikan anggota polis di kawasan Sabah, memang pihak polis pada masa ini memang menumpukan kepada projek pembangunan kuarters Polis Di Raja Malaysia di seluruh Malaysia bagi menjaga kebajikan anggota. Pihak polis juga menyediakan peruntukan yang turut diagihkan melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan berkala dan pembaikan kepada kuarters-kuarters tersebut.

Yang Berhormat Sepanggar juga membangkitkan mengenai perkara yang bahawa masalah dadah yang berlaku di kawasan Sepanggar iaitu mengenai tuduhan bahawa pihak polis membantu pesalah dadah yang telah ditangkap dan juga wujud kes rasuah di kalangan polis di kawasan Sepanggar.

■1630

Jadi Yang Berhormat Sepanggar juga telah mencadangkan supaya anggota di kawasan tersebut di Sepanggar sering ditukarkan untuk mengelakkan hubungan erat di antara pengedar dadah terutamanya pengedar dadah syabu. Jadi PDRM memang memandang serius mengenai masalah pengedaran dadah ini dan juga isu salah guna kuasa di kalangan pegawai dan anggota PDRM. PDRM akan menyiasat sekiranya terdapat kejadian seperti yang dinyatakan dan akan mengambil tindakan sepatutnya untuk memastikan ia tidak akan berlaku lagi.

Saya pergi sekarang kepada menjawab soalan oleh Yang Berhormat Seputeh. Perkara yang dibangkitkan adalah mengenai kenapa anggota RELA melakukan tugas kawalan di *Short Takeoff Landing Airport* (STOL PORT) di pedalaman negeri Sarawak. Jadi saya hendak memaklumkan di sini bahawa satu tugas utama RELA seperti yang diperuntukkan seksyen 5(1D) Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia adalah untuk membantu dalam melindungi bangunan

perpasangan dan juga harta lain yang dipunyai oleh Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri atau mana-mana badan berkanun lain atau apa-apa harta persendirian apabila diminta oleh penghuni bangunan tersebut.

RELA telah menjalankan tugas di STOL PORT ini sejak beberapa tahun yang lepas atas permintaan daripada pihak STOL PORT ini. Tugas ini sama sekali tidak bercanggah dengan Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia. Kos elaun anggota RELA pula adalah ditanggung oleh pihak STOLPORT ini. Penugasan di STOLPORT ini juga adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan penumpang-penumpang yang menggunakan STOLPORT yang berkenaan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya tanya Tuan Pengerusi. Hendak jaga keselamatan, meningkatkan keselamatan jadi kerajaan tidak gunakan pegawai polis tetapi guna RELA. Jadi adakah penggunaan RELA untuk jaga keselamatan lapangan terbang ini adalah kerana hendak jimat satu jam berapa. Jadi ini adalah bayaran kita kepada RELA? Jadi adakah ia lebih murah daripada pekerja kontrak? Itu sebab lapangan terbang guna pakai RELA?

Akan tetapi bagi kami, kami rasa lapangan terbang adalah begitu penting yang ISIS boleh masuk, Sulu boleh masuk, semua orang boleh masuk. Jadi memang kita perlu pegawai yang ada kuasa, yang boleh bawa pistol, yang ada pengalaman. Tak kan kita guna RELA untuk jaga pintu kemasukan yang begitu penting di Sarawak ini?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat, KDN sentiasa melihat kepada ancaman yang ada di tempat-tempat *priority* seperti lapangan terbang ini. Tempat-tempat yang disebut ini semua kawasan pedalaman negeri Sarawak. Tidak menjadi satu *priority* keselamatan di sana. Tidak macam KLIA. Kalau KLIA itu lain. Jadi kita memandangkan ada kekangan daripada segi hendak mencari pegawai yang terlatih, hendak mencari pegawai yang sanggup pergi bertugas di pedalaman negeri Sarawak itu, itu bukan merupakan satu perkara yang senang.

Jadi oleh sebab itu pihak KDN telah meminta bantuan daripada RELA yang juga merupakan keanggotaan yang terlatih. RELA lebih baik daripada *private security guard*. Jadi soal *cheap labour* yang dikatakan tadi dengan izin tidak berlaku. Ia adalah merupakan satu tindakan yang wajar yang baik yang menggunakan tenaga kerja anggota RELA kita.

Jadi Yang Berhormat juga telah membangkitkan mengenai perancangan membaik pulih Balai Polis Brickfields memandangkan kemudahan bagi cawangan jenayah tidak kondusif untuk pengadu berurusan dengan PDRM. Jadi jawapannya ialah PDRM sedang dalam proses untuk membina sebuah ibu pejabat polis baru daerah Brickfields di Lot 55 Jalan Travers yang berkeluasan 8 ekar. Pelaksanaan projek bernilai RM60 juta ini adalah bagi menampung kekurangan balai yang sedia ada yang akan memberikan kemudahan yang lebih kondusif kepada pelanggan.

Bagi tahun 2015, kerja-kerja pembaikan yang telah dilaksanakan melibatkan pembaikan tangki air dengan kos sebanyak RM14,500 manakala bagi tahun 2016 perancangan bagi penambahbaikan semasa melibatkan cadangan kerja berikut, pembaikan sistem pendawaian elektrik, pengecatan bangunan, pembaikan *handrail*, pemasangan papan tanda dan juga

pembaikan ruang am pejabat yang sedia ada. Kos keseluruhan yang telah dibajetkan sebanyak RM200,000.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya hendak tanya, Yang Berhormat Timbalan Menteri saya sebenarnya rujuk kepada Balai Petaling di Jalan Klang Lama, Batu 5 Jalan Klang Lama dan saya rasa yang IPD Sentul cantik, IPD di Brickfields dekat Seri Petaling juga cantik tetapi cawangan-cawangan yang mana juga ramai orang yang mengadu beri kenyataan kepada polis ada di Balai Polis Petaling itu.

Jadi macam mana dengan tanah yang asal IPD Brickfields itu ia sudah dijual kan? Jadi digantikan dengan Travers. Jadi macam mana dengan di Seri Petaling, bangunan Seri Petaling. Adakah ia dijadikan IPD atau ia dijadikan salah satu balai di Seri Petaling.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu soalan spesifik. Saya akan jawab secara bertulis. Saya pun tidak tahu apa isu spesifik dalam polis. Selepas itu Yang Berhormat Seputeh juga telah membangkitkan perkara mengenai peruntukan yang telah diluluskan kepada Jabatan Siasatan Jenayah. Adakan? Okey. Jadi jawapannya memang kita gunakan peruntukan di bawah logistik ini untuk menampung keperluan operasi anggota yang bertugas di Jabatan Siasatan Jenayah sahaja.

Contoh pembayarannya adalah pembayaran emolument, tuntutan perjalanan dan sara hidup dan juga peruntukan logistik secara keseluruhan di bawah tajuk bajet aktiviti 020200 logistik adalah untuk menampung keseluruhan pembiayaan semua jabatan di PDRM termasuk kontrak komited untuk penyelenggaraan sistem ICT, penyelenggaraan semua bangunan, sewaan bangunan dan ruang pejabat, sewaan talian rangkaian untuk sistem maklumat PDRM, pembelian alat ganti dan petrol untuk semua kenderaan yang digunakan oleh semua jabatan di PDRM. Begitu juga perbelanjaan bagi semua bil elektrik, air dan sistem komunikasi PDRM yang dibelanjakan di bawah peruntukan logistik ini. Jadi soal peruntukan digunakan untuk aktiviti-aktiviti lain tidak timbul.

Yang Berhormat Seputeh juga telah membangkitkan perkara mengenai wajarnya banduan hukuman mati ditempatkan secara *solitary confinement*. Jadi kenyataan ini tidak benar sama sekali berasaskan pelaksanaan ketetapan kepada Peraturan-peraturan Penjara Tahun 2000 serta SOP Jabatan Penjara. Mereka ditempatkan secara seorang sebilik, *single cell* dan bukannya *solitary confinement*. Mereka boleh mengikuti program yang disediakan iaitu program rekreasi, menonton, berinteraksi dengan banduan lain, mengikuti program pemulihan, menerima lawatan keluarga sekali seminggu, menghubungi keluarga, kemudahan kesihatan serta lain-lain kemudahan seperti mana yang diberikan kepada banduan lain.

Jadi penempatan secara seorang sebilik ini adalah selaras dengan ketetapan peraturan 176(2) Peraturan-peraturan Penjara Tahun 2000 yang bertujuan untuk menjaga keselamatan diri banduan berkenaan serta banduan lain dan bukan bertujuan untuk memberikan apa-apa tekanan terhadap banduan hukuman mati yang berkaitan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *I thought solitary confinement* maksudnya seorang dalam satu bilik kan atau dalam terminal di KDN ada maksud yang lain?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak. Soalnya mereka yang ditempatkan di bawah *solitary confinement* diberikan peluang untuk berinteraksi dengan komuniti penjara juga. Bukan langsung tidak diberikan tetapi dia dapat seorang sebilik, dia tidak payah *share* dengan orang lain. *[Ketawa]*

Okey saya juga ingin membawa perkara yang dibawa oleh tiga orang Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Kota Raja iaitu isu perkahwinan antara orang Islam dengan orang bukan Islam.

■1640

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi membantu kanak-kanak yang tidak mempunyai dokumen disebabkan salah seorang ibu atau bapa bukan warganegara. Ataupun ibu bapa yang tidak berkahwin ataupun berkahwin tanpa surat nikah iaitu cara yang tidak teratur dan akhirnya secara *stateless citizen*, maknanya tidak ada status kerakyatannya. Jadi, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 (Akta 299) bagi Semenanjung Malaysia, Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sabah Cap. 1,2,3) bagi negeri Sabah dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Sarawak Cap. 10) bagi negeri Sarawak. Memperuntukkan bahawa setiap kelahiran di Malaysia hendaklah didaftarkan oleh pendaftar bagi pendaftaran di mana kanak-kanak tersebut dilahirkan. Penentuan taraf kewarganegaraan adalah berdasarkan Bahagian 3, Perlembagaan Persekutuan. Bagi anak-anak yang dilahirkan di Malaysia, status warganegara mereka adalah bergantung kepada taraf kewarganegaraan dan pendaftaran perkahwinan ibu bapa mereka yang sah mengikut undang-undang yang berkuat kuasa.

Berdasarkan kepada status ibu bapa tersebut kanak-kanak ini akan didaftarkan kelahirannya seperti status yang berikut:-

- (i) Bertaraf warganegara bagi anak-anak yang salah seorang ibu atau bapanya merupakan warganegara atau bertaraf pemastautin tetap;
- (ii) Bertaraf bukan warganegara bagi anak-anak yang kedua ibu bapanya bukan warganegara;

Jadi, bagi perkahwinan yang tidak berdaftar pula, maknanya anak yang tidak sah taraf, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut kewarganegaraan ibunya. Selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah seksyen 17, Bahagian 3, Jadual 2, Perlembagaan Persekutuan. Oleh sebab itu urusan pendaftaran perkahwinan ibu bapa sangat penting kerana ia bakal menentukan taraf kewarganegaraan anak yang dilahirkan. Berdasarkan undang-undang yang...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Boleh saya habis dahulu? Okey, berdasarkan undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia, perkahwinan antara orang Islam dan orang bukan Islam tidak diiktiraf dan tidak sah sama ada mengikut undang-undang Islam atau undang-undang sivil. Bagi ibu bapa yang bukan bertaraf warganegara pula, maka pihak KDN menasihati agar Ahli-ahli Yang Berhormat memaklumkan perkara ini kepada pemohon supaya merujuk

kepada kedutaan asal negara mereka supaya tindakan selanjutnya akan dapat diambil. Bagi urusan melibatkan pendidikan, maka perkara ini perlulah dirujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk hak mendapatkan pendidikan sebagaimana yang terkandung dalam *Child Rights Convention (CRC)*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadi Yang Berhormat Kota Raja dahulu.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga terima kasih Timbalan Menteri. Persoalannya ialah kanak-kanak ini yang tadi saya faham tentang tidak ada pendaftaran sah, terutamanya di antara bukan Islam dan Islam. Cuma bila ibu bapa tadi tidak ada pengiktirafan perkahwinan mereka, anak itu bagaimana? Anak itu bagaimana? Sekarang maknanya, bila tidak sah, makna tidak boleh daftar kepada bapanya. Adakah ini bermakna anak ini dapat kewarganegaraan dan juga pendaftaran itu mengikut ibu ataupun langsung— sebab kes yang kita ada itu tidak boleh- tidak dibenarkan didaftarkan kerana ibu bapa tidak berkahwin dengan cara sah. Sama ada melalui pendaftaran sivil ataupun melalui Syariah. Jadi, anak itu bagaimana?

Kita cuma hendak sebut di sini bahawa apa pun kesalahan yang dilakukan oleh ibu bapa dari segi undang-undang, anak-anak itu tidak patut dimangsakan. Mereka ada hak untuk mendapat identiti sendiri, ada hak kemudian untuk mendapat kad pengenalan dan juga akhirnya untuk mendapat pendidikan di dalam sistem negara kita. Apa yang ada sekarang ini mereka seolah-olah dinafikan ke mana mereka pergi mereka ditolak. Walaupun pada hakikatnya Menteri mengatakan kalau pendidikan, pergi Kementerian Pendidikan, kalau ini pergi kementerian ini tetapi pada hakikatnya perkara ini tidak berlaku.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak sentuh sedikit tentang ini *stateless children*. Saya rasa sudah berapa kali kami sentuhkan isu, bangkitkan isu ini di Dewan. Dahulunya apabila saya rasa sebelum Ahli Parlimen Titiwangsa menjadi Timbalan Menteri, beliau juga bangkit isu ini. Pada masa itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri iaitu Ahli Parlimen Santubong, beliau juga cakap bahawa kalau mempunyai *consensus*, rasanya bolehlah kita ubah undang-undang untuk memberi kewarganegaraan kepada *stateless children* ini. Saya amat setuju dengan Ahli Parlimen Kota Raja. Saya rasa kalau ikut anggaran daripada NGO, sekurang-kurangnya di negara kita, kita mempunyai lebih kurang 150,000 orang *stateless children*. Ini anggaran daripada NGO, sebagai hakikat jumlah ini mungkin boleh menjadi lebih besar.

Jadi, kalau kita tidak ambil satu tindakan yang proaktif, saya rasa masalah yang akan dihadapi oleh mereka tidak dapat diselesaikan. Janganlah kita oleh sebab kecuaiannya ibu bapa mereka, kita memangsakan budak-budak ini. Pada tahun yang akan datang, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Pekan, beliau sudah sebut bahawa pada tahun akan datang kalau bukan warganegara Malaysia, dia perlu bayar *full medical cost*, dengan izin, apabila hendak dapat rawatan di hospital kerajaan ataupun di klinik kerajaan. Ini satu isu yang besar untuk budak-budak kerana untuk kanak-kanak, mereka perlu dapat ini *vaccination*, dengan izin.

Kementerian Kesihatan pada hari ini buat satu pengumuman, cakap bahawa hendak buat *vaccination* ini satu mandatori *vaccination* untuk budak-budak Malaysia, 12 *vaccination*. Kalau kita tidak beri rawatan percuma kepada budak-budak yang tidak ada kewarganegaraan ini, sangat mahal untuk pergi ke klinik swasta untuk dapat *vaccination* percuma. Jadi, saya rasa ini *stateless children* ini... [Disampuk] Betul, ibu dia ataupun bapanya adalah warganegara Malaysia. Oleh sebab ibu bapa mereka tidak daftarkan perkahwinan mereka, janganlah kita mangsakan budak-budak ini. Jadi, saya memang haraplah bahawa Timbalan Menteri dan Menteri Dalam Negeri yang baru ini bolehlah ambil satu tindakan yang lebih proaktif, bantulah budak-budak ini. Ini kerana saya kasihanlah tidak boleh terima pendidikan, tidak boleh dapat rawatan hospital yang percuma. Saya rasa golongan ini memang perlulah bantuan kita. Jadi, mintalah jasa baik daripada Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Point* saya agak sama cuma saya ingin dapat cadangkan supaya kita tidak boleh anggap mereka tidak *exist*, mereka ini wujud. Cuma kalau untuk menyelesaikan kewarganegaraan, kalau ada prosedur yang sulit diuruskan, bolehkah Menteri cadangkan supaya sekurang-kurangnya bagi satu penetapan bahawa pendidikan mereka harus diteruskan, IC sementarakah, IC apa pun, dibagi supaya kita boleh daftar dan *recognize* mereka wujud, lepas itu kita carilah penyelesaian. Bagi saya perkara ini agak *urgent*, kita tidak boleh membazir dan memudaratkan kesejahteraan kanak-kanak kita sementara kita *caught in the* birokrasi. Sekian, terima kasih.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya hendak sambung sedikit Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rata-ratanya daripada analisis yang kita jalankan, wujudnya situasi ini adalah faktor utama adalah dua. Satu adalah kadar kemiskinan, mereka betul-betul miskin tidak boleh membawa anak mereka daftar dan sebagainya. Masalah kedua ialah kurang pendidikan, rata-ratanya ini dua punca masalah wujudnya *stateless children* di Malaysia. So, saya rasa bila kita tahu ini punca dia, saya rasa kementerian seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat lain, disebabkan kekurangan pendidikan dan kemiskinan menyebabkan ibu bapa tidak boleh ambil dan mereka apabila kita bila merantau mendapati ada salah seorang mempunyai masalah sebegini dan kita bawa ke hadapan. Kementerian perlu mempunyai mekanisme untuk membantu mereka dengan kadar yang segera dan cepat. Itu saya rasa *priority* yang utama kementerian perlu utamakan sebab tidak boleh abaikan mereka sebab kekurangan pendidikan atau pun kemiskinan ibu bapa mereka. Atas perikemanusiaan, atas budi bicara dan atas warga Malaysia, kita perlu menitik beratkan isu ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sebenarnya kes yang saya bangkitkan ada beberapa kes ke pejabat saya. Ibu yang isteri adalah warga dari China, bila anak pertama dilahirkan, mereka belum kahwin secara rasmi. Lepas itu mereka berkahwin, anak-anak yang lain itu semua *Malaysian* tetapi yang pertama itu adalah warganegara China.

So, sudah kahwin, ini satu kes yang sangat mudah sekali, saya rasa kalau perlu minta mereka pergi buat DNA, selepas itu hanya bagi kewarganegaraan kepada anak yang pertama itu. Akan tetapi hendak minta banyak kali juga, susah diluluskan. Saya rasa kementerian, kita tahu ada banyak kes begini, mestilah ada satu SOP kes-kes yang agak mudah macam ini haruslah disegerakan. Tidak perlu melalui banyak proses.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara ini memang sentiasa dibincangkan dalam KDN. Akan tetapi seperti saya sebutkan tadi masalah mengenai *the harmonization* dengan izin undang-undang di Perlembagaan Persekutuan dengan Undang-undang Ordinan Imigresen di Sabah dan Sarawak, ada perbezaannya yang menyebabkan kesulitan juga untuk nak menguatkuasakan secara uniform. Seluruh Malaysia satu dasar untuk *to recognize this children* dengan izin.

Jadi saya sendiri pun telah membuat lawatan ke ESSCOM di timur negeri Sabah, pun banyak masalah seperti ini. Saya juga telah membuat lawatan di Sarawak, di kawasan sempadan Sarawak dan Kalimantan, juga banyak perkara seperti ini di mana penduduk di sana tidak menganggap bahawa ada batasan di antara Malaysia dengan negara mereka. Mereka tidak memahami mengenai isu kewarganegaraan ini. Akhirnya ramailah anak kelahiran mereka yang mempunyai kesukaran untuk didaftarkan sebagai warganegara. Jadi saya hendak sebutkan di sini bahawa pendaftaran kelahiran kanak-kanak yang tadi disebutkan oleh Yang Berhormat boleh didaftarkan di Malaysia selagi mereka dilahirkan di Malaysia. Itu polisi yang pertama.

Kedua, bagi perkahwinan yang tidak sah, taraf anak tersebut mengikut taraf ibunya sama ada ibunya bertaraf warganegara ataupun bukan warganegara. Jadi ini masalah-masalah spesifik yang timbul. Jadi penganugerahan kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi pihak kerajaan kepada warganegara asing.

Saya hendak beri contoh juga di Sarawak, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah mempengerusikan satu mesyuarat untuk melihat sendiri mengenai status mereka yang berada di negeri Sarawak yang bukan warganegara yang hendak memohon sebagai warganegara. Jadi perhatian sedang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri mengenai perkara ini. Beliau mengadakan penyelesaian secara terpilih. Maknanya negeri Sarawak kita buat, lepas itu kita tengok negeri Sabah. Kita koordinat di antara semua jabatan yang berkenaan supaya isu mendaftarkan kerakyatan mereka yang tidak layak ini dapat diselesaikan *ones and for all*.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: [Bangun]

Tuan R. Sivarasa [Subang]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Mana satu Yang Berhormat? Yang Berhormat Kota Raja?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Subang.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bangun hanya untuk memberi satu cadangan yang mungkin boleh bantu. Saya dengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi penjelasan tentang dasar-

dasar dan pendekatan yang diambil tetapi masalah ini telah berlarutan bertahun-tahun dan skala permasalahan ini memang besar. Jumlah angka tadi disebut puluhan ribuan. Saya sendiri telah jumpa banyak kes di mana ayah dan ibu warganegara tetapi anak tidak dapat kewarganegaraan. Kes-kes yang susah untuk faham.

Jadi saya ingin cadangkan dan saya harap kita boleh bincang ini. Boleh kita ada satu macam *joint taskforce*? Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mempengerusikan, panggil beberapa Yang Berhormat daripada sini yang minat untuk cari penyelesaian isu ini. Kita boleh bagi pandangan macam mana *blocks* ini, halangan-halangnya dan kita cuba selesaikan ini. Saya rasa kesengsaraan kanak-kanak ini satu hakikat yang kita tidak patut terus dibiarkan. Tahun-tahun ini, kesengsaraan bukan pada ayah dan ibu tetapi kanak-kanak. Dengan izin, *I think it's really the big sin*, ini dosa yang besar kalau kita biarkan terus.

Akan tetapi penyelesaian mesti dicari walaupun kita dapat jawapan macam ini, dasar macam ini. Akan tetapi hakikatnya pada akar umbi, *at the reality of that* dengan izin, *the problem goes on. So I'm just suggesting* Yang Berhormat Timbalan Menteri, *whether you can send up some kind of mechanism*, kita duduk bincang dengan pegawai-pegawai yang – *to whoever the relevant parties, stakeholders*. Kita cari macam mana kita boleh selesaikan kes-kes macam ini bila berlaku. Sekian, terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak sebut, Yang Berhormat Timbalan Menteri lah membangkitkan tentang sekiranya ibu warganegara, bapanya bukan warganegara, jadi anak itu ikut kewarganegaraan ibunya. Akan tetapi dalam kes, ada kes-kes di mana ibunya bukan warganegara tetapi bapanya warganegara tetapi tidak ada ikatan ataupun pendaftaran perkahwinan. Saya ingat ini sangat *simple*, sangat mudah kerana sekiranya kalau dibuat ujian DNA dan bapa ini memang terbukti *biological father*, maka saya ingat tidak ada masalah untuk kita memberi pengiktirafan kepada anak itu. Itu sangat mudah bagi saya. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sebelum ini. Saya ingat saya tidak ada masalah kalau kita perlukan penyelesaian dan saya menghargai *complexity* masalah ini. Cuma saya seru kepada kementerian supaya apa yang kita lakukan, lakukan secara *transparent* dan objektif. Kalau DNA itu prosedurnya, beritahu semua buat DNA. Oleh sebab kita dapati banyak *contradictory*. Ada kala bapa warganegara, ibu bukan tetapi dapat. Ada yang ibu ialah warganegara, ada yang disuruh ambil DNA, ada yang tidak disuruh ambil DNA. Buatlah satu penetapan dan juga buat penetapan secara objektif kata kita setelah seseorang itu bermastautin dan berada di sini berturut-turut selama 10 tahun, dia automatik dapat *permanent resident*. *The thing* perkara ini sebab ada yang lima tahun dapat, ada yang 10 tahun dan ada yang 25 tahun tidak dapat. Ini menjadikan agak keliru. So, saya harap apakah penetapan itu dilakukan secara konsisten dan objektif. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey, pandangan daripada Yang Berhormat Subang tadi memang baik. Memang kita ada *consultation* juga dengan orang-orang setempat, NGO dan sebagainya untuk mendapatkan maklumat yang lanjut mengenai keadaan sebenar yang ada di

bawah. Jumlah 150 ribu yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kulai tadi saya tidak tahu sama ada jumlah itu sah atau tidak sah. Saya kena *check* dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

Cadangan daripada Yang Berhormat Kota Raja tadi memang cadangan yang baik. Sekiranya anak itu lahir di atas tanah Malaysia, maknanya dia boleh buktikan bahawa dia merupakan anak kepada warganegara Malaysia yang lelaki itu. Akan tetapi masalahnya kita kena selesaikan masalah sama ada bapa dengan emak dia sah berkahwin atau tidak. Itu juga. Itu saya katakan tadi isu ini memerlukan tumpuan untuk melihat bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini satu persatu. Bukan kita boleh ambil satu penyelesaian secara uniform, secara rambang sahaja.

Jadi yang pentingnya, Yang Berhormat Batu tadi bawa satu *point* yang baik juga iaitu *make the issue more transparent. Easy if we can amend* dengan izin *the constitution*. Maknanya sekarang ini, perkara ini mengekang pendaftaran warganegara ini ialah Perlembagaan Malaysia sendiri dan juga ordinan di Sabah dan Sarawak.

■1700

Ini tiga punca kuasa yang menentukan kewarganegaraan rakyat di Malaysia. Jadi macam yang saya katakan tadi Yang Berhormat Menteri sendiri yang telah mengadakan inisiatif untuk memanggil pihak-pihak berkenaan di peringkat negeri, peringkat KDN, di peringkat pusat untuk hendak cari jalan penyelesaian secara berperingkat-peringkatlah. Kita akan mulakan perkara tersebut di Sarawak. Jadi harap selepas ini dia akan kembangkan kepada kumpulan-kumpulan lainlah. Yang Berhormat Sungai Siput..

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa dalam Perlembagaan isu perkahwinan tidak wujud yang dikatakan untuk Semenanjung Malaysia selepas merdeka 1957 dan untuk Sabah dan Sarawak 1963, anak itu kena dilahirkan di Tanah Malaysia dan salah seorang daripada ibu bapa dia mesti jadi warganegara ataupun *permanent resident* lah itu cukup.

Akan tetapi kita tengok dalam Jabatan Pendaftaran, mereka kenakan satu lagi syarat itu untuk perkahwinan *you know. So, that's one additional factor that's put in by your department it's not the constitution. That is the thing* yang kita kena tengok. Biasanya jika ibunya warganegara Malaysia tidak ada *problem* tetapi jika bapa dia warga Malaysia dan tidak ada dokumen perkahwinan, *then it becomes a problem*. Akan tetapi dalam masa ini dia ini yang dikatakan oleh Yang Berhormat lain *there shouldn't be a problem, you know. So, kita kena ikut constitution* jangan masukkan perkahwinan ini *as an additional period*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *Let me look at the details and I get back to you* lah. Saya pun baru jadi Timbalan Menteri Dalam Negeri ini belum lagi - Terima kasih, dengan izin.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, *so* boleh saya sebagai susulan cadangan tadi boleh kita buat satu *half day I mean* macam perjumpaan yang mana kita boleh bincang perkara ini secara terperinci dan dapat satu *at least* kita bantulah, kita bagi cadangan SOP kah, macam mana kedudukan undang-undang dan kita tukar fikiran dengan

pegawai-pegawai yang bertanggungjawab yang menasihatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri sekarang, boleh?

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sini, Yang Berhormat Sibu di sini. Saya menghadapi satu masalah apabila saya membantu murid-murid ataupun budak-budak yang tidak ada kewarganegaraan ini untuk memohon untuk melanjutkan pelajaran mereka tetapi mereka ini haruslah memohon untuk menjadi pelajar warga asing, *overseas student*. Apabila memohon, *student pass* di Jabatan Imigresen, Jabatan Imigresen cakap walaupun mereka boleh mengeluarkan *student pass* tetapi mereka ini tidak ada dokumen yang sah untuk mereka melekatkan *student pass* ini. Jadi mereka tidak dapat mengeluarkan *student pass* untuk mereka ini.

Jadi mereka ini tidak boleh melanjutkan pelajaran mereka jadi bolehkah Jabatan Imigresen membubarkan dasar mereka supaya *student pass* ini boleh dalam satu bentuk *booklet* bukan satu *sticker* supaya mereka boleh membawa sahaja itu *student pass* bukan mesti ada satu dokumen sah untuk melekatkan *student pass* itu.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat Sibu. Memandangkan perkara-perkara ini telah menjadi semakin spesifik dan banyak lagi persoalan yang saya perlu jawab di sini, saya mohon kalau boleh saya bagi jawapan secara bertulis, ya. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh minta Yang Berhormat Timbalan Menteri. [Dewan riuh] Tadi tidak jawab kerana mungkin catatan itu salah. Saya hendak cadangkan kalau tidak dapat jawab mungkin bagi jawapan bertulis iaitu muka surat 624 yang perbezaan di antara penyiasatan jenayah, risikan keselamatan dan juga keselamatan dalam negeri dan ketenteraman awam. Perbezaannya yang mana adalah yang berkaitan dengan pengganas asing, ISIS dan sebagainya ataupun risikan keselamatan ini bermaksud adalah *special branch* yang ikut kami ini. So, saya tadi saya tanya apakah fungsi ketiga-tiga butiran inilah? Kalau boleh mungkin bagi jawapan bertulis. *Thank you*.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tadi saya jawab fasal Jabatan Siasatan Jenayah apa yang digunakan. Saya ingin menolak sama sekali orang kata tuduhan Yang Berhormat bahawa ruang perisikan ini digunakan oleh *special branch* untuk tujuan politik ya. [Ketawa].

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap tanpa pembesar suara].

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yalah tetapi saya akan jawab secara bertulislah. Ke manakah belanja risikan ini digunakan? Jadi tadi isu mengenai Yang Berhormat Seputeh tadi mengenai DAP ya?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Alamak *you* sudah tidak ingat kah. Saya pula yang mengingatkannya. [Ketawa]. Jadi Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia masih lagi menjalankan siasatan menyeluruh terhadap DAP berikutan pemilihan semula yang telah dijalankan oleh DAP pada 29 September 2013 dan DAP pun sudah mohon semakan kehakiman selepas itu DAP telah menarik balik niat saman terhadap pihak JPPM.

Jadi saya hendak cakap di sini, tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa ada elemen yang luar daripada DAP yang merosakkan mesyuarat DAP. Macam mana *you* orang buat mesyuarat *you* tidak kawal siapa yang masuk ke dalam mesyuarat itu sendiri? Tidak saya pun hairan juga, tuduhan yang diberikan sebenarnya tadi Yang Berhormat kata...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu Yang Berhormat Bukit Gantang dia kata *special branch* masuk partinya untuk hadir mesyuarat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak akanlah *special branch*, mana *you* tahu *special branch* bukan *special branch*? Itu orang dia mengaku dia *special branch* kah?

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Timbalan Menteri salah fakta. Itu tadi dakwaan dari Yang Berhormat Bukit Gantang bukan dari Yang Berhormat Seputeh. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bukan Yang Berhormat Seputeh pun cakap juga. Dia kata *special branch* masuk mesyuarat parti politik. Jadi tetapi mana ada buat kacau. Dia ada cakap kah dia *special branch*, tidak adalah. Jadi yang penting sekarang ini, masalah dalaman DAP ini jangan disalahkan ROS pula kerana yang kompelin fasal perjalanan mesyuarat DAP ini, Mesyuarat Agung DAP adalah ahli-ahli DAP sendiri. ROS tidak akan mengambil tindakan kalau dakwaan tersebut dibawa oleh orang bukan ahli DAP. Jadi kalau *you* tidak reti hendak jalankan mesyuarat itu sendiri, *you* jangan salahkan orang lain.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun].

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Jadi untuk sayalah, untuk saya ada syarat-syarat tertentu yang telah diminta oleh ROS untuk Jabatan Pendaftaran ini untuk DAP berikan kepada mereka maklumat. Jadi selagi maklumat itu tidak diberikan dengan cara yang diminta jadi maknanya siasatan terus akan dilakukanlah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Siasatan sedang dilakukanlah.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]. Sampai bila?

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin membetulkan dua perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Satu, kita kena jelas bahawa sebab kita tarik balik saman itu adalah kerana ROS sendiri setuju bahawa mereka tidak ada kuasa untuk membuat keputusan tersebut. *It is only advisory.* [Tepuk] *So, you have to get your facts right* Yang Berhormat Timbalan Menteri *I can brief you, no problem.*

Saya boleh tunjuk semua dan saya rasa kalau hendak bawa di Parlimen mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri bincang dengan peguam ROS pada masa itu. Dia pun saya boleh bagi *telephone number* dia *it's very clear.* *So, that is one thing so don't, we did not withdraw for no reason we do because you all considered to the point,* itu satu.

Number two, berkenaan isu yang kedua disebutkan bahawa diminta dokumen daripada DAP. Tidak ada? Mana? Kita ada *press conference* dua minggu lalu saya dengan ROS, ahli dari

Seremban tidak ada. *I repeat again*, saya tidak ada masalah. Dokumen yang diminta tempoh hari, lapan bulan lalu, Tuan Pengerusi kita sudah bagi, kita sudah pergi ke sana juga. *We have met your officers as well*. Selepas itu tidak ada langsung *response* itulah sebab saya tanya. Kalau ada hendak minta lagi beritahulah saya tidak ada masalah. Kita akan bagi. *We co-operate, we.....*

Yang kita mengadu itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri, CEC DAP itu jangka masa dia berkuat kuasa tiga tahun daripada tarikh pemilihan. Proses siasatan ROS sudah lebih dua tahun. *So*, itu isu *competence*. *[Ketawa]* Tidak akan sampai tidak boleh siasat langsung satu kes yang melibatkan aduan? Itu di mana kita hendak bantu pejabat ROS. Kita tidak ada masalah. *As far as we're concern* seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan *we have nothing hide*, tidak ada masalah. Kita beritahu sudah berkali-kali sudah. *So, if there is anything*kita sudah minta. Kalau dikatakan sudah minta untuk dokumen kita tidak ada, *please give me the letter* saya masih tunggu. Saya tidak ada masalah. Terima kasih.

■1710

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya lah, yang dimaklumkan oleh ROS adalah maklumat dokumen yang diminta itu tidak menepati apa yang mereka nak. Saya hanya boleh jawab begitu sahaja. Jadi, soalnya sekarang ini kenapa *you* tidak boleh cakap dengan orang yang *complaint* itu, ahli yang *complaint*, tarik balik, selesai masalah *you*.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Kalau macam itu apa juga boleh cakap dengan...*[Dewan riuh]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Salah pada...

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Saya cuma hendak tanya satu sahaja Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Puchong sudah bangkitkan. Siasatan hendak jalankan lebih dua tahun. Boleh tidak saya tanya dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang budiman sampai bilakah siasatan itu akan berakhir. Adakah ia akan sampai hari kiamat? Sampai bila? Mesti ada satu had masa. Ini adalah satu permintaan munasabah.

Peribahasa Melayu kata hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih. Sebab itu saya pohon jika boleh esok lah tutup fail. Biarlah kita jalankan amanah yang kita pikul dipilih oleh Ahli-ahli DAP. Sekian, terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak apalah kalau *you* hendak salahkan ROS tetapi tunggulah siasatan siap. *[Ketawa]*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja. Cuma, secara teknikal Tuan Pengerusi saya ingin dapatkan pengesahan. Ini bukan sahaja untuk DAP tetapi untuk parti-parti lain, pertubuhan yang lain. Kalau katakan pemilihan itu tidak diiktiraf dan juga ahli jawatankuasanya, kepimpinan tidak diiktiraf adakan pertubuhan ini boleh mengadakan satu lagi pemilihan pada masa yang akan datang sebab tempohnya sudah habis. Adakah itu juga secara automatik mereka tidak boleh *elect a new set of leadership*.

So, saya tidak tahu, *what are you going to do*. *They ere going continue to be the executive until they finish the investigation* dengan izin.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Itu soalan spesifik, saya kena jawab secara bertulis ya. [Ketawa] Okey, boleh saya sambung. Okey. Bertulis ya, okey lah. Satu lagi soalan ROS yang timbul pada Yang Berhormat Seputeh saya jawab bertulis lah. Mengenai tugas dan peranan RELA itu boleh pergi *website* dia tengok. Ada tertera di situ tugas dan peranan RELA.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Itu tugas saya kena masukkan jaga *airport* jugalah.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ha?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Jaga lapangan terbang juga masuk dalam bidang tugas RELA.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Mereka diberikan tugas, dia sanggup hendak melaksanakan. Okey, jadi saya pergi kepada soalan Yang Berhormat Temerloh. Kasihan Yang Berhormat Temerloh dia tunggu lama dah untuk saya jawab soalan dia. Jadi, tadi perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Temerloh adalah mengenai dasar dadah yang hendak dilaksanakan sekarang ini adalah kurang efektif dan diminta kajian menyeluruh dibuat dan juga melihat rawatan alternatif kepada penagih dadah dan juga kajian hukuman kepada pengedar dadah.

Jadi sebenarnya dasar dalam negara telah dirangka dan dalam proses akhir semakan di peringkat AADK dan seterusnya akan dibentangkan kepada peringkat Kementerian Dalam Negeri. Beberapa perbincangan mesyuarat, bengkel serta *engagement* telah dilaksanakan bersama dengan kementerian, jabatan dan agensi yang berkenaan serta ahli profesional dan ahli-ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bermula pada Mei 2014 sehingga pertengahan tahun 2015.

Pelbagai input dan pandangan semua pihak yang berkepentingan secara langsung dan tidak langsung dengan AADK telah diperolehi daripada 27 organisasi melalui sesi *engagement* yang telah dijalankan. Dasar ini juga dirangka dengan mengambil kira bukti-bukti saintifik dan *international best practices* dengan izin yang merangkumi polisi-polisi dadah yang diamalkan di beberapa negara maju seperti Switzerland, Australia, United Kingdom, Germany, dan Kanada. Bagaimanapun Dasar Dadah Negara ini perlu disesuaikan mengikut norma masyarakat dan undang-undang Malaysia.

Mengenai isu rawatan alternatif, AADK melaksanakan pendekatan kerohanian melalui pendekatan Inabah. Pendekatan ini dijalankan secara perintis di pusat-pusat rawatan di Sungai Ruan di Pahang. Kajian hukuman mati mandatori bagi kesalahan dadah sekarang ini sedang dikaji semula. Mengenai pengiktirafan Jabatan Amal Malaysia di bawah naungan PAS, pihak KDN mencadangkan supaya Jabatan Amal Malaysia ini memohon kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) untuk dihalusi dan dipertimbangkan.

Seterusnya saya hendak pergi kepada soalan Yang Berhormat Batu. Tadi Yang Berhormat Batu tanya pasal kenyataan saya. Yang Berhormat Temerloh ada soalan. Okey.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tentang indeks jenayah yang saya bangkitkan tadi tentang rasa tidak selamat rakyat tentang peningkatan indeks jenayah masih belum dijawab.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Masa pun sudah 5.15, kalau boleh saya jawab secara bertulis boleh. Okey, terima kasih. Jadi, soalan daripada Yang Berhormat Batu tadi mengenai kenyataan saya pada 28 November 2015 mengenai pengganas Sulu yang sedang merancang untuk membuat tindakan balas dendam.

Saya tidak kata mereka sudah mendarat di Malaysia. Itu saya hendak betulkan kenyataan Yang Berhormat tadi. Saya cuma kata Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan proaktif untuk memastikan bahawa mereka tidak dapat lagi untuk melaksanakan serangan yang mereka lakukan sebelum ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, boleh.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya hendak bagi habis dahulu. Antara tindakan yang telah diambil adalah melalui penambahbaikan ESSCOM. Kita kuatkan keupayaan ESSCOM melalui rondaan laut dan juga kerjasama yang lebih rapat dengan Kerajaan Philippine dan juga penerangan kepada rakyat setempat di kawasan Timur Sabah supaya mereka tidak melibatkan diri dengan pengganas-pengganas Sulu ini.

Selain dari itu, kita juga sudah tahu bahawa serangan tersebut telah berlaku pada tahun 2013 dan pengganas tersebut telah mengaku mereka hendak tuntutan Sabah. Jadi, saya pun tidak tahu bagaimana pandangan Yang Berhormat pasal ramai rakyat di Malaysia ini terutamanya orang Sabah memang begitu benci kepada orang Sulu ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tetapi naib presiden daripada keadilan boleh mengambil gambar bersama-sama dengan anak kepada pengganas tersebut...*[Dewan riu]* yang sebenarnya menjadi *enemy of state to Malaysia*. Jadi kenapa kenyataan saya yang sebenarnya memberikan amaran kepada rakyat Malaysia akan bahaya atau akan ancaman daripada orang yang pernah serang Malaysia ini. Kenapa kenyataan saya diputar belitkan mengatakan bahawa saya ada motif politik, padahal saya hanya memberikan amaran kepada rakyat Malaysia.

Memang mereka akan balas dendam. Dia bunuh 10 orang-orang kita, kita bunuh orang dia juga. Dia mestilah balas dendam. Cara mereka bunuh orang kita pun secara kejam. Potong tangan, potong kepala dan sebagainya. Ini orang kejam. Jadi kenapa naib presiden PKR boleh sama-sama ambil gambar dengan... *[Dewan riu]* seorang yang dianggap sebagai *enemy of state* ini.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Bagi Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya ini memang ada buat kenyataan dan telah melihat dan hati masih sakit sebagai rakyat dan pemimpin daripada negeri Sabah. Tindak tanduk Yang Berhormat Batu dengan Yang Berhormat Lembah Pantai berjumpa dengan golongan yang mendesak tuntutan kepada tanah negeri Sabah, negara Malaysia lah.

■1720

Jadi, kenyataan Yang Berhormat Menteri itu bolehkah yang menyoal apa sebenarnya tujuan Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Lembah Pantai bersepakat dengan..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tunggu dulu. Saya mahu tahu Yang Berhormat Menteri, bukan mencelah dengan saya. Tunggu mencelah menteri, engkau bukan menteri. Saya mencelah dengan menteri. Jadi, yang Yang Berhormat Batu menjadi barua..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Boleh, saya agak Tuan Pengerusi...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Ini *inverted comma*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Barua itu..

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: *Inverted comma*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu adalah *unparliamentary*.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya wakil dari Sabah, saya wakil rakyat Sabah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yalah, jangan pakai barua.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Orang Sabah cakap ini barua. Saya...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Perkataan itu kena tarik balik Tuan Pengerusi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya rasa itu agak spesifik.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Saya rasa *unparliamentary*, tidak boleh guna perkataan macam itu. Mana boleh guna perkataan macam itu?

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi saya minta menteri..

Tuan Pengerusi: Duduk dulu, duduk, Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat tiga orang yang berdiri duduk dahulu. Duduk Yang Berhormat Putatan duduk. Apa tadi perkataan itu?

Beberapa Ahli: Barua.

Tuan Pengerusi: Boleh saya tanya orang Sarawak, apa makna barua? Kalau saya tanya Sabah tidak adil, kalau saya tanya Semenanjung tidak adil. Orang Sarawak, apa makna 'barua'?

Menteri Kerja Raya [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]: Tuan Pengerusi, barua tak ada dalam istilah di Sarawak. Saya pun tak faham apa maknanya Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* Saya, saya orang Sabah. Kalau istilah itu digunakan di Sabah, ertinya orang tengah. Boleh dilihat daripada perspektif negatif, boleh dilihat daripada persepsi yang juga tidak negatif. Jadi, jangan gunakan perkataan-perkataan yang boleh mengundang reaksi negatif. Itu sahaja nasihat saya.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, saya dengan izin Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya pun tak kasi izin kepada perkara-perkara yang dipersoalkan. Itu yang lain. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Itu bahasa Sabah. Jadi kalau tidak mengerti, saya pakai dengan izin, bahasa Sabah. Bahasa Sabah, ertinya dia sebagai '*middle man*', orang tengah.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tuan Pengerusi..

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dengan izin..

Tuan Pengerusi: Sila teruskan tetapi elakkanlah perkataan-perkataan..

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Saya jangan tarik balik, tarik balik Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Ini tak boleh, tak boleh Tuan Pengerusi, perkataan itu tak boleh digunakan di Parlimen ini, saya tak setuju. Tarik balik!

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Saya dengan izin.

Tuan Pengerusi: [Ketawa]

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid [Lumut]: Tak boleh! Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Sebab dia sama Yang Berhormat Lembah Pantai, Yang Berhormat Lumut sabar Yang Berhormat Lumut. Ini perkataan, orang Sabah baik. Dia pakai *inverted comma*. Tengok dia pakai, kalau statik boleh tarik balik. Akan tetapi ini *inverted comma*. Ini masih di dalam persoalan.

Jadi Yang Berhormat Lembah Pantai yang dikelolakan oleh Yang Berhormat Batu berjumpa dengan individu yang pernah membunuh rakyat Malaysia di Tanduo Lahad Datu, adakah ini sebahagian daripada usaha pembangkang untuk menarik minat daripada penceroboh itu masuk balik ke Sabah? Itu saya punya persoalan. [Dewan riuh]

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya menyatakan saya [Dewan riuh] Tuan Pengerusi, soalan saya agak spesifik sebab Yang Berhormat Menteri buat kenyataan pada 28 November menyatakan ada rancangan ancaman dari kumpulan Sulu terhadap Lahad Datu. Saya cuma hendak dapat pengesahan sama ada Yang Berhormat Menteri yakin risikan itu atau maklumat itu benar atau tidak, sahih atau tidak. Kalau sahih, apakah langkah-langkah yang dilakukan untuk mencegah serangan itu? Itu soalan saya. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri dalam jawapan itu secara langsung mengaitkan dengan insiden yang berlaku di Manila, dia bersama dengan Yang Berhormat Lembah Pantai dan saya. Itulah maksud saya, soalan ini dipolitikkan. Maksud saya adalah agak jelas dalam isu sehingga kerajaan..

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Pengerusi..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yakin dengan ancaman ini, kalau yakin apakah langkah-langkah kerajaan untuk mencegahkan? Itu point yang pertama. *Point* kedua saya ialah adakah kerajaan sudah kenal pasti kumpulan yang akan serang itu datang dari mana? Kita tahu ada Abu Sayyaf..

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Batu, Tuan Pengerusi ..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tak ada, tak ada, saya tak benarkan dicelah sebab ini saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tak dia tak jawab soalan, soalan pergi Manila. Selepas itu dulu Yang Berhormat Batu juga gigit telinga polis. Sekarang pergi Manila, Yang Berhormat Batu ini main politik apa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya agak...

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Kalau ikut, kalau gigit telinga polis, itu main politikkah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Baling, Yang Berhormat Baling, duduk dulu. Duduk Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Menteri, panjang lagi Yang Berhormat Menteri? Kalau panjang lagi, jawapan itu bagi saja secara bertulis kerana kerja kita ini semuanya sensitif.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Biar, biar saya habis sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Sila, sila respons sama Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Baik, baik, selepas saya tanya, kalau Yang Berhormat Menteri tak mahu jawab, dia boleh bertulis.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat menteri..

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Okey, sila saya jawab. Ya..

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Selepas saya habiskan soalan saya, selepas itu kalau ini kalau Yang Berhormat Menteri hendak jawab, dia boleh menjawab secara bertulis. Itu sahaja.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Pengerusi, boleh?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Cuma saya hendak dapatkan, kenal pasti supaya kerajaan sudah mengambil langkah proaktif atau tidak, ada...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Dia punya tujuan pergi Manila pasal apa? Itu jawab dulu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita ada, ada, nantilah. Saya soalan saya belum disoalkan. Ini bukan masa saya untuk jawab tuduhan dari sana. *[Disampuk]* Ini bukan..

Tuan Pengerusi: Sila, siapkan soalan itu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, saya agak faham ini bukan platform untuk saya jawab tuduhan. Saya Cuma hendak dapatkan jawapan daripada Yang Berhormat menteri sama ada kerajaan sudah kenal pasti kumpulan mana? Kalau kumpulan yang sah yang dikatakan yang *self-proclaimed Sultanage of Sulu*, yang sebahagian daripada itu, saya jangka ada langkah diplomatiknya kerana yang *self-proclaimed* ini kumpulan yang kita jumpa itu, mereka sebahagian daripada Kerajaan Filipina. Mereka bukan kumpulan pengganas yang kumpulan yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan Filipina sebagai kelompok politik yang sah, telah

MILF sedang dibantu oleh Malaysia tengah berunding dengan Filipina. Itu sebab kalau kita tuduh, kena spesifik. Kalau tidak, tidak adil kita ini. satu lagi perkara yang saya hendak betulkan, Yang Berhormat Menteri tidak boleh kata orang Sabah benci kepada orang Sulu. So orang Sulu ada juga sebahagian daripada masyarakat kita. Kita benci kepada pengganas, kita tidak benci kepada orang Sulu. Kita itulah sebab kalau Yang Berhormat Menteri cakap macam ini, ini yang menjadikan kabur. Apa yang saya maksudkan ini politikkan perkara ini. *We are not here to find the truth but you are trying to score a political point. [Dewan riuh]*

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Okey Yang Berhormat Batu, mula-mula sekali saya jawab kerana Yang Berhormat Batu tadi sebut kenyataan saya dalam surat khabar. Itu pertama. Kedua, saya tak kata orang Sabah benci orang Sulu, saya kata pengganas. *[Dewan riuh]* Janganlah cakap macam itu. Soal ketiga, yang jumpa Yang Berhormat Lembah Pantai itu siapa nama dia? Nama keluarga siapa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, betul. Saya...

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Ya, nama dia Kiram bukan? Bukankah orang yang mendarat di Malaysia, yang serang Malaysia tahun 2013 itu pun nama Kiram?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betul. Saya hendak tahu, kalau betul Kerajaan Malaysia mengenal pasti mereka keluarga Kiram yang melakukan keganasan, sepatutnya kerajaan *ask for accidental, charge them in court* dan dari saat ini *there is nothing to do*. Kita pun ada, di sana.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Ya, bunuh polis itu siapa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Naib, Timbalan Presiden Filipina. Dia sebahagian daripada..

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: *But* dari saat ini..

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Batu, macam-macamlah Yang Berhormat Batu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Yang Berhormat Batu, yang bunuh polis dari Sarawak itu siapa?

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kepada tetamu yang dijemput oleh Naib Presiden Filipina. Kita tidak boleh, itu bukan yang kita secara proaktif ambil..

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya, saya hendak terangkan sikit, sikit sahaja saya hendak terangkan. Kenyataan saya itu adalah ancaman keseluruhan negara tetapi tertumpu pada kawasan Timur Sabah. Itu inti pati kenyataan saya, bacalah betul-betul kenyataan itu. Jadi soalnya sekarang ini, kita kena ambil tindakan secara berhemah menggunakan *intelligence* dan sebagainya tetapi tidak bolehlah kita hendak heboh kepada musuh kita, ini yang kita buat. Akan tetapi yang pentingnya kita hendak rakyat di Sabah itu, terutama di Timur Sabah sedar perkara ini bahawa ada gerakan untuk hendak buat serangan tindak balas. Sama ada jadi, tak jadi, hari ini kah, esokkah, minggu depankah, tahun depankah tak penting. Apa yang pentingnya, rakyat

sentiasa sedar bahawa bahaya ini ada. Itu yang tujuan saya buat kenyataan tersebut tak ada kena mengena dengan politik. Okey?

■1730

Ok, jadi Tuan Pengerusi, saya hendak laju Tuan Pengerusi. Tadi ada soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Alor Star tidak berkenaan dengan bajet, jadi saya tidak payah jawab. Soalan daripada Yang Berhormat Bandar Kuching pun dia spesifik kepada masalah NCER, tidak payah saya jawab di sini.

*[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said] **mempengerusikan jawatankuasa]***

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan. Saya fikir apa yang saya sebut bukan hendak Kementerian Dalam Negeri untuk menyelesaikan masalah NCER. Apa yang saya sebut adalah siasatan polis atas perkara itu di mana gangster pukul tuan rumah di '....in the middle of city'. Adakah polis akan menyiasat perkara ini dengan adil atau tunduk kepada kuasa politik di belakang syarikat ladang itu? Itu persoalannya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya terima apa yang dicakap tadi dan polis akan melakukan siasatan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Sudah hendak habis.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kita ada dua kementerian. Yang Berhormat Menteri sila duduk. Yang Berhormat, KDN sudah ambil masa empat jam. Kalau satu kementerian empat jam dan kita ada dua lagi kementerian lapan jam bermakna kita pukul dua lebih akan bersidang. Jadi saya harap bagi kerjasama. Yang Berhormat Menteri sila ringkaskan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Yang Berhormat PJS membawa perkara yang tidak ada kena mengena dengan bajet juga. Jadi tidak payah saya jawab di sini. Jadi memandangkan....

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri penjelasan berkenaan dengan motif pembunuhan itu penting.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Memandangkan kesuntukan masa, saya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Atas kes yang sudah terjadi, kita bangkitkan. Kenapa kata perkara ini dikatakan tidak relevan? Ini menunjukkan isu siasatan. Ini dibawa secara khusus.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Tidak relevan, ini butiran bajet ini bukan cerita pasal Altantuya bukan cerita pasal Mary Ann Jolley bukan cerita pasal Sirul Azhar.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ada isu siasatan, kalau kita hendak bagi dana untuk siasatan pihak polis kena buat siasatan, kita kena tahu tanya soalan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Saya minta maaf. Saya akur kepada apa yang Tuan Pengerusi untuk menamatkan jawapan saya pada hari ini. Saya ucapkan terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini isu penting. Altantuya ... tidak akan....

Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Mana boleh lari macam ini?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Apa ini...,

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Kes Altantuya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat cukup Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Setiap kali...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah....

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Masalahnya ialah Menteri tidak jawab. *That's the real problem*, menteri tidak jawab soalan saya. Kita tunggu sampai petang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM12,251,812,300 untuk Maksud B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM12,251,812,300 untuk Maksud B.62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM840,914,000 untuk Maksud P.62 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM840,914,000 untuk Maksud P.62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Maksud B.63 [Jadual] –

Maksud P.63 [Anggaran Pembangunan 2016] -

Tuan Pengerusi: Kementerian Pendidikan. Kepala Bekalan B.63 dan Kepala Pembangunan P.63 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Kuala Selangor.

5.34 ptg

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamu'alaikumwarahmatullahi wabarakatuh. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050000 Pengukuhan Operasi Pendidikan. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah di atas inisiatif yang dilakukan oleh pihak Kementerian

Pendidikan untuk Program Pemantapan Guru Muda 1Malaysia GM1M dalam VLE Frog sebagai platform pengajaran dan pembelajaran. Saya melihat ini adalah satu pemangkin transmisi pendidikan yang terdiri daripada guru-guru muda yang menjadikan dunia pengajaran dan pembelajaran lebih baik serta kreatif. Saya juga difahamkan bahawa GM1M ini menjadi satu platform kepada asas pembelajaran dan pengajaran berbentuk maya atau *virtual learning environment* dengan izin. Rentetan daripada itu saya difahamkan 10,000 sekolah telah disasarkan untuk program GM1M, VLE Frog dan pelajar-pelajar sekolah berpeluang menikmati kaedah pembelajaran bertaraf dunia dengan Internet mudah alih 4G kelajuan tinggi.

Tuan Pengerusi, di sini saya lihat kepelbagaian pendekatan pengajaran dan pembelajaran adalah satu usaha murni yang dilakukan oleh pihak kementerian dalam menarik minat para pelajar supaya lebih inovatif dan berdaya saing. Di sini saya ingin bertanya dan mohon penjelasan daripada pihak kementerian setakat manakah keberkesanan program ini GM1M ini dalam membantu guru-guru dalam mendidik pelajar dan adakah ia dapat memupuk minat para pelajar? Setakat ini saya difahamkan sebanyak 2,500 buah sekolah yang terlibat dalam program ini dan adakah pihak kementerian bercadang untuk memperluaskan program ini ke seluruh negara? Saya juga amat berharap agar program ini dapat dijalankan dalam Parlimen Kuala Selangor.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 010300 Pengurusan Sumber manusia. Saya melihat hari ini tugas guru yang hakiki adalah mengajar dan kini tugas warga pendidik juga boleh dikatakan unik. Menurut seorang penulis bernama Noran Fauziah, "*profesion perguruan adalah bidang yang unik, tetap diperlukan oleh masyarakat. Keunikannya hanya akan dapat dirasai dan diketahui oleh mereka yang terlibat dalam profesion ini. Hanya warga pendidik sahaja yang mengetahui maksud unik kerana profesion perguruan ini memberi kesan yang besar terhadap perkembangan personaliti, mental, fizikal setiap insan atau anak didik mereka. Bebanan tugas yang dihadapi oleh seseorang guru boleh mengakibatkan tekanan. Tekanan yang berpanjangan juga boleh melemahkan mental dan fizikal seseorang guru serta boleh membawa risiko kepada kesihatan jika tidak menerima rawatan yang sebaiknya. Tekanan dan stress yang berterusan juga boleh menggugat emosi seorang guru sehingga ada kalanya mereka boleh bertindak di luar jangkaan.*"

Tuan Pengerusi, di sini saya melihat fokus yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan ketika ini adalah untuk memastikan bebanan guru ini dapat kita kurangkan supaya tekanan mereka ini dapat kita kawal supaya akhirnya nanti akan memberikan satu keunikan kepada mereka untuk mendidik anak bangsa. Sehubungan dengan itu saya ingin bertanya dan memohon penjelasan, adakah pihak kementerian akan memberikan garis panduan kepada pihak pentadbiran sekolah agar sentiasa prihatin, mengenali individu guru dengan lebih dekat agar dapat menyelami permasalahan seterusnya mengenal pasti bebanan yang dihadapi oleh seseorang guru itu?

Selain daripada itu pihak pentadbiran juga perlu bijak untuk melakukan pengagihan tugas sebagai contoh sekiranya seorang guru itu telah dilantik menjadi guru kelas, maka tugas-tugas

pentadbiran perlulah dikurangkan terhadap guru berkenaan. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan berapakah nisbah guru dengan sekolah yang sesuai agar beban tugas dapat diagihkan secara seimbang? Di sini juga saya ingin mencadangkan pelbagai usaha harus dilakukan untuk menangani *stress* guru supaya akhirnya nanti ia akan memberikan satu budaya yang unik khususnya dalam mendidik anak bangsa.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin menjurus kepada butiran 050100 Pembangunan Infrastruktur. Tuan Pengerusi, pembangunan infrastruktur adalah amat penting dalam memastikan operasi pendidikan berjalan dengan baik dan lancar. Pembangunan pendidikan di Malaysia bermula dengan kawasan bandar dan seterusnya di luar bandar. Sekolah-sekolah di bandar dibekalkan dengan kemudahan bangunan dan peralatan yang baik dan lengkap guru terlatih dan sumber yang mencukupi. Sebaliknya peluang menikmati pendidikan bagi penduduk di luar bandar dan pedalaman amat terhad. Malah sekolah luar bandar mengalami pelbagai kekurangan daripada segi infrastruktur dan peralatan. Kemudahan asas guru serta sokongan ibu bapa dan masyarakat. Ketidaksamarataan dan jurang pendidikan ini wujud disebabkan keutamaan pada masa itu tertumpu kepada usaha untuk melahirkan dan memastikan lebih ramai pelajar mendapat pendidikan berbanding dengan kualiti pendidikan yang disediakan. Dilaporkan juga oleh laporan daripada pihak Kementerian Pendidikan bahawa jurang pencapaian akademik keputusan UPSR pada tahun 2015 antara bandar luar bandar semakin baik yang mana sekolah luar bandar mencatat gred purata nasional GPN 2.34 manakala kawasan bandar mencatat 2.21 berbanding masing-masing 2.38 dan 2.21 pada tahun 2014.

■1740

Saya di sini ingin mencadangkan kepada pihak kementerian, apakah komitmen yang ingin ditunjukkan oleh pihak kementerian khususnya untuk merapatkan jurang pencapaian akademik di antara sekolah bandar dengan luar bandar. Pihak kementerian juga harus memikirkan dalam Bajet 2016 nanti, infrastruktur, kemudahan sekolah di luar bandar sama ada dari segi bahan bacaan dan infrastruktur berbentuk digital dapat dipertingkatkan bagi memastikan keupayaan serta minat pelajar menguasai ilmu pengetahuan dan juga kemahiran.

Begitu juga saya ingin mencadangkan bagi memastikan suasana pengajaran guru ini dapat dijaga...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Tenom di belakang.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Sahabat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengamati perbahasan yang di bahas oleh Yang Berhormat Kuala Selangor berkenaan dengan pembangunan sekolah-sekolah. Yang Berhormat Kuala Selangor, dalam soal kerajaan sekarang untuk memberi dan merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan juga luar bandar, sekolah-sekolah sebagai contoh dan juga kemudahan-kemudahan lain, setujukah Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor juga harus dilihat juga aspek kerjasama dengan persatuan-persatuan PIBG di sekolah?

Saya melihat bahawa ada dia punya kepentingan. Ada kepentingan di antara Persatuan PIBG sekolah dengan pihak sekolah dalam soal untuk memberi dorongan kepada anak-anak apabila kita lihat tadi seperti mana yang di bahaskan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi, keputusan UPSR sebagai contoh hari ini telah bukan melebar jauh tetapi saya lihat makin lama makin dekat. Bolehkah Ahli Yang Berhormat, setujukah ahli Yang Berhormat sekiranya juga kerjasama di antara PIBG harus diperkemas juga oleh pihak kementerian. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Tenom di atas cadangan yang diutarakan. Saya bersetuju. Pada hemat saya kejayaan sebuah sekolah yang terbaru ialah kejayaan dalam keputusan UPSR dengan hanya disandarkan sahaja kepada peranan guru-guru tetapi yang lebih penting ialah bagaimana komuniti sekelilingnya termasuk PIBG dapat memainkan peranan dalam memastikan suasana persekitaran pendidikan itu dapat dipertingkatkan.

Hal ini saya melihat PIBG harus diperkasakan juga oleh pihak kementerian. Saya ingin bertanya apakah status Yayasan PIBG yang telah dan pernah diumumkan satu ketika dahulu kerana maklumlah pada tahun depan, bulan Januari nanti saya difahamkan ramai Ahli-ahli Parlimen akan dijemput untuk merasmikan mesyuarat PIBG. Sudah tentunya ianya juga harus memberikan pemangkin di atas kejayaan sesebuah sekolah itu, Ahli Parlimen juga harus melibatkan. Dengan adanya Yayasan PIBG nanti akan mengurangkan sikit kos termasuk juga Tuan Pengerusi yang merupakan Ahli Parlimen Kuala Krau.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya Pengerusi.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Minta maaf. Pengerusi yang merupakan yang merupakan Ahli Parlimen Kuala Krau. Saya mohon maaf. Saya juga di samping itu juga saya ingin bertanya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit lagi.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: ...Saya ingin bertanya sebagai penggulangan saya. Ya, sebagai penggulangan saya ingin bertanya juga. Saya juga mendengar rintihan daripada guru-guru yang mengajar sekolah-sekolah. Mereka menyatakan bahawa ada kalanya satu guru dilibatkan dengan 50 orang pelajar dan ada juga 40 pelajar. Bila saya melihat persekitaran bilik guru itu, ada kalanya tidak memberikan satu persekitaran yang kondusif. Jadi saya memohon pihak kementerian kalaulah boleh dalam Bajet 2016, dalam infrastruktur sudilah untuk menaik taraf bilik guru setidaknya memasukkan lah penghawa dingin di semua bilik guru yang ada di sekolah-sekolah sama ada di bandar dan di luar bandar dan terutama sekali dalam Parlimen Kuala Selangor.

Saya fikir Ahli Parlimen juga bersetuju kerana hendak melihat persekitaran yang kondusif.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, termasuk Kuala Krau.

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor]: Termasuk juga kepada Parlimen-parlimen seperti di Parlimen Tuan Pengerusi. Terakhir Tuan Pengerusi, saya juga ingin melihat dan bertanya tentang status cadangan pembinaan Sekolah Menengah Saujana Utama yang pernah menjadi satu aku janji yang pernah diutarakan satu ketika dahulu. Ini kerana ketika ini sedih di Sekolah Kebangsaan Saujana Utama yang sekarang ini, pelajar telah mencapai hampir 4,000 orang. Saya paling sedih sekali seorang guru terpaksa mengajar lebih daripada 50 orang dan ada rancangan untuk mereka mengajar pada waktu malam. Ini saya tidak bersetuju kerana bagi saya waktu malam eloklah guru-guru tersebut bersama dengan keluarga.

Kedua ialah bagaimana pula status bangunan baru di Pejabat Pendidikan Kuala Selangor kerana saya juga melihat bahawa ini juga sangat penting kerana keadaan bangunan Pejabat Pendidikan Daerah sekarang ini adalah sangat daif. Semoga saya berharap dengan pengharapan dua ini dapatlah menjadi keutamaan dalam rancangan bajet pada 2016 nanti. Sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

5.45 ptg.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang. Saya ingin merujuk kepada Butiran 050100, Butiran 092200, Butiran 050200, Butiran 090200 dan Butiran 040100, Butiran 040200, Butiran 040300 dan Butiran 093400.

Tuan Pengerusi dalam keadaan negara masih terkejut ekoran kes kehilangan tujuh orang murid Orang Asli dari SK Tohoi, Gua Musang pada bulan Ogos yang lalu. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada permasalahan asas yang dihadapi oleh semua murid Orang Asli di seluruh negara.

Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, murid Orang Asli mengalami kadar keciciran sekolah yang lebih tinggi daripada biasa dan juga keberhasilan pendidikan yang lebih lemah. Hanya 30% murid Orang Asli yang berjaya menamatkan pelajaran sekolah menengah iaitu kurang daripada setengah purata kebangsaan iaitu 72% dan hanya 61% lulus subjek teras UPSR. Manakala purata kebangsaan adalah 87%. Sebanyak 35% Sekolah Kebangsaan Asli pula dikategorikan dalam *band 6* dan *band 7* iaitu berprestasi lemah ataupun *poor performance* berbanding dengan 1% saja sekolah kebangsaan.

Jadi akibat daripada kadar kemiskinan yang lebih tinggi dan kekurangan akses di kawasan pedalaman khususnya, kebanyakan kanak-kanak Orang Asli tidak mendapat pendidikan pra sekolah dan terpaksa bermula darjah satu dengan asas celik huruf dan celik angka yang sangat rendah. Tambahan pula bahasa Melayu bukan bahasa ibunda mereka dan ini hanya menyukarkan keadaan. Jadi pengetua dan guru sekolah pun melaporkan bahawa program latihan sedia ada tidak memberi persediaan yang secukupnya untuk berdepan dengan situasi di dalam kawasan Orang Asli.

Justeru, terdapat beberapa usaha yang dilakukan oleh kementerian bagi mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut. Antaranya penggubalan kurikulum khas untuk murid Orang Asli dan Penan. Selain itu kurikulum KSSR juga diperluaskan bagi meletakkan lebih banyak bahasa elektif seperti Iban, Kadazan, Dusun dan Semai. Bagi membangunkan lagi pendidikan Orang Asli dan Pribumi, Pelan Pembangunan Pendidikan juga mengemukakan beberapa syor dalam gelombang satu iaitu dari tahun 2013 hingga tahun 2015.

Memandangkan gelombang 1 ini akan sampai ke hujung pada akhir tahun ini, saya ingin mendapat perincian semasa akan status syor-syor ini terutama sekali berkenaan dengan sekolah K9 iaitu *Comprehensive Special Model School* yang menyediakan sekolah berasrama dari darjah satu hingga tingkatan tiga. Tujuan sekolah K9 diperkenalkan adalah untuk mengatasi masalah keciciran dari darjah enam ke tingkatan satu. Sejak dirintis K9 telah berjaya meningkatkan kadar kehadiran murid.

Pelan Pembangunan Pendidikan mengesyorkan agar bilangan sekolah K9 ini ditambah. Sehingga tahun lepas terdapat lima buah sekolah K9 di Semenanjung Malaysia sementara di Sabah dan Sarawak mempunyai 11 buah. Di sini saya ingin tahu status semasa projek K9 ini dan sama ada kerajaan akan menambah lagi bilangan sekolah K9. Berapakah jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan ini sebab saya tidak nampak dalam anggaran perbelanjaan.

Isu kedua adalah kelas dewasa Orang Asli di Pendang, Kedah yang dimulakan bagi mendidik golongan dewasa Orang Asli untuk mencapai kadar celik huruf dan celik angka yang sesuai agar mereka dapat membantu pembelajaran anak-anak mereka. Program ini sepatutnya diperluaskan lagi untuk mencapai kawasan pedalaman khususnya di Sabah, Sarawak. Namun nampaknya peruntukan untuk program ini telah dipotong daripada RM6 juta pada tahun 2015 kepada hanya RM3.5 juta bagi tahun 2016. Adakah program ini membuahkan hasil? Jika ya, mengapakah ia dikurangkan dengan begitu mendadak? Bagaimana pula dengan rancangan untuk memperluaskan KEDAP ini ke Malaysia Timur. Adakah ia akan dijalankan.

Ketiga untuk menangani masalah interaksi di antara guru dan masyarakat Orang Asli, pelan pembangunan juga mengesyorkan penambahan calon Orang Asli dalam Program Latihan Perguruan serta meningkatkan bilangan pembantu guru Orang Asli. Berdasarkan kepada kes SK Tohoi yang diuar-uarkan baru-baru ini, masalah kekurangan guru apatah lagi guru Orang Asli merupakan antara rungutan terbesar daripada ibu bapa. Oleh itu saya ingin tahu berapa ramai guru dan pembantu guru Orang Asli yang sudah dilantik. Apakah rancangan kementerian untuk menambahkan lagi bilangan mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada projek 1BestariNet yang sedang mengundang banyak kontroversi.

■ 1750

Sudah lebih setengah bilion ringgit dibelanjakan atas program ini tetapi masih lagi banyak masalah dan aduan yang kita terima. Antara kelemahan yang ditekankan oleh Laporan Audit Negara adalah kadar daftar masuk ataupun *log in* yang kurang daripada 1% dalam kalangan murid. Maka saya memohon menteri membekalkan Dewan dengan statistik terkini.

Lebih penting lagi kita hendak tahu juga adakah penggunaan VLE ataupun Pelantar Pembelajaran Maya dan 1BestariNet ini benar-benar mencapai penggunaan yang dinyatakan. Kesangsian saya ini adalah berdasarkan banyak aduan yang saya terima daripada guru umpamanya liputan jalur lebar yang tidak memuaskan dan tidak laju dan perkara ini pun ditegaskan dalam Laporan Audit tetapi lebih membimbangkan lagi, saya juga mendapat aduan bahawa guru-guru dipaksa untuk mendaftar masuk ke sistem VLE semata-mata agar KPI penggunaan dapat dicapai.

Dalam erti kata lain, mereka menggunakan sistem tersebut bukan kerana sistem itu bermanfaat atau berkesan dalam pengajaran atau pembelajaran tetapi hanya sekadar memenuhi keperluan birokrasi. Pada masa yang sama, saya juga dimaklumkan bahawa ada sesetengah pengetua yang memaksa guru untuk mendaftar masuk menggunakan akaun murid supaya statistik penggunaan murid dapat meningkat. Jadi sekiranya dakwaan-dakwaan ini benar, maka ia bukan sahaja membazirkan tenaga dan masa guru tetapi membuktikan bahawa 1BestariNet adalah projek yang gagal mencapai objektifnya. Jika benar, projek ini perlu dikaji semula agar tidak lebih banyak sumber yang dibazirkan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini terdapat juga laporan dalam akhbar *The Star* yang memetik Presiden MMA cawangan Melaka sebagai berkata sekitar 1000 graduan perubatan telah berhenti daripada menjadi doktor walaupun sudah berjaya menghabiskan pengajian mereka. Sebab utama yang diberikan adalah kelemahan penguasaan bahasa Inggeris yang menyukarkan komunikasi dan juga kerja mereka tambahan pula kebanyakan buku rujukan dan latihan perubatan adalah dalam bahasa Inggeris. Maka tahap penguasaan yang lemah meningkatkan beban dan juga tekanan ke atas para pelatih perubatan. Jelas masalah penguasaan bahasa Inggeris di negara kita khususnya dalam kalangan graduan sudah sampai ke tahap yang amat merunsingkan. Jika pengamal perubatan kita pun terjejas, bagaimana pula Tuan Pengerusi dengan yang lain? Tahun lepas akhbar *Wall Street Journal* telah melaporkan hasil kaji selidik Persekutuan Majikan-majikan Malaysia yang mendapati bahawa lebih 60% syarikat yang disoal selidik menyalahkan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah sebagai sebab utama mengapa graduan yang ditemu duga tidak berjaya dipilih dan sudah pasti jika kebolehpasaran graduan kita terjejas, maka daya saingan negara kita juga akan terhakis.

Bagaimanakah mungkin kita dapat mencapai matlamat ekonomi berpengetahuan sekiranya kita tidak fasih dalam bahasa yang merupakan lingua franca dunia dalam bidang sains, teknologi dan juga perniagaan? Dalam pembentangan Bajet 2016, Perdana Menteri mengiktiraf kepentingan bahasa Inggeris dan mengumumkan peruntukan sebanyak RM150 juta bagi tujuan ini namun kalau kita meneliti angka ini, sebenarnya jauh lebih kecil berbanding peruntukan dalam tahun-tahun yang lepas. Ambil sebagai contoh dasar MBM MBI yang diperkenalkan untuk menggantikan PPSMI. Bagi tahun 2016, jumlah yang diperuntukkan adalah hanya RM97 juta. Ini adalah pengurangan yang sangat ketara sebenarnya. Lebih 50% kerana program MBM MBI ini secara lazim tiap-tiap tahun akan menerima dalam sekitar RM200 juta dan angka RM135 juta yang dimaksudkan oleh Perdana Menteri pula sebenarnya merangkumi RM97 juta yang saya

kata tadi ditambah dengan dua dasar baru iaitu *Dual Llanguage Program* dan *Highly Immersive Program* yang berjumlah RM38.5 juta.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, baik. Maka adalah jelas retorik yang dilaungkan tidak sepadan dengan komitmen yang ditunjukkan. Bagaimanakah pula Perdana Menteri menyatakan penguasaan Bahasa Inggeris itu penting tetapi pada masa yang sama peruntukan untuk memperkukuhkan bahasa Inggeris dikurangkan dengan begitu mendadak? Pada masa yang sama, Menteri Pendidikan baru-baru ini juga dilaporkan berkata program untuk membawa masuk guru bahasa Inggeris dari negara asing akan ditangguhkan sehingga kajian lanjutan dibuat. Dalam hal ini, saya ingin mengajukan soalan mengenai program Penutur Jati Bahasa Inggeris (PPJBI). Sehingga kini lebih setengah bilion ringgit sudah dibelanjakan untuk melantik guru-guru penutur jati asing yang berbahasa Inggeris. Saya ingin tahu apakah hasil dan status terkini. Adakah program ini juga akan ditangguhkan seperti mana yang diumumkan oleh menteri tempoh hari?

Tuan Pengerusi, poin atau hujah terakhir mengenai pembangunan guru. Pelan Pembangunan Pendidikan menyatakan bahawa kualiti guru merupakan penentu yang paling penting di peringkat sekolah bagi keberhasilan murid. Malah dokumen tersebut memetik kajian di Amerika Syarikat yang menunjukkan bahawa apabila dua murid berumur 8 tahun dengan prestasi yang sederhana diajar oleh guru yang berbeza prestasi, seorang guru itu berprestasi tinggi dan seorang lagi berprestasi rendah. Pencapaian akademik dua murid tersebut berbeza sebanyak lebih daripada 50% dalam tempoh tiga tahun. Dapatan yang sama juga diperoleh dalam kajian yang dijalankan di negara lain. Oleh itu, jika kualiti guru dikenal pasti sebagai aspek yang begitu penting dalam sistem pendidikan, saya ingin tahu mengapakah pelaburan terhadap pembangunan guru semakin berkurangan? Menurut anggaran perbelanjaan, hanya RM783 juta diperuntukkan bagi tahun 2016 berbanding RM1 bilion untuk tahun 2015 dan satu setengah bilion dua tahun sebelumnya. Potongan ini adalah sebanyak 49.12% dan sangat ketara, Tuan Pengerusi dan jika diperincikan, semua program latihan guru termasuk latihan pra perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan kepimpinan semuanya mengalami pengurangan drastik dari tahun 2014 hingga tahun 2016.

Latihan pra perkhidmatan sebagai contoh dikurangkan daripada RM948 juta tahun 2014 kepada hanya RM649 juta bagi tahun depan iaitu pengurangan sebanyak 31.58%. Sementara itu latihan dalam perkhidmatan pula adalah yang paling terjejas, dipotong sebanyak 84% daripada RM410 juta kepada hanya RM65 juta bagi tahun 2016. Ini latihan dalam perkhidmatan, latihan untuk guru yang sedang berkhidmat. Akhir sekali, latihan kepimpinan juga dipotong sebanyak 61% daripada RM181 juta pada tahun 2014 kepada hanya RM69 juta untuk tahun depan. Pemotongan yang mendadak secara besar-besaran ini Tuan Pengerusi, bagi pembangunan guru khususnya sangat mengkusarkan kerana jelas bertentangan dengan fakta yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan. Justeru, saya memohon menteri untuk menjelaskan bagaimana kita dapat meningkatkan mutu sistem pendidikan kita jika perkara asas seperti latihan

guru pun bukan sahaja tidak diberi perhatian malah dikorbankan begitu teruk sekali. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Belakang sekali sebelah Yang Berhormat Silam.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Tasek Gelugor.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tasek Gelugor, sila.

5.57 ptg.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebab jarang-jarang saya tengok.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: *[Ketawa]*. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak seperti Yang Berhormat Bagan Serai, setiap masa.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk turut mengambil bahagian dalam membahaskan dalam Jawatankuasa Kementerian Pendidikan. Saya ingin merujuk kepada perkara yang berkaitan dengan hal ehwal kebajikan pelajar-pelajar yang telah pun digariskan ataupun telah pun diwujudkan programnya oleh Kementerian Pendidikan sebelum ini. Jadi kalau kita melihat merujuk kepada program ataupun Butiran 092600 Program Susu 1Malaysia. Program Susu 1Malaysia ini adalah merupakan satu program yang telah diwujudkan untuk memberikan bekalan nutrisi kepada pelajar-pelajar sekolah dan saya difahamkan banyak ataupun ramai pelajar-pelajar sekolah yang mendapat manfaat daripada program nutrisi ini.

Namun begitu kepada anggaran perbelanjaan bagi tahun 2016, kita melihat berlaku pengurangan yang begitu ketara iaitu cuma tinggal RM38 juta berbanding dengan RM100 juta pada tahun 2015. Jadi soalan saya kepada menteri, adakah pengurangan ini disebabkan oleh pengurangan jumlah penerima manfaat program Susu 1Malaysia ataupun program ini dibuat kerana kita mengurangkan ataupun menurunkan kadar kualiti susu yang dibekalkan kepada pelajar-pelajar yang berkenaan? Saya difahamkan ada empat syarikat utama yang membekalkan susu 1Malaysia ini mengikut zon di Malaysia. Namun begitu kalau tak salah saya, hanya dua sahaja *company* ataupun syarikat yang betul-betul mengeluarkan ataupun terlibat di dalam pengeluaran susu tetapi yang selebihnya itu tidak pun terlibat dalam pengeluaran susu sebaliknya mendapat bekalan susu yang murah dan kurang berkualiti daripada negara Thailand. Jadi dalam hal ini, mohon penjelasan menteri sama ada pengurangan peruntukan ini adalah kerana kita mengurangkan kualiti susu yang dibekalkan ataupun kita mengurangkan jumlah penerima manfaat daripada kalangan pelajar terhadap program Susu 1Malaysia?

■1800

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 091700 – Bantuan Makanan Asrama. Begitu juga halnya kalau kita melihat peruntukkan telah pun dikurangkan menjadi RM1.087 bilion daripada asalnya pada tahun 2015 ialah RM1.125 bilion. Jadi pengurangan ini juga memberikan satu tanda tanya kepada masyarakat sama ada kita mengurangkan kualiti ataupun kita mengurangkan jumlah menu makanan yang telah ditetapkan sebagai Bantuan Makanan Asrama. Jadi kalau katakan kekurangan itu berlaku dalam bentuk kualiti, ini sudah tentulah akan menyebabkan terjejasnya kualiti makanan yang disediakan kepada pelajar-pelajar asrama. Jadi pengurangan ini perlu kepada satu justifikasi ataupun penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Begitu juga kalau kita tengok dalam Butiran 091800 – Rancangan Makanan Tambahan (RMT) yang turut berlaku pengurangan di mana cuma tinggal RM250 juta berbanding RM276 juta pada tahun sebelumnya. Jadi pengurangan-pengurangan ini perlu dijustifikasikan oleh pihak kerajaan supaya rakyat tetap yakin dengan program-program ini.

Begitu juga dengan Butiran 092300 – Bantuan Makanan Pra Sekolah. Ini ada sedikit persoalan kerana Bantuan Makanan Pra Sekolah telah pun ditingkatkan peruntukkannya untuk tahun 2016 sebanyak RM92.993 juta berbanding dengan RM80 juta pada tahun 2015. Jadi adakah ini menyebabkan ataupun menunjukkan bahawa bertambahnya bilangan pelajar-pelajar pra sekolah di negara kita ataupun ia berlaku kerana penambahan dari segi kualiti makanan yang disediakan. Kalau penambahan kepada pelajar-pelajar pra sekolah, ini telah memberikan satu manifestasi yang baru kepada kita di mana kita mempunyai dua atau tiga agensi besar dalam pihak kerajaan yang mewujudkan program pra sekolah selain daripada sekolah kebangsaan, KEMAS dan juga Jabatan Perpaduan bagi pihak kerajaan telah pun menubuhkan sekolah-sekolah pra sekolah ini.

Jadi sekarang ini apakah berlaku satu aliran atau trend di mana rakyat gemar menghantar pelajar-pelajar di peringkat pra sekolah ini ke sekolah-sekolah kebangsaan sehingga kalau kita melihat kepada pertambahan peruntukkan penyediaan bantuan makanan seolah-olah seperti indeks yang menunjukkan bahawa berlakunya pertambahan kecenderungan para ibu bapa menghantar pelajar ke sekolah-sekolah pra sekolah di sekolah-sekolah kebangsaan. Jadi kalau trend ini berlaku, maknanya dia akan memberikan satu pola perubahan kepada perjalanan kelas-kelas TABIKA di bawah kendalian KEMAS ataupun di bawah kendalian Jabatan Perpaduan Negara. Jadi ini perlu kepada satu penjelasan.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Butiran 093300 – Pengurusan Sukan di mana peruntukkan bagi pengurusan sukan untuk sekolah-sekolah di Malaysia telah dikurangkan menjadi RM24 juta berbanding dengan RM61.535 juta. Satu pengurangan yang jauh lebih teruk. Lebih daripada separuh peruntukkan tahun 2015 telah pun dikurangkan pada tahun 2016. Jadi ini menunjukkan bahawa satu dasar yang tidak selari antara dua kementerian iaitu Kementerian Belia dan Sukan dan juga daripada Kementerian Pendidikan di mana Kementerian Belia dan Sukan menyebutkan bahawa kerajaan begitu prihatin dan juga mengambil inisiatif berat untuk meningkatkan kualiti sukan. Hendak melahirkan atlet-atlet negara yang berkaliber tetapi dalam masa yang sama kalau kita melihat apabila pendidikan sukan di

peringkat sekolah telah diabaikan ataupun dikurangkan peruntukannya, sudah barang pasti aktiviti-aktiviti sukan di peringkat asas untuk membentuk atlet-atlet ataupun jaguh-jaguh sukan negara sudah terbantut.

Dalam hal ini kita melihat berlaku *double standard* ataupun percanggahan di antara dua kementerian, kerajaan, dalam usaha untuk membangunkan institusi sukan negara dan juga membangunkan atlet-atlet negara. Sudah barang pasti kita tidak akan yakin kalau pihak sekolah tidak dapat memberikan kemudahan sukan dan juga pembelajaran sukan yang terbaik kepada rakyat kita dan dalam masa yang sama kita juga hendak Kementerian Belia dan Sukan menyemarakkan lagi budaya sukan sedangkan pelajar-pelajar ini sejak daripada sekolah rendah telah tidak diberikan peluang yang baik dalam pembangunan sukan. Sudah barang pasti sukan kita di masa yang akan datang akan terus menjadi malap.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, ringkaskan.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Jadi dalam hal ini saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan tentang percanggahan dasar ini. Adakah ia satu perkara yang berlaku secara tidak disengajakan ataupun perkara yang memang tidak boleh dielakkan. Jadi penjelasan Yang Berhormat Menteri nanti amat-amat diperlukan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Langat.

6.06 ptg.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, terima kasih memberi ruang kepada Kuala Langat untuk membicarakan di bawah Kementerian Pendidikan.

Terus kepada menyinggung Butiran 040300 – Latihan Kepimpinan. Daripada anggaran belanjawan yang diberikan pada tahun 2015, jumlahnya RM141,777,800 diturunkan kurang 50% daripada anggaran 2016 kepada RM69,302,600. Persoalannya ialah ini di bawah pembangunan profesionalisme. Apakah kerajaan tidak mahu rasionalnya melahirkan anak-anak muda yang wibawa untuk diketengahkan atau tidak mahu menjadikan manusia, rakyat Malaysia ini cerdik ataupun memahami tentang inspirasi generasi masa depan. Soalannya apakah dengan adanya penurunan ini memberikan ruang yang terlalu terhad kepada anak muda untuk meneruskan kepimpinan yang akan kita tinggalkan. Saya percaya kementerian mesti ada alasan yang kukuh dan mantap mengapa tidak membolehkan penurunan ini dibuat atas dasar apa dan apakah selama ini kita sudah berada dalam ambang tidak mahu melahirkan generasi wibawa. Ini, Yang Berhormat Menteri harus jawab daripada hati nalurnya apakah ia benar-benar mahu melahirkan anak muda yang pandai, cerdik, bijaksana untuk menjadi pemimpin masa depan kerana bajet ini akan menzahirkan apa inspirasi kerajaan yang sebenarnya.

Saya terus merujuk kepada Butiran 080100 – Dewan Bahasa dan Pustaka yang sebelum ini anggaran belanjawan 2015 berjumlah RM93 juta dan diturunkan kepada RM45 juta. Maksudnya apa? Adakah selama ini Dewan Bahasa dan Pustaka dengan pekerjaannya ataupun

adakah pentadbirannya atau adakah perbelanjaan untuk mengangkat martabat bahasa itu sendiri sudah dilonggarkan atau dimalaskan untuk di fikir ataupun tidak mahu bersungguh-sungguh untuk mengangkat martabat bahasa itu sendiri. Ini persoalannya mesti ada alasan yang kukuh daripada Kementerian Pendidikan hala tuju untuk kita memastikan isu pendidikan dalam segi bahasa itu tidak dimanipulasikan atau di pandang enteng. Ini harus dijawab kerana bajet ini menunjuk hala tuju yang dibawa oleh Menteri Pendidikan ke mana hendak dibawa. Ia mesti ada rasionalnya mengapa penurunan ini. Saya anggap keterlaluan kerana sudah melepasi 50% daripada bajet sebelum ini.

Maka yang demikian, kementerian harus bersungguh-sungguh. Kalau benar hendak mengangkat martabat bahasa itu sendiri, mesti ada persiapan yang konkrit supaya tidak dijadikan alasan. Esok, isu bahasa itu dijadikan alasan percakapan di kedai kopi.

■1810

Tuan Pengerusi, saya ingin menyinggung Butiran 090300 – Perluasan Program Vokasional dan Kemahiran. Anggaran 2015 berjumlah RM 26,543,400, Anggaran 2016 kosong. *[Bercakap dalam bahasa Tamil]*. Apa maknanya – dengan izin, bukan bahasa, menggunakan bahasa lain daripada bahasa kebangsaan.

Isunya apa hari ini, isunya ialah apakah negara ini tidak mahu melahirkan manusiawi yang bersikap profesional dalam bentuk *skill* yang mereka ada. Di manakah golongan mereka-mereka yang tidak berkemampuan untuk meneruskan pendidikan akademik yang ada ruang untuk mereka. Ini bermaksud program vokasional dan kemahiran tambahan ini tidak diambil endah oleh Kementerian Pendidikan.

Apakah kita tidak melahirkan insan manusia masa depan yang mempunyai *skill* profesionalisme mereka sendiri. Apakah rasionalnya kementerian tidak langsung memberikan Bajet 2016 dalam skop program vokasional dan kemahiran ini. Dalam masa yang sama, kita ingin melihat anak-anak muda kita yang dilahirkan dalam sikap dekripsi mereka sendiri – kalau sebagai seorang mekanik, mekanik yang profesional, kalau seorang yang bekerja dalam perkhidmatan yang profesional dan ini kita hendak melahirkan seorang mekanik yang profesional. Apakah ini menunjukkan bahawa negara ini tidak memerlukan orang yang profesional dalam *skill* mereka sendiri.

Saya percaya Menteri MITI pun bersetuju dengan saya untuk berdepan dengan TPPA sebagai contoh kita hendak bersaing dengan negara-negara yang besar skalanya perlu ada insani manusia yang wibawa untuk menyaingi mereka. Di samping kita mempunyai wang, kita juga ingin punya *skill* tempatan yang boleh dilahirkan untuk memastikan rakyat anak muda dimartabatkan, angkat kedudukannya untuk memastikan bahawa persaingan esok tidak menjadi cacat celanya.

Saya percaya Yang Berhormat Jeli bersetuju dengan saya untuk kita berdepan syarikat-syarikat besar dengan negara-negara yang besar yang sudah ada persiapan akademik dengan persiapan vokasionalnya kemahiran mereka memerlukan daya tahan yang kuat untuk bersaing dengan mereka. Maka demikian, Kementerian Pendidikan wajib memberi penjelasan dalam

Dewan yang mulia ini mengapa perluasan program vokasional dan kemahiran ini tidak diberi satu sen pun, Tuan Pengerusi mohon Menteri menjawab daripada hati nalurinya bukan atas kertas yang diberikan oleh pegawai di belakang. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Garangnya Yang Berhormat Parit Sulong. Senyum sikit, hendak dapat – berdiri, berucap, berbahas muka macam-macam gayanya. Sila.

6.13 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tidak ada, saya sentiasa senyum Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Ada beberapa perkara yang saya hendak sentuh, saya terus ke Butiran 093500 – Program *Teach For Malaysia*. Seperti yang kita maklum program *Teach for Malaysia* adalah program yang bertujuan menarik lebih ramai graduan cemerlang menyertai profesion perguruan sekali gus memantapkan lagi kualiti pendidikan negara.

Justeru itu, ada beberapa perkara yang saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian yang pertamanya saya hendak mohon kementerian untuk menyatakan setakat ini sejak dilancarkan di dalam bulan Januari 2012. Saya hendak tahu keberkesanan program ini dan berapa ramai mereka ataupun peserta ataupun orang ramai yang telah menyertai program ini. Daripada jumlah yang menyertai program ini berapakah orang yang betul-betul telah masuk profesion perguruan ini.

Seterusnya merujuk kepada perkara yang sama. Apakah usaha-usaha yang dilakukan untuk mempromosi program ini dalam usaha menarik lebih ramai lagi masyarakat untuk menyertai program *Teach for Malaysia* ini.

Seterusnya Butiran 093900 – Sekolah Transformasi. Program sekolah transformasi ataupun PreSTasi ini merupakan replikasi Sekolah Amanah. Dia akan dilaksanakan di 100 buah sekolah menengah dan rendah di seluruh negara. Cuma saya hendak tanya kepada pihak kementerian sebab kita juga ada sekolah yang dinamakan sekolah amanah. Jadi apakah perbezaan utama antara sekolah transformasi ini dan juga sekolah amanah.

Seterusnya saya ingin juga memohon kepada kementerian untuk menyatakan apakah kriteria yang ditetapkan ketika memilih sekolah-sekolah yang layak untuk menyertai program sekolah transformasi tersebut. Kita tidak nafikan bahawa penglibatan aktif komuniti setempat memang sangat penting dalam menjayakan program PreSTasi ini.

Jadi apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk mempromosi konsep sekolah ini kepada rakyat. Tuan Pengerusi seterusnya kepada Butiran 050100 – Pembangunan Infrastruktur. Saya hendak merujuk kepada satu kes khusus pada sekolah di kawasan saya iaitu sekolah SMK Semerah, terdapat kebakaran pada tahun 1960-an dan menyebabkan satu blok tidak boleh digunakan dan JKR pun telah menyatakan bahawa bangunan ini tidak selamat untuk digunakan.

Walau bagaimanapun, dukacitanya sehingga sekarang tidak ada apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak kementerian. Walaupun banyak surat-surat yang telah dihantar kepada pihak kementerian. Jadi saya hendak bertanya kepada pihak kementerian sama ada dalam peruntukan 2016 ini pihak kementerian akan membuat satu langkah untuk meruntuhkan bangunan ini di SMK Semerah ini agar ia – kita kluatir ia akan memberi – memudaratkan terutama kepada pelajar-pelajar setempat dan soalan saya seterusnya mengenai perkara yang sama di sekolah yang sama. Apabila setelah diruntuhkan, adakah kementerian bercadang untuk membina bangunan lain bagi menggantikan bangunan ini bagi membolehkan dewan terbuka digunakan oleh guru-guru dan juga pelajar-pelajar.

Seterusnya, untuk sekolah yang sama juga. Pada waktu yang sama apabila satu kelas ataupun satu tempat makan kantin yang telah berusia saya rasa ia lebih tua daripada saya, 1960-an telah dibina dan keadaan memang sangat uzur. Saya hendak tanya kepada pihak kementerian adakah di dalam setahun ataupun Bajet tahun 2016 satu bilik makan akan disiapkan untuk kegunaan guru-guru dan juga pelajar-pelajar. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana memberi saya peluang.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar sudah keluar. Ya Yang Berhormat Kota Raja.

6.18 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dahulu P.63 Butiran 00201 – Menengah Akademik. Saya ingin bertanya setelah bertanya dalam ucapan Dasar saya – Bajet tentang sekolah menengah Kota Kemuning dua Perdana Menteri telah mengumumkan ada 27 buah sekolah menengah baru dan saya ingin bertanya sama ada termasuk sekolah menengah Kota Kemuning dua ini yang sekarang ini sangat padat dengan murid-murid.

Jadi sebenarnya, status bila kami bertanya kepada Kementerian Pendidikan beberapa bulan sudah. Sekolah SMK KK dua ini sebenarnya projek sekolah UKAS yang diberikan kepada satu pemaju dengan pertukaran tanah saya diberitahu dan kali terakhir tidak ada-apa perkembangan lagi.

Jadi sekarang ini saya hendak tanya sama ada sekolah ini termasuk di dalam senarai 27 ini. Buat masa sekarang sekolah ini sudah ada – tahun depan 2016 murid tingkatan satu sudah 832 orang, 17 kelas dan satu kelas – purata 48.9, hampir 50 orang satu kelas. Sementara kelas bilik darjah direka untuk 35 orang penuntut. Jadi 2016 jumlah penuntut 3400 orang.

■1820

Jadi saya ingin mendengar jawapannya kali ini kerana rakyat saya ingin mendengar betul apakah mereka akan mendapat sekolah ini pada tahun hadapan. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berkenaan Butiran 090200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris. Mengenai *Dual-Language Programme* yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, RM38.5 juta untuk 300 buah sekolah. Jadi mengikut beritanya hanya 20

hingga 30 buah sekolah sahaja yang dimulakan dengan projek perintis. Saya ingin bertanya sama ada, bagaimana caranya pihak sekolah memohon untuk projek ini agar sekolah ini dijadikan salah sebuah sekolah perintis? Saya ingin mencadangkan Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning 2 ini dijadikan salah sebuah sekolah projek perintis DLP ataupun HIP ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi kepada Butiran 05000 – Pengukuhan Operasi Pendidikan. Para guru minta disampaikan keluhan yang kini semakin terbeban dengan sistem pemfailan dan tugas-tugas perkeranian yang semakin bertambah di sekolah. Menteri Pendidikan yang lepas ada mencadangkan untuk menempatkan pembantu guru di sekolah, namun mekanismenya tidak begitu jelas dan mereka ingin tahu bilakah program ini akan dilaksanakan.

Seterusnya, Butiran 090500 – Pembaikan Bangunan. Infrastruktur dan Prasarana Pendidikan. Sudah ada sekolah-sekolah yang mempunyai bangunan usang di seluruh negara yang berusia 30 tahun, adakah kementerian mempunyai statistik mengenai sekolah-sekolah ini bagaimanakah perancangan untuk menaiktarafkan sekolah-sekolah tersebut daripada segi bukan sahaja bangunan, kelas, bangunan sekolah, bekalan air, elektrik yang terurus dan penyelenggaraan kawasan sekolah-sekolah ini terutamanya di luar bandar dan pedalaman.

Seterusnya Butiran 090700 – Penyelenggaraan Genset. Terutamanya bagi sekolah-sekolah pedalaman yang mendapat elektrik daripada generator. Ada cadangan daripada pihak sekolah bahawa tender hendaklah diberikan kepada sebuah syarikat sahaja untuk menyediakan, menyelenggarakan secara berkala dan menggantikan generator yang sudah usang bagi memastikan sekolah-sekolah di pedalaman terus mendapat bekalan elektrik berterusan.

Butiran 090800 – Penyelenggaraan Telaga Tiub. Begitu juga dengan penyelenggaraan air terutamanya telaga tiub untuk sekolah-sekolah yang tidak ada bekalan air bersih, Kementerian Pelajaran Malaysia harus bersedia untuk menyediakan kemudahan tangki, penggalian sumber air bawah tanah untuk menyelesaikan masalah ini. Kes terkini, SMK Long Lama di Marudi yang tiada bekalan air sejak dua minggu lepas walhal sekolah dihuni oleh guru dan murid yang sibuk menghadapi SPM. KPM harus memastikan infrastruktur asas sekolah-sekolah di Malaysia diselesaikan dengan segera ke arah mewujudkan pembelajaran abad ke-21.

Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia. Ramai yang menyatakan tentang *concern* dengan izin, mereka tentang kebajikan para guru daripada segi penempatan, waktu mengajar maksimum, pengajaran mengikut opsyen dan bukan mengikut suka hati guru besar dan pengetua. Seterusnya kemudahan kuarters untuk guru di pedalaman, kemudahan elaun perumahan untuk guru luar dan dalam bandar harus dikaji semula ekoran kenaikan kos sara hidup. Penempatan guru seharusnya mengikut negeri kelahiran seperti yang mereka minta wajar diberikan perhatian dan diselesaikan. Terdapat kes guru yang sudah mengajar 10 tahun tetapi masih belum dapat berpindah di tempat yang mereka mohon. Saya ingat setakat itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kasihan Yang Berhormat Jerlun ya. Sila, Yang Berhormat Jerlun.

6.24 ptg.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Ringkas sahaja, Butiran 090200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkasa Bahasa Inggeris. Kita sedar bahawa kalau kita imbas kembali sejarah masalah berbahasa Inggeris di negara kita ini, dahulu dari tahun 60-an kita bermula dengan sijil-sijil *Federated Malayan Certificate*. Kemudian *Senior Cambridge*, kemudian ke LCE, MCE, HSE. Kemudian *O-Level, A Level* sampailah kepada masa itu ada '*English Stream*' Kemudian pada penghujung tahun 70-an, sudah diubah tidak ada lagi aliran berbahasa Inggeris. Kemudian sudah tentulah mereka, generasi kemudian ini kurang fasih berbahasa Inggeris menyebabkan apabila masuk ke peringkat universiti dan sebagainya pun, balik untuk mencari kerja pun menjadi masalah kerana banyak majikan yang minta terutama pihak swasta yang menghendaki *potential employees* dengan izin yang mampu berbahasa Inggeris.

Kemudian pada tahun 80-an pula diperkenalkan PPSMI. Belajar sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Kerajaan membelanjakan wang yang begitu banyak dalam program ini tetapi habis sekerat jalan. Kemudian masuk pula era MBM-MBI di mana kalau dalam bahasa Inggeris itu guru-guru berpencen yang mengajar Bahasa Inggeris sebelum ini diambil semula secara kontrak. Kemudian diwujudkan semula satu program guru yang penutur jati katanya tetapi tidak habis juga.

Sekarang ini dalam bajet tahun 2016 pula dimasukkan *Dual-Language Programme (DLP) and Highly Immersive Programme*. Semuanya ini bertujuan untuk meningkatkan kefasihan, *proficiency* dalam bahasa Inggeris. Jadi dalam DLP ini, difahamkan ada 300 buah sekolah yang telah pun dipilih. Untuk macam *pilot project* pula tetapi inilah masalahnya hari ini di mana pada saya, saya melihat bahawa dasar kita ini sentiasa berubah dan tidak ada *follow through* ataupun tindakan susulan sehingga penghujungnya yang menyebabkan penggunaan bahasa Inggeris terbantut. Memanglah kepada mereka yang merasakan kepentingan bahasa Malaysia itu, memperjuangkan bahasa Malaysia seperti mana dalam termaktub dalam Perlembagaan dan sebagainya, itu kita tidak menafikannya.

Cuma hari ini kita melihat kalau dahulu orang menyebut tentang pendemokrasian pendidikan. Akan tetapi dalam konteks bahasa Inggeris hari ini, saya melihat bahawa hanya masyarakat daripada kumpulan T20. T20 ini adalah orang-orang yang kaya dan juga mungkin setengahnya M40 yang pertengahan yang boleh dan ada ruang untuk menghantar anak-anak mereka, dari kecil mungkin pergi tuisyen ataupun tadika macam KUMON, kemudian akhirnya sehingga mampu menghantar sekolah antarabangsa ataupun *international schools*. Akhirnya sudah tentu akan dihantar ke luar negara.

Jadi, apakah hendak jadi pula dengan pelajar-pelajar dari luar bandar? Pelajar luar bandar ini, kita tahu bahawa mereka serba kekurangan. Jadi bukan hanya sekadar hendak belajar bahasa tetapi juga sudah tentu dalam perkara-perkara lain. Ini juga jika kita bandingkan antara sekolah kerajaan luar bandar dengan sekolah kerajaan dalam bandar pun sudah ada

perbezaan, apatah lagi kalau hendak dibandingkan dengan anak murid luar bandar ini dengan mereka di kalangan anak-anak T20 dan M40 ini yang mampu bersekolah di sekolah antarabangsa.

Jadi inilah isunya di hadapan kita. Apa yang kita harapkan dalam DLP ini, satu kita tidak akan membebankan guru-guru bahasa Inggeris dengan kursus, model baru, *syllabus* baru yang mungkin juga menggunakan kecanggihan *tools* ataupun peralatan baru dengan pelbagai kaedah seperti mana dulu apabila diperkenalkan PPSMI dibuatkan *lab*, diberikan *laptop*, komputer dan sebagainya tetapi akhirnya tidak ke mana-mana juga.

Jadi saya sangat mengharapkan supaya DLP ini betul-betul akan dapat melahirkan mereka yang mampu untuk memahami dwibahasa ini iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Inggeris seperti mana dalam maklumat yang diterima *dual-language programme* (DLP) di mana ada program dua hala yang membolehkan pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris dan mereka juga yang efisien ataupun fasih berbahasa Inggeris dapat menerima *instruction* ataupun tunjuk ajar ataupun arahan dalam bahasa Inggeris tetapi terus difahami dalam bahasa mereka sendiri.

■1830

Jadi mereka hendak membangunkan keberkesanan, pemahaman ataupun *proficient* dalam akademik untuk kedua-dua bahasa ini. Jadi kita mengharapkan sangat supaya kerajaan dan kementerian betul-betul melakarkan satu perancangan jangka panjang terutama sekali dalam DLP yang tahun ini tahun 2016 akan diberikan peruntukan berjumlah RM35 juta khusus untuk DLP ini supaya ianya dapat betul-betul digunakan. Seterusnya dapat akhir sekali melahirkan warganegara yang terdidik dan faham untuk berbahasa Inggeris di masa depan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kulai.

6.30 ptg.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi, beberapa perkara sahaja. Butiran 020200 – Pendidikan Rendah. Saya hendak tanya sikit hari ini *Sin Chew Jit Poh* dia ada buat satu *headline*, berita itu menyatakan bahawa buku teks Bahasa Malaysia untuk darjah enam sepatutnya buku itu digunakan di sekolah kebangsaan tetapi buku teks Bahasa Melayu untuk darjah enam SK itu dihantar ke SJKC.

Jadi saya hendak tanya di sini, adakah ini satu kesilapan ataupun sejak tahun depan SJKC untuk darjah enam mereka perlu pakai buku teks Bahasa Malaysia untuk sekolah kebangsaan? Ini kerana kita semua akui di sini bahawa memang standard untuk Bahasa Malaysia ini di SK dan SKJC memang ada perbezaan sikit. Akan tetapi sebelum ini tidak ada apa-apa pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan tetapi secara tiba-tibanya buku teks Bahasa Malaysia untuk darjah enam SK yang sepatutnya digunakan di SK dihantar ke SJKC. Jadi saya hendak tanya di sini adakah ini satu polisi yang baru ataupun ini adalah satu kesilapan?

Isu kedua saya hendak *follow up* sikit. Saya rasa dibawa semasa perbincangan dasar bajet ada sentuh tentang bajet RM150 juta untuk SJKC, SJKT, sekolah bantuan agama dan tiga jenis sekolah lagi yang sampai hari ini tidak disampaikan kepada keenam-enam aliran sekolah ini. Pada masa itu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab untuk membalas cakap bahawa isu ini akan selesai. Sekarang sudah 1 Disember, satu bulan sahaja untuk isu ini diatasi. Jadi saya hendak tanya, apa perkembangan tentang isu ini sama ada peruntukan sebanyak RM150 juta ini telah dialirkan kepada keenam-enam aliran sekolah ini.

Butiran 020300 – Pendidikan Menengah. Saya hendak tanya sikit tentang peperiksaan SPM. Saya hendak minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada *passing mark* dengan izin, *passing mark* untuk mata pelajaran Bahasa Inggeris dalam SPM tahun 2014 adalah enam markah. Ini kerana saya nampak satu tulisan di *Internet*, di *Facebook* yang menyatakan bahawa untuk SPM pada tahun 2014 *passing mark* untuk Sejarah adalah 25 markah, untuk Bahasa Malaysia adalah 24 markah, untuk Matematik juga 25 markah. Akan tetapi untuk Bahasa Inggeris *passing mark* hanya enam markah sahaja.

Walaupun *passing mark* untuk Bahasa Inggeris itu adalah begitu rendah, enam markah sudah boleh *pass* tetapi masih ada 15% pelajar yang gagal untuk mata pelajaran *English*. Jadi saya di sini hanya hendak minta pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada maklumat ini adalah betul atau tidak. Ini kerana jika maklumat ini adalah betul, saya rasa ini adalah satu hakikat yang cukup menakutkan kerana ini menunjukkan bahawa standard Bahasa Inggeris di antara pelajar SPM ini adalah cukup rendah.

Selain daripada itu, saya juga hendak tanya tentang SPM tahun ini tetapi untuk subjek mata pelajaran Moral di mana pelajar-pelajar diminta dalam untuk mata pelajaran Moral ini, mereka diminta untuk memberi alasan kenapa mereka tidak sepatutnya mengambil bahagian dalam perhimpunan yang tidak menyokong kerajaan? Saya rasa untuk peperiksaan SPM ini tidak sepatutnya kita memasukkan unsur politik dalam peperiksaan SPM untuk mata pelajaran Moral.

Jadi dulunya Yang Berhormat Timbalan Menteri ada membuat satu pengumuman bahawa mereka akan siasat tentang peristiwa ini. Jadi di sini saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memberi satu penjelasan kenapa kita masukkan unsur-unsur politik ini dalam mata pelajaran Moral semasa SPM tahun ini? Sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis.

6.35 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi rahmaani rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi yang membenarkan saya turut serta dalam perbincangan anggaran perbelanjaan Kementerian Pendidikan.

Saya pergi kepada Butiran 00202 – Sekolah Sukan dan juga Pembangunan Sukan. Saya hendak minta Kementerian Pendidikan menyatakan apakah status Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lana Lipis yang pernah satu ketika dahulu merupakan diiktiraf sebagai

sekolah sukan tetapi sekarang tidak lagi diiktiraf sebagai sekolah sukan. Di mana sekolah ini pernah melahirkan seorang jaguh sukan iaitu Wan Zack Haikal, pemain bola sepak Malaysia dan guru-guru yang mendapat pendidikan dalam bidang jurulatih sukan ini terpaksa berulang alik ke Sekolah Temerloh. Jadi saya hendak tahu apakah status Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lana. Adakah ia masih sekolah sukan ataupun sudah menjadi sekolah biasa?

Saya pergi kepada Butiran 060000 – Dasar, Penilaian Dan Pengurusan Prestasi. Saya hendak bertanya juga kepada kementerian, apakah akan dapat mewujudkan kembali peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) untuk kakitangan awam khususnya bagi guru-guru memandangkan kenaikan gred bagi kategori pegawai ini agak lambat dari gred 41 terpaksa menunggu sehingga lapan tahun untuk mereka naik ke pangkat gred 48. Oleh itu sebagai galakan untuk golongan guru yang bekerja lebih produktif, saya berharap supaya kementerian dapat membuat kajian dan penelitian untuk melaksanakan semula ujian PTK khas untuk guru-guru mana yang kali terakhirnya pada tahun 2010 dan sudah berlalu selama lima tahun tidak ada peperiksaan ini.

Saya pergi kepada Butiran 091000 – Emolumen Kakitangan Kontrak. Saya dimaklumkan dalam bajet kali ini kalau kita tengok kosong. Jadi kita juga semua tahu bahawasanya guru-guru ini ramai di kalangan wanita. Mereka ini selalu mendapat cuti bersalin yang mencecah pada hari ini sehingga 60 hari. Bagaimana pihak kementerian untuk menggantikan kembali guru-guru yang bercuti bersalin ini? Adakah guru-guru mencukupi? Akan tetapi kita sering dengar guru-guru kebanyakannya tidak mencukupi. Kalau tidak mencukupi terpaksa mengambil guru gantian kepada mereka yang bersalin ini.

Saya pergi kepada Butiran 04600 – Sistem Pengkomputeran Sekolah. Sekarang ini guru-guru terpaksa banyak menggunakan sistem *online*. Boleh dikatakan hampir 30 buah sistem *online* yang diwujudkan oleh KPM bagi guru-guru untuk *key in* seperti SAPS, APDN, HRMIS dan banyak lagi perkara-perkara lain. Ini serba sedikit membebankan guru kerana disebabkan oleh seperti di kawasan saya umpamanya yang di luar bandar dan kebanyakannya komputer-komputer tidak boleh berfungsi dan makmal komputer sekadar bangunan yang tidak berfungsi komputernya. Kalau hendak diharapkan *Internet*, kita sudah dengar ucapan rakan-rakan sebelum ini sangat *slow*. Bukan sangat *slow* sesetengah tempat langsung tidak dapat.

Jadi bagaimana kita hendak mencapai kepada tahap Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang kita sasarkan menjelang tahun 2013 ke tahun 2025. Jadi kita hendak mencapai perkara ini, kita mestilah melakukan satu strategi baru yang boleh kita laksanakan. Kalau tidak ia tidak akan tercapai.

■1840

Sepatutnya, didahulukan infrastruktur dahulu, pastikan kemudahan internet di sekolah *tip top*, barulah boleh melaksanakan VLE ini atau pun *virtual learning environment*. Kalau kita tidak dapat laksanakan ini, maka saya percaya persekitaran ini amat menyukarkan. Oleh sebab ia kita laksanakan untuk memastikan sebagai contoh, guru boleh menetapkan pelajaran, ujian dan tanda-tanda. Manakala, pelajar pula boleh mengemukakan kerja rumah dan melihat tanda-tanda

mereka melalui VLE ini. Ibu bapa boleh melihat berita sekolah dan dokumen-dokumen penting, manakala pentadbiran sekolah boleh menganjurkan kalendar sekolah mereka dan menyebarkan notis sekolah melalui internet.

Jadi, ini sangat penting. Jadi, saya berharap supaya pihak kementerian dapat meng^ugradekan sistem komputer, khususnya di kawasan luar bandar, kalau di bandar tidak ada masalah. Mereka sudah pakai 4G sekarang, kita di Lipis umpamanya, saya percaya ramai Parlimen lagi, saya ingat Kuala Krau pun sama, Jerantut pun sama, masih lagi pakai sistem 2G. Maknanya, tak sampai tahap 3G lagi. Kalau ini tidak dapat dilaksanakan, untuk bersama sebenarnya, terpaksa SKMM dan pihak sekolah dapat melaksanakan supaya ia boleh meningkatkan sistem di sekolah bagi pelaksanaan VLE ini.

Rumusannya, kalau KPM nak buat banyak sistem *online*, pastikan dulu *servemya* besar. *Line internet clear* dan laju. Saya yakin dengan adanya Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang baru ini, nampak benar-benar memahami aspirasi dan kehendak guru kerana beliau pernah berada di tempat yang sama dan pernah menjadi guru. Saya percaya beliau akan dapat melaksanakan yang terbaik. Saya dengar ramai di kalangan guru-guru mengatakan Menteri baru ini cukup agresif untuk melaksanakan apa yang pernah beliau lalui di masa dahulu untuk membaiki sistem pendidikan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi, membenarkan saya berbahas, turut serta berbahas. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Hulu Langat.

6.42 ptg.

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bawah B.63, Butiran 040000 – Pembangunan Profesionalisme, yang berjumlah RM783.83 juta yang antaranya merangkumi latihan praperkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan kepimpinan. Soalan saya, adakah peruntukan ini untuk membiayai latihan guru, semua institusi perguruan, berapakah jumlah guru-guru yang dihasilkan setiap tahun? Apakah bidang-bidang profesional perguruan yang perlu diberi latihan semula? Yang ketiga, siapakah antara guru-guru, pegawai pendidikan, pensyarah-pensyarah yang perlu mengikuti latihan kepimpinan?

Merujuk Butiran 050200 – Teknologi Maklumat, berjumlah RM257.8 juta. Saya ingin mendapatkan penjelasan skop kerja bahagian teknologi maklumat sama ada ia menyediakan perkakasan atau pun *hardware*, perisian *software* dan kemudahan internet atau bahagian ini juga memberi latihan kepada guru-guru dan pembantu teknik di peringkat sekolah? Adakah bahagian ini juga dapat memberi perkhidmatan berkesan, terutama di sekolah-sekolah pedalaman yang memerlukan genset selari dengan Butiran 090700 – Penyelenggaraan Genset, bernilai RM180 juta atau adakah genset ini untuk kegunaan penjanaan elektrik di sekolah-sekolah pedalaman? Sejauh mana sekolah-sekolah pedalaman dapat memanfaatkan tenaga dari solar yang berkaitan dengan Butiran 090900 – Penyelenggaraan Solar Hibrid, bernilai RM15.3 juta.

Saya juga ingin mendapat penjelasan bentuk program seperti mana yang disebut beberapa kali oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Bentuk program untuk memartabatkan bahasa Melayu dan memperkukuhkan bahasa Inggeris seperti Butiran 090200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris, yang bernilai RM97 juta. Merujuk Butiran 091200 – Bantuan Geran Per Kapita, bernilai RM620 juta. Saya mengharapkan penjelasan bentuk pengagihan per kapita ini kepada kategori sekolah-sekolah yang terlibat. Adakah ia termasuk semua aliran atau pun sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah agama rakyat dan sebagainya?

Begitu juga saya meminta perincian mengenai sekolah-sekolah yang terlibat menerima sejumlah RM21.6 juta iaitu Butiran 092400 - Bantuan Geran Per Kapita Prasekolah. Akhir sekali, mengenai Butiran 091700 – Bantuan Makanan Asrama, yang berjumlah RM1.087 bilion ini. Adakah ia merupakan subsidi kepada semua sekolah berasrama penuh untuk membekalkan makanan kepada anak-nak kita. Saya minta penjelasan perincian Butiran 091800 – Rancangan Makanan Tambahan, yang bernilai RM250 juta dan Butiran 092300 – Bantuan Makanan Prasekolah, yang berjumlah RM9.3 juta. Adakah prasekolah ini hanya untuk prasekolah di bawah sekolah kebangsaan sahaja?

Saya memang berminat dengan Program TVET dalam usaha meningkatkan kemahiran remaja sebagai persediaan memasuki pasaran kerja sekarang. Jadi, merujuk Butiran 00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional, P.63, berapakah lagi kolej-kolej vokasional atau institusi berkaitan akan dibina dari peruntukan RM255.2 juta? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Pening juga memilihnya. Yang paling pendek sekali.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Parit lah, Parit. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Parit.

6.47 ptg.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi. Pendek bukan sebarang pendek. *[Ketawa]*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya setuju.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Saya merujuk kepada Butiran 01000 – Pejabat-pejabat Pendidikan. Saya hendak minta Kementerian Pendidikan untuk meneliti balik permohonan daripada Pejabat Daerah Parit Tengah yang mohon untuk didirikan pejabat baru. Pejabat yang ada hari ini sudah tidak cukup ruang, tidak mempunyai ruang yang mencukupi dan keadaan yang *cramp*, terutama ditambah dengan penstrukturan baru dan pertambahan pegawai. Jadi kerana itu, permohonan ini telah dimasukkan dalam *Rolling Plan* satu dan *Rolling Plan* dua tetapi telah ditolak. Saya minta dikaji balik. Kalau sekiranya peruntukan diminta ini besar sangat, jadi saya minta didirikan dulu pejabat pendidikan, selepas itu barulah kompleks-kompleks lain dapat dibina sekali. Jadi, saya harap kementerian dapat pertimbangkan.

Perkara kedua Tuan Pengerusi ialah 00203 – Sekolah Menengah Berasrama Penuh. Saya juga hendak mengulangi permohonan saya pada pilihan raya yang lalu untuk mohon didirikan sebuah sekolah berasrama penuh di kawasan Parit Tengah di Parit. Kawasanya ada, tapaknya ada, cuma permohonan itu telah pun ditolak. Jadi, saya merayu pada hari ini, demi untuk keberkesanan pembelajaran di dalam luar bandar, maka saya mohon supaya pertimbangan dapat diberikan semula untuk mendirikan sekolah berasrama penuh di kawasan Parit.

Yang ketiga Tuan Pengerusi, 080000 – Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Saya ingin tahu daripada Kementerian Pendidikan, apakah sebenarnya peranan Dewan Bahasa, terutama dalam hal memartabatkan kedudukan bahasa Malaysia di negara ini? Apakah Dewan Bahasa dan Pustaka hanya sebagai urus setia untuk Sasterawan Negara sahaja? Bagaimanakah program lain? Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Pendidikan supaya peranan Dewan Bahasa dan Pustaka dapat diperkukuhkan lagi dengan penyeliaan undang-undang dan sebagainya. Kalau hari ini umpamanya, penggunaan bahasa yang salah selalu digunakan, siapa yang nak *check*?

■1850

Jadi siapa yang hendak *check*? Siapa yang hendak periksa? Ini saya nampak itu peranan Dewan Bahasa. Oleh sebab itu Kementerian Pelajaran harus memberikan peranan itu kepada Dewan Bahasa.

Perkara yang seterusnya ialah Tuan Pengerusi ialah tentang tajuk Butiran 010300 – Pengurusan Sumber Manusia. Saya hendak mengucapkan tahniah kepada Menteri Pendidikan yang pada hari ini bercakap soal ataupun hal guru berduka lara lebih kurang 30,000 orang yang suami di tempat lain, isteri di tempat lain ataupun dengan lebih tepat lagi, ada suami bertugas di Sabah, isteri di Semenanjung. Jadi bila mereka hendak berjumpa selalu dan sebagainya?

Jadi masalah yang berlaku ini Tuan Pengerusi ialah bila guru itu minta bertukar, yang menjadi masalahnya ialah pengetua dan guru besar yang sebenarnya bila di hujung sekali sokong atau tidak sokong, mereka tidak sokong. Apabila pengetua atau guru besar tidak sokong, maka kementerian bersalah. Ini sebenarnya tidak adil dan tidak adil kepada guru-guru berkenaan. Bagaimana mereka hendak mengajar dengan baik kalau sekiranya hati mereka tercalar? Hati mereka terseksa kerana suami dan anak-anak jauh dan sebagainya.

Jadi kerana itu saya hendak mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya melihat perkara ini dengan lebih teliti sebab ada kes-kes dilaporkan, ada pasangan-pasangan yang bercerai kerana berjauhan, tidak mampu lagi hidup bersama. Jadi ini siapa yang hendak tanggung dosanya? Adakah pegawai-pegawai di Kementerian Pendidikan yang terlibat dengan dosanya kerana bercerai itu? Anak mereka bergaul bebas dan sebagainya.

Jadi kerana itu saya minta kepada Kementerian Pendidikan untuk memikirkan perkara ini supaya pertimbangan kemanusiaan didahulukan. Jangan memikirkan rating sekolah sahaja. Guru besar tidak bagi tukar kerja kerana tidak ada ganti. Tidak akan tidak boleh cari ganti?

Gurunya banyak. Jadi kerana itu saya minta supaya Kementerian Pendidikan dapat menimbangkan perkara ini. Itu sahaja, terima kasih.

6.52 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Parit Buntar. Saya tidak sebut. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Tuan Pengerusi main pilih ikut fizikal ini. Pendek bukan sebarang pendek, tetapi yang cerdas. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh perkara Butiran 06000 - Dasar Pendidikan yang menyinggung persoalan dasar. Sebelum lahirnya Pelan Pembangunan Pendidikan Tuan Pengerusi, iaitu 2013-2025 kita ada satu lagi dasar yang kita namakan sebagai Dasar Pembangunan Pendidikan 2001-2010.

Saya akan berasaskan kepada empat perkara bagi memberikan pandangan dan pendapat dalam Dasar Pendidikan ini iaitu:

- (i) isu akses pendidikan;
- (ii) ekuiti dalam pendidikan;
- (iii) kualiti pendidikan; dan
- (iv) kecekapan, keberkesanan pengurusan pendidikan.

Merujuk kepada akses pendidikan Tuan Pengerusi, kita ada jenis-jenis sekolah dari sudut kategorinya sekolah luar bandar dan sekolah di bandar. Kita juga ada isu-isu yang melibatkan soal kemudahan yang ada. Saya ingin tahu bagi pihak kementerian, sejauh manakah isu ini telah dilangani dalam konteks kita hendak masuk kepada lonjakan-lonjakan yang ada di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan.

Ini juga melibatkan isu dari sudut apa yang pernah disebut iaitu adanya *advantage* dengan *disadvantage school*. Sudah tentu dua kategori *advantage* dan *disadvantage school* ini sebagai satu gap dari sudut mereka sepatutnya mendapat satu yang adil dari sudut kalau di bandar adanya kemudahan IT maka di luar bandar juga perlu ada. So, sejauh manakah *advantage* dengan *disadvantage school* telah dilangani. Saya ingin tahu adakah masih ada lagi *disadvantage school* ini dan bagaimana kementerian sedang berusaha untuk mengurangkan jurang (*gap*) antara kedua-dua sekolah ini.

Kita juga masih bercakap tentang sekolah-sekolah yang tidak ada kemudahan-kemudahan asas dan kadangkala ada satu-satu kelas itu terpaksa menerima hampir lebih daripada 50 ataupun 40 pelajar dengan seorang guru dan sebagainya. Ini tidak termasuk apa yang dinamakan sebagai *mismatch* iaitu guru yang jadi bidang terjun, bukan opsyen subjek yang dia belajar di universiti. Maka itu akan berlaku di sana satu kualiti kepada pembelajaran seperti yang disebut oleh – kalau tidak silap saya Yang Berhormat Bukit Bendera bahawa guru yang mengajar atas opsyen pilihan dia ketika dia di universiti dengan yang bukan opsyen dia menghasilkan kualiti yang berbeza. Saya ingin tahu sejauh manakah *mismatching* ini dilangani atau digarap oleh pihak kementerian?

Selain dari itu untuk Butiran 030000 dan 030100 - Penyelidikan dan Pembangunan. Saya ingin minta kementerian dari sudut penyelidikan dan pembangunan, sejauh manakah Dasar Pembangunan Pendidikan ini melihat isu-isu sahsiah pelajar dari sudut perkembangan terkini yang melibatkan penggunaan *social media* dan sebagainya. Mungkin kita tidak membenarkan mereka bawa *hand phone* ke sekolah, tetapi dari sudut pembinaan sahsiah pelajar itu dalam konteks melahirkan pelajar yang bersahsiah tinggi, bermoral dan beragama seperti yang ada di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan. Sejauh manakah kita telah membentuk pelajar-pelajar ini melalui proses pendidikan, mereka tidak bersikap individualistik, tidak bersikap materialistik dan juga tidak terlibat dalam program-program yang boleh merosakkan keperibadian dia?

Sahsiah pelajar ini amat penting kerana apabila kita berhadapan dengan kasus ataupun kes-kes yang melibatkan buli, pukul cikgu, merokok, vandalisme, ponteng dan kelakuan tidak senonoh. Semua ini melibatkan pelajar-pelajar dari sudut sahsiah mereka dan ini amat penting bukan sekadar struktur yang disediakan, tetapi juga perlu ada di sana satu bentuk pembinaan sahsiah pelajar yang kita hendak bentuk dalam Pelan Pembangunan Pendidikan kita.

Begitu juga saya ingin tahu di peringkat kementerian dalam butiran ini, sejauh manakah kementerian telah berusaha untuk mencapai tahap nisbah guru siswazah yang disarankan atau disasarkan iaitu 60% daripada aliran sains dan 40% daripada aliran sastera. Saya dimaklumkan kalau betul, sekarang ini yang ada di dalam guru siswazah iaitu 80% daripada aliran sastera. Sudah tentu dalam konteks kita hendak melonjakkan TVET, kita hendak melonjakkan inovasi, sains dan teknologi, kita lebih memerlukan guru-guru daripada aliran sains. Sejauh manakah kita telah berjaya pergi ke arah itu?

Saya juga ingin menyentuh operasi pendidikan – 020000 dan 020200 iaitu dari sudut sekolah rendah. Saya ingin bertanya dari sudut apakah dasar kerajaan dalam konteks lahirnya sekolah-sekolah rendah aliran agama swasta. Ini memandangkan bahawa sambutan kepada aliran agama – sekolah rendah aliran agama swasta amat menggalakkan. Kita boleh lihat daripada 800 ibu bapa yang memohon pada anak-anaknya untuk belajar di sekolah itu yang diterima hanya 150 untuk Tahun 1.

Isunya bukanlah tentang sekolah rendah aliran agama swasta ini, tetapi apa yang saya hendak timbulkan di sini ialah pelajar daripada sekolah rendah aliran agama swasta ini dilihat seolah-olah didiskriminasikan apabila untuk mereka melanjut pelajaran ke sekolah menengah kebangsaan. Sama ada SMKA, ataupun aliran agama, maka saya difahamkan mereka tidak diterima apabila memohon secara *online* kerana mereka bukan daripada sekolah rendah kebangsaan.

■1900

Apakah ini satu dasar yang secara tidak langsung mahu mematikan sekolah rendah swasta. Apakah kerajaan merasakan bahawa dengan berbuat demikian, kita seolah-olah tidak menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak ke sekolah rendah agama swasta ini sedangkan sambutan hari ini terhadap sekolah swasta begitu menggalakkan.

[*Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa***]

Ada sesetengah negeri Tuan Pengerusi, Datuk Seri Pengerusi selamat datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sambung.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya ingat kita kena sampai malam, malam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tak apa, saya potong nanti supaya balik awal Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Jadi saya hendak tanya, saya bagi satu kes iaitu di Pahang. Jabatan Agama Islam Pahang telah mengeluarkan satu dasar ataupun satu *stand* atau satu sikap bahawa mana-mana daripada sekolah rendah swasta aliran agama yang hendak sambung belajar di sekolah-sekolah agama negeri tidak diterima melainkan mereka hanya iktiraf sijil-sijil daripada KAFA sahaja dan sijil seperti sijil Kurikulum Tertinggi Sekolah Rendah Islam (KTSRI) tidak akan diterima untuk masuk ke sekolah agama kerajaan negeri, ini secara khusus di negeri Pahang.

Saya tahu Menteri akan jawab ini soal negeri, kuasa negeri tetapi saya sebagai penggubal undang-undang lebih melihat dari sudut dasar. Sejauh manakah kerajaan boleh membiarkan seolah-olah negeri seolah-olah mendiskriminasikan sekolah rendah agama swasta ini dan kita tengok ini kadang-kadang tidak adil dari sudut pencapaian mereka ini amatlah baik berbanding dengan pelajar-pelajar daripada sekolah kebangsaan dari sudut agama, bahasa Arab dan lain-lain.

Saya minta supaya kalau bolehlah dengan dasar yang lebih liberal dalam konteks persaingan yang sihat dan boleh berpindah daripada swasta hendak pergi ke *government*, *government* hendak pergi ke swasta supaya ada satu persaingan. Maka saya minta supaya Kementerian Pendidikan dengan dasar itu menghapuskan syarat daripada sekolah yang layak hanya sekolah kebangsaan sahaja dan bukan daripada sekolah swasta seolah-olah ditolak. Seterusnya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]: Sedikit lagi Tuan Pengerusi. Pembangunan profesionalisme. Saya ingin mencadangkan di sini tentang soalan yang pernah saya ajukan dalam Parlimen iaitu guru yang ada PhD yang sudah bertugas dan berkhidmat tetapi bila dia dapat PhD atas inisiatif dia sendiri, dia tidak ada apa-apa insentif malah dia dianggap tidak ada apa-apa kesan kepada dia punya profesionalisme dia sebagai guru sedangkan yang baru masuk ada PhD, dia diberikan tambahan RM750 sehingga RM1,022 sebagai tangga gaji yang awal.

Jadi saya harap guru-guru yang berusaha secara sendiri untuk meningkatkan ilmu dan profesionalisme dengan mengambil PhD dan sebagainya supaya dapat diberikan satu pengiktirafan kepada mereka. Saya juga mencadangkan dalam konteks guru-guru yang mengawas dan memeriksa PT3 yang sekarang ini telah *didecentralizekan* kepada sekolah-

sekolah diberikan elaun khas supaya mereka yang *mark paper*, mereka yang mengawas tidak hanya orang kata menjalankan tugas seperti guru biasa tetapi juga mereka diberi elaun supaya profesionalisme mereka dimartabatkan dan diangkat.

Selain daripada itu, saya pun menyokong penuh usaha untuk mewujudkan skim membantu guru-guru ini dari sudut perkeranian kerana guru-guru telah dibebankan dengan pelbagai tugas dan saya amat faham kerana isteri saya juga seorang guru. Sekian Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

7.04 mlm.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua perkara ringkas sahaja. Butiran P.63 Pembangunan 0100 - Pejabat Pendidikan yang mendapat peruntukan RM14 juta yang isunya dikaitkan sekali dengan Butiran 050000 - Pengukuhan Operasi Pendidikan. Apa yang hendak saya bangkitkan ini bukan perkara baru, saya sudah bangkitkan dua tiga kali dalam sesi yang lepas malangnya tidak dapat jawapan dan tidak tahu apa jadi iaitu soal permohonan dan cadangan yang dikemukakan.

Pemisahan, pengasingan Pejabat Pendidikan Daerah di antara Jelebu dengan Jempol yang disekalikan itu. Ini sudah dinyatakan banyak kali tetapi surat sudah ditulis tetapi saya tidak dimaklumkan apakah kedudukannya. Kalau tak bersetuju, apa sebab tak bersetuju. Kalau bersetuju, bila hendak buat. Ini tidak dapat, ini yang menjadi masalah kepada di bawah untuk dijawab. Untuk kepentingan operasi pendidikan yang lebih efektif, kami sudah cadangkan tetapi jawablah kepada kami apa sebab ia tidak mendapat perhatian.

Jadi, jawablah surat Ahli Yang Berhormat agar mudah kita menjawab kepada rakyat. Saya cuma mahu penjelasan daripada Menteri dan kementerian, apakah pendirian Menteri dan kementerian berkaitan dengan isu ini. Jadi ini perkara penting. Kita bercakap soal *efficiency*, soal kecekapan tetapi kalau dalam mesyuarat-mesyuarat pembangunan daerah pun susah hendak hantar wakil sebab jarak yang jauh dan sebagainya. Ini kita syorkan tetapi tidak mendapat respons, tidak mendapat jawapan sama ada bagaimana pendirian kementerian. Jadi saya mahu penjelasan daripada kementerian, apakah kedudukan isu ini dan apakah pendirian kementerian. Saya tahu mungkin jawapannya soal bajetlah.

Kedua, berkaitan dengan pembangunan iaitu operasi pendidikan. Butiran 020200 Pendidikan Rendah. Saya ingin membawa kepada pengetahuan kementerian, di kawasan saya ada satu Sekolah Kebangsaan Petaseh (Berasrama). Satu-satunya sekolah rendah yang ada berasrama di negara ini. Jadi, sekolah ini saya tidak nampak hala tujunya. Yang jelas, Sekolah Kebangsaan Petaseh (Berasrama) ini sudah menjadi tempat penempatan anak-anak orang yang ada masalah keluarga.

Datang dari Kuala Lumpur, *family* tak mahu jaga, susah hendak jaga, hantar anak ini ke sekolah di asrama ini sebab tidak ada penjurusan. Jadi ini tidak baik sebab itu kementerian harus lihat apakah pendirian kementerian terhadap sekolah ini. Kalau mahu ia dijadikan sebagai

sekolah berasrama seperti asalnya dahulu, haruslah dilihat supaya ditentukan sekolah ini kalau hendak dijadikan sekolah sukan daripada sekolah rendah, tentukan dan tetapkan pengambilannya bagaimana.

Akan tetapi sekarang sekolah ini tidak punya hala tuju. Kelengkapan asramanya cukup, kemudahannya lengkap, dewannya besar dan sebagainya tetapi ia menjadi sebagai sekolah kebangsaan biasa dan yang sedihnya, sekolah ini memang menjadi tempat ibu bapa menghantar anak yang susah hendak jaga di Kuala Lumpur misalnya dihantar ke sana atau *broken family* dengan izin, mereka hantar ke sana. Jadi sekolah ini sudah dijadikan sekolah tempat buangan dan menyebabkan sekolah ini pada satu ketika dahulu menghasilkan keputusan PMR yang bagus tetapi sekarang tidak lagi.

Saya mahukan penjelasan dan pendirian kementerian berkaitan dengan Sekolah Kebangsaan Petaseh (Berasrama), apa hala tujunya dan izinkan saya mencadangkan supaya sekolah ini kalau hendak dijadikan sekolah agama, jadikan sekolah agama. Kalau hendak dijadikan sekolah sukan, jadikan sekolah sukan. Kalau hendak dijadikan sekolah budaya, jadikan sekolah budaya akan tetapi mesti ada satu identiti khusus untuk menarik minat dan mengembalikan semula masa depan dan kecemerlangan pendidikan di sekolah ini. Itu sahaja dua perkara yang saya hendak bangkitkan Tuan Pengerusi, terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: 14 orang, yang pasti tak semua akan dipanggil ya. Saya jemput Yang Berhormat Tebrau.

7.09 mlm.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Butiran 020000 - Operasi Pendidikan dan 020200 - Pendidikan Rendah. Isu yang saya hendak sentuh tadi Yang Berhormat Kulai ada sentuh sedikit iaitu ada beberapa buah sekolah SJKC di negeri Pahang baru-baru ini dibekalkan buku teks bahasa Malaysia yang sepatutnya untuk sekolah-sekolah kebangsaan.

■1900

Jadi pada saya, saya rasa bahawa tindakan ini tidak wajar oleh kerana menyeragamkan buku teks dan kertas ujian mata pelajaran Bahasa Malaysia bukanlah keputusan kerajaan ataupun Kabinet. Saya pernah menghadiri sesi dialog dengan Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan dengan isu tersebut dan di dalam sesi dialog tersebut saya telah menegaskan beberapa perkara. Yang pertama ialah semua pihak yang terlibat iaitu sama ada sekolah PIBG, lembaga pengurus sekolah, ibu bapa khususnya MCA memang bersetuju dan menyokong sepenuhnya usaha Kementerian Pendidikan dan mana-mana pihak untuk tingkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia di kalangan anak-anak murid SJKC dan SJKT.

Akan tetapi cara yang paling berkesan untuk tingkatkan tahap penguasaan bahasa Malaysia haruslah melalui usaha tingkatkan minat anak-anak murid kita untuk belajar bahasa Malaysia. Saya tidak pernah dengar bahawa kalau kita jadikan mata pelajaran tersebut lebih susah dan di luar kemampuan anak-anak murid untuk belajar, cara ini boleh tingkatkan minat

mereka. Jadi sebenarnya ada beberapa faktor menyebabkan kelembapan murid-murid SJKC untuk menguasai bahasa Malaysia. Yang pertama kita harus sedar bahawa masa untuk belajar bahasa Malaysia yang berbeza di antara sekolah kebangsaan dan SJKC dan SJKCT.

Di tahap 1, sekolah kebangsaan ada 360 minit seminggu untuk belajar bahasa Malaysia tapi SJK hanya 300 minit iaitu 60 minit setiap minggu kurang daripada sekolah kebangsaan. Di tahap 2 begitu juga. Sekolah kebangsaan 300 minit dan SJK 240 minit. Jadi kalau dengan masa yang tidak sama rata, kita hendak mengharapkan mereka belajar sukatan pelajaran yang sama, memang susah khususnya apabila bahasa Malaysia ini bukanlah bahasa ibunda mereka.

Kedua, kita juga sedar bahawa murid-murid daripada SJK, mereka memang kurang berpeluang untuk menggunakan bahasa Malaysia di luar bilik darjah. Jadi ini akan menjadikan bahasa Malaysia lebih sukar. Kalau kita jadikan dia lebih sukar, memang pasti tidak akan meningkatkan minat murid bahkan akan jadikan mereka *frustrated* dan seterusnya mungkin minat mereka padam.

Kalau kita gunakan sukatan pelajaran yang sama taraf dengan SK adalah kaedah yang berkesan untuk kita tingkatkan minat dan penguasaan murid-murid di SJK, adakah kita juga hendak gunakan sukatan pelajaran bahasa Inggeris seperti yang digunakan di England, ataupun di USA di semua sekolah kita untuk tingkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid-murid kita? Tuan Pengerusi, pada saya, saya rasa bahawa pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan Malaysia tidak harus mengingkari keputusan Kabinet untuk tidak melaksanakan rancangan penyamarataan sukatan pelajaran dan ujian setara bagi sekolah-sekolah kebangsaan dan SJK.

Mereka sepatutnya ikut apa yang terkandung dalam edisi terkini Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Balik ke isu pembekalan buku-buku teks Bahasa Malaysia untuk sekolah jenis kebangsaan, sekiranya masalah ini merupakan masalah teknikal semata-mata, jadi tindakan pembedaan perlu diambil serta-merta dan sekiranya ini kerja yang sengaja dilakukan oleh pihak-pihak yang tertentu, saya bercadang bahawa pihak-pihak yang berkenaan haruslah diambil tindakan tatatertib.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *[Bangun]*

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Pengerusi, Butiran 10000...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Celahan sikit. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Tebrau. Saya sangat setuju dengan apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tebrau kerana dia seorang *educator* yang sangat dihormati dan apa yang dicakapkan oleh beliau, saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberi perhatian yang cukup penting dan juga saya hendak bangkitkan satu isu yang berkenaan lebih kurang dengan Yang Berhormat Tebrau adalah di mana saya *I'm all for* bahasa Malaysia dengan izin menyokong supaya bahasa Malaysia dikuasai oleh murid-murid, rakyat Malaysia.

Walau bagaimanapun, kerana murid-murid yang daripada SJKC mereka adalah daripada keluarga yang di mana Bahasa Malaysia bukan bahasa ibunda. Maka minat itu sangat penting supaya mereka boleh melahirkan minat terhadap Bahasa Malaysia. Jadi apabila kita menghantar guru-guru kepada SJKC, kalau boleh saya menyeru supaya Kementerian Pendidikan memberi untuk murid-murid sekolah rendah bagilah guru-guru yang boleh berbahasa Malaysia pada masa yang sama boleh berbahasa ibunda mereka supaya memupuk satu minat tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa Yang Berhormat Tebrau hendak habis Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Saya hendak minta statistik daripada kementerian, berapa orangkah guru-guru yang hanya boleh berbahasa Malaysia dihantar ke SJKC dan berapakah guru yang mengajar bahasa Malaysia yang boleh berbahasa ibunda murid-murid dan juga bahasa Malaysia? Kita hendak tahu apakah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...peratusan tersebut dan kalau boleh kita tingkatkan guru-guru yang boleh berbahasa dua-dua bahasa supaya memupuk minat murid-murid. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru tadi itu tidak soal dengan Yang Berhormat, dia soal kementerian.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Okey, Butiran 10000 – Emolumen. Saya hendak sentuh berkenaan dengan usaha untuk kurangkan beban kerja guru untuk mengurus tugas perkeranian sehingga menjejaskan masa dan tenaga mereka untuk menyediakan proses pelajaran dan pembelajaran. Sukacita saya dengar semasa saya berbahas di peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri sudah kata proses itu sudah dimulakan di dua buah negeri untuk hantar kakitangan bukan guru untuk ambil alih tugas-tugas yang bukan merupakan bukan profesion pelajaran dan pembelajaran di dua buah negeri. Saya memang berharap bahawa langkah-langkah tersebut dapat diperluaskan ke negeri-negeri yang lain apabila keadaan ekonomi negara pulih.

Kemudian ini yang terakhir. Butiran 090000 – Program Kursus. Saya hendak sebut tentang bantuan utiliti untuk sekolah kerajaan dan sekolah jenis kerajaan. Bantuan, saya sudah beberapa kali bercadang bahawa bantuan utiliti dimasukkan sebagai sebahagian daripada bantuan geran per kapita iaitu Butiran 091200. Pada saya, saya rasa bahawa kalau kita memasukkan bantuan utiliti ini sebagai sebahagian daripada bantuan geran per kapita, kita tidak perlu bezakan sama ada sekolah itu sekolah kerajaan ataupun sekolah bantuan kerajaan.

Oleh kerana bantuan-bantuan lain semua kita tidak ada beza. Kalau untuk bahasa, untuk sukan, semua tidak ada beza dan tidak patut ini ada beza oleh kerana kedua-dua jenis sekolah sama ada dia sekolah kerajaan, sekolah jenis kerajaan, mereka mendidik para putera puteri negara kita dan gunakan kurikulum yang sama, ikut aktiviti kokurikulum yang sama dan pada

saya kebaikan kalau kita masukkan dia sebahagian daripada bantuan geran per kapita ialah yang pertama dia adil dan saksama.

Kedua, mudah bagi kementerian buat anggaran. Sekarang kementerian tidak tahu, sekolah kerajaan sebulan akan pakai berapa banyak dan juga dia akan kurangkan pembaziran kerana mereka kena belanja ikut pemberian dan akhir sekali dia akan menggalakkan penjimatan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kapar.

7.19 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus masuk ke beberapa butiran yang penting tetapi terlebih dahulu pada atas kertas di buku belanjawan ini kita dapati kementerian ini memperoleh RM39 bilion. Satu peruntukan yang amat besar. Akan tetapi bila kita kaji satu persatu, ada beberapa butiran yang amat penting telah dikurangkan nilainya ataupun peruntukannya.

■1920

Terlebih dahulu saya masuk kepada butiran pertama saya, Butiran 020100 – Pendidikan Awal. Ini kita nampak ada kenaikan daripada RM474 juta kepada RM643 juta. Saya menerima baik keputusan untuk menaikkan peruntukan untuk pendidikan awal. Saya ingin menuntut penerangan daripada kementerian, bagaimanakah peruntukan ini akan diguna pakai kerana pendidikan awal ialah salah satu bahagian yang amat penting. Apakah kategori-kategori bahagian pendidikan yang akan menerima peruntukan daripada pendidikan awal ini.

Pada waktu yang sama saya ingin mencadangkan kepada kementerian sekali lagi bahawa Program Permata perlu dimasukkan ke dalam Kementerian Pendidikan dan dikawal selia bersama dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Itu adalah penting. Oleh sebab di sini selalunya saya tekankan bahawa Program Permata ini, dana diperuntukkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Program hendak bagi lesen untuk menubuhkan kuliah PERMATA diberikan kepada JKM. Manakala tenaga pekerja yang mengajar dikawal selia oleh Kementerian Pendidikan. Jadi tiga badan dan tiga kementerian yang berbeza mengawal selia PERMATA dan saya rasa itu tidak sepatutnya berlaku. Saya meminta di bawah pendidikan awal ini, PERMATA juga perlu dimasukkan.

Kedua Tuan Pengerusi ialah mengenai 040300 – Latihan Kepimpinan. Penurunan 51% daripada RM141 juta kepada RM69 juta. Kita bercakap tentang Kementerian Pendidikan lebih kepada prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan selepas sekolah menengah. Saya rasa latihan kepimpinan ini wajib diberi penekanan pada umur-umur yang prasekolah, sekolah rendah dan sekolah menengah tetapi penurunan nilai hampir 50% ini amat mengecewakan sebab kita perlu menonjolkan sikap-sikap kepimpinan di sekolah rendah dan sekolah menengah.

Saya perlu penjelasan daripada kementerian bagaimana penurunan ini boleh menjamin kualiti latihan kepimpinan untuk sekolah rendah, sekolah menengah dan sebagainya masih lagi

pada tahap yang sama dan penurunan dana ini tidak akan mengganggu sebarang inisiatif yang akan diambil oleh kerajaan. Saya perlukan penjelasan daripada kementerian.

Seterusnya Tuan Pengerusi, 050500 – Bantuan dan Kebajikan Pendidikan. Ini adalah sesuatu yang amat mengecewakan saya di mana penurunan berlaku sebanyak 70% daripada RM223 juta turun secara langsung kepada RM66 juta. Bagaimana bantuan dan kebajikan pendidikan ini boleh menyelaraskan tahap dengan izin *standard* pendidikan di negara ini? Oleh sebab di bawah butiran besar dikatakan Pengukuhan Operasi Pendidikan dan di bawah butiran kecilnya, Bantuan dan Kebajikan Pendidikan.

Kita sedang bercakap tentang bantuan, kita sedang bercakap tentang kebajikan kepada warga Malaysia. Akan tetapi potongan sebanyak 70% sekali lagi tidak boleh menggugat, tidak boleh mengganggu proses bantuan dan kebajikan yang wajib diberikan oleh kementerian. Saya perlu penjelasan daripada kementerian, bagaimana pemotongan 70% ini tidak akan mengganggu bantuan dan kebajikan yang telah diberikan oleh kerajaan selama ini.

Seterusnya saya ingin masuk kepada Butiran 090200 – Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris. Di sini Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa berlaku juga penurunan amat drastik 53% daripada RM208 juta kepada RM97 juta. Persoalan saya ada tiga bahagian. Pertama ialah bagaimana penurunan ini akan memastikan kita masih lagi ataupun kementerian masih lagi menjamin martabat bahasa Malaysia dan memperkukuhkan bahasa Inggeris ini pada tahap yang seimbang dengan tahun-tahun sebelum ini.

Ini kerana peruntukan pada tahun-tahun sebelum ini adalah menarik, amat banyak. Akan tetapi kita masih lagi tidak dapat memartabatkan bahasa Malaysia pada tahap yang kita inginkan dan memperkukuhkan bahasa Inggeris pada tahap yang kita niatkan. Maka saya perlu penjelasan daripada kementerian bagaimana penurunan sebegini banyak hampir 53% masih boleh menjamin dan mengekalkan prestasi untuk kedua-dua mata pelajaran ini.

Pada butiran yang sama, bahagian yang kedua, saya ingin memetik apa yang telah ditekankan oleh rakan seperjuangan saya Yang Berhormat Kulai yang mengatakan bahawa Bahasa Malaysia pada tahun 2014 SPM peratus kelulusan adalah 6%. Manakala bahasa Inggeris adalah 24%. Adakah ini benar? Jika ia tidak benar saya minta kementerian untuk memberikan nilai peratus yang telah diguna pakai untuk tahun 2014 untuk SPM.

Bahagian yang ketiga untuk butiran yang sama adalah sekiranya kerajaan berhasrat untuk menurunkan tahap kelulusan seperti 20%, 10% ataupun 30% dan kita nampak ramai yang lulus. Untuk saya, ini pendapat saya secara peribadi, ini tidak sesuatu yang sepatutnya dilakukan oleh kementerian. Dengan menurunkan peratus kelulusan dan meramaikan dan memperbanyakkan pelajar-pelajar kita lulus memberi satu gambaran yang tidak betul, tidak benar. Maka ia mewujudkan kelompangan, satu kekosongan di mana kita tidak dapat melahirkan cendekiawan pelajar-pelajar yang berkualiti dan bermutu tinggi.

Sepatutnya setahu saya yang menceburi bidang pendidikan hampir 20 tahun Tuan Pengerusi, dengan meningkatkan kadar kelulusan akan melahirkan lebih banyak pelajar yang

bermutu dan berkualiti tinggi. Dengan merendahkan kadar kelulusan, saya rasa itu bukan cara yang bijak dan terbaik untuk kita memelopori bidang pendidikan dengan lebih mendalam dan lebih meluas.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya akan mempercepatkan butiran saya. Butiran 091500 – Yuran Khas Sekolah. Sebelum ini pada tahun lepas ada peruntukan hampir RM33 juta tetapi kali ini langsung tiada apa-apa peruntukan. Saya tekankan dengan butiran ini bertajuk yuran khas sekolah. Saya minta penjelasan daripada kementerian, mengapa kali ini tiada apa-apa peruntukan dan apakah rasional di sebalik ini.

Seterusnya, 092900 – Biasiswa Kecil Persekutuan juga mengalami penurunan hampir 50% iaitu daripada RM200 juta turun kepada RM100 juta. Saya juga menuntut penjelasan daripada kementerian bagaimana biasiswa ini diturunkan? Apakah rasional di sebaliknya?

Butiran seterusnya Butiran 093000 sekali lagi Biasiswa Kecil Persediaan Universiti. Sebelum ini RM20 juta tetapi sekarang langsung tiada apa-apa peruntukan yang diberikan. Ini adalah untuk saya, daripada pemahaman dan analisa saya, Biasiswa Kecil Persediaan Universiti adalah untuk pelajar-pelajar yang miskin, yang tidak mampu membuat bayaran awal. Jadi kementerian telah membantu mereka untuk peringkat-peringkat awal. Akan tetapi kali ini apabila tiada peruntukan diberi, ini amat merunsingkan dan perlu penjelasan yang teliti dan terperinci daripada kementerian.

Seterusnya dan yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 093300 – Pengurusan Sukan mengalami penurunan hampir 60%. Saya berpendapat Kementerian Pendidikan sebelum ini memberi penekanan yang khusus kepada pengurusan dan peningkatan mutu dan kualiti sukan di sekolah-sekolah dan sebagainya. Akan tetapi dengan penurunan ini lagi sekali amat mengecewakan kerana pengurangan hampir 60% akan mengganggu prestasi pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah. Saya menuntut penjelasan daripada kementerian, adakah ini akan menjamin kualiti dan mutu sukan dan tidak akan mengganggu hasil daripada penurunan dana-dana tersebut. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih.

■1930

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya akan panggil. Kita bagi wanita. Kita panggil Yang Berhormat Batu Kawan, selepas itu Yang Berhormat Lawas. Kemudian Menteri jawab selepas itu. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

7.30 mlm

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Perbekalan 2016. Tanpa melengahkan masa saya ingin menjurus terus kepada butiran 060000 iaitu Dasar Pendidikan dan 030000 Penyelidikan dan Pembangunan Ilmu.

Tuan Pengerusi, hari ini 1 Disember 2015 merupakan Hari AIDS Sedunia. Lebih 50,000 orang remaja dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 19 tahun di benua Asia disahkan HIV positif pada tahun 2014 serta lebih daripada 200,000 orang daripada mereka hidup sebagai pesakit AIDS, HIV dalam rantau ini.

Kematian remaja akibat AIDS meningkat dari tahun 2005 sehingga tahun lepas meningkat sebanyak 110%. Manakala kematian pesakit dewasa sebenarnya menurun sebanyak 28% dan kematian remaja di selatan Asia telah meningkat 4 kali ganda dari 1,005 orang kepada 5,300 orang dalam tahun 2014.

Tuan Pengerusi, mengapakah saya membangkitkan statistik ini? Kajian serta laporan United Nations jelas menyatakan bahawa wujudnya satu kolerasi jelas di antara negara-negara yang tidak menekankan keperluan pendidikan seks di sekolah dan bilangan rakyatnya terutama sekali dari dalam golongan remaja dan kanak-kanak yang menjadi mangsa HIV dan AIDS dengan pengetahuan serta tanpa pengetahuan mereka. Dengan izin, *“there is so strong correlation between countries that don’t impose sexual education in schools and the number of young and teenagers were susceptible to be HIV carriers.”*

Kanak-kanak dan remaja di Malaysia yang menjadi mangsa HIV dengan izin, *fall through the cracks* dalam satu sistem yang menstigmakan pesakit HIV. Daripada kekurangan maklumat mengenai penyakit ini dari bangku sekolah kepada perolehan maklumat yang salah pada zaman remaja membawa kepada satu situasi di mana lebih ramai kanak-kanak dan remaja tidak mendapat maklumat yang tepat dan adil untuk memberikan mereka gambaran sebenar penyakit HIV ini daripada aspek kesihatan.

Tuan Pengerusi, sebelum ini ramai Ahli Parlimen pernah membahaskan di Dewan yang mulia ini berhubung keperluan pendidikan seks di sekolah. Jawapan yang diberikan oleh pihak kementerian menunjukkan adanya niat tetapi pendidikan seks di banyak negara lain digunakan sebagai satu langkah pencegahan serta satu inisiatif untuk mewujudkan kesedaran di kalangan kanak-kanak dan remaja akan bahaya HIV serta penyakit kelamin. Negara Malaysia juga perlu pada tahap ini mengikut negara-negara yang lebih maju, negara-negara seperti Finland, Sweden, Denmark, Switzerland untuk mengimplementasikan pendidikan seks dalam sukatan pelajaran di Malaysia.

Saya rasa Tuan Pengerusi isu sebenar bukanlah harus difokuskan atas perbuatan seks itu sendiri tetapi pembangunan peribadi atau dengan izin, *human development* kanak-kanak itu sendiri daripada segi menghormati perbezaan seseorang yang berlainan jantina, menghormati sempadan peribadi seseorang, maklumat yang mudah difahami mengenai aspek kekeluargaan dan aspek kesihatan seksual haruslah diberi keutamaan.

Kementerian perlu menggunakan dengan izin *soft power* melalui pendidikan untuk mengubah tingkah laku seksual anak-anak muda kita yang sudah tidak selamat lagi. Saya difahamkan Kementerian Pendidikan masih mempertimbangkan cadangan untuk memasukkan pendidikan seks dalam sukatan pelajaran di sekolah-sekolah rendah dan menengah

memandangkan tidak ada apa-apa sukatan pelajaran atau modul bagi pendidikan seks di Malaysia setakat ini.

Mengikut apa yang dikeluarkan kenyataan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pendidikan seks akan diajar kepada golongan remaja lelaki 16 tahun bahawa modul ini akan menyasarkan hanya pelajar lelaki supaya mereka faham akan kesihatan reproduktif dan kesihatan seksual. Pada pendapat saya, pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini bahawa pendidikan seks akan diajar tahun hadapan seharusnya dibuat bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan sekali.

Setelah mengambil kira pandangan serta cadangan dan kritikan daripada NGO-NGO hak asasi manusia terutama sekali daripada NGO-NGO wanita dan kanak-kanak. Saya ingin tahu di sini apakah status modul ini sama ada ia benar-benar akan diimplementasikan tahun hadapan? Tinggal sebulan lagi untuk modul pendidikan seks diimplementasikan tetapi kami semua tidak tahu apa kandungan modul pendidikan seks tersebut.

Saya berharap pihak kementerian akan menjawab soalan ini yang saya tahu ramai Ahli Parlimen pun ingin tahu apakah kandungan modul pendidikan seks ini? Adakah ia akan diimplementasikan tahun hadapan dan pada pendapat saya satu rundingan haruslah diadakan di antara semua *stakeholders* seperti NGO-NGO, pihak PIBG sekolah, penyelidik serta ahli akademik supaya kandungan modul ini akan diketahui ramai dan yang paling penting ia akan menitik beratkan semua aspek yang penting supaya modul ini disediakan untuk remaja perempuan juga.

Pelajar perempuan juga perlu dilengkapi dengan semua maklumat yang diperlukan oleh mereka untuk perlindungan mereka sendiri. Dalam nadi yang sama Tuan Pengerusi, kementerian juga perlu memperkenalkan pendidikan keseksamaan gender supaya kanak-kanak dan remaja akan tahu perbezaan jantina dan gender, hak-hak lelaki, wanita dan kanak-kanak daripada aspek hak asasi manusia.

Negara-negara yang mempunyai sukatan pelajaran yang meliputi keseksamaan gender, keganasan rumah tangga serta keganasan seksual menunjukkan penurunan drastik insiden-insiden seumpama ini apabila remaja dan kanak-kanak ini membesar menjadi dewasa mengikut statistik negara-negara tersebut tahun demi tahun.

Tuan Pengerusi, mengikut statistik *National Coalition Against Domestic Violence* satu dalam 15 orang kanak-kanak didedahkan kepada keganasan di rumah oleh pasangan ibu bapa atau penjaga mereka. Kanak-kanak ini memerlukan sokongan, belaian kasih sayang dan rawatan psikologi oleh pakar-pakar untuk membantu mereka memulakan kehidupan mereka setelah mengharungi trauma keganasan.

Ini berikutan pelbagai kes rogol dan kes keganasan seksual di Malaysia tahun ini juga. Dalam bulan Mei 2015 negara digegarkan dengan berita seorang pelajar biasiswa MARA yang didakwa dengan jenayah pornografi kanak-kanak. Bulan Oktober tahun ini, seorang remaja perempuan berumur 15 tahun mengaku melakukan seks dengan lapan orang budak lelaki. Ini adalah dengan izin *the tip of the iceberg*, Tuan Pengerusi.

Banyak NGO terutama sekali *Women's Centre for Change* serta pusat perkhidmatan wanita di Pulau Pinang bersama dengan PWDC telah memulakan program untuk memberikan pendidikan dan kesedaran kepada pelajar-pelajar berhubung keganasan bertajuk Bijak Itu Selamat. Saya mengalu-alukan Menteri Pendidikan untuk satu lawatan bekerja ke Pulau Pinang untuk turut serta bersama WCC dan PPW untuk melihat sendiri dengan izin *the small but very significant victories* daripada kempen-kempen kesedaran mereka.

Saya ingin bertanya di sini Tuan Pengerusi sama ada kementerian mempunyai apa-apa hasrat atau niat untuk memasukkan sukatan pelajaran berhubung dengan kesaksamaan gender, keganasan rumah tangga, keganasan seksual serta sukatan berhubung CEDAW atau *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* kepada pelajar-pelajar yang lebih tua seperti remaja di sekolah.

Tuan Pengerusi, bagi butiran 030000 saya ingin bertanya berhubung dengan sukatan pelajaran bagi pelajar-pelajar Orang Asli di Malaysia. Sistem yang digunakan sekarang adalah satu sekolah di antara beberapa kampung-kampung seperti yang kita lihat dalam contoh yang terbaru di Gua Musang. Kemudahan pengangkutan disediakan oleh JAKOA namun kanak-kanak yang pergi ke sekolah itu akan ditempatkan di asrama dan akan hanya berjumpa dengan ibu bapa mereka sekali dalam seminggu, sekali dalam tiga minggu atau sekali dalam sebulan.

Saya ingin bertanya di sini, dalam era tahun 1970-an wujud sekolah-sekolah kecil dibuka di kawasan pedalaman sebagai contoh di Pos Gok dan Pos Simpur di mana sukatan pelajaran daripada prasekolah hingga Darjah 4 disediakan supaya kanak-kanak daripada perkampungan bersebelahan dengan sekolah itu, berdekatan dengan sekolah itu dapat pergi untuk mendapatkan pendidikan awal dan di bawah pemantauan dan penyeliaan ibu bapa sendiri.

Akan tetapi kini tiada lagi sistem tersebut. Saya ingin bertanya kepada kementerian buat masa ini adakah kementerian ada apa-apa hasrat atau niat untuk menggunakan sistem yang lama di mana lebih banyak sekolah-sekolah kecil dibina di antara beberapa perkampungan supaya ia memudahkan perhubungan di antara ibu bapa dan pihak sekolah dan supaya ibu bapa boleh mengambil bahagian dalam pembangunan holistik kanak-kanak tersebut dengan melibatkan diri mereka dalam PIBG sekolah.

■1940

Tuan Pengerusi, ketiadaan perhubungan di antara PIBG sekolah dan pihak ibu bapa menumpaskan segala usaha kementerian untuk berkongsi maklumat dengan ibu bapa seperti yang dilihat dalam kes kehilangan tujuh kanak-kanak dari Pos Tohoi. Saya ingin tahu apakah kuota bagi guru-guru Orang Asli dalam bidang perguruan di Malaysia memandangkan jawapan dalam perbahasan dasar yang diberikan oleh Menteri Pendidikan adalah ramai guru yang bukan daripada *background*, latar belakang Orang Asli dihantar ke kawasan pedalaman, mereka tidak mampu untuk dengan izin *adjust to the surrounding, adjust to the environment*. Jadi, mereka tidak ada semangat untuk berulang alik ke sekolah, ke asrama. Mereka tidak ada semangat untuk mengajar kanak-kanak tersebut.

Ini yang diberitahu oleh Menteri Pendidikan. Jadi, saya harap dalam jawapan yang diberikan selepas ini Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan yang betul dan jelas supaya tiada kekeliruan dalam bilangan guru-guru Orang Asli di Malaysia. Saya ingin tahu apakah pecahan etnik dan bahasa ibunda yang ditutur oleh guru-guru Orang Asli ini. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ya *point* terakhir saya. Saya ingin tahu apakah justifikasi Kementerian Pendidikan dalam menurunkan peruntukan bagi sekolah-sekolah vernakular, sekolah-sekolah kebangsaan, sekolah mubaligh dan sekolah agama memandangkan asas pendidikan dan pembangunan kanak-kanak dan remaja adalah di alam persekolahan, dari bangku persekolahan juga.

Kita melihat pengurangan sebanyak RM300 juta dari tahun lepas. Tahun ini hanya RM500 juta diperuntukkan. Saya ingin tahu bersama dengan semua Ahli Parlimen yang lain apakah *break down* dengan izin untuk peruntukan RM500 juta itu dan ke mana kah saluran wang itu akan diberikan kepada sekolah kebangsaan, berapa sekolah vernakular dan berapa sekolah agama.

Saya juga ingin menggunakan peluang ini untuk keperluan rekod. Apabila sesebuah kerajaan konsisten dengan peruntukan yang diberikan untuk pendidikan terutama sekali apabila peruntukan itu disalurkan dengan *transparent* dan *accountability* dan telus, maka kejayaan pelajar dapat dilihat sendiri dengan award yang diterima oleh empat pelajar SJKT Tamil Ramakrishna dari kawasan DUN Dato' Keramat di Pulau Pinang. Ini bukan kali pertama Tuan Pengerusi pelajar-pelajar dari Sekolah Tamil tersebut mendapat pengiktirafan dan anugerah antarabangsa. Ini adalah kali kedua dan ianya salah sebuah sekolah di Pulau Pinang yang diberikan peruntukan khas daripada Belanjawan Negeri Pulau Pinang. Jadi *in a nut shell* Tuan Pengerusi, apa yang ingin saya sampaikan di sini adalah *education is a best investment of a country*, dengan izin.

Akan tetapi kalau Kementerian Pendidikan dengan izin, *starts to slash all this allocations, then where is a country heading to, natural disaster and a storm that will be brewing in the country*. Oleh itu Tuan Pengerusi saya harap Yang Berhormat Menteri akan menjawab semua persoalan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Lawas.

7.43 mlm.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan bajet di peringkat jawatankuasa di bawah tajuk Kementerian Pendidikan. Saya menyentuh Butiran P.00300 – Pendidikan Teknik dan Vokasional yang diperuntukkan sebanyak RM255,222,000 untuk tahun depan 2016 berbanding RM178,351,168 pada tahun ini 2015.

Saya ingin bertanya dengan kementerian sama ada peruntukan tersebut meliputi pembangunan sekolah teknik dan vokasional yang baru. Jika ya di mana tempat sekolah baru itu akan didirikan. Tuan Pengerusi, saya telah beberapa kali menyuarakan dalam Dewan yang mulia ini mengenai betapa penting dan perlunya sebuah institusi pendidikan tinggi seperti Sekolah Teknik dan Vokasional didirikan di kawasan Parlimen Lawas untuk mengelakkan kebanjiran pelajar dari kawasan Lawas dan sekitar keluar melanjutkan pelajaran mereka di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Kuching, Sibu dan juga Sabah.

Ini mendatangkan kerugian dan menambah bebanan kepada ibu bapa pelajar selain tidak selaras dengan Dasar Transformasi Kerajaan yang ada sekarang. Oleh itu, saya menyeru kepada kementerian dan kerajaan agar mempertimbangkan sebuah sekolah teknik dan vokasional di Lawas untuk memberi kemudahan kepada lepasan SPM dari kawasan paling utara atau hujung negeri Sarawak dan Malaysia melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang yang penting ini.

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran P.03700 – Program Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak yang juga mendapat peningkatan peruntukan dari RM2,183,789 pada tahun 2015 kepada RM35,000,918 untuk tahun 2016. Saya ingin bertanya dengan kementerian apakah cadangan pembangunan yang dibawa ke kawasan luar bandar Sarawak dan di mana tempat yang dikenal pasti untuk projek-projek yang dicadangkan itu.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 01000 – Pejabat-pejabat Pendidikan dan Butiran 03504 – Ubah Suai Naik Taraf Sokongan Pendidikan. Kedua-dua Butiran tersebut mendapat peningkatan peruntukan sebanyak RM14,250,000 dan RM392,000,900 untuk tahun hadapan 2016. Saya mohon dan merayu kepada kementerian agar memberi perhatian terhadap keperluan pejabat-pejabat dan ubah suai naik taraf sokongan pendidikan yang diperlukan di kawasan Lawas. Contoh Pejabat Pendidikan Daerah Lawas sekarang menumpang sebuah bangunan di SMK Lawas untuk dijadikan pejabat dan banyak lagi keperluan naik taraf sokongan pendidikan yang diperlukan di Daerah Lawas.

Akhirnya Tuan Pengerusi, saya ingin merayu agar kementerian dan kerajaan mengambil berat tentang pembangunan semula sekolah-sekolah yang sudah lama dan uzur di kawasan Lawas. Untuk makluman Dewan, ada sekolah-sekolah berkenaan yang disahkan tidak selamat untuk diguna pakai sementara ada pula sekolah dan kawasan sekolah yang sering dibanjiri air apabila hujan dan mengganggu pembelajaran murid selain membahayakan keselamatan. Di antara sekolah-sekolah...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, di kawasan saya ada dua sekolah menengah yang menumpang bangunan sekolah menengah. Sekolah Menengah Pelambang Jaya dan juga Sekolah Menengah Ulu Sapi. Yang Berhormat tolong khabarkan kepada kementerian.

Dato' Henry Sum Agong [Lawas]: Ya, masukkan dalam ucapan saya. Tuan Pengerusi, di antara sekolah-sekolah yang saya maksudkan ialah SK Pangi. Itu yang selalu yang sudah

lama dan uzur dan juga selalu dibanjiri oleh banjir ialah SK Pangi, SK Long Semadoh, SK Sasar Ulu Merapok, SK Awat Awat, SK Long Tukun, dan SK Kuala Lawas.

Di kesempatan ini, saya juga ingin bertanya dengan kementerian apakah tindakan selanjutnya yang akan diambil oleh kementerian terhadap pembangunan sekolah SK Long Sukang yang tergendala sekian lama ini. Tuan Pengerusi, Lawas menyokong Bajet Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

■1950

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

7.50 mlm.

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan seramai 17 Ahli Yang Berhormat yang telah berhujah dalam perbahasan, Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Bukit Bendera, Yang Berhormat Tasek Gelugor, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Kulai, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Jelebu, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Batu Kawan dan Yang Berhormat Lawas sementara dua lagi Yang Berhormat dari Tenom dan juga Yang Berhormat Bayan Baru telah mencelah.

Saya akan cuba menjawab semua maklumat soalan-soalan yang telah dibentangkan. Hampir 70 perkara daripada 16 Ahli-ahli Yang Berhormat. Ada di antara perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini diulang oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Saya minta izin Tuan Pengerusi, apabila saya menjawab satu topik itu harap Ahli-ahli Yang Berhormat ambil maklum jawapan-jawapan tersebut.

Saya juga minta izin Tuan Pengerusi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak ada dalam Dewan, saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, yang itu saya izinkan Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Kuala Selangor, banyak isu yang telah dibangkitkan oleh beliau.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor tak ada dalam Dewan ketika ini.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey. Yang Berhormat Bukit Bendera, ada? Nampak tangan, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, perincian semasa sekolah K9, okey? Saya akan hanya sentuh secara *brief* topik yang telah dibangkitkan tetapi jawabannya akan diberi secara terperinci. Okey? Isu sekolah K9 dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status kedap sekolah ini tahun 2014, kita ada 109 buah sekolah

dan tahun 2015, 119 buah sekolah. Dalam isu pula yang dibangkitkan tentang kekurangan guru Orang Asli. Bilangan guru Orang Asli sedang berkhidmat semasa ini ialah 309 orang.

Sejumlah 86 orang daripada guru mengajar di sekolah kebangsaan Orang Asli. Bilangan guru-guru asli dalam latihan di IPGM Afzan adalah seramai 111 orang, 10 orang akan tamat pengajian akhir tahun 2015 dan mereka selepas itu akan dihantar kepada sekolah-sekolah tersebut.

Kementerian Pendidikan Malaysia menggubal kurikulum untuk murid Orang Asli iaitu bahasa Semai sebagai bahasa etnik selain daripada bahasa Iban dan bahasa Kadazan-Dusun untuk Tahun 1 hingga Tahun 6 Kementerian juga menggubal kurikulum khas untuk murid Orang Asli Penan KDAP yang disesuaikan dengan aras penguasaan murid Orang Asli Penan yang menekankan penguasaan asas literasi dan numerasi.

Kementerian juga melaksanakan Program Kelas Dewasa Asli Penan (KDAP) seperti mana yang saya maklum tadi untuk mengatasi masalah literasi asas dalam kalangan ibu bapa Orang Asli dan juga orang Penan supaya ibu bapa mampu membantu dan memahami apa yang dipelajari oleh anak-anak mereka di sekolah. Program penutur jati bahasa Inggeris yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat juga, kontraknya telah ditamatkan pada 30 September 2015. Setakat ini Kementerian Pendidikan Malaysia tidak berhasrat untuk meneruskan program penutur jati bahasa Inggeris. Program ini telah membantu meningkatkan tahap *proficiency* bahasa Inggeris guru yang menyertainya.

Perluasan sekolah K9, untuk maklumat sebanyak tujuh sekolah K9 telah beroperasi pada tahun 2015 manakala kerajaan telah meluluskan sembilan lagi projek pembinaan baru sekolah K9 bagi menambah baik tahap pendidikan masyarakat luar bandar amnya dan masyarakat Orang Asli khususnya. Projek ini dilaksanakan secara konvensional perundingan di mana proses pelantikan perunding-perunding sedang dilaksanakan.

Tentang aspek penciciran pendidikan anak-anak Orang Asli. Jumlah murid Tahun 6 pada tahun 2014 ialah 4,685 orang. Jumlah murid Tingkatan 1 pada tahun 2015 ialah 3,757. Peratusan yang hendak pergi ke Tingkatan 1 ialah 80.19% manakala sekolah K9, jumlah murid Tahun 6 pada tahun 2014 ialah 326. Murid yang pergi ke Tingkatan 1 tahun 2015, ialah 402. Peningkatan 123%. Maksudnya pelajar-pelajar dari sekolah lain akan sambung belajar di Tingkatan 1. Maka ada peningkatan. Jumlah peratus meningkat kerana murid-murid dari sekolah-sekolah lain seperti mana yang saya kata tadi mengambil masuk dalam sekolah melanjutkan pelajaran mereka.

Tentang pengurangan peruntukan dalam latihan guru, Latihan Dalam Perkhidmatan dan latihan kepimpinan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kaedah latihan guru akan ditambah baik dan tidak semestinya melalui kaedah lama iaitu secara bersemuka yang boleh menghasilkan kurang belanja, sewaan hotel, tuntutan perjalanan kerana dilaksanakan secara pendekatan *blended approach*.

Walaupun peruntukan dikurangkan, penghasilan yang diusahakan supaya tidak kurang kualitinya. Tentang 1BestariNet. Kementerian tidak pernah mengarahkan guru besar atau

pengetua untuk memaksa guru-guru *log in* menggunakan ID murid. Maklumat yang diterima oleh Yang Berhormat adalah tidak benar dan kementerian memandang serius terhadap guru besar atau pengetua yang berbuat demikian dan sekiranya Yang Berhormat ingin bekerjasama, tolong berikan kepada saya nama guru besar atau pengetua yang berbuat demikian. Sistem VLE menjejak penggunaan dalam kalangan murid.

Sekadar log in menggunakan ID murid tidak akan diambil kira untuk pengiraan KPI Kementerian Pendidikan Malaysia. Pendekatan yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Bendera akan dianggap sebagai satu penipuan dan tindakan tegas akan diambil ke atas guru besar, pengetua yang berkenaan.

Penyediaan guru untuk pendidikan Orang Asli. IPG komited dalam latihan guru khususnya untuk melatih guru-guru ke kawasan pedalaman. Reka bentuk kurikulum pendidikan guru bagi Ijazah Sarjana Muda Perguruan mencakupi:

- (i) Kursus asas pendidikan iaitu budaya dan pembelajaran yang melatih guru-guru dengan elemen budaya masyarakat pedalaman. Kursus ini peruntukan tiga kredit;
- (ii) IPG juga menyediakan *module pedagogy* pedalaman dan modul kelas bercantum bagi memastikan guru-guru mampu mengendalikan pengajaran kepada anak pedalaman dengan cemerlang.

Seterusnya empat buah kampus IPG telah dipilih sebagai pusat kecemerlangan *indigenous pedagogy* iaitu IPG Tengku Ampuan Afzan di Kuala Lipis, IPG Miri Sarawak, IPG Kent Sabah, IPG Kota Bharu dan IPG Sultan Abdul Halim Kedah. Sebagai nilai tambah pelbagai program diadakan oleh IPG pusat kecemerlangan pedagogi peribumi untuk memastikan guru-guru IPG mampu melaksanakan tugas mereka di sekolah pedalaman. Antaranya program bina insan guru dan program kemasyarakatan. Pensyarah IPG menjalankan penyelidikan pendidikan pedalaman demi meningkatkan kecemerlangan pendidikan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekolah K9 yang sedang beroperasi sekarang ialah SK Banun di Perak, SK Kemar di Perak, SK Bukit Komando Selangor, SK Batau Pahang, SK Bandar Dua Pahang, SK Long Bedian Sarawak dan SK Pikan Pensiangan di Sabah.

Cadangan perluasan sekolah K9 pula adalah di SK Satok, Pahang, SK Bawang Beluran Sabah. Yang Berhormat, Beluran Sabah ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sudah lama tak buat lagi Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Dalam perancangan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tahun 2013 dilancar tetapi sampai sekarang tak buat lagi. *[Ketawa]*

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Kita akan pastikan ia dilaksanakan dalam perancangan terkini Yang Berhormat Beluran. Terima kasih. *[Dewan riuh]* SK Buis Telupid Sabah, SK Menanam Telupid Sabah dan SK Sabo Bangi Kudat Sabah.

Peruntukan MBMMBI berkurang. Yang Berhormat, peruntukan MBMMBI pada tahun 2016 adalah sebanyak RM90 juta dan tambahan RM38.5 juta bagi pelaksanaan *Dual Language* program dan *High Immersive Programs*. Jumlah keseluruhan ialah RM135.5 juta. Program aktiviti akan dilaksanakan menggunakan peruntukan dasar sedia ada mengikut perancangan bagi memastikan pelaksanaan MBMMBI tidak terjejas.

■2000

Dari aspek yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tentang lemah penguasaan bahasa Inggeris. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pencapaian Bahasa Inggeris Linus 2.0 berdasarkan saringan 2/2015 Oktober 2015 tahun 1, KPI 71% tetapi pencapaian di sekolah ialah 74.4%. Untuk tahun 2, KPI kementerian 83% tetapi pencapaian di sekolah ialah 8.349%. Untuk tahun 3 pula, KPI 90% dan pencapaian di sekolah 94.1%. Program-program memperkasakan telah menerima peruntukan cukup banyak dalam RMKe-10.

KPM sedang melaksanakan kajian penghasilan pencapaian semua program ini. Peruntukan pembangunan profesional menurun seperti mana Yang Berhormat menyatakan tadi. Peruntukkan pembangunan profesional pada tahun 2016 akan menerima peruntukan sebanyak RM810 juta dari dasar sedia ada. Program khusus meliputi latihan pra-perkhidmatan, latihan dalam perkhidmatan dan latihan kepimpinan. Latihan ini akan dilaksanakan dengan pelbagai kaedah lantikan yang bersesuaian mengikut keperluan dan peruntukan yang diagihkan. Saya rasa itu sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Boleh tanya penjelasan sedikit? Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama sekali, saya hendak tanya mengenai e-Kelas KEDAP itu. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab mengapa peruntukan dikurangkan sebanyak hampir setengah daripada RM6 juta kepada RM3 1/2 juta tahun hadapan. Oleh sebab tadi dikatakan akan diperluaskan lagi tetapi cuma, macam mana hendak memperluaskan apabila peruntukan diturunkan sebegitu banyak.

Yang kedua mengenai satu 1BestariNet, VLE itu, *log-in*. Saya akan cuba mendapatkan maklumat dan kemudian beri kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih di atas pendirian yang tegas. Akan tetapi saya ada minta juga dalam ucapan saya, statistik terkini untuk *log-in* bagi 1BestariNet. Lagi satu saya hendak tanya juga bagi PPJBI sebagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi tidak akan diteruskan pada tahun hadapan. Boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri terangkan mengapa tidak diteruskan, selepas saya ingat sudah empat lima tahun program ini dilaksanakan.

Bagi MBMMBI, boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menjelaskan macam mana tidak akan terjejas apabila peruntukan dikurangkan dengan sebegitu banyak. Walaupun dengan tambahan dua program yang dinyatakan tadi masih kalau RM135 juta itu, jauh berbeza dengan setiap tahun, MBMMBI secara lazim mendapat RM200 juta. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menjawab beberapa soalan yang diminta daripada Yang Berhormat secara bertulis. Akan

tetapi dalam aspek program-program MBMMBI itu, kita seperti mana yang saya kata, kita ada peruntukan-peruntukan yang kita gunakan dalam RMKe-10 itu, kita masih menggunakan peruntukan tersebut untuk program-program yang akan dibuat pada tahun ini dan seterusnya. Kita juga bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk melaksanakan program MBMMBI. Maklumat terperinci yang lain akan saya berikan kepada Yang Berhormat semasa saya menjawab, kalau tidak secara bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Tasek Gelugor, ada? Terima kasih. Program Susu 1Malaysia. Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memantau kualiti. Kualitilah yang paling penting bagi kita. Kita tidak akan memandang remeh tentang isu kualiti. Yang paling penting ialah kualiti. Kementerian Pendidikan sentiasa memantau kualiti pembekal susu yang dikekalkan agar memenuhi *nutrisi* dan spesifikasi yang ditetapkan. Pengurangan peruntukan program ini adalah kerana kerajaan telah menambah baik kumpulan sasaran yang menerima bantuan ini kepada murid miskin sahaja berdasarkan kepada pendapatan garis kemiskinan nasional. Sebelum ini, semua murid luar bandar, termasuk keluarga berpendapatan tinggi juga mendapat bantuan ini.

Kerajaan akan mengekalkan subsidi untuk pemberian bantuan makanan asrama tanpa menjejaskan kualiti dan kuantiti makanan serta bilangan penerima murid asrama. Pengurangan peruntukan ini adalah dengan mengambil kira jumlah hari persekolahan sebenar setelah ditolak cuti sekolah, cuti peristiwa dan cuti am. Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan Malaysia akan memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan sekiranya peruntukan ini tidak mencukupi. Tentang bantuan makanan prasekolah. Yang Berhormat, peruntukan bantuan makanan prasekolah bertambah selari dengan pertambahan kelas dan *enrollment* prasekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Enrollment* prasekolah pada tahun 2015 ialah 201,546 murid. *Enrollment* pada tahun 2016 akan datang pula ialah 216,264 murid. Maka, berlakulah peningkatan keperluan ini.

Pengurusan sukan, peruntukan sangat kurang, dasar tidak selari dengan KBS yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat. Peruntukan yang sedia ada telah dapat menjalankan Program Bahagian Sukan dengan jayanya. Semua kejohanan sukan di peringkat daerah sehingga ke peringkat negeri dan kebangsaan telah dapat dijalankan dengan jayanya. Dasar KPM selari dengan dasar Kementerian Belia dan Sukan Negara, Sukan Untuk Kecemerlangan dan Sukan Untuk Semua.

Saya juga akan menjawab beberapa lagi soalan isu sukan dalam proses saya menjawab soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, Yang Berhormat Kuala Langat, tidak ada? Tadi bukan main hebat lagi menjawab. Dengan ikhlas. Kita hendak jawab, "*genggam bara api sampai jadi arang*". *No, no. I'm talking about* Yang Berhormat Kuala Langat. Sabar. Yang Berhormat Kuala Langat, saya akan jawab secara bertulis. Memandangkan beliau tidak ada dalam Dewan.

Yang Berhormat Parit Sulong ada, terima kasih. Program *Teach for Malaysia*, berapa yang sudah sertai sistem kita, 259 sudah menyertai. Apakah sekolah transformasi dan

kriterianya? Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang memang memerlukan penjelasan supaya lebih ramai Ahli Yang Berhormat memahami apa sekolah transformasi ini. Program Sekolah Transformasi adalah usaha Kementerian Pendidikan Malaysia melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran murid yang aktif lagi bermakna dengan disokong kepimpinan yang berkualiti serta berwawasan.

Guru yang kompeten, beraspirasi tinggi serta komitmen *community* yang padu. Program peringkat pertama pada tahun 2015/2016, sebanyak 100 buah sekolah daripada 100 buah PPD telah dipilih. Kriteria pemilihan sekolah yang dipilih ialah sekolah yang berada dalam *band* tiga hingga *band* lima. Objektif kementerian ialah mengaplikasikan konsep dan amalan terbaik sekolah amanah dengan kos pengoperasian rendah. Membangunkan kepakaran dalaman Kementerian Pendidikan Malaysia melalui latihan yang komprehensif dan berstruktur kepada pembimbing kepimpinan yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ketiga, membangunkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan dengan menyediakan suasana bilik darjah dan sekolah yang kondusif dan *flexible*, teknik PDP yang kreatif dan berkesan, pengurusan sekolah yang cekap dengan mengutamakan kemenjadian murid. Yang Berhormat, tentang Sekolah SMK Semerah. Buat masa ini pembinaan bangunan gantian tambahan di SMK Semerah tidak diluluskan di bawah *Rolling Plan* 1/2016 Rancangan Malaysia Kesebelas. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, kementerian akan memastikan permohonan pembinaan bangunan gantian untuk SMK Samerah dimasukkan di dalam *Rolling Plan* kedua 2017 sebagai projek keutamaan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat, maksudnya dalam *Rolling Plan* kedua?

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Kita akan mencadangkan dalam *Rolling Plan* kedua.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Mencadangkan dan saya harapkan supaya ianya dapat dilaksanakan. Dia mencadangkan, perancangan dan pelaksanaan itu dia lain. Pelaksanaan itu yang saya hendak supaya ianya diambil kira. Pelaksanaan itu Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Yang Berhormat, biar kita sama-sama melobi kepada Kementerian Kewangan supaya dapat peruntukan yang diberikan kepada kita. Okay, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Seterusnya, Yang Berhormat Kota Raja, ada? Bagus. Beban tugas guru dari aspek pemfailan data dan tugas bukan- Yang Berhormat, isu beban tugas guru bukan PDP telah ditangani dengan pelaksanaan Program Strategik Lautan Biru Kebangsaan, Pemantapan Profesion Guru, NBOS. Penempatan pembantu tadbir N17, 22 dan juruteknik 17 dan 22 telah dilaksanakan secara rintis di Melaka dan Kedah telah berjaya membantu menangani beban tugas guru dan guru lebih fokus dalam PDP. Perluasan kepada semua negeri melibatkan kos yang tinggi dan hanya boleh dilaksanakan secara berperingkat tertakluk kepada peruntukan.

■2010

Selain daripada itu pelaksanaan sistem *single sign on (SSO)* mulai 1 Oktober 2015 boleh membantu mengurangkan beban tugas guru. Untuk makluman Yang Berhormat juga Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Padang Terap juga telah meminta kementerian untuk mencari kaedah-kaedah yang terbaik untuk dapat meringankan lagi beban tugas guru ini. Kementerian Pendidikan Malaysia juga kita mencari, mengambil semua langkah yang boleh supaya dapat membantu guru-guru meringankan beban tugas mereka.

Yang Berhormat tentang SMK Kota Kemuning 2. Pembinaan SMK Kota Kemuning 2 akan dilaksanakan melalui kaedah tukaran tanah ataupun *lands walk* dan telah mendapat kelulusan secara prinsip oleh Jemaah Menteri. Buat masa ini penilaian tanah balasan bagi projek ini telah dinilai semula. Kementerian sedang menunggu maklum balas daripada pihak syarikat sama adakah ingin meneruskan projek ini dengan nilai tanah yang terbaru.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini adalah agak berpanjangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya ingat sudah hampir dua tahun Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Kemuning ini masih belum lagi nampaknya hendak mula projeknya, makna peringkatnya belum *it is not taken off even*. So bila agaknya *swapping of this land*, dengan izin akan berlaku? Bila boleh mula projek itu? Makna dia ini tidak termasuk dalam 27 buah sekolah Yang Berhormat Perdana Menteri sebutkan itu. Bolehkah ia dipercepatkan?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya kita akan cuba. Seperti mana yang saya katakan tadi kita menunggu syarikat yang tersebut untuk menerima penilaian kita. Sekiranya mereka setuju maka kita boleh laksanakan secara serta-merta. Walau bagaimanapun kita akan ambil maklum, kita juga sedar keperluan sekolah tersebut memandangkan sudah padat pelajar-pelajar di sana. Kita ambil maklum. Terima kasih Yang Berhormat.

Tentang infrastruktur pedalaman genset dan bekalan air bersih. Kontrak genset bagi bekalan elektrik sekolah di negeri Sarawak dikendalikan oleh lebih 50 syarikat bagi lebih kurang 400 sekolah di pedalaman Sarawak. Bekalan selama 24 jam khususnya yang ada asrama. Bekalan air bersih pula bagi bekalan pedalaman di Sabah dan Sarawak yang belum mendapat bekalan paip awam diselenggara, dibekal juga oleh Syarikat Azar Sdn. Bhd. Bekalan akan dilaksanakan secara berperingkat.

Tentang kuarters bagi guru dikaji semula. Kementerian Pendidikan sangat prihatin terhadap keperluan kuarters untuk guru yang berkhidmat di seluruh negara. Sehingga kini sebanyak 44,000 unit kuarters telah dibina untuk keperluan tersebut dan sebanyak 48 unit lagi masih dalam pembinaan dan akan siap di penghujung tahun 2015. Guru-guru juga diberi elaun Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) bagi mereka yang tidak tinggal di kuarters.

Yang Berhormat Jerlun. Saya telah menjawab sebentar tadi tentang isu DLP, ada sedikit lagi tambahan kepada DLP yang mana Yang Berhormat telah bangkitkan. Dasar yang sentiasa berubah *there is no follow through* dengan izin. Pelaksanaan DLP pada tahun 2016 merupakan program rintis di bawah Dasar MBMMBI. Dapatan daripada program rintis ini akan diambil kira

dalam perancangan pelaksanaan DLP selanjutnya bagi memastikan murid dapat menguasai kemahiran dwibahasa selaras dengan aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Dalam peruntukan pengurusan sukan. Walaupun kurang peruntukan program sukan tetapi dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan tanpa menjejaskan kualiti sukan negara. Kita juga bekerjasama dengan syarikat-syarikat swasta, GLC dengan *public private partnership* yang mana dalam anjakan kesembilan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Kita memang menggalakkan penglibatan GLC untuk bekerjasama dengan beberapa bidang sukan. Kita memang bekerjasama dengan syarikat-syarikat untuk membantu kita.

Untuk aspek sukan untuk kecemerlangan dicapai melalui program pembangunan sukan daripada peringkat daerah sehingga ke peringkat kebangsaan. Ini terbukti dengan kejayaan atlet daripada sistem pendidikan di Kejohanan Sukan Sekolah ASEAN di Brunei baru-baru ini yang telah berjaya membarui rekod Watson Nyambek dalam acara 100 meter. Merupakan seorang atlet daripada Sekolah Sukan di Johor Bahru, Johor. Kita akan terus. Malah ramai daripada atlet-atlet yang berjaya memenangi pingat-pingat emas mahupun dari Sukan SEA, Sukan Komanwel dan sebagainya merupakan pelajar-pelajar dari sekolah sukan ataupun pelajar-pelajar daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Daripada aspek sukan untuk semua, kita telah memantapkan dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan di peringkat sekolah. Contoh Klinik Kemahiran Sukan, aktiviti kecergasan fizikal, sukan sekolah, merentas desa, sukan antara rumah sukan, pertandingan sukan antara tingkatan dan sebagainya. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam pertandingan 7th ASEAN School Games 2015 negara Malaysia telah mendapat tempat yang kedua dengan memungut 20 pingat emas, 14 pingat perak, 22 pingat gangsa dan di belakang Indonesia yang mendapat 25 pingat emas. Itu isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jerlun.

Yang Berhormat Kulai, terima kasih. Buku teks untuk SK dihantar ke SJK. KPM menyediakan kurikulum yang berbeza untuk bahasa Melayu SK dan SJK, pentaksiran UPSR juga berbeza. Walau bagaimanapun pada tahun 2016 murid Tahun 6 SK dan SJK akan menggunakan buku teks yang sama. Oleh sebab itu buku yang sama itu dibekalkan kepada semua sekolah.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Maksudnya pada tahun depan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksudnya pada tahun depan walaupun tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap bahawa *syllabus* itu untuk SK dan SJKC berbeza tetapi pada tahun depan mereka akan gunakan *text book* yang sama tetapi ini *doesn't make sense* kan kerana *syllabus* sudah berbeza. Jadi bagaimana sekolah daripada dua aliran pakai teks pun yang sama. Saya rasa ini satu polisi yang barukah? Sudah buat pengumuman bagaimana? Memang tidak *make sense* untuk sayalah.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Okey, memang tidak *make sense* sebab semua perkara untuk Yang Berhormat tetapi tidak apalah. Yang Berhormat, KPM akan menyediakan dua pentaksiran yang berbeza bagi kertas bahasa Malaysia di peringkat UPSR tidak akan sama, okey. Itu jangan khuatir. Apa yang dikhuatiri ialah sama ada peperiksaannya

sama atau tidak? Tidak. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Oktober 2015 telah memutuskan bahawa penyamarataan Bahasa Melayu SK dan SJK tidak diteruskan. Maka jangan khuatir penyamarataan ini tidak akan berlaku. *Even* sekarang kualiti penggunaan bahasa Melayu, bahasa Malaysia dalam buku-buku Darjah 6 SK dan SJK walaupun tidak sama tetapi kualitinya hampir-hampir sama. Peperiksaan masih berbeza. So tidak akan ada penyamarataan yang dilakukan.

Akan tetapi kementerian juga akan menjalankan beberapa inisiatif bagi mempertingkatkan penguasaan Bahasa Malaysia dalam kalangan murid SK dan SJK. Antara program inisiatif tersebut ialah:

- (i) memperkenalkan program intervensi pemulihan dan program sokongan bahasa Malaysia untuk murid yang tidak mencapai tahap *proficiency* yang ditetapkan;
- (ii) kelas pemulihan Bahasa Malaysia untuk murid Tahun 1 hingga Tahun 6; dan
- (iii) Program Linus 2.0 ditambah baik sebagai sokongan tambahan, meningkatkan kemahiran guru bahasa Malaysia, membekalkan guru opsyen bahasa Malaysia yang mencukupi dan meningkatkan penglibatan murid dalam aktiviti ko-akademik Bahasa Melayu.

Ini di antara cara-cara mana kita hendak menambah baik penggunaan bahasa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut.

Yang Berhormat, soalan Moral 2015 kenapa masuk unsur politik. Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menjelaskan bahawa tiada soalan peperiksaan berunsur politik di dalam peperiksaan Moral SPM 2015. Soalan yang ditaksir adalah *construct*, kemahiran menggunakan pemikiran yang matang berasaskan nilai moral yang dipetik daripada surat pekeliling Ikhtisas Bil. 5/1999 Kementerian Pendidikan Malaysia yang bertajuk Larangan Terhadap Penglibatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Staf Sokongan dan Murid Sekolah Dalam Kegiatan Politik Anti Kerajaan. *Construct* yang diuji merujuk kepada nilai mematuhi peraturan dan undang-undang seperti yang tertera dalam huraian sukatan pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan 4 pada halaman 36 dan huraian sukatan pelajaran Pendidikan Moral Tingkatan 5 pada halaman 29. Tugasan soalan untuk menguji murid untuk memberi hujah, alasan dan pendapat agar mematuhi arahan dalam surat pekeliling disuruh menunjukkan kematangan pemikiran berasaskan nilai moral secara menyeluruh untuk diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

Markah lulus bagi mata pelajaran peringkat SPM. Dakwaan adalah tidak benar sama sekali. Rujukan *Facebook* itu palsu. Markah yang lulus tidak pernah dipamerkan di mana-mana platform. Lembaga Pemeriksaan mematuhi Peraturan Pendidikan Penilaian dan Peperiksaan 1997 dalam Akta Pendidikan 1996, Akta 550 yang menyatakan dalam Bahagian II, Lembaga Peperiksaan Perkara 4(b) fungsi Pengarah Peperiksaan adalah untuk mengeluarkan kertas

peperiksaan untuk menyediakan bahan peperiksaan dan untuk memastikan keselamatan dan kerahsiaan kertas peperiksaan dan bahan peperiksaan.

■2020

Termasuk markah-markah yang diperoleh oleh calon-calon ini, bermakna markah lulus adalah rahsia. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Lipis,

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai bangun.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa ada satu soalan belum jawab lagi iaitu RM150 juta yang *missing* itu, sekarang sudah dialihkan kepada SJK(C), SJK(T) dan juga sekolah bantuan agama atau tidak? Saya mintalah satu pengesahan daripada Timbalan Menteri. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya mungkin ada nanti, saya akan jawab Yang Berhormat. Kalau tak ada nanti, *I will explain to you.*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat ada minta soalan tadi?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, soalan mengenai itu.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tadi ada minta tak?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tak ada, tak ada.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Biar saya selesaikan semua itu dulu, Yang Berhormat boleh duduk dulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sama itu Yang Berhormat Kulai iaitu mengenai markah lulus.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tak apa, tak apa Yang Berhormat. Kalau sama tak payah ulang lagilah kan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Markah lulus, berkenaan markah lulus.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tak payah, tak payah. Kalau sama, tak payah bangkitkan lagi Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, tidak.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat kata sama tadi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Timbalan Menteri kata itu markah lulus, markah gred itu adalah rahsia. Apa sebabnya itu rahsia? Apa sebabnya markah lulus itu rahsia?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Memanglah rahsia, memang...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Takut orang luar tahu kah? 'A' grade for marks, 'B' grade apa markahnya, 'C' grade apa markahnya? Kenapa dan apa rasionalnya itu mesti dirahsiakan sehinggakan kita tak tahu skor lulus di peperiksaan berapa markah, mungkin 20 markah.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya cadangkan Yang Berhormat tolong rujuklah kepada Akta Pendidikan 1976.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, ini interpretasi Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, saya teruskan kepada Yang Berhormat Lipis. Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi menilai kompetensi pegawai. Yang Berhormat, Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) telah pun diputuskan dan tidak dilaksanakan pada tahun 2011. Tujuan penilaian pegawai perkhidmatan pendidikan penilaian bersepadu telah pun diputuskan untuk dilaksanakan mulai tahun 2016. Ia lebih menyeluruh dan berupaya menilai kompetensi pegawai PPP.

Sistem *online*. Sehingga kini sistem *online* makmal komputer yang tidak berfungsi, *internet* yang *slow* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lipis. Yang Berhormat Lipis ada tak? Ada ya, okey. Minta maaf bang. Sehingga kini, sebanyak 9,659 sekolah telah dibekalkan dengan peralatan ICT untuk makmal komputer. Bagi peralatan yang tidak berfungsi, kementerian telah melaksanakan penyelenggaraan peralatan ICT pada setiap tahun dan pada tahun 2016, peruntukan bagi penyelenggaraan telah diambil kira.

Untuk penambahbaikan pelaksanaan 1BestariNet fasa 2, kementerian telah mengambil kira maklum balas daripada pelbagai pihak, termasuk guru, murid, kesatuan dan agensi-agensi berkaitan. Selain daripada itu, kementerian juga telah melaksanakan makmal kajian nilai dan kajian-kajian impak untuk memastikan penambahbaikan dalam 1BestariNet fasa 2, khususnya untuk capaian internet.

Bagaimana KPM ganti guru cuti bersalin? Bagi mengatasi kekosongan sementara apabila guru cuti bersalin, pihak sekolah melalui kebenaran PPD boleh mengambil guru ganti yang terdiri daripada lepasan SPM, STPM, diploma atau ijazah dan sama ada yang memiliki latihan ikhtisas atau tidak bagi mengisi kekosongan guru tersebut sekurang-kurangnya 14 hari dan tidak melebihi tiga bulan. Kakitangan kontrak tiada peruntukan. Bagaimana KPM akan ganti guru yang bersalin?

Peruntukan untuk guru ganti KPM disediakan untuk tahun 2016, peruntukan tersebut tidak menggunakan peruntukan di bawah emolumen kakitangan kontrak. Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Lanang di Kuala Lipis merupakan sekolah menengah harian biasa dan Sekolah Kuala Lanang, Lipis sekolah yang sama ke? Rujukan Sekolah Lanang, Lipis? Okey. Sebagai sekolah sukan negeri, cadangan. Setiap negeri mempunyai satu sekolah sukan negeri. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang telah mencadangkan SMK Temerloh sebagai sekolah sukan negeri. Walau bagaimanapun, ia tidak menjejaskan peluang setiap sekolah untuk menyerlah untuk menyerlah dalam bidang sukan melalui pelbagai program pertandingan di peringkat daerah, negeri dan seterusnya peringkat kebangsaan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: [Bangun]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Pihak kementerian sedia mengkaji bersama pihak JPN, sabar dulu Yang Berhormat. Pihak kementerian sedia mengkaji bersama pihak JPN Pahang dan pihak sekolah SMK Kuala Lanang untuk SMK Kuala Lanang berperanan sebagai pusat latihan daerah sukan bagi pembangunan pelbagai program sukan. Silakan Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih. Sebenarnya saya bangkitkan perkara itu sebentar tadi adalah asalnya Sekolah Kuala Lanang ini adalah sekolah sukan, dibuat adalah untuk sekolah sukan tetapi sekarang sudah ditukarkan kepada sekolah SMK. Soalan saya, adakah ia akan dijadikan kembali sekolah sukan kerana sudah banyak pengeluaran ahli-ahli sukan di situ. Akan tetapi telah ditukarkan kepada Temerloh dan guru-guru yang ada di situ terpaksa berulang alik mengajar sukan di sekolah di Temerloh. Cadangan, adakah?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Buat masa ini tidak ada tetapi seperti mana yang saya katakan, kita boleh mengkaji dengan JPN sama ada kita boleh wujudkan sekolah itu sebagai sekolah pusat latihan daerah sukan. Itu kita boleh kaji balik, kita bincang dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dan kita cuba dapat satu penyelesaian yang munasabah. Bukan sahaja untuk guru-guru tetapi juga untuk anak-anak kita yang belajar di daerah tersebut. Terima kasih Yang Berhormat ya. Yang Berhormat Hulu Langat, membangkitkan mengenai bantuan geran per kapita untuk semua aliran.

Kementerian Pendidikan Malaysia menyalurkan peruntukan bantuan geran per kapita kepada semua jenis sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. Bantuan ini disalurkan berdasarkan enrolmen murid di sekolah berkenaan. Bilangan pengambilan guru. Pada tahun 2015, pengambilan guru untuk program Ijazah Sarjana Muda Perguruan di IPG Kementerian Pendidikan Malaysia adalah 3,083 orang. Unjuran untuk 2016 adalah 3,200 orang. Pengambilan berdasarkan unjuran oleh bahagian EPRD dan pengagihan guru pelatih ke 27 kampus bergantung pada *niche area campus* seperti bilangan pensyarah yang cukup mengikut bidang.

Bidang-bidang pengkhususan yang ditawarkan adalah berdasarkan kepada keperluan permintaan yang mana unjurannya datang daripada bahagian pengurusan sekolah harian dan juga EPRD. Siapakah guru, pensyarah yang akan mengikuti kursus yang disediakan ataupun kursus profesionalisme? Semua DG adalah terlibat dengan pembangunan profesionalisme. Kementerian Pendidikan Malaysia mempunyai satu jawatankuasa induk yang bertanggungjawab dalam pembangunan staf Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu Panel Pembangunan Sumber Manusia yang ditubuhkan untuk menyelaraskan semua program staf Kementerian Pendidikan Malaysia bagi guru dan bukan guru yang merangkumi pemimpin sekolah, pemimpin pendidikan, guru penolong, guru biasa, guru kanan dan staf sokongan. Berapa buah KV dan institusi TVET akan dibina? Enam buah kolej vokasional baru sedang dalam pembinaan dengan statusnya seperti berikut;

- (i) Kolej Vokasional Tanjung Piai, Pontian, Johor – 95%;
- (ii) Kolej Vokasional Pasir Puteh, Kelantan – 98%;
- (iii) Kolej Vokasional Pasir Gudang, Johor - 92%;
- (iv) Kolej Vokasional Pekan, Pahang – 95%;
- (v) Kolej Vokasional Pagoh – 10%; dan
- (vi) Kolej Vokasional Kuala Behrang, Terengganu – 66%.

Kementerian Pendidikan Malaysia sedang membuat pertimbangan terhadap cadangan pembinaan kolej vokasional baru berdasarkan kepada keperluan dan kedudukan peruntukan kewangan. Ini juga membuka lebih peluang kepada akses terhadap pendidikan teknik dan vokasional. Kenapa peruntukan rancangan makanan tambahan dikurangkan? Saya telah jawab sebentar tadi tetapi saya rasa Yang Berhormat okey dengan jawapan tersebut ya? Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Ada.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Nampak, nampak. Cukup tinggi. Yang Berhormat Parit memohon sekolah berasrama penuh. Kerajaan telah meluluskan pembinaan sebuah sekolah menengah berasrama penuh di daerah Manjong, Perak di bawah *Rolling Plan 1* tahun 2016 dalam RMKe-11. Pejabat Pendidikan Daerah dan Kementerian Pendidikan akan memohon sekali lagi kepada EPU bagi membina bangunan PPD dalam *Rolling Plan 2* Rancangan Malaysia Kesebelas.

Sekolah berasrama penuh saya telah jawab sebentar tadi. Yang Berhormat Parit Buntar, membangkitkan mengenai guru yang mempunyai Phd diberi keutamaan. Guru-guru yang memperoleh Phd diberi keutamaan apabila kenaikan pangkat dengan memberi wajaran yang lebih besar, itu yang biasa kita buat. Lepas ini saya akan jawab soalan kerana saya dapat sedikit lewat daripada persiapan, so saya akan jawab *one by one*.

Yang Berhormat Tebrau, cadangan Yang Berhormat Tebrau agar utiliti dimasukkan sebagai sebahagian daripada bantuan. Yang Berhormat Tebrau ada?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tebrau, tak ada Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Tak ada, okey. Yang Berhormat Lawas?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lawas ada.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Okey. Sekolah-sekolah yang daif dan uzur, cadangan penambahbaikan. Kementerian sentiasa memberi perhatian tinggi terhadap sekolah-sekolah yang daif dan uzur, terutama yang berada di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia merancang untuk membina blok-blok bangunan sementara bagi menggantikan blok-blok di sekolah yang daif sebagaimana yang telah dilaksanakan untuk SK Penimbawan.

■2030

Tempoh bagi pembina blok sementara tidak mengambil masa yang lama, tidak melebihi dua bulan dan menelan belanja dalam RM2 juta sahaja untuk lapan bilik darjah.

Peruntukkan program luar bandar. Bagi negeri Sarawak, program luar bandar diluluskan untuk pertama, gantian penuh rumah guru SK Nangga Poi, asrama gantian, dewan makan dan tambahan empat unit rumah guru SK Mupong, gantian penuh asrama dan rumah guru SK Tellingai Subis, asrama SMK Tun Abdul Razak Padawan, gantian asrama SMK Subis, gantian penuh 12 bilik darjah SK Kampung Tanam, gantian enam bilik darjah dan lapan rumah guru di SK Sungai Ladung, gantian penuh enam unit asrama dan rumah guru di SK Mandor Aris, Sarikei.

Yang Berhormat Batu Kawan. Pecahan peruntukan untuk sekolah yang diumumkan dalam Bajet 2016. Pecahan peruntukan RM500 juta yang diumumkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Bajet 2016 belum diputuskan oleh agensi pusat. Buat masa ini kerajaan sedang meneliti keperluan di setiap kategori sekolah bagi penyaluran bantuan tersebut.

Pembinaan SK Awat-awat, SK Long Semadu, SK Sasar, SK Ulu Merapok. Kementerian akan menyenaraikan cadangan pembinaan bangunan gantian bagi sekolah-sekolah ini untuk pelaksanaan di bawah *rolling plan* kedua tahun 2017.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Tuan Pengerusi.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Batu Kawan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengikut jawapan yang diberikan tadi bahawa agensi pusat belum putuskan lagi agihan peruntukkan bagi sekolah-sekolah vernakular kebangsaan dan sebagainya. Boleh saya tahu bilakah keputusan akan dibuat oleh agensi pusat?

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Yang Berhormat, mesyuarat akan diadakan minggu ini. / rasa esok atau lusa akan diadakan mesyuarat dengan agensi pusat untuk perincian peruntukan.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ia akan dimaklumkan kepada semua?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat. Tidak bolehlah macam ini, Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Ini untuk kebaikan semua, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, semua untuk kebaikan. Sila, Yang Berhormat Menteri.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Jadi adakah ini akan diberikan...

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya teruskan, saya teruskan. Saya akan maklumkan kepada orang ramai, Yang Berhormat ya.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Okey, terima kasih, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau bentuk dialog esok, sampai pagi esok, 3 pagi tidak habis.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya akan cuba segerakan, Tuan Pengerusi ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Penyaluran kepada sekolah bantuan kerajaan. Penyaluran peruntukan kepada sekolah bantuan kerajaan tetap akan disalurkan secara berperingkat-peringkat. Yang Berhormat Lawas juga memohon SMT, Kolej Vokasional

dibina di Parlimen Lawas. Kolej vokasional dibina berdasarkan keperluan khusus yang bersesuaian mengikut komuniti.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua sekolah menengah teknik, kolej vokasional mempunyai kemudahan asrama. 70% daripada jumlah pelajar akan tinggal di asrama. Oleh itu tidak menjadi masalah kepada murid luar bandar terutama di Parlimen Lawas. Murid-muridnya ditempatkan di SMT atau KV yang berhampiran.

Yang Berhormat Batu Kawan juga membangkitkan isu kesaksamaan gender dan keganasan (CEDAW). Cadangan untuk memasukkan dalam pendidikan. Untuk makluman Yang Berhormat, Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) melalui subjek Pendidikan Kesihatan membincangkan topik CEDAW di peringkat menengah atas Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 di samping akta lain termasuk isu pemerdagangan manusia. CEDAW juga ada sentuh dalam pendidikan moral sekolah menengah di bawah nilai menghormati hak wanita dalam bidang berkaitan dan hak asasi manusia.

Dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah, adab menjaga maruah diri, menjaga batas-batas dan keperibadian sebagai lelaki dan wanita tentang hak-hak dan tanggungjawab suami dan isteri. Tajuk ini menyentuh isu keganasan rumah tangga.

Yang Berhormat Kapar. Peruntukkan biasiswa kecil persekutuan dikurangkan. Kementerian Pendidikan Malaysia akan terus memberi bantuan persekolahan berbentuk biasiswa kecil persekutuan kepada murid-murid yang cemerlang dan layak secara merit. Bagi tahun 2016, semua penerima BKP sedia ada akan menerima bantuan ini. Walau bagaimanapun, Kementerian Pendidikan Malaysia juga akan memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan untuk tujuan penawaran BKP kepada penerima baru.

Yang Berhormat Lawas juga minta dalam isu sekolah menumpang. Ada rancangan naik taraf. Dua buah projek pembinaan bangunan baru PPD yang telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* pertama tahun 2016 adalah PPD Simunjan dan PPD Subis. Untuk PPD Lawas, kementerian akan menyenaraikan dalam permohonan *Rolling Plan* kedua 2017 sebagai antara projek keutamaan.

Untuk peruntukan luar bandar, sebanyak 42 projek pembinaan sekolah baru gantian penuh blok tambahan telah diluluskan masing-masing di Sabah dan Sarawak di bawah *Rolling Plan* pertama tahun 2016, RMKe-11. Selain daripada itu sebanyak 15 projek pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak juga telah diluluskan di bawah RP1 tahun 2016. Antara projek diliputi di bawah Butiran Pembangunan Luar Bandar Sabah dan Sarawak adalah seperti pembinaan asrama dan rumah guru. Peruntukan 2016 yang disediakan untuk pembangunan luar bandar Sabah dan Sarawak adalah sebanyak RM35.92 juta.

Yang Berhormat Batu Kawan juga menyentuh tentang AIDS kolaborasi antara pendudukan seks dan AIDS isu pendidikan seks modulnya. Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan kurikulum pendidikan kesihatan sejak tahun 1989 di sekolah menengah dan pada tahun 1994 di sekolah rendah. Silibus Kurikulum Pendidikan Kesihatan merangkumi komponen Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial (PEERS) yang mendidik murid memperoleh

kemahiran membuat keputusan yang bijak serta bertanggungjawab pada masa kini dan masa depan dalam aspek pencegahan penyakit iaitu pengetahuan dan kemahiran mengurus kesihatan daripada penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit.

Ini termasuklah penyakit denggi, jangkitan HIV dan penyakit AIDS. Pendidikan kesihatan memberi fokus kepada *skills based health education*. Terdapat modul spesifik yang dibina di bawah peruntukkan UNICEF. Penyakit jangkitan seksual termasuk HIV dan AIDS diajar bermula tahap dua di sekolah rendah hingga menengah atas agar murid ada kemahiran berkata tidak kepada tingkah laku berisiko.

Bilangan guru Orang Asli. Saya telah jawab soalan ini sebentar tadi apabila Yang Berhormat Bukit Bendera. *I just* jawab tentang isu-isu guru-guru Orang Asli. *I* sudah jawab *earlier*. Apakah KPM berhasrat membina lebih banyak sekolah kecil di kampung-kampung supaya dekat dengan ibu. Kementerian sentiasa – ini Yang Berhormat Batu Kawan punya soalan tadi. Kementerian sentiasa memberi perhatian terhadap keperluan untuk membina lebih banyak infrastruktur fizikal di kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi dan mempunyai permintaan yang tinggi daripada penduduk setempat. Dalam hubungan ini, peranan ibu bapa dan pihak sekolah sentiasa dititik beratkan untuk memastikan kualiti pembelajaran berada di tahap maksimum.

Yang Berhormat Kapar. Peruntukkan pengurusan sukan dikurangkan. Saya telah pun memberikan penjelasan tadi tentang peruntukkan sukan yang dikurangkan. Yang Berhormat Kapar juga membangkitkan tentang isu MBMMBI. Saya juga telah menyentuh jawapan-jawapan ini dalam memberi jawapan sebelum ini. Seterusnya...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Berkenaan dengan Butiran 090200 ini, tahun lepas pun saya minta kerajaan memberi peruntukkan untuk bahasa ibunda. Untuk memperkukuhkan juga bahasa ibunda. Saya nampak tahun ini pun tidak ada. aya minta jasa baik kementerian untuk memberi peruntukan untuk memperkukuhkan juga penggunaan bahasa Mandarin dan bahasa Tamil serta bahasa ibunda yang lain sebab permulaan bahasa ini di sekolah amat penting. Sekadar cadangan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat. Kita ambil maklum cadangan Yang Berhormat. Terima kasih. *Breakdown*. Yang Berhormat Batu Kawan *I* sudah bagi sebentar tadi. Isu buku teks Yang Berhormat Kulai saya telah pun beri makluman dan jawapan. Yang Berhormat Parit Sulong. Kriteria sudah. Pendidikan awal, tentang Sekolah PERMATA, Yang Berhormat ya. Peruntukkan bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia, untuk makluman Yang Berhormat. Sasaran guru siswazah, 60 sains dan 40 sastera yang dibangkitkan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Ya, Yang Berhormat. Ya, saya.

Tuan Manivannan a/I Gowindasamy [Kapar]: Tentang PERMATA, saya akui dan saya faham bahawa peruntukkan itu memang di bawah Jabatan Perdana Menteri. Yang saya minta ialah sepatutnya ia diletakkan di bawah Kementerian Pendidikan untuk pengawasan dan penyeliaan yang lebih sempurna dan dikawal selia oleh JKM dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Itu sepatutnya yang berlaku. Jabatan Perdana Menteri tidak sepatutnya terlibat dalam program-program PERMATA mahupun dari sudut peruntukan dan sebagainya. Itu yang perlu saya tekankan. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat. Saya ambil maklum. Yang Berhormat Parit Buntar. Kementerian Pendidikan Malaysia mengambil kira keperluan guru bagi semua mata pelajaran bagi kaedah penetapan unjuran mengikut opsyen dan jenis sekolah untuk dilatih di institusi pendidikan guru bagi sekolah rendah dan di IPTA untuk sekolah menengah. Selain daripada itu kementerian juga melaksanakan Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) bagi memastikan keperluan guru dipenuhi termasuklah bagi menjayakan dasar 60:40.

Sekolah rendah aliran agama swasta. Kementerian Pendidikan Malaysia telah memberi peluang kepada semua warganegara di Malaysia untuk melanjutkan pelajaran mereka ke sekolah menengah kebangsaan agama dan melaksanakan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).

■2040

Dasar ini telah dilaksanakan sejak tahun 2014. Yang Berhormat Parit Buntar tidak ada. Yang Berhormat Lipis sudah dapat jawab tadi.

Kedudukan guru duka lara ini ayat yang digunakan oleh Yang Berhormat Padang Terap Dato' Seri Menteri. Yang Berhormat Menteri memang prihatin dalam aspek ini. Beliau sendiri telah mengarahkan meminta kementerian untuk memastikan kita dapat menyelesaikan masalah ini dalam masa terdekat. Beberapa kaedah baru juga akan dikenal pasti supaya kedudukan guru-guru duka lara ini dapat diselesaikan dalam masa yang tercepat.

30,000 orang guru dalam situasi keadaan ini. Kita akan beri maklumat terkini apabila cadangan-cadangan ini telah kita teliti dan kita harap dapat kerjasama daripada semua. *[Disampuk]*. Kerugian besar kalau tidak beranak. Mengganggu Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Parit peranan DBP perlu diperkukuh. Dewan Bahasa dan Pustaka berperanan untuk menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan yang betul. Membina dan memperkaya bahasa kebangsaan dalam semua bidang termasuk sains dan teknologi. Menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan supaya dapat digerakkan secara meluas bagi segala maksud mengikut undang-undang yang berkuat kuasa. Memperkembangkan bakat sastera khususnya dalam bahasa kebangsaan dan memastikan penggunaan bahasa yang betul digunakan contoh pada papan iklan.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan menegur pihak yang tidak menggunakan bahasa dengan betul tetapi Dewan Bahasa dan Pustaka tidak mempunyai kuasa perundangan untuk menghukum usaha pemantauan penggunaan bahasa yang betul terus diperkukuh dan melatih lebih ramai Munsyi Dewan.

Tidak ada yuran khas, Yang Berhormat Kapar, Kementerian Pendidikan akan terus memberikan bantuan persekolahan berbentuk yuran khas sekolah kepada semua murid di sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan bagi tahun 2016. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia akan membuat penjajaran peruntukan dalaman di samping memohon peruntukan tambahan daripada Kementerian Kewangan.

Biasiswa kelas persediaan universiti. Kementerian Pendidikan Malaysia terus memberikan bantuan persekolahan berbentuk biasiswa kelas persediaan universiti kepada murid yang cemerlang dan layak. Dalam hal ini, Kementerian Pendidikan Malaysia akan membuat penjajaran peruntukan dalaman di samping memohon peruntukan tambahan kepada Kementerian Kewangan.

Aktiviti bantuan kebajikan pendidikan akan menerima peruntukan sebanyak RM 146,000,000 di bawah dasar sedia ada dan program khusus iaitu Biasiswa Pengurusan Perguruan Persekutuan dan Beseri.

Yang Berhormat Jelevu, pengasingan Jelevu dan Jempol. Cadangan pengasingan PPD Jelevu dan Jempol masih dalam penilaian kementerian dalam penyusunan semula struktur Kementerian Pendidikan Malaysia.

Yang Berhormat itu sahaja soalan-soalan. Untuk Makluman Yang Berhormat Batu Kawan ada tadi menyebut SJKT Ramakrishna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya sendiri ke lapangan terbang untuk menerima pelajar-pelajar itu dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Persekutuan telah pun memberikan peruntukan RM4.7 juta untuk SJKT Ramakrishna untuk bangunan tambahan. So, kita tidak boleh hanya menyebut Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Persekutuan hampir RM216 juta untuk pembangunan sekolah Tamil di seluruh negara untuk makluman Ahli Yang Berhormat.

Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]: Terima kasih. Menteri, saya hendak bagi penjelasan sedikit. Saya buat perbandingan ini sebab saya lihat pemotongan RM300 juta daripada RM800 juta tahun lepas. Tahun ini RM500 juta. Sebab itu saya bangkitkan. Tidak payah hendak kecil hati Timbalan Menteri.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, satu soalan lagi belum jawab

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi itu sahaja jawapan soalan-soalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Gilir-gilir Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Soalan-soalan yang tidak dijawab akan diberikan secara bertulis. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada satu soalan tidak jawab pasal DLP.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawab bertulis ya. Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM39,315,871,000 untuk

Maksud B.63 di bawah Kementerian Pendidikan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM39,315,871,000 untuk Maksud B.63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,043,831,800 untuk Maksud P.63 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,043,831,800 untuk Maksud P.63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

**Maksud B.64 [Jadual] –
Maksud P.64 [Anggaran Pembangunan 2016] -**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kementerian Pendidikan Tinggi Kepala Bekalan B.64 dan Kepala Pembangunan P.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Parit Sulong.

8.45 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bagi Maksud B.64 Butiran 060000 – Universiti Awam. Sebenarnya saya ada menerima pelbagai aduan daripada pelajar-pelajar terutamanya mengenai kesukaran untuk mendapatkan sumber *database* jurnal antarabangsa sebagai contohnya kadang-kadang dia memerlukan jurnal seperti *ProQuest*, selepas itu *Sciencedirect* untuk mendapatkan maklumat yang lebih terkini.

Akan tetapi, saya dimaklumkan bahawa ia telah diberhentikan kerana langganannya mungkin kerana kos yang tinggi ataupun saya tengok ada kekurangan bajet yang disediakan.

Jadi ini soalan saya kepada pihak kementerian adalah bagaimanakah pihak kementerian hendak memastikan bahawa pelajar-pelajar ini terus mendapat *access* kepada maklumat terutamanya maklumat-maklumat yang terkini melalui yang saya nyatakan tadi. Ini terutamanya kepada pelajar-pelajar yang lebih di peringkat master dan juga PhD.

Jadi saya harap pihak kementerian boleh menyatakan apakah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian dalam usaha untuk memastikan bahawa *access* kepada maklumat dapat disediakan kerana kita tahu sumber *database* ini merupakan satu perkara asas kepada pelajar-pelajar dalam menjalankan penyelidikan.

Kalau kita hendak menghasilkan hasil penyelidikan yang berkualiti sudah semestinya ia memerlukan rujukan yang berkualiti dan penulisan yang berkualiti. Seterusnya, apakah langkah-langkah proaktif yang dibuat oleh kementerian untuk membolehkan pelajar menampung keperluan dan juga *access* kepada maklumat yang saya nyatakan tadi.

Seterusnya kepada Butiran seterusnya di bawah Butiran yang sama sebenarnya. Ini mengenai program MyBrain 15. Saya cuma hendak kementerian memaklumkan mengenai status terkini program MyBrain 15 yang merangkumi MyPhD, MyMaster, MyPhD Industry dan skim latihan akademi IPTA. Mungkin saya perlukan kementerian untuk memaklumkan bilangan pelajar yang telah manfaat daripada biasiswa yang diberikan melalui program ini oleh kementerian dan daripada itu juga berapa kos keseluruhan untuk program ini.

Apabila saya rasa jumlahnya pun agak tinggi, jadinya daripada itu saya juga hendak kementerian untuk memaklumkan mengenai keberkesanan program ini melalui kajian oleh kementerian kepada pembangunan modal insan di dalam pendidikan di Malaysia ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi kepada Butiran 040000...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kulai bangun.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Parit Sulong. Saya amat setuju bahawa ini MyBrain ini satu biasiswa yang cukup baik. Akan tetapi, saya risau sedikit kerana nampaknya sekarang peruntukan untuk IPT, IPTA semuanya telah dikurangkan.

Jadi saya hendak semak dengan Yang Berhormat Parit Sulong sama ada MyBrain ini pada tahun akan datang akan sambung lagi atau akan juga dipotong kerana saya khuatir takut ini tidak akan diteruskan. Jadi minta sedikit pengesahan daripada Yang Berhormat Parit Sulong. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Akan tetapi, saya soalan ini salahlah – tuju kepada saya macam mana. Saya pun tanya kepada pihak kementerian mengenai program ini. *[Ketawa]* Jadinya, apa pun yang kita harapkan adalah kementerian fokus juga kepada perkara seperti saya nyatakan tadi dalam perbahasan saya.

■2050

Jadi, saya terus kepada Butiran 040000 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Saya hendak tahu dan minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai jumlah penuntut kolej komuniti ini. Apakah perancangan yang dibuat oleh kementerian untuk meningkatkan prestasi kolej komuniti ini? Seterusnya, soalan saya adalah, apakah pendekatan yang digunakan untuk mendekati golongan sasaran, terutamanya pelajar lepasan menengah dan juga pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal? Apa yang paling penting dalam soalan saya kepada pihak kementerian melalui tajuk ini dan ini adalah yang terakhir Tuan Pengerusi, adalah bilakah kolej komuniti ini akan dibina di kawasan Parlimen Parit Sulong? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bayan Baru.

8.51 mlm.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk kepada Butiran 060000 – Universiti Awam. Kita tahu bahawa bajet untuk

universiti awam telah dipotong dan pemotongan itu agak drastik. Saya nampak bahawa kita perlu menjawab kepada pelajar-pelajar di luar kerana merekalah yang akan terpaksa menanggung kesemua pemotongan tersebut. Jadi, saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menjawab, apakah rasionalnya untuk memotong bajet kepada universiti-universiti awam? Oleh kerana kita tahu bahawa kita memerlukan— kalau dalam keadaan satu negara, kita perlu *invest* dalam pelajar-pelajar kita supaya mereka boleh membangunkan negara kita.

Mengikut kajian OECD, RM1 pelaburan dalam universiti atau pendidikan tinggi, ia akan *eventually* membawa pulangan sebanyak RM6. Jadi, *it is a no-brainer for us to invest in the higher education*, dengan izin. Saya juga nampak bahawa dengan membaca laporan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, kalau universiti mencapai KPI tertentu, maka peruntukan akan ditambahkan untuk universiti tersebut. Ini agak bercanggah dengan Yang Berhormat Menteri, apabila dalam peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri kata ia akan mengikut *Higher Education Blueprint. Eventually*, pada tahun 2020, universiti tempatan hanya akan menerima 70% daripada bajet universiti. Ini agak bercanggah sedikit daripada kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab, apakah KPI tersebut di mana mereka boleh menerima lebih banyak peruntukan? Apakah KPI di mana mereka mungkin akan dipotong? Jadi, saya nampak bahawa saya tidak faham kenapa Universiti Malaya dipotong sebanyak 26% tetapi UKM pula mendapat kenaikan 5% daripada peruntukan. Jadi, di manakah *benchmarknya* antara universiti-universiti? Ini kerana kita nampak ia bukan berdasarkan pelajar kerana banyak universiti yang prestasi pelajarannya meningkat tetapi peruntukannya dipotong. Ada yang naik 5%, peruntukan dipotong 20%. Jadi, saya nampak *confusing*, tidak ada satu standard antara sebuah universiti dengan sebuah universiti yang lain. Di antara universiti pun mereka sudah hendak membuat *planning* kerana mereka tidak tahu bahawa bilakah peruntukan mereka akan dipotong. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, detil-detil KPI yang akan dipotong. Keduanya adalah bagaimana universiti mempunyai rancangan untuk menampung pemotongan tersebut kerana pemotongan sebanyak 16% secara keseluruhan itu agak drastik. Kita tahu bahawa tahun depan dengan adanya GST dan nilai mata wang ringgit yang turun sebanyak 15%, ia akan menambahkan banyak tekanan terhadap perbelanjaan universiti.

Mungkin kementerian berkata boleh mengadakan lebih banyak *research*. Memasarkan *research* mereka kepada pasaran, itu bukan senang. Oleh kerana bukan dalam sehari dia boleh memasarkan *research* ataupun ciptaan-ciptaan atau pelbagai *facilities* dengan segera dan pemotongan itu agak drastik, susah mereka hendak menampung pemotongan tersebut. Saya juga minta Yang Berhormat Menteri menjawab, mengapa terdapat graduan doktor daripada universiti-universiti tempatan yang tidak boleh berbahasa Inggeris sehinggakan doktor-doktor tersebut tidak layak mendapat persijilan *housemanship* dari hospital.

Ini adalah sesuatu yang sangat agak memalukan. Oleh kerana kalau satu bidang profesional iaitu kedokteran, selepas lima tahun dalam universiti sepatutnya mereka boleh

bertutur ataupun boleh menguasai bahasa Inggeris. Akan tetapi kalau dalam perubatan yang memerlukan bahasa Inggeris dengan *textbooks* mereka yang kebanyakannya dalam bahasa Inggeris tetapi doktor masih tidak boleh berbahasa Inggeris, maka saya rasa ada sesuatu yang tidak betul. Adakah mereka betul-betul menguasai bidang kedoktoran tersebut? Adakah mereka hanya *graduate* tetapi tidak menguasai bidang tersebut? Ini kerana semua kita perlu berjumpa doktor suatu hari, kalau kualiti doktor kita tidak mencapai standard yang tertentu, maka kita mempunyai banyak masalah. Jadi, ini ialah beberapa soalan yang saya ingin tanyakan kepada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Tanah Merah.

8.57 mlm.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebelum itu, saya ingin mendapatkan kepastian berapa orang lagi yang minat berbahas? Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan. Tidak boleh ditambah-tambah lagi. Sembilan orang, kalau boleh lima minit, boleh ya?

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, sila-sila.

Dato' Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Pengerusi, *insya-Allah* saya akan pendek sahaja. Saya ingin menyentuh Butiran 060000 – Universiti Awam. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang tetapi sekadar untuk menyentuh satu perkara sahaja iaitu berkaitan mahasiswa. Tuan Pengerusi, seperti mana yang kita ketahui, kerajaan telah mewujudkan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan. Kad ini membolehkan semua siswa mendapat diskaun di tempat-tempat tertentu, termasuklah daripada segi menikmati makanan-makanan di restoran. Bagaimanapun sejak kebelakangan ini, sudah terdengar keluhan daripada mahasiswa-mahasiswa bahawa kad tersebut seolah-olah tiada fungsinya. Diskaun yang diperoleh terlalu sedikit berbanding harga sebenar. Malah kalau sesuatu barangan itu dikenakan GST, diskaun 6% yang layak dinikmati oleh mahasiswa tersebut tidak mempunyai apa-apa erti.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan Tinggi berunding dengan kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan dan KPDNKK untuk memastikan kad siswa ataupun Kad Diskaun Siswa 1Malaysia bukan sekadar hiasan. Satu mekanisme perlu dicari supaya kad itu boleh digunakan semaksimum mungkin oleh mahasiswa. Antara perkara yang boleh difikirkan ialah mendebitkan nilai baucar buku RM250 ke dalam kad tersebut. Melalui cara ini, ia akan membolehkan mahasiswa menggunakan kad itu dengan lebih berkesan. Saya membangkitkan perkara ini kerana ketika berlakunya salah guna baucar buku dan bagaimana Kad Diskaun Siswa 1Malaysia tidak mencapai matlamat kerajaan bagi mengurangkan beban mahasiswa. Pada masa ini, ada di kalangan mahasiswa menjual baucar tersebut untuk

mendapatkan wang tunai, malah ada antaranya dijual lebih mahal daripada kadar RM250 iaitu sehingga kepada RM300. Kebiasaannya harga itu diberikan oleh pelajar-pelajar yang memerlukan wang bagi membeli buku pembelajaran yang harganya agak mahal.

Selain daripada itu, dengan menyerapkan nilai baucar RM250 ke dalam kad siswa tersebut juga ia akan membolehkan golongan mahasiswa menikmati sepenuhnya nilai RM250 itu. Ini memandangkan sebagai contoh, jika mereka membeli buku yang kesemuanya berharga RM150, mereka tidak akan dapat kembali baki RM100. Maknanya, si pekedai mendapat keuntungan tanpa perlu bersusah payah.

■2100

Lebih malang lagi saya difahamkan baucar itu juga tidak boleh digunakan bagi membeli buku-buku untuk tujuan pembelajaran. Sebaliknya mahasiswa lebih banyak terpaksa membeli buku daripada pensyarah-pensyarah mereka sendiri. Kesudahan, baucar RM250 itu hanya digunakan untuk membeli buku-buku lain termasuklah novel-novel. Oleh itu Tuan Pengerusi, saya mencadangkan Kementerian Pendidikan Tinggi memandang serius perkara ini. Ini kerana saya difahamkan sudah ada perasaan tidak puas hati dalam kalangan mahasiswa berhubung penggunaan kad diskaun dan baucar tersebut. Kementerian perlu mengadakan perbincangan dengan kementerian terlibat bagi mengatasi, mencari penyelesaian demi kebajikan mahasiswa.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai PTPTN. Saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa Kementerian Pendidikan Tinggi menyiasat pendedahan media baru-baru ini bahawa ada IPT khususnya IPT swasta yang berpakat dengan pelajar mereka untuk tidak membayar balik pinjaman tabung tersebut. Cara yang dilakukan ialah memastikan pelajar berkenaan memperoleh CGPA 3.5 ke atas. Dengan cara itu ia akan membolehkan mereka dikecualikan daripada membayar semula pinjaman berkenaan.

Kalaulah benar gejala ini berlaku ia adalah sesuatu yang tidak adil kepada penuntut-penuntut IPT yang lain. Mereka terpaksa bertungkus-lumus untuk mencatat keputusan peperiksaan sedemikian sedangkan di sesetengah IPT swasta sewenang-wenangnya pakatan itu dilakukan. Bagaimanapun saya menyerahkan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk menyiasat perkara itu dan mengambil tindakan sewajarnya. Terima kasih, pendek sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sik, jangan lupa ambil gambar Speaker. *[Ketawa]* Yang Berhormat Ipoh Timur.

9.01 mlm.

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ada satu isu yang ringkas sahaja iaitu mengenai peminjam PTPTN yang terdapat tertunggak dalam pembayaran balik pinjaman mereka. Seperti mana Yang Berhormat Menteri sedia maklum memang kerajaan sekarang mereka menghantar nama peminjam-peminjam yang mempunyai jumlah pinjaman bayaran balik yang tertunggak kepada CCRIS.

Saya di sini ingin tahu sama ada kerajaan sudi mengkaji untuk memberhentikan penghantaran nama peminjam-peminjam yang tertunggak ini kepada CCRIS. Oleh sebab apabila

nama mereka dihantar ke CCRIS, ia menjejaskan pekerjaan mereka. Mereka tidak dapat apa-apa pinjaman perumahan ataupun beli kereta ataupun hendak *personal loan* dengan izin untuk memulakan perniagaan mereka. Memang kita faham kalau kerajaan hendak menghalang mereka ke luar negeri, itu semua kita boleh sokong. Akan tetapi CCRIS ini bila dia masuk nama ataupun kredibiliti dia terjejas.

Kalaupun kerajaan hendak masukkan nama ke CCRIS, perlulah pertimbangkan dengan lebih timbang rasa. Jikalau mereka sedang membayar balik, ambillah keluar nama mereka agar mereka dapat menjalankan kehidupan yang biasa. Di mana kalau mereka hendak menjalankan perniagaan, mereka hendak dapat pinjaman *personal loan* tidak ada masalah. Ini adalah amat penting. Untuk menyenangkan dan juga memperbaiki pembayaran balik, adakah kerajaan sudi untuk mempertimbangkan *deduction* dengan izin Tuan Pengerusi, tolakan daripada gaji bulanan mereka. Ini akan memudahkan juga pembayaran balik mereka. Sekali lagi ini adalah amat penting juga kerana mereka yang tertunggak ini bukannya tunggak jumlah yang kecil. Ada mereka yang berhutang jumlah agak besar dan akan mengambil masa yang agak lama untuk bayar balik tunggakan tersebut.

Jadi saya merayulah kepada kerajaan untuk mempertimbangkan pemuda-pemuda ini atau pemudi-pemudi ini. Mereka diberikan peluang untuk menjalankan kehidupan biasa mereka di mana mereka boleh kalau hendak dirikan rumah tangga, hendak beli rumah, ini semua kita perlukan galakan. Oleh sebab bukan salah mereka dapat pinjaman selepas itu mereka masuk – tertunggak dan berhutang kepada PTPTN. PTPTN itu haruslah menolong mereka dan bukan menjadi beban kepada mereka. Itulah soalan saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rompin.

9.04 mlm.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Pengerusi, saya hanya dua perkara sahaja iaitu di bawah Butiran 020100...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Mic* dekat sikit ya.

Dato' Hasan bin Arifin [Rompin]: Kita dapati antara kelemahan para graduan hari ini ialah berkomunikasi. Saya mencadangkan supaya subjek komunikasi ini diperkenalkan di pusat pengajian tinggi di semua fakulti. Untuk melahirkan graduan-graduan yang boleh berkomunikasi dan lebih mudah untuk dapat pekerjaan.

Keduanya di bawah Butiran 060700 – Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Saya dapati Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menutup ISTAC. ISTAC adalah satu institusi ataupun fakulti yang begitu terkenal di rantau Asia Tenggara dan dunia. Melahirkan sarjana-sarjana Islam yang berkualiti dan agak unik, mempunyai khazanah ilmu. Saya pernah melihat perpustakaan ISTAC ini sendiri. Ia mempunyai khazanah buku yang begitu unik, manuskrip yang begitu unik dan dibelanjakan dengan jumlah wang yang besar. Adalah sayang sebuah institusi seperti ISTAC dalam UIA ini ditutup. Saya berharap kementerian mengkaji semula dan kalau boleh mengarahkan UIA ini membuka semula fakulti ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sepang.

9.06 mlm.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hanya ingin membahaskan berkaitan dengan universiti juga, Universiti Awam ya, Butiran 060000.

Pertamanya saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri berhubung dengan seperti mana Yang Berhormat Bayan Baru kata tadi peruntukan universiti-universiti ini telah dipotong begitu banyak. Cuma yang saya agak musykilnya kalau kita lihat kepada Universiti Malaya yang diturunkan bajetnya daripada RM638 juta kepada RM463 juta, satu yang besar. Sedangkan kita lihat kedudukan Universiti Malaya di dalam *QS world ranking* 2015 ini, kedudukannya yang terbaik dalam universiti-universiti awam di Malaysia ini iaitu kedudukan UM ini ialah nombor 146 di peringkat dunia dibandingkan dengan UKM yang mendapat peruntukan yang lebih banyak, kedudukan di peringkat dunia adalah 312 dan USM di kedudukan 289, UTM di kedudukan 303, UPM di kedudukan 331, UIA di kedudukan 591, UiTM di kedudukan 701.

So, jadi saya ingin tanya apa rasionalnya kerana Universiti Malaya ini diturunkan dengan begitu drastik dan banyak sedangkan universiti-universiti yang mendapat ranking yang agak baiklah di peringkat dunia ini sepatutnya ditambah lagi peruntukan. Jadi apabila kita turunkan ini saya tidak tahu apa justifikasinya. Itu yang pertama.

Keduanya saya ingin dapat jaminan daripada Yang Berhormat Menteri, apabila universiti dipotong bajet mereka, adakah jaminan bahawa yuran-yuran pengajian tidak akan dinaikkan bagi universiti menampung kekurangan *fund* itu? Apabila sekiranya dikatakanlah *the basis* mungkin akan dinaikkan yuran, manakala biasiswa masih lagi dalam jumlah yang sama dan kita tahu kebanyakan pelajar universiti-universiti awam ini mereka bergantung kepada biasiswa. Jadi kalau yuran naik sudah tentulah akan mengganggu ataupun menyebabkan jumlah biasiswa yang mereka terima makin berkurang.

Apatah lagi kadang-kadang mungkin daripada pelajar-pelajar ini yang mungkin di tahun dua atau tahun tiga terpaksa duduk di luar dan mereka harus duduk di rumah sewa dan sebagainya. Selepas itu ada naik motor pula gunakan minyak dan sebagainya. Jadi ini semua pasti akan menjejaskan, membebankan para pelajar. Jadi saya ingin tanya apakah mekanisme yang akan diambil oleh pihak kerajaan bagi memastikan pelajar-pelajar ini tidak akan tertekan dengan bebanan ini, apabila ada GST dan sebagainya.

Jadi saya ingin tanya kepada kementerian kalau sekiranya biasiswa tidak ditambah dan sebagainya, adakah mereka tidak akan terbeban? Kadang-kadang kita didedahkan di dada-dada akhbar ada pelajar-pelajar universiti ini sama ada di peringkat universiti awam atau di peringkat universiti swasta ini yang terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral. Termasuk terlibat dalam pelacuran bukan kerana mereka suka, bukan kerana kehendak mereka tetapi antaranya didedahkan – kerana masalah kewangan. Mereka dihantar dari kampung-kampung belajar universiti. Kita tahulah betapa harapan ibu bapa itu. Akan tetapi mereka dalam keadaan

kekurangan wang itu sudah tentu mereka terpaksa ataupun mereka dipaksa untuk terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral itu.

■2110

Jadi, saya harap kementerian dapat memberikan satu jawapan yang meyakinkan kita, bagaimanakah isu ini dapat diselesaikan. Itu yang pertama. Yang keduanya, saya ingin tanya, sebenarnya saya telah bangkitkan banyak kali tetapi tidak dapat jawapan daripada pihak kementerian iaitu berkaitan dengan kursus-kursus yang ditawarkan di sesetengah universiti ini yang tidak memberi jaminan pelajar-pelajar yang ambil kursus tertentu itu dapat masuk ke pasaran kerja. Sebagai contoh, paling jelas ialah 061300 - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Ini universiti yang kita tahu bahawa telah menawarkan satu kursus yang dipanggil Undang-undang dan asalanya Undang-undang dan Kehakiman. Kemudian dia tukar kepada Undang-undang dan Syariah.

Universiti ini, apabila ibu bapa hantar pelajar-pelajar ke universiti ini, antaranya apabila mereka pilih, minta anak mereka untuk ambil jurusan Undang-undang dan Syariah ini, bagi memastikan anak-anak mereka dapat menjadi peguam, majistret, terlibat dalam badan kehakiman dan sebagainya. Akan tetapi sehingga sekarang,...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sepang, ringkaskan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey. 2010 sampai sekarang, apabila mereka- *batch* yang pertama grad tahun 2010, saya difahamkan. Sampai sekarang, mereka tidak berpeluang, ijazah mereka tidak diiktiraf oleh Qualifying Board untuk dapat menjadi seorang peguam. Maksudnya, mereka mengambil kursus yang tidak diiktiraf oleh badan profesional. Jadi, ini sudah tentulah menghampakan pelajar-pelajar dan juga ibu bapa sendiri. Saya secara jujur berasa musykil bagaimanakah kursus-kursus yang ditawarkan kepada pelajar-pelajar ini, kita boleh pastikan kursus-kursus ini tidak dapat pengiktirafan. Secara mudahnya, kalau kita rasa kursus tidak dapat pengiktirafan, janganlah tawarkan kursus itu. Kalau kita setakat nak jadikan pelajar-pelajar ini daripada jurusan Syariah sahaja.

Kita buatlah jurusan Syariah sahaja. Janganlah masukkan Undang-undang dan Syariah. Kita tukar nama dia, undang-undang kehakiman, undang-undang Syariah tetapi pelajar tetap tidak boleh jadi. Walau pun kita menawarkan subjek yang agak banyak untuk jurusan undang-undang sivil ini, *still* tidak *recognise*. Saya juga difahamkan UNISZA pun mengalami masalah yang sama. UUM pun dikatakan ada masalah yang sama. Jadi, semua ini menimbulkan persoalan. Bagaimanakah kursus-kursus ini boleh ditawarkan *in the first place*, dengan izin. Jadi, saya harap- sebenarnya saya sudah tanya banyak daripada bermula sidang Parlimen 2013, saya dah tanya dan tidak dapat jawapan. Saya pergi *website Bar Council*, memang jelas mendedahkan universiti-universiti yang jurusan undang-undang tidak diiktiraf. Jadi, kasihan ibu bapa. Ibu bapa keluarkan duit, nak harapkan- untuk ibu bapa ada harapan-harapan tertentu, kita mahu anak kita jadi peguam, menjadi majistret dan sebagainya. Jadi, tidak dapat mencapai

harapan itu. Saya harap sangatlah pihak kementerian selesaikan segera isu ini. Sama ada tutup atau pun percepatkan proses pengiktirafan itu. Jangan terus...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Sepang, boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebenarnya masa Yang Berhormat dah habis. Dia ada lima minit sahaja. Sekarang ini dah tujuh minit, ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya cuma nak masukkan sedikit sahaja, nak tanya. Tuan Pengerusi, sampai kini USIM telah menghasilkan lima *batch* penuntut, lebih kurang 251 orang. Adakah— saya hendak masukkan pertanyaan. Adakah sekiranya pengiktirafan diberi oleh LPQB ini, ia boleh retrospektif, mereka ini akan diiktiraf?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Setahu saya- saya jawab dan saya akan hentikan. Bagi yang saya tahu, tidak ada wujudnya retrospektif ini. Oleh sebab keputusan LPQB itu adalah keputusan yang berkaitan dengan semasa. Jadi, dulu jika mereka tidak boleh iktiraf-kalau sekarang mereka iktiraf, jadi tentulah kerana asas-asas tertentu yang menyebabkan mereka boleh iktiraf. Kalau mereka retrospektif, bermakna mereka terpaksa *compromise* kualiti itu. Jadi, bagi saya, pelajar-pelajar yang dah lama itu kalau mereka hendak juga, mereka terpaksa ambil jurusan undang-undang lainlah, di tempat universiti lain. Ini mungkin akan berlaku untuk generasi akan datang tetapi tetap saya minta Menteri sila jawab, kenapakah kursus-kursus ini ditawarkan *in the first place*? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai.

9.14 mlm.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillaahi Rahmaani Rahiim*. Saya merujuk kepada Butiran 020100 – Jabatan Pendidikan Tinggi dan Butiran 060000 – Universiti Awam. Tuan Pengerusi, sekarang ini semua negara ada universiti. Institusi yang bergelar universiti ini sudah pastinya menelan belanja awam yang besar dan satu pertaruhan yang besar oleh negara untuk pembangunan negara. Jadi, sejauh manakah, saya hendak tanya, universiti awam berperanan sebenarnya sebagai pencetus pembangunan negara? Atau pun adakah *ranking* global yang kita bincang awal pagi tadi, *ranking* global universiti menggambarkan sebenarnya peranan universiti itu dalam pembangunan negara. Oleh kerana *ranking* global ini atau pun global institusi ini berada di UK. Adakah ia benar-benar mengetahui, dengan izin, *the actual detail work* yang dilakukan oleh sesuatu universiti? Saya ingin bertanya, apakah kerajaan juga berfikir patutnya kita adakan domestik atau pun *international*, dengan izin, *reputable stakeholders* seperti Bank Negara ke, EPU ke, World Bank untuk menentukan standard universiti ini, *ranking* yang memberikan kesan kepada pembangunan negara itu. Tuan Pengerusi, kejayaan sebuah universiti awam diukur pada keupayaannya dengan banyak cara; penyelidikan, keserjanaan, penerbitan dan lain-lain lagi. Akan tetapi akhirnya, ibu bapa dia, *the parents* nak tahu kebolehpasaran anak dia. Anak dia yang keluar

universiti itu, dapat kerja atau tak dapat kerja. Enam bulan tidak apa lagi, kalau setahun, dia dah letih.

Dulu masa anak dia masuk universiti, dia punya *happy*, cerita pada semua orang. Anak aku masuk universiti. Hari ini dia cerita pada semua orang, anak aku tak ada kerja. Jadi, kebolehpasaran ini satu isu yang penting kerana ramai masuk universiti, graduan beribu-ribu. Pada tahun 2014, seramai 53,000 orang graduan masih belum mendapat pekerjaan selepas enam bulan. Jadi, saya ingin bertanya, apakah tindakan KPT untuk meningkatkan kualiti graduan? Adakah graduan universiti awam setanding dengan graduan universiti luar negara? Adakah kebolehpasaran graduan yang mengambil jurusan sains sama dengan mereka yang tidak mengambil jurusan sains? Tuan Pengerusi, seperkara lagi ialah berkaitan dengan kemahiran insaniah yang merupakan aspek yang penting; kemahiran berfikir secara kritis, kemahiran berkomunikasi, kemahiran kepimpinan dan juga kerja berpasukan. Jika seorang graduan mempunyai aspek-aspek ini, sudah tentulah nilai mereka menjadi lebih tinggi. Hari ini apabila seorang pelajar, seorang graduan pergi ke *interview*, berapa yang dapat, siapa yang dapat? Kita lihat mereka yang mempunyai keupayaan insaniah yang tinggi, mereka akan dapat kerja. Contoh satu lagi ialah keupayaan penguasaan bahasa. Bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan tentulah *third language*. Kalau dia *trilingual*, kalau dia masuk, dia boleh berbahasa Mandarin umpamanya. Siapa yang dapat kerja?

Jadi, ini kemahiran-kemahiran yang perlu ada, penguasaan bahasa yang perlu ada, inilah ciri-ciri graduan-graduan yang *employability*, yang boleh terima dalam pasaran. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya apakah usaha kementerian untuk meningkatkan tahap kemahiran insaniah, *soft skills*, dengan izin, graduan universiti? Apakah modul pembelajaran yang diketengahkan? Melalui modul tersebut, bagaimanakah prestasi graduan dinilai? Apakah instrumen yang digunakan dan adakah skop pembelajaran modul tersebut benar-benar mencapai objektifnya? Tuan Pengerusi, rata-rata graduan yang mempunyai ijazah tidak kena dengan kursus pembelajaran. Jadi, itu jadi kelam kabut. Kita lihat hari ini, orang keluar dari Universiti Putra Malaysia, dia lulus pertanian, dia kerja pergi kerja dekat hotel. Kalau dia ada ijazah, dia nak buat pergi berniaga, jadi usahawan, *that is good*. Itu bagus. Itu *entrepreneur* tetapi dia pergi kerja dengan orang. Tidak menggunakan kepakaran dia atau ijazah yang dia belajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai, ada Dr. jadi wakil rakyat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Terkena

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Sik, Sik. Saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Satu minit lagi.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Saya terhilang apa yang saya hendak cakap tadi. *[Ketawa]* Macam- Tuan Pengerusi, macam terkena sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, satu minit gulung.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: *I know.* Akan tetapi ada Dr. yang jadi perdana menteri. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, apakah mekanisme yang telah dirangka oleh kementerian dalam meningkatkan penawaran terhadap kursus yang memenuhi kehendak pasaran ketika ini? *Availability and employability.* Mohon kementerian menyatakan, adakah satu kajian menyeluruh terhadap skop pekerja dan kriteria yang dicari oleh majikan serta punca kepada permasalahan graduan yang sebenarnya kerana mereka sukar untuk mendapat apa-apa pekerjaan selepas setahun bergraduasi. Jadi, ini isu yang sangat-sangat penting kerana Malaysia hari ini ramai orang yang masuk universiti, banyak IPT, IPTS tetapi apabila mereka keluar, mereka tidak dapat menggunakan dengan terbaik ilmu yang dipelajari. Segulung ijazah yang mereka bawa itu, tidak dapat membawa mereka ke mercu kejayaan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin.

■2120

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Stampin.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 10000, 60000 dan 4000, Tuan Pengerusi. Saya pernah mempersoalkan persoalan ini tetapi ianya tidak dijawab oleh kementerian. Jadi saya hendak mengambil kesempatan ini untuk memberi kementerian satu lagi peluang untuk menjawab soalan yang dikemukakan kerana ramai terutamanya rakyat Sarawak ingin mendapat suatu pengesahan serta pengakhiran dalam subjek ini.

Soalan yang saya pernah paparkan kepada kementerian yang belum dapat jawapan yang memuaskan di mana ada Menteri daripada Sarawak menyatakan bahawa institusi pengajian kepunyaan kerajaan Sarawak tetap akan menerima UEC sebagai salah satu syarat kemasukan. Soalan yang saya kemukakan adalah graduan daripada institusi tersebut akan kah mereka diterima oleh IPTA jikalau mereka berhasrat untuk melanjutkan pembelajaran mereka di IPTA kerana ijazah mereka adalah berasaskan UEC.

Pada 16 November, menteri mengatakan – kementerian juga ada mengatakan di Dewan yang mulia ini di mana walaupun UEC tidak diterima, tetapi ia dibuka untuk membawa berbincang. Akan tetapi sampai masa itu, iaitu 16 November, tiada seorang pun yang pergi berjumpa dengan kementerian untuk membawa bincang terhadap hal tersebut iaitu isu-isu UEC. Saya amat terkejut dengan kenyataan tersebut. Tidak akan kerajaan Sarawak tidak pernah membawa bincang hal tersebut? Sedangkan kerajaan Sarawak yang mengisytiharkan mereka akan menerima UEC pada peringkat negeri.

Jadi terdapat dua kemungkinan sahaja iaitu kerajaan Sarawak memperdayakan keseluruhan rakyat Sarawak apabila mereka kata mereka akan – ataupun telah pun membawa bincang hal tersebut ataupun kementerian yang mengetepikan kerajaan Sarawak. Jadi saya perlu mendapatkan suatu soalan.

Soalan yang seterusnya adakah graduan daripada *University Oxford* diisytiharkan oleh kerajaan kita? Jika ya, bagaimana pula dengan graduan ini yang di mana kemasukan mereka adalah berasaskan sijil UEC? Bukankah ini membawa maksud bahawa taraf UEC adalah setanding dengan sijil peperiksaan yang lain yang diiktirafkan oleh kerajaan? Jadi apakah halangan kerajaan dalam mengiktirafkan UEC sebagai satu syarat kemasukan IPTA. Kenapa ianya mengambil begitu masa yang lama serta menyatakan langkah positif yang telah pun dicapai dalam proses pengisytiharan.

Dalam jawapan yang saya terima daripada kementerian id mana salah satu daripada beberapa buah syarat yang diberi oleh kerajaan di mana kenapa UEC tidak diterima adalah contohnya ia tidak selari dengan ko-kurikulum kebangsaan. Akan tetapi apa masalah dengan ko-kurikulum kebangsaan yang tidak dapat di UEC. Telah lama UEC dipakai di negara ini, tetapi tidak ada masalah perpaduan dan keharmonian di negara ini, terutamanya di Sarawak. Malah Sarawak adalah sebuah negeri contoh di Malaysia di mana kita boleh hidup dengan harmoni.

Walaupun kita telah pun terdapat ramai pelajar UEC, tiada masalah perpaduan. Syarat yang kedua, Bahasa Melayu tidak setaraf. Kalaulah UEC bahasa Melayu tidak setaraf, boleh kah kerajaan atau kementerian membenarkan pelajar UEC, mengambil peperiksaan Bahasa Melayu SPM, satu subjek sahaja. Dengan izin, *when there is a will, there is a way. But there is no will. When there is a will, there is a way.* Jadi benarkan lah pelajar UEC mengambil satu subjek Bahasa Malaysia di dalam SPM, kenapa tidak boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Stampin. Gulung.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Ya gulung ya. Dua minit lagi. Sejarah negara tidak mencukupi dalam UEC. Ko-kurikulum subjek Sejarah di UEC adalah bertaraf antarabangsa. Tidak semacam sejarah di Malaysia, *lop-sided*. Kalau lah ia tidak mencukupi, tambah lah. [Dewan riuh] Masuk dalam pelajaran UEC, bahkan pada pendapat saya sejarah kokurikulum sejarah kita, kita perlu belajar daripada UEC kerana ia bertaraf antarabangsa, bukan sebaliknya.

Jadi saya harap, *when there is a will, there is a way. But there is no will, from the government.* Rakyat *is tired of waiting for 30 years.* Jadi saya harap kerajaan boleh melihat dalam isu ini. [Dewan riuh] Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya pergi kepada Butiran 40000 – Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. Saya hendak menyebut soal Kolej Komuniti di kawasan saya di mana MQA telah menjalankan pemeriksaan dan mereka telah merumuskan bahawasanya keadaan fizikal bangunan yang digunakan sangat kecil dan menyebabkan para pelajar tidak boleh diambil begitu ramai dan ketika ini hanya mempunyai 20 orang pelajar sahaja di Kolej Komuniti tersebut kerana kemudahan infra yang agak kurang baik. Saya mohon supaya pihak kementerian akan dapat menaik taraf Kolej Komuniti di Lipis ini dan waktu saya pernah memegang jawatan ADUN saya pernah cadangkan satu tanah kepada pihak

Kolej Komuniti dan telah disiasat. Akan tetapi malangnya mereka tidak bersetuju dengan tapak tersebut kerana jauh tapak tersebut lebih kurang dalam 10 kilometer daripada bandar Lipis.

Saya mohon supaya sekiranya jauh kawasan yang tersebut saya mencadangkan supaya satu kajian dibuat oleh pihak kementerian supaya Kolej Komuniti ini dapat membeli bangunan baru supaya dapat memastikan Kolej Komuniti ini bertambah baik memandangkan kalau mengikut dalam buku ini, Kolej Komuniti menyediakan pendidikan dan latihan yang dinamik dan berkualiti kepada semua peringkat masyarakat, menyediakan laluan pendidikan alternatif kepada pelajar lepasan menengah, menganjur dan menyediakan pembelajaran sepanjang hayat.

Setakat hari ini kalau sambutan dari segi jangka pendek sangat baik sekali. Saya berharap supaya dapat dikaji secara lebih baik dalam hal ini.

Saya pergi kepada perkara 061000 – Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ini kerana Universiti Pendidikan Sultan Idris ini merupakan institusi yang tertua yang melahirkan para guru. Akan tetapi hari ini telah berbeza, ia tidak mengeluarkan lagi sepenuhnya warga pendidik, dan mereka telah terbuka kepada graduan seperti bidang sains dan matematik, multimedia, sains kejuruteraan dan beberapa lagi bidang lain yang memberikan kesan buruk kepada graduan mencari kerja. Soalan saya, apakah bidang atau jurusan yang menawarkan *open market* ini dan berapakah jumlah graduan yang masih belum mendapat pekerjaan.

Saya katakan sedemikian rupa kerana terdapat lagi guru-guru yang masih – hari ini tidak dapat mengisi kekosongan telah melebihi hampir setahun mereka menganggur tetapi masih tidak dapat menjawat jawatan sebagai seorang pendidik. Masalahnya mereka juga perlu membayar PTPTN dan mereka terpaksa mencari sumber-sumber untuk membayar PTPTN tersebut.

Pada tahun 2020 nanti, seramai 10,000 orang dijangka pencen. Akan tetapi kalau membuat pengiraan, mereka yang keluar daripada UPSI ini akan melebihi 20,000 menjelang pada tahun 2020 nanti. Ini masalah yang timbul sedangkan kita sering bercakap kekurangan guru, kita kena fikirkan bagaimana pengisian ini harus dilakukan.

Saya pergi kepada tajuk 061100 – UiTM. Saya menyebut soal UiTM ini kerana di Lipis terdapat satu bidang tanah yang seluasnya 1,020 ekar. Saya sering sebut dalam Dewan yang mulia ini, tetapi persoalannya sekarang saya hendak tanya tanah tersebut adakah akan dibangunkan pusat pengajian tinggi UiTM?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lipis boleh gulung.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Ya, nak habis dah. Sekiranya tidak dapat membina UiTM baru, saya minta supaya kementerian memulangkan kembali tanah tersebut kepada Kerajaan Negeri Pahang kerana Kerajaan Negeri Pahang menganugerahkan tanah tersebut sangat murah bayaran premiumnya.

■2130

Saya dimaklumkan daripada *hearsay* dengan izin tanah ini akan dipajakkan kepada orang. Jadi kalau hendak pajakkan kepada orang saya sudah cakap hari itu dalam Dewan ini maknanya kita tidak boleh berfikiran jauh. Maknanya hendak pajak sahaja, mudah. Maknanya tidak boleh

kita tukarkan kepada pembuatan universiti lain. Kita ada UMP di Pahang umpamanya. Mungkin kita boleh bina cawangan sebab yang atas ini pun di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi. Kenapakah kita seharusnya hendak pajakkan kepada orang? Mungkin orang tanam sawit, tanam getah dan sebagainya.

Itu mencari jalan yang mudah. Lebih baik disyorkan pulangkan semula kepada Kerajaan Negeri Pahang sekiranya jawapan tidak mahu dibina dan saya boleh beritahu kepada Menteri Besar kita bayar balik. Saya dimaklumkan lebih kurang RM30 seekar sahaja. Jadi tidak jadi masalah kepada kerajaan negeri hendak pulangkan balik duit dengan syarat pulangkan 1020 ekar ini kembali. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi membenarkan saya turut serta berbahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar. Selepas Yang Berhormat Kapar Yang Berhormat Merbok. Selepas Yang Berhormat Merbok Yang Berhormat Bukit Bendera. Selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab. Sila.

9.31 mlm.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. saya ingin masuk ke Butiran 030000 – Jabatan Pendidikan Politeknik. Politeknik ini adalah sebuah tempat kuliah alternatif yang kita peruntukkan untuk pelajar-pelajar untuk menggantikan universiti. Politeknik sepatutnya di Malaysia pada tahap yang memberangsangkan disebabkan seperti yang saya kata tadi ia memainkan peranan yang amat penting untuk pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki bidang pelajaran di universiti.

Saya ingin menuntut beberapa soalan yang pertama adalah bagaimanakah sambutan pelajar di Malaysia terhadap pendidikan politeknik untuk tahun 2014 dan tahun 2015? Seterusnya apakah langkah-langkah kerajaan untuk menarik minat pelajar-pelajar untuk menceburi bidang-bidang yang ditawarkan di dalam politeknik.

Saya juga ingin tanya kementerian berapa banyak politeknik yang telah dibina dan sedang beroperasi kini? Dalam jangka masa operasi ini ada tak mana-mana politeknik yang telah mengalami penutupan dan berapa banyak kah yang dirangka akan dibina untuk tahun 2016? Di mana kah lokasi-lokasi tumpuan untuk pembinaan politeknik baru sekiranya ada. Saya juga perlu mendapat penjelasan bidang-bidang pengajian yang sedang ditawarkan di politeknik-politeknik dan adakah bidang pengajian ini akan ditambah untuk tahun 2016?

Seterusnya saya masuk kepada Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti untuk Butiran 040100. Hampir sama juga kolej komuniti juga memainkan peranan sebagai alternatif kepada universiti-universiti awam untuk pelajar yang tidak dapat memasuki universiti perolehan atau peruntukan seterusnya untuk meneruskan pelajaran mereka adalah melalui politeknik atau kolej komuniti.

Sekali lagi saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian bagaimanakah sambutan pelajar-pelajar yang tidak dapat memasuki universiti? Adakah mereka berminat untuk memasuki kolej-kolej komuniti? Apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan ada daya tarikan pelajar-pelajar ini supaya dapat menceburi kolej-kolej komuniti untuk meneruskan bidang-bidang pendidikan mereka?

Saya juga ingin tahu setakat hari ini berapa banyak kolej komuniti yang telah ditubuhkan dan sedang beroperasi? Ada tak mana-mana kolej komuniti yang telah mengalami penutupan dan apakah perangkaan kolej komuniti yang akan dibina untuk tahun 2016 termasuk lokasi-lokasi tumpuan? Saya juga ingin mendapatkan bidang-bidang khas yang sedang diajar di kolej-kolej komuniti dan apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan bidang-bidang yang ditawarkan dalam kolej-kolej komuniti yang ada di Malaysia?

Seterusnya dan yang terakhir Tuan Pengerusi adalah Butiran 060000 – Universiti Awam. Saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi bahawa di sini terdapat 20 buah universiti yang mendapat subsidi universiti tetapi sayang sekali hampir 19 buah universiti daripada jumlah 20 buah tersebut mengalami pengurangan daripada dana yang diperuntukkan berbanding dengan tahun lepas.

Untuk 19 buah universiti yang mengalami kekurangan dana peruntukan ini saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian bagaimanakah ini dapat menjamin kualiti dan mutu universiti ini tanpa menjejaskan perkhidmatan yang telah diberikan berbanding tahun 2015 ke tahun 2016? Sepatutnya Tuan Pengerusi, universiti-universiti ini dengan harga kos yang sedang meningkat, ringgit Malaysia yang sedang menurun saya risau seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang kita tak nak kos pendidikan bertambah dan subsidi ini berkurangan dan ini akan membebankan pelajar untuk menampung pendidikan mereka.

Oleh sebab kalau satu atau dua universiti yang mengalami kekurangan dana kita boleh terima. Di sini 19 buah daripada 20 buah universiti mengalami kekurangan dan saya perlukan penjelasan yang terperinci daripada kementerian bagaimana ini tidak akan mengganggu operasi universiti? Bagaimana ia tidak akan mengganggu tenaga-tenaga pengajar yang akan mengajar, bagaimana ia tidak akan mengganggu mutu pendidikan di universiti-universiti tersebut?

Setiap kali kita berbincang tentang universiti, kebanyakan daripada Ahli-ahli Parlimen dari kedua belah pihak akan membawa isu bahawa prestasi yang sedang menurun dan sebagainya. Ini tidak sepatutnya, peruntukan yang kurang ini tidak sepatutnya mengganggu kualiti pendidikan pada tahun 2016.

Akhir sekali Tuan Pengerusi yang menariknya adalah Universiti Kebangsaan Malaysia daripada 20 buah ini hanya satu-satunya universiti yang mempunyai peningkatan dana dan secara kebetulan pula universiti inilah iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia mempunyai satu Kompleks PERMATA Pintar UKM. Adakah ini bermaksud untuk Kompleks PERMATA ini kita ada penambahan dana berbanding dengan 19 buah universiti yang berlainan?

Saya juga hendak mendapat penjelasan daripada kementerian apakah objektif penubuhan Kompleks PERMATA Pintar UKM di UKM dan bagaimanakah dana yang akan diperuntukkan kepada kompleks ini akan digunakan? Saya sebenarnya tidak dapat memahami rasional di sebalik penubuhan Kompleks PERMATA Pintar di UKM ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: So saya minta Yang Berhormat Menteri terangkan rasional dan objektif penubuhan Kompleks PERMATA Pintar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Merbok.

9.38 mlm.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Pengerusi, saya akan memperkatakan mengenai Butiran 020100 dan Butiran 060000. Secara keseluruhan komposisi tenaga kerja di Malaysia terdiri daripada 25% tenaga kerja mahir dan 75% lagi separuh mahir. Bagi menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020, jumlah 75% ini amat merisaukan memandangkan kelayakan tertinggi pekerja hanya di peringkat sijil sahaja. Manakala 25% pula terdiri daripada pekerja dengan kelayakan diploma, ijazah dan ke atas.

Pelbagai inisiatif telah diberikan oleh kerajaan untuk meningkatkan kualiti modal insan melalui penyediaan akses pendidikan yang berkualiti. Manakala kemahiran tenaga pengajar perlu diperkukuhkan tahap profesional mereka. Di samping itu pendidikan di universiti juga telah melalui evolusi daripada sebuah universiti awam kepada 20 buah yang menawarkan pelbagai bidang pengajian.

Peranan universiti awam ini boleh dipertingkatkan untuk melahirkan graduan berinovasi dan menyumbang kepada pembangunan negara serta dapat menjadikan Malaysia negara yang mencipta inovasi.

■2140

Kebudayaan inovasi di peringkat universiti masih lagi lemah. Kita masih lagi belum menghasilkan bilangan inovator yang mencukupi untuk menyumbang kepada penghasilan produk tempatan yang menembusi pasaran antarabangsa. Universiti sebagai gedung ilmu wajar menggalakkan kreativiti dan inovasi di kalangan mahasiswa dan jalinan kerjasama yang erat dengan inovasi. Pusat Inovasi Universiti perlu menyediakan platform kepada industri yang berminat dengan inovasi pelajar untuk tujuan pengkomersilan. Penghasilan produk ini dari idea dan kreatif pelajar dapat meningkat imej universiti dan negara sebagai hab pendidikan antarabangsa.

Kementerian Pendidikan Tinggi perlu membantu pihak universiti mengembangkan idea-idea yang kreatif untuk tujuan pengkomersilan melalui sokongan menyediakan peruntukan yang berterusan. Majikan dan agensi pekerja seperti *Jobstreet* sentiasa memberi *feedback* yang graduan kita tidak memenuhi sasaran industri. Dalam hal ini, persekitaran alam pekerjaan harus diwujudkan. Saya mencadangkan diwujudkan *simulation center* berteraskan keperluan spesifik industri bagi melahirkan graduan yang industri *fit and ready*. Sistem pendidikan mahupun pendidikan tinggi negara perlu diintegrasikan dengan berkesan di semua peringkat bagi menyediakan modal insan yang berkualiti tinggi dan bertaraf dunia.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Merbok.

Prof. Dr. Ismail bin Daut [Merbok]: Dengan itu, modal insan merupakan aset utama negara dalam memastikan kesinambungan pembangunan dan kepimpinan. Saya mempunyai keyakinan tinggi sesungguhnya negara akan mencapai aspirasi negara maju memandangkan tinggi menjelang 2020 dan ianya hanya boleh direalisasikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Merbok. *Welcome back* dan terima kasih di atas kesungguhan dan semangat yang ada. Sila Yang Berhormat Bukit Bendera. 5 minit.

9.43 mlm.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya, saya menyediakan ucapan 10 minit tapi saya akan ringkaskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Sebagai pembahas terakhir mungkin kalau boleh 7-8 minit ya. Tuan Pengerusi, saya merujuk Butiran 010100 – Pengurusan Ibu Pejabat. PTPTN yang kita semua tahu di perkenalkan dari tahun 1997 bagi menyokong permintaan mendadak untuk pengajian tinggi, khususnya bagi sektor IPTS. Dengan ketersediaan pinjaman PTPTN ini, maka pendaftaran universiti pun telah berganda daripada dulu lebih kurang 60 ribu pada tahun 1990. Pada hari ini sudah ratus-ratus ribu tiap-tiap tahun. Namun, PTPTN mempunyai ataupun di belenggu dua masalah besar iaitu kadar bayaran balik yang rendah serta percambahan IPTS yang tidak berkualiti dan gagal memberi penuntutnya pendidikan dan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja.

Tuan Pengerusi, berdasarkan jawapan Parlimen yang saya terima tempoh hari, sehingga 30 September 2015, jumlah keseluruhan bayaran balik PTPTN yang diterima adalah sebanyak RM6.71 bilion, berbanding bayaran balik sebenarnya yang diperlukan adalah RM14.65 bilion. Daripada 1,700,000 lebih peminjam, hanya 1,100,000 lebih yang telah membuat bayaran balik. Ini bermaksud bahawa seramai 600 ribu peminjam gagal membuat bayaran balik, lantas mengakibatkan tunggakan berjumlah RM4.97 bilion. Masalah kadar pembayaran balik pinjaman PTPTN yang rendah ini sebenarnya tidak menghairankan. Ini disebabkan beberapa faktor.

Pertamanya, kita tidak menafikan bahawa terdapat sikap mengambil ringan pinjaman daripada kerajaan. Saya yakin jika orang mengambil pinjaman daripada bank, mereka tidak akan menzahirkan sikap yang sama. Kedua, sememangnya terdapat ramai graduan yang tidak mampu membayar balik. Hakikatnya, iklim ekonomi negara kita pun tidak pernah kembali kepada zaman pra 1997. Kini Malaysia berhadapan dengan masalah pengangguran, guna tenaga tidak penuh, *under employment* yang juga agak menggusarkan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bagan Serai, kita mempunyai masalah di dalam kalangan siswazah.

Saya tahu kementerian sudah pun mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan prestasi bayaran balik PTPTN. Namun, saya ingin mencadangkan di sini beberapa lagi pembaharuan yang dapat bukan saja meningkatkan kadar pembayaran balik tapi juga meringankan beban peminjam dan memperbaiki kualiti pendidikan di IPT. Tuan Pengerusi, ketika ini PTPTN menggunakan kaedah pinjaman perumahan, *mortgage type loan* di mana kadar faedah, tempoh pembayaran dan juga kadar bayaran bulanan adalah tetap. Skim ini menjadi beban yang besar kepada graduan. Misalnya, jika seseorang graduan itu bergaji RM2 ribu sebulan, kadar bayaran bulanan sebanyak RM200 sebulan pun misalnya, sudah mencecah 10% daripada pendapatan beliau dan ini tidak mengambil kira komitmen lain, KWSP, sewa, hutang kenderaan, bil telefon dan sebagainya. Saya percaya ini adalah antara punca utama mengapa kadar pembayaran balik PTPTN adalah begitu rendah. Dalam erti kata lain kegagalan bayaran balik yang berleluasa dalam kalangan graduan bukan semata-mata berpunca daripada sikap culas mereka tapi daripada hakikat bahawa mereka tidak mampu untuk membayarnya. Maka, saya ingin mencadangkan kepada kementerian untuk mempertimbangkan kaedah pembayaran balik berdasarkan pendapatan, *income contingent repayment*, di mana kadar bayaran balik bergantung kepada pendapatan peminjam. Ini bermaksud lagi tinggi gaji seseorang, maka lagi banyak kadar bayarannya dan kalau lagi rendah, maka bayaran pun rendah. Apabila gaji naik, maka ia akan meningkat selari dengan gaji.

Selain meringankan beban pembayaran balik, pendekatan ini juga akan mengurangkan tempoh bayaran balik sejajar dengan peningkatan pendapatan. Sistem ini adalah jauh lebih progresif kerana setiap graduan memulakan kerjaya dengan bidang, jawatan dan tangga gaji yang berbeza. Pada masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan agar garis pendapatan minima bagi bayaran balik di perkenalkan. Sebagai contoh di Australia, hanya graduan yang telah mencapai pendapatan AUD54,126 setahun diwajibkan untuk memulakan bayaran balik pinjaman pendidikan. Ini adalah untuk mengelak daripada beban kewangan yang terlalu besar bagi graduan yang bergaji kecil. Di Malaysia mungkin garis pendapatan minima ini boleh ditetapkan pada kadar RM3,500 sebulan ataupun RM42 ribu setahun. Ini sekadar cadangan. Mungkin dapat diperhalusi selepas kita buat kajian. Akhir sekali, PTPTN juga harus dihubungkan dengan sistem KWSP ataupun LHDN agar kadar bayaran balik boleh diselaraskan dengan gaji dan pada yang sama, pemotongan daripada sumber juga boleh dilaksanakan. Tuan Pengerusi, oleh kerana PTPTN mempunyai syarat pinjaman yang boleh dikatakan longgar untuk pemohon, maka tidak mengejutkan apabila golongan kapitalis mengambil kesempatan ke atas hakikat ini.

Justeru, kita telah melihat percambahan IPTS yang memang bukan dari segi kualiti dan ditubuhkan semata-mata untuk mengutip wang PTPN yang senang diperolehi. Tidak hairanlah apabila kita melihat banyak IPTS berlumba-lumba untuk mendapatkan pelajar dengan syarat kemasukan yang sangat minimum. Lulus SPM dengan 1 kredit atau kelayakan yang setaraf dengannya untuk kursus sijil dan lulus SPM dengan 3 kredit untuk kursus diploma, sangat rendah. Hal ini bukan saja melahirkan graduan yang tidak berdaya saing tapi juga melebihi kehendak pasaran. Menurut Laporan Bank Dunia, wujud kesenjangan antara pembekalan dan

permintaan, *supply and demand* dalam pasaran kerja untuk graduan di mana terdapat lebih graduan berbanding pekerjaan sedia ada yang sesuai dengan kelulusan mereka. Ketidakpadanan pembekalan dan permintaan ini menyumbang kepada pengangguran dan guna tenaga tidak penuh di negara kita. Menurut perangkaan kementerian sendiri, 27% graduan IPTS dan 24% graduan IPTA tidak berjaya mendapat kerja 6 bulan selepas tamat pengajian.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera]: Ya, sikit lagi. Berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, lebih kurang 83.8% anak muda dalam lingkungan usia 20 hingga 24 tahun sedang menganggur. Maka, bagi mengatasi masalah kelemahan kualiti pengajian tinggi, khususnya dalam kalangan IPTS dan juga untuk menangani kadar pembayaran balik yang rendah, saya mencadangkan agar beban kewangan dialihkan daripada kerajaan kepada pihak swasta.

■2150

Tuan Pengerusi, PTPTN kini bergantung pada dana awam dan kegagalan untuk mengutip balik pinjaman sudah tentu akan membebankan kerajaan. Oleh itu saya cadangkan pinjaman pendidikan ini diambil alih oleh sektor swasta seperti bank ataupun institusi kewangan. Namun ini tidak bermakna kerajaan boleh cuci tangan dalam hal ini.

Pertamanya saya mengesyorkan sistem baucar sisi-permintaan (*demand-side voucher system*) di mana setiap graduan SPM akan menerima subsidi daripada kerajaan dalam bentuk baucar bagi memastikan subsidi ini akan memanfaatkan golongan yang kurang berpendapatan serta memberi ganjaran untuk prestasi yang baik. Maka formula baucar ini boleh dikaitkan dengan pendapatan isi rumah serta prestasi peperiksaan pelajar tersebut.

Saya bagi contoh, seseorang graduan SPM yang berasal daripada isi rumah berpendapatan rendah dan telah mencapai keputusan cemerlang umpamanya boleh diberi baucar yang bernilai RM20,000 sebagai contoh. Manakala pelajar dari isi rumah yang lebih berada dan mungkin mendapat keputusan yang tidak terlalu hebat, mungkin beliau akan dapat baucar bernilai RM10,000. Baucar ini boleh digunakan untuk memasuki mana-mana sahaja IPT yang diinginkan dan akan bertindak sebagai subsidi yang ditanggung oleh kerajaan. Sudah tentu baucar ini tidak akan menampung seluruh kos pengajian di sini di mana pinjaman pendidikan daripada pihak swasta yang saya nyatakan tadi boleh berfungsi sebagai pelengkap kepada sistem baucar.

Kedua, pinjaman pendidikan ini walaupun daripada pihak swasta harus dijamin oleh Kerajaan Persekutuan agar kadar faedah pinjaman yang berdaya saing dapat diperolehi dan pada masa yang sama juga menjadikan pinjaman ini sebagai aset bernilai tinggi yang memungkinkan peluang pelaburan dalam bentuk *asset securitization* pada masa depan. Pendekatan ini dilaksanakan bersama dengan kaedah pembayaran balik berdasarkan pendapatan, *income contingent repayment* dan juga garis minimum pendapatan yang saya cadangkan tadi akan memastikan kelestarian jangka panjang pinjaman pendidikan. Ini kerana

pengalaman sektor pinjaman pihak swasta menunjukkan bahawa kadar pembayaran balik adalah lebih tinggi kerana ramai yang khuatir apabila mengambil pinjaman daripada bank dan juga pihak swasta, natijahnya adalah lebih mengkusarkan.

Lebih penting lagi dengan peralihan pinjaman pendidikan kepada pihak swasta, kita juga dapat membendung masalah IPTS dan IPTA yang tidak berkualiti. Ini kerana akan ada *market correction* ataupun pembedulan pasaran. Sebagai contoh sudah tentu pihak bank tidak akan memberikan pinjaman kepada pelajar yang ingin belajar dalam institusi yang meragukan dari segi kualiti kerana kebarangkalian graduan itu untuk mendapat kerja yang baik dan seterusnya membayar balik pinjaman adalah rendah. Dalam erti kata lain, ini akan secara semula jadi memaksa IPT untuk meningkatkan daya saingan mereka dan juga mengurangkan jumlah institusi yang tidak berkualiti.

Saya harap Tuan Pengerusi, cadangan-cadangan pembaharuan ini dapat diberi pertimbangan oleh kementerian agar kita dapat sama-sama memantapkan lagi sektor pendidikan tinggi dengan cara yang dapat menjamin kelestarian pinjaman pendidikan, tidak membebankan peminjam dan pada masa yang sama juga memastikan kualiti pendidikan yang ditawarkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

9.53 mlm.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Tuan Pengerusi, pada kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2016 peringkat Jawatankuasa ini. Keprihatinan Ahli Yang Berhormat dalam memberi pandangan, saranan malah teguran yang membina demi penambahbaikan berterusan sektor pendidikan tinggi amat saya hargai. Fokus penggulungan saya akan menjurus kepada penjelasan bagi isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada perbahasan ini. Bagi isu-isu yang melibatkan dasar, ia telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam penggulungan peringkat dasar pada 4 November yang lalu. Oleh yang demikian, saya tidak akan mengulas dengan lanjut berkaitan isu dasar.

Yang Berhormat Parit Sulong, bagaimana pihak KPT pastikan pelajar dapat akses maklumat terkini seperti *Scopus*. Jadi pangkalan data *Scopus* atau *web of sciences* boleh digunakan kerana ini sudah dilanggan sejak Oktober 2015. Kelewatan langganan kerana KPT melanggan secara kolektif yang lebih murah sejak tahun 2015. Sebelum ini setiap universiti awam (UA) melanggan secara sendiri dan kos menjadi berganda.

Yang Berhormat Parit Sulong juga ada tanya tentang status terkini *MyBrain* dan bilangan pelajar yang dapat manfaat. Yang Berhormat, semenjak diperkenalkan pada tahun 2011 hingga 30 September 2015, seramai 50,772 orang pelajar berjaya mendapat penawaran tajaan di bawah

MyBrain. Program *MyBrain* akan diteruskan bagi pelajar yang dalam penajaan sehingga tamat tempoh penajaan yang diluluskan.

Soalan yang berikut ada kaitan dengan berapa kos keseluruhan program ini. Memandangkan ini adalah satu soalan yang spesifik, maka jawapan akan diberi dalam bentuk bertulis. Yang Berhormat Parit Sulong juga ada bertanya berkaitan dengan pembinaan kolej.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai bangun.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila, ringkas Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya. Saya hanya nak tanya sama ada *MyBrain* ini tahun depan ada tajaan yang baru, tawaran baru untuk pelajar-pelajar atau pemohon-pemohon yang baru ataupun sudah dihentikan, hanya akan terus untuk mereka yang sudah dapat tawaran ini dan tidak ada permohonan baru yang akan diterima. Saya hanya nak minta pengesahan tentang hal ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Program *MyBrain* seperti yang saya sudah jawab adalah di mana ini akan diteruskan bagi pelajar yang dalam penajaan sehingga tamat tempoh penajaan yang diluluskan.

Yang berkaitan dengan pembinaan kolej komuniti yang ditanya oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Penubuhan sesebuah institusi pendidikan tinggi awam termasuk kolej komuniti perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan. Pada masa ini, kementerian memfokuskan untuk memperkasakan kolej komuniti yang sedia ada.

Yang Berhormat Bayan Baru ada bertanya berkaitan dengan UA. Macam mana universiti awam menampung pemetongan bajet. Jawapan saya adalah di mana Malaysia memerlukan sistem pembiayaan jangka panjang yang boleh menampung dan menambah balik keupayaan negara untuk menyediakan pendidikan berkualiti yang boleh diakses secara saksama dan memenuhi standard antarabangsa. Pengurangan peruntukan tahun 2016 kepada KPT tidak menjadi satu perkara yang mengejutkan kepada kementerian kerana jelas kita tahu bahawa pergantungan universiti awam kepada kerajaan begitu tinggi sekali.

Pada masa ini kebergantungan universiti awam kepada kerajaan di antara 75% hingga 95%. Jika dibandingkan dengan UK dan US yang kebergantungannya hanya di peringkat 30% hingga 40% sahaja. Melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia untuk pendidikan tinggi dalam lonjakan kelima iaitu kemapanan kewangan universiti awam perlu meningkatkan produktiviti, *efficiency* dan penjanaan dana supaya memaksimumkan penggunaan segala aset dan kepakaran universiti untuk menjana pendapatan dalam sehingga 25% menjelang 2025.

Antara cara-cara untuk meningkatkan produktiviti adalah meningkatkan *graduate on time* di mana graduan-graduan kita mendapat ijazah mereka dalam masa tertentu. Kedua, memperkenalkan *Massive Open Online Courses*, dengan izin atau kita panggil sekarang MOOC di mana kita banyak menggunakan pembelajaran *online*. Ketiga, meningkatkan kecekapan menjimatkan penggunaan utiliti dan menjimatkan apa sahaja perkara yang perlu diijimatkan.

Seterusnya ialah untuk meningkatkan dana pendapatan universiti. Kalau kita lihat di universiti kita bahawa *commercialization of idea* perlu ditingkatkan dalam bidang perundingan, dalam bidang penyelidikan dan juga untuk memaksimumkan potensi aset. Yang Berhormat Bayan Baru ada tanya kenapa graduan doktor universiti tempatan tidak boleh berbahasa Inggeris.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk, terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri masuk ke tajuk yang lain saya hendak tanya apakah KPI-KPI yang disediakan, yang ditetapkan oleh kementerian untuk memberi peruntukan kerana kita nampak ada perbezaan antara Universiti Malaya dengan UKM?

Di mana saya rasa prestasi mereka lebih kurang sama walaupun Universiti Malaya lebih bagus seperti Yang Berhormat Sepang tadi kata tetapi peruntukan dipotong 26% tetapi UKM pula ditambah 5%. Ini *confusing*, bagaimana kementerian menetapkan berapa bagi kepada UKM, berapa bagi ditetapkan untuk bagi kepada Universiti Malaya? Berapakah yang *you* tetapkan untuk bagi kepada UITM? Ini adalah nampaknya tidak ada sistem, nampaknya bagi sahaja. Minta penjelasan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tajuk yang sama saya rasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang bangun, Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sebab saya takut nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak jawab nanti sebab saya ada pengalaman banyak Menteri tidak jawab ini. Okey saya hendak tanya, sudah tentu akan berlaku, sudah tentu sudah punya penurunan bajet itu, saya hendak tanya apakah pihak kerajaan akan memastikan pelajar-pelajar yang terima pinjaman atau biasiswa ini, kadar biasiswa atau pinjaman itu mesti dinaikkan selaras dengan kekurangan itu sebab saya takut ada kenaikan yuran yang tinggi nanti untuk tampung bajet yang kurang ini, jadi pelajar akan makin dibebankan. Jadi saya harap pihak kementerian mungkin ada mekanisme-mekanisme untuk menolong para pelajar akibat daripada penurunan bajet ini.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya sambung sedikit, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya sudah tanya tadi, Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya sudah tanya tadi bila 19 universiti daripada 20 universiti mengalami kekurangan pemotongan Bajet untuk 2016, di manakah spesifikasi pemotongan yang telah berlaku? Sepatutnya ada satu bahagian yang telah dipotong sebab *pattern* iaitu 19 daripada 20 buah universiti bermaksud mesti ada satu

kesinambungan di antara semua universiti kita potong satu bahagian. Bagaimana yang telah kita mengurangkan, itu yang perlu dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat yang berkaitan dengan kenapa UKM menerima peruntukan yang lebih banyak daripada UM dan saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat di sini bahawa UKM menerima lebih dan ini adalah tujuan untuk menampung emolumen pada tahun 2015.

Berkaitan dengan formula untuk menetapkan peruntukan untuk universiti masing-masing, Kementerian Pendidikan Tinggi mengadakan satu formula dan sekiranya Yang Berhormat berminat untuk dapat tahu *standard operating procedure* untuk kita mengadakan atau tetapkan peruntukan untuk universiti saya boleh menjemput Yang Berhormat untuk mengadakan satu sesi Yang Berhormat dengan saya di mana kita boleh tunjuk *from A to Z* macam mana kita tetapkan peruntukan untuk universiti. Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Bagus, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih banyak. Saya terima jemputan sekarang.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih, *I look forward to seeing you*. Berkaitan dengan yuran memang sudah diumumkan pada 26 Oktober 2015 dalam sidang media bahawa *there will be no increase in fees for under graduate programme*, dengan izin dan pada 4 November 2015 pengumuman bajet peringkat dasar, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi juga sudah memaklumkan bahawa yuran pengajian *under graduate* tidak akan dinaikkan pada tahun 2016.

Saya akan teruskan, Tuan Pengerusi dan ini ada berkaitan...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan saya tadi.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Maafkan saya, *what is your question?*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tanya kan saya kata tadi 19 daripada 20 buah universiti telah mengalami kekurangan mesti *pattern* ini ada satu kategori yang kita telah kurangkan. So, penerangan untuk dimanakah kategori yang telah dikurangkan?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Saya rasa saya jemput juga Yang Berhormat Kapar untuk turut bersama supaya kita boleh mengadakan satu sesi perbincangan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Sepang jemput tidak, Yang Berhormat Sepang?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *I will accept, definitely I will accept. Thank you so much.*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Jadi saya akan teruskan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Bayan Baru yang berkaitan dengan kelemahan dalam bahasa Inggeris dan bagi memastikan kualiti bahasa Inggeris dalam kalangan *graduate* perubahan adalah berada pada tahap yang baik. Syarat khas kemasukan universiti adalah di mana pelajar mesti memperoleh Band 4 dalam MUET sebelum boleh terima masuk ke dalam

program perubatan. Pelajar berkenaan juga perlu memperoleh sekurang-kurangnya Band 5 dalam MUET sebelum *graduate*.

Selain daripada kelayakan yang wajib, universiti-universiti memang kendalikan program bahasa Inggeris secara formal, secara informal dan aktiviti kokurikulum juga dapat dijalankan dalam bahasa Inggeris seperti drama, *speech competition* dan *English Camp, English Carnival* dan lain-lain. Yang Berhormat Tanah Merah...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: [*Bangun*].

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bayan Baru bangun, Yang Berhormat.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Kalau Menteri kata begitu bagus dengan pelbagai *training, programme* dan sebagainya kenapa ada doktor masih tidak boleh bertutur dalam bahasa Inggeris dan telah *direject* oleh *Malaysian Doctor Board*? Itu adalah persoalan saya, terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, saya rasa satu kajian sebenarnya, sepatutnya dijalankan untuk pastikan bahawa faktor kenapakah pelajar graduan tidak sambung karier mereka sebagai doktor adalah oleh kerana bahasa Inggeris. Barangkali ada faktor yang lain yang kita tidak tahu dan sekiranya kita boleh mengendalikan satu kajian, barangkali kita boleh kesan faktor-faktor yang lain yang mempengaruhi keputusan mereka untuk tinggalkan karier.

Yang Berhormat Tanah Merah ada bertanya tentang Kad Diskaun 1Malaysia dan kad diskaun terlalu sedikit berbanding harga buku, cadangan berunding dengan KPDNKK iaitu mendebitkan baucar RM250 ini dalam kad debit dan KPT perlu ubah suai penggunaan baucar untuk kaedah membeli buku akademik. Jadi Kementerian Pendidikan Tinggi akan melihat kesesuaian dan mengkaji cadangan ini.

■2210

Yang Berhormat Tanah Merah, isu yang dibangkitkan ada kaitan dengan ada IPTS berpakat dengan pelajar untuk mengelak membayar PTPTN dengan memberi kelas pertama dan ini memerlukan penyiasatan. Universiti swasta berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996, Akta 555 dan kesemua peruntukan di bawahnya adalah terpakai. Jika ada kalangan yang menyalahi peraturan maka tindakan tegas boleh dikenakan. Seksyen 54, Akta 555 memperuntukkan alasan-alasan berikut untuk menarik balik lesen atau membatalkan kelulusan penubuhan sesebuah IPTS termasuk bertaraf universiti.

Yang Berhormat Sepang ada bertanya tentang kenaikan yuran. Saya sudah jawab tadi, jadi tidak perlu saya ulas lagi.

Yang Berhormat Sepang ada bertanya juga tentang langkah-langkah Universiti Malaya mengatasi pengurangan bajet seperti yang diumumkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi. Pihak pengurusan Universiti Malaya memberi jaminan bahawa tidak akan ada peningkatan yuran bagi ijazah pertama dan oleh kerana kementerian tidak mahu membebankan ibu bapa dan pelajar. Langkah yang diambil oleh UM adalah di mana pihak pengurusan UM mempunyai sumber

pendapatan lain melalui anak-anak syarikatnya seperti mewujudkan usaha sama pertama antara institusi awam dan swasta iaitu *International University of Malaya-Wales and University of Malaya Center for Continuing Education and University of Malaya Specialist Centre*. Pada masa ini 30% daripada perbelanjaan mengurus UM dibiayai oleh aktiviti perniagaan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri seperti mana yang saya bahaskan tadi kedudukan UM di ranking *University World Ranking* adalah pencapaian yang saya rasa terbaik di kalangan universiti-universiti awam. Jadi, kenapakah dalam keadaan universiti ini mendapat ranking yang terbaik bajet mereka terlalu banyak dikurangkan.

Sepatutnya *it's a privilege*. Sepatutnya UM ini boleh dapatkan ranking yang baik, kita *support* lagi. Walaupun Yang Berhormat Menteri mengatakan mereka ada terma-terma tertentu, bagi saya mesti ada satu polisi. Universiti-universiti mendapat ranking yang terbaik ini mesti diberikan geran yang lebih baik supaya menjadi satu *competition* universiti lain tetapi kalau kita dapat catatan yang baik tiba-tiba dikurangkan bajet ini macam sesuatu yang nampaknya polisi kita ini dia *reverse* pula. Universiti yang baik dikurangkan pula bajet. Universiti yang boleh dapat keuntungan yang lebih rendah daripada UM dapat pula bajet tambahan. Jadi, ini satu yang saya rasa *there is a policy*. Saya harap polisi ini harus dikaji semula.

Keduanya, saya harap akan datang kita boleh kurangkan apa-apa bajet-bajet lain pun tetapi untuk pendidikan ini kalau boleh kita jangan *compromise* lah. Kalau boleh sama ada kita *maintain*, skor atau tambah lagi untuk pendidikan. Saya rasa ini mesti jadi satu polisi kementerian. Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat. Memang dari segi kualiti penyelidikan dan kualiti pendidikan tidak ada *compromise*. *That is no compromy* dan seperti yang saya sudah beritahu bahawa Universiti Malaya adalah satu contoh yang terbaik di mana *is a best example* dengan izin *as it is it has succeeded in generating 40% of it's operating course through asset commercialization*.

Di sini juga saya hendak berkongsi pandangan visi Universiti Malaya. Dengan izin, *What the Vice Chancellor of Universiti Malaya is saying about budget 2016. This is Professor Dato' Dr. Mohd Amin Jalaludin, "Correctly 40% of UM operating expenditure is being funded by it's business interest. Funding is generated through investment in a few lucrative sectors such as the plantation business industry, UM objective is to become financially self-sustainable and generate 50% of its own fund by 2025."*

Jadi, di sini kita boleh melihat bahawa ada satu implikasi yang begitu jelas bahawa universiti boleh menghadapi cabaran ini dari segi potongan atau kekurangan bajet. Ini juga seperti yang saya katakan tadi bahawa ini adalah berdasarkan lonjakan kelima di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang berkaitan dengan pemapanan kewangan.

Yang Berhormat Bagan Serai ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Tinggi bilangan dan peratus pelajar universiti awam dari universiti swasta yang gagal mendapat pekerjaan selepas enam bulan tamat pengajian.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, sebelum pergi Bagan Serai hendak tanya saya ada juga bangkitkan isu tidak diiktiraf. Sepang tadi tidak mengiktiraf kursus undang-undang di USIM. Saya harap Yang Berhormat Menteri jawab ya benda itu.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: USIM?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ya. Kursus undang-undang dan syariah tidak diiktiraf untuk jadi peguam. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jawab.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Okey. Saya akan jawab Yang Berhormat Bagan Serai dahulu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Okey.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: *Then I will answer you.* Okey. Jadi, memandangkan sebahagian soalan ini adalah spesifik jadi saya akan menjawab secara bertulis tetapi yang berkaitan dengan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan keboleh pasaran khususnya graduan dari universiti awam saya boleh menjawab di sini bahawa memang kita mengadakan program intervensi iaitu Graduate Employability Programme.

Selain dari itu, Kementerian Pendidikan Tinggi sudah memperkenalkan iCGPA dan selain daripada ini juga ada memperkenalkan *works base learning* dengan dua campur satu atau dua campur dua supaya pelajar mendapat pengalaman dalam *the work place* dan ini akan memudahkan mereka diterima untuk bekerja selepas *industrial training* atau *the work place training in the industry*.

Saya akan jawab soalan Yang Berhormat yang berkaitan dengan USIM dan UNISZA. Ini ada perkaitan dengan pengiktirafan Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang di USIM. Dalam usaha membantu universiti ini mendapat pengiktirafan penuh kementerian ini telah memohon Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) untuk mempercepatkan proses penilaian bagi mengiktiraf penuh bagi memastikan graduan bagi program ini boleh diperakui sebagai peguam di bawah Akta 166.

Perbincangan di peringkat negeri di antara Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri selaku Menteri yang bertanggungjawab di dalam hal ehwal undang-undang untuk membincangkan isu berkaitan pengiktirafan penuh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang di universiti awam turut diadakan.

Menurut laporan daripada LPKU, buat masa ini graduan bagi program ini di USIM belum boleh dikecualikan dari keperluan menduduki dan lulus peperiksaan Sijil Amalan Guaman bagi maksud menjadi orang berkelayakan di bawah Akta 166.

■2220

Namun begitu lawatan pengiktirafan penuh akan diadakan pada bulan Disember 2016 oleh LKPU untuk menilai program yang ditawarkan USIM.

Yang berkaitan dengan UNISZA, program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang UNISZA telah mendapat pengiktirafan penuh daripada Lembaga Kelayakan Profesion Undang-undang (LKPU) dan susulan itu, graduan UNISZA yang akan menamatkan pengajian mulai tahun 2016 tidak lagi perlu menduduki dan lulus Peperiksaan Sijil Amalan Guaman. Graduan UNISZA adalah dibenarkan menjalani *privilege* atau latihan dalam kamar selaras dengan Akta Profesion Undang-undang 1976.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, dua isu berdasarkan jawapan Yang Berhormat Menteri itu, pertamanya, saya ingin tanya kenapakah di peringkat awal lagi apabila kursus itu ditawarkan, isu pengiktirafan tidak diselesaikan. Sebab saya kata begini, sebab masa saya bagi contoh Universiti UIA sebagai contoh juga menawarkan jurusan undang-undang dan syariah tetapi *graduatenya first batch* telah dapat pengiktirafan, tidak ada masalah dari segi untuk buat *chambering* dan sebagainya sedangkan universiti ini sudah tahu, sudah beberapa *batch* dah tetapi mereka-mereka yang keluar dari jurusan ini tidak dapat jadi peguam dan sebagainya.

Jadi saya harap, bagi saya ini isu polisi Yang Berhormat Menteri, mesti ada satu polisi supaya memastikan universiti-universiti hendak menawarkan kursus-kursus yang boleh melahirkan profesional ini. mestilah memastikan isu pengiktirafan ini diselesaikan. Jangan kita tawarkan, kita biarkan pelajar dengan harapan hendak jadi seorang peguam tetapi tak dapat.

Beberapa Ahli: Soalan, soalan. [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Diamlah!

Seorang Ahli: Fahamlah.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Itu pertama, yang keduanya Yang Berhormat Menteri, yang keduanya saya hendak tanya juga, bagaimanakah kedudukan pelajar-pelajar yang sebelum ini kalau mereka sekarang kata Yang Berhormat Menteri, tahun 2016 ni tengah lagi hendak berunding. Macam mana pelajar-pelajar UNISZA dulu yang baru, yang sebelum ini *graduate* macam mana? Adakah mereka ini boleh dibenarkan untuk dipakai secara *retrospective* pengiktirafan itu. Ini yang duduk di belakang itu diam-diam ya, jangan sibuk. [*Disampuk*]

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat, ini adalah penggulangan dan bukan satu dialog. Jadi saya tak akan berhasrat untuk respons. [*Dewan riuh*]

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri bukan Speaker Yang Berhormat menteri. Yang Berhormat Menteri, Speaker tak cakap, Yang Berhormat Menteri cakap. Tukarlah jadi speaker. [*Tepuk*]

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Yang Berhormat Bagan Serai. Saya akan teruskan, ada tanya tentang kemahiran insaniah penting jika ada kemahiran..

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak boleh jawab...

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Insaniah yang tinggi, senang dapat kerja dan apakah tindakan kementerian untuk tingkatkan kemahiran insaniah menyeru. Jadi purata nilai gred keseluruhan bersepadu atau *Integrated Cumulative Grade Point Average* (ICGPA)

adalah sesuatu nilai yang diperlihatkan pencapaian pelajar dalam menguasai hasil pembelajaran program bagi setiap semester sepanjang tempoh pengajian. Ini merupakan salah satu inisiatif di bawah lonjakan satu yang berkaitan dengan melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan dan seimbang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 hingga 2025 untuk pendidikan tinggi.

Prestasi setiap pelajar akan dinilai dengan menggunakan kaedah *spider web*. ICGPA tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir sebagaimana amalan sekarang tetapi cuba dapat mentaksir *attribute* utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar, etika dan kerohanian. Kemahiran kepimpinan jati diri kebangsaan dan penguasaan bahasa. Melalui ICGPA, pelajar bukan sahaja dinilai dalam bidang akademik, namun turut diukur dari segi kemahiran insaniah berpengetahuan nilai-nilai murni berkepimpinan dan kebolehan berfikir secara kritis. Matlamat adalah untuk menganjak minda pelajar daripada sebagai pencari pekerjaan, *job seeker* dengan izin kepada penjana pekerjaan, *job creator* dengan izin untuk masyarakat dan negara.

Dalam erti kata lain, pada masa hadapan lepasan dari institusi pendidikan tinggi tidak lagi bergantung pada pekerjaan di sektor kerajaan tetapi berupaya mencipta pekerjaan untuk orang lain. Oleh itu, kualiti pelajar dapat dikenal pasti lebih awal supaya program bimbingan dapat ditawarkan dalam usaha menambah baik keupayaan graduan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan. Pihak industri atau majikan juga dapat mengenal pasti keupayaan dan kesesuaian graduan dengan bidang pekerjaan yang dipohon melalui ICGPA.

Yang Berhormat Bagan Serai, sejauh mana UA berperanan sebagai pencetus pembangunan negara? Universiti melahirkan graduan untuk pembangunan negara kita dan kebanyakan graduan sudah menjadi pemimpin korporat, pemimpin negara dalaman dan antarabangsa dan ini ada berkaitan dengan lonjakan yang kedua di Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang berkaitan dengan kecemerlangan bakat di mana kita melahirkan pensyarah dan sekiranya mereka tidak mahu menjadi pensyarah sepanjang perkhidmatan mereka, mereka boleh memainkan peranan sebagai penyelidik dan walaupun hendak dapat pengalaman yang lain dalam bidang kepimpinan mereka juga memilih untuk menjadi pemimpin dan *track* yang keempat ada berkaitan dengan menjadi profesional.

Okey, Yang Berhormat Stampin. Ini ada berkaitan dengan *graduate* dari UEC IPTS, adakah diterima ke UA. Isu ini tidak ada berkaitan dengan bajet, dan di sini kepada Yang Berhormat Stampin, *you can shout until the cows come home. But the Ministry of Education stand* pendirian yang berkaitan dengan UEC adalah konsisten terpaut sepanjang...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: So kerajaan mahu mengelakkan isu ini? Kerajaan telah mengelakkan isu ini selama 40 tahun. *How can this kind of matter... [Dewan riuh]*

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua..

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Tuan Yang di-Pertua yang boleh putus, saya berpendapat bahawa kerajaan mengelakkan isu ini selama 40 tahun.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat Seputeh.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *Cowgirl Minister. [Dewan riuh]*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat, hendak minta penjelasan Yang Berhormat?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Pengerusi, saya akan teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Minta penjelasan Yang Berhormat? Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat, minta penjelasan.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: .. akan menyelesaikan UiTM mempunyai tanah seluas..

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak minta penjelasan, buat secara tertib Yang Berhormat ya.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Tuan Pengerusi, saya akan teruskan. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Lipis memohon tanah dikembalikan jika tidak ada tindakan. UiTM mempunyai tanah seluas 898.5 ekar di Lipis Pahang yang telah didaftar atas nama UiTM sendiri. Pada masa ini, UiTM sedang membuat perancangan untuk dijadikan pusat penyelidikan berteraskan perladangan.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Mahu, buli, buli sama perempuan buat apa? Eh, apa buli? Buli sama kamilah, apa lu? Buli sama perempuan, *cheh!* Tak ada *class* lah *lu* orang? *[Dewan riuh]* Tak ada *class* punyalah, buli sama perempuan. Buli sama Balinglah.

Seorang Ahli: *Let's go homelah, wasting timelah.*

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Ya, memang Yang Berhormat.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Balingkah, *punch card*, baru balik..

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Soalan yang berkaitan dengan Pusat Inovasi Universiti.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Ya, ya, okey. Tuan Pengerusi, memandangkan...

■2230

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentarlah Yang Berhormat.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Baling, tolong buat...

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Memandangkan Yang Berhormat-Yang Berhormat semua tidak mahu mendengar jawapan saya secara lisan. Maka, saya akan jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih. *[Dewan riuh]*

Seorang ahli: Jawab bertulislah, *wasting time.*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, jawapan dibuat secara bertulis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM11,767,147,000 untuk Maksud B.64 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM11,767,147,000 untuk Maksud B.64 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,611,170,000 untuk Maksud P.64 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,611,170,000 untuk Maksud P.64 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

Fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

[Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Bacaan Kali Yang Ketiga

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2016 telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan]

USUL

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul itu. Seterusnya, saya mencadangkan supaya Usul yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Usul seperti mana yang dibacakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan, hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari lima puluh dua bilion ringgit (RM52,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2016, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2016, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 42 Tahun 2015, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi, hari Rabu, 2 Disember 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.36 malam]